

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)



**INKUIRI AWAM
KE ATAS PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA
SEMASA DAN SELEPAS INSIDEN
PADA 17 JANUARI 2025 DI PENJARA TAIPING**

KEPUTUSAN AKHIR

PANEL INKUIRI AWAM:

DATO' SERI MOHD HISHAMUDDIN YUNUS
(PENGERUSI)

DATUK MARIATI ROBERT

DR. FARAH NINI DUSUKI

25 MEI 2026
KUALA LUMPUR

ISI KANDUNGAN

RINGKASAN EKSEKUTIF	1
BAB 1	PENGENALAN
	Memorandum Aduan Kepada SUHAKAM 27
	Siasatan Awal 28
	Kekangan Semasa Siasatan Awal 29
	Keputusan Mengadakan Inkuiri Awam 30
	Terma Rujukan Inkuiri Awam 32
	Pemerhati Inkuiri Awam 32
	Perjalanan Prosiding Inkuiri Awam 33
	Rakaman CCTV di Penjara Taiping 35
	Lawatan ke Penjara Taiping 37
BAB 2	INKUIRI AWAM
	Mengenai Inkuiri Awam 38
	Kuasa SUHAKAM bagi Inkuiri Awam 39
	Tahap Pembuktian Inkuiri Awam 41
	Kebolehterimaan Keterangan 42
BAB 3	RINGKASAN FAKTA
	A. Sejarah Penjara Taiping 44
	B. Pemindahan TMT dari PKBG ke Penjara Taiping pada 16 Januari 2025 45
	C. Insiden di Dataran Kedamaian pada 16 Januari 2025 46
	D. Penempatan TMT di Dewan B 49
	E. Insiden pada 17 Januari 2025
	Arahan Pemindahan ke Blok E dan Rundingan Bersama TMT 51
	Operasi Pemindahan TMT ke Blok E 53

F. Kematian Gan Chin Eng	
Latar Belakang	65
Kronologi Keadaan Gan Chin Eng pada 17 Januari 2025	66
Rawatan Kecemasan di Hospital Taiping	82
Laporan Awal Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	83
G. Fakta Selepas Insiden	
Pengasingan dan Layanan Terhadap TMT	84
Kecederaan dan Rawatan Kepada TMT	86
Pelaksanaan Ujian Air Kencing	88
Perjumpaan Pengarah dengan TMT	89
Siasatan Dalaman Jabatan Penjara Malaysia	89
H. Siasatan PDRM	91
BAB 4	PENDIRIAN PIHAK PEMERHATI
Pendirian Peguam Yang Mewakili Keluarga TMT	96
Pendirian Majlis Peguam Malaysia	100
Pendirian Jabatan Penjara Malaysia	105
BAB 5	UNDANG-UNDANG TERPAKAI
	110
BAB 6	PENEMUAN PANEL INKUIRI AWAM
Pelanggaran Hak Asasi Manusia (Semasa Insiden)	133
Kekerasan Terhadap TMT	133
Penyalahgunaan Senjata dan Alatan Keselamatan	138
A. Punca Pencetus (<i>Immediate Causes</i>)	142
B. Punca Utama (<i>Underlying Causes</i>)	157
C. Punca Sampingan (<i>Contributing Causes</i>)	167
Pelanggaran Hak Asasi Manusia (Selepas Insiden)	173
A. Kecuaian Dalam Memberikan Rawatan Perubatan	173
B. Penipuan Dalam Dokumentasi Rekod Perubatan	181
C. Sekatan kepada Kebersihan Diri dan Keperluan Asas	186
D. Konflik Kepentingan Dalam Pelaksanaan Ujian Air Kencing	188
E. Laporan Polis Palsu	189

F. Penghapusan Bukti	194
G. Kelemahan Siasatan Dalaman Jabatan Penjara Malaysia	197
H. Siasatan PDRM yang Tidak Menyeluruh	200
I. Kelemahan Dalam Tindakan Jabatan Peguam Negara dan Pertuduhan di Mahkamah	203
J. Keterangan Palsu Kepada SUHAKAM	207
Pelanggaran Hak Asasi Manusia (Kematian Gan Chin Eng)	213
A. Kekerasan Terhadap Gan	213
B. Kelewatan Dalam Memberikan Rawatan	215
C. Kecuaian Dalam Memberikan Rawatan	218
D. Kekurangan Kemudahan Rawatan Kecemasan	219

BAB 7 SYOR PANEL INKUIRI AWAM

A. Mempertingkatkan Proses Siasatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM)	221
B. Tindakan Undang-Undang terhadap Anggota Penjara Taiping yang Melakukan Kekerasan	221
C. Penambahbaikan Proses Pendakwaan dan Penelitian Kertas Siasatan oleh Jabatan Peguam Negara	222
D. Tindakan Tatatertib Terhadap Pengurusan dan Anggota Penjara Taiping	223
E. Menangani Masalah Kesesakan Penjara	224
F. Penambahbaikan Infrastruktur Penjara Taiping	225
G. Penambahbaikan Pengurusan Penjara Taiping	226
H. Pengukuhan Tadbir Urus Jabatan Penjara Malaysia	226
I. Layanan dan Hak Asasi Tahanan	227
J. Penjagaan Kesihatan di Institusi Penjara	228
K. Perwartaan Penjara Taiping sebagai Bangunan Warisan	229
L. Meratifikasi UNCAT dan Penggubalan Undang-Undang Anti Penyeksaan	230
M. Memperkasakan Peranan SUHAKAM	230

PENGHARGAAN	231
--------------------	------------

LAMPIRAN

Lampiran I	Senarai Saksi	232
Lampiran II	Senarai Ekshibit	237
Lampiran III	Hujahan Bertulis Pihak Pemerhati	-
Lampiran IV	Nota Prosiding	-

(Lampiran III dan IV akan tersedia di www.suhakam.org.my)

RINGKASAN EKSEKUTIF

1. Ini adalah laporan Inkuiri Awam ke atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak yang dijalankan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (“**SUHAKAM**”).

Pengenalan Inkuiri Awam

2. Inkuiri Awam ini adalah merupakan siasatan berhubung aduan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia terhadap sekumpulan Tahanan Mahkamah Tinggi (“**TMT**”), termasuk kematian seorang TMT iaitu Gan Chin Eng (“**Gan**”) di Penjara Taiping, Perak pada 17 Januari 2025.
3. Sehubungan itu, Inkuiri Awam dijalankan bagi menentusahkan fakta, menilai sama ada pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku terhadap tahanan, serta mengemukakan syor penambahbaikan bagi memastikan insiden yang sama tidak berulang pada masa hadapan.

Keputusan mengadakan Inkuiri Awam

4. Berdasarkan Kenyataan Media SUHAKAM Bil. 22-2025 bertarikh 23 Mei 2025, SUHAKAM telah mengumumkan keputusan untuk mengadakan Inkuiri Awam bagi menyiasat insiden ini secara menyeluruh.
5. Panel Inkuiri Awam ini terdiri daripada Dato’ Seri Mohd Hishamudin Yunus (Pengerusi Panel), Datuk Mariati Robert dan Dr. Farah Nini Dusuki.

Pelaksanaan Inkuiri Awam

6. Prosiding Inkuiri Awam telah dijalankan seperti berikut:
 - (a) Berlangsung selama 29 sesi, bermula pada 9 Jun 2025 dan berakhir dengan hujahan lisan pada 15 Disember 2025.
 - (b) Seramai 50 orang saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan.
 - (c) Sebanyak 127 ekshibit telah dikemukakan kepada Panel Inkuiri Awam.

Terma Rujukan Inkuiri Awam

7. Panel Inkuiri Awam telah memutuskan Terma Rujukan Inkuiri Awam seperti berikut:
 - (a) Menentusahkan sama ada berlaku pelanggaran hak asasi manusia ke atas mana-mana individu semasa dan selepas insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak.
 - (b) Jika pelanggaran hak asasi manusia berlaku, untuk mengenal pasti-
 - (i) bagaimana pelanggaran tersebut berlaku;
 - (ii) apakah punca yang membawa kepada pelanggaran berkenaan;
 - (iii) siapakah yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran sedemikian.
 - (c) Memberikan syor yang berkaitan dengan isu-isu yang dikenalpasti agar pelanggaran tersebut tidak berulang.

Kuasa SUHAKAM bagi menjalankan Inkuiri Awam

8. Inkuiri Awam dijalankan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 4(1)(d), 12 dan 14 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) yang memberikan kuasa kepada SUHAKAM untuk mengendalikan Inkuiri Awam, termasuk mendapatkan keterangan, memanggil dan mengambil keterangan saksi, serta menguruskan prosiding berkaitan.

Ringkasan Fakta

9. Penjara Taiping telah dibina pada tahun 1879 dan terletak di bandar Taiping, Perak. Pada tahun 2012, Penjara Taiping diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Pada masa ini, Penjara Taiping boleh menempatkan seramai 1,500 orang banduan.
10. Penjara Taiping merupakan penjara lama yang masih menggunakan sistem tong (*bucket system*) sebagai kemudahan tandas. Oleh itu, banduan terpaksa berkongsi tong di dalam sel untuk membuang air pada waktu malam. Tong tersebut kemudiannya akan dikosongkan pada keesokan pagi dengan membuang najis ke dalam tangki septik yang terletak di luar blok tahanan dan dibasuh oleh tahanan.

Pemindahan TMT ke Penjara Taiping

11. Pada 16 Januari 2025, seramai 104 TMT telah dipindahkan dari Pusat Koreksional Batu Gajah (“**PKBG**”) ke Penjara Taiping kerana masalah kesesakan di PKBG.
12. Situasi tegang di Penjara Taiping bermula sejak kemasukan TMT pada 16 Januari 2025 apabila pengurusan Penjara Taiping tidak membenarkan kemasukan beberapa barangan dan pakaian yang sebelum ini dibenarkan di PKBG, tetapi ianya dilarang di Penjara Taiping atas sebab keselamatan. Situasi ini menyebabkan berlaku pertikaian mulut di antara TMT dan seorang anggota UKP.
13. Kumpulan TMT tersebut telah ditempatkan secara sementara di Dewan B yang bukan merupakan blok penempatan bagi tujuan pemeriksaan keselamatan lanjut kerana TMT disyaki menyeludup artikel larangan, sebelum mereka dipindahkan ke Blok E.
14. Pada 17 Januari 2025, pihak pengurusan Penjara Taiping telah memulakan usaha untuk memindahkan TMT dari Dewan B ke Blok E. Namun, TMT telah sepakat enggan berpindah ke Blok E dan memohon supaya ditempatkan di Blok Reman atau terus ditempatkan di Dewan B. Sebanyak 4 rundingan telah diadakan bersama TMT tetapi kesemuanya gagal mencapai penyelesaian.
15. TMT enggan berpindah ke Blok E kerana penggunaan *bucket system*, keadaan blok yang tidak selamat, sel yang kotor, kemudahan mandi dan riadah yang terhad serta masalah limpahan air ke dalam blok sekiranya hujan lebat.

Operasi pemindahan TMT ke Blok E

16. Pengarah Penjara Taiping telah membuat keputusan untuk meneruskan proses pemindahan TMT pada hari yang sama. Dia telah mengarahkan Timbalan Pengarah Penjara Taiping untuk mengetuai operasi pemindahan tersebut. Oleh itu, lebih daripada 60 orang anggota dari syif pagi dan syif petang diarahkan untuk membantu operasi pemindahan itu.

17. Anggota penjara yang terlibat dalam operasi pemindahan diarahkan membawa peralatan senjata yang diwartakan seperti cota kayu, perisai dan set kelengkapan pelindung badan (sut *body armour*), cota-T serta *pepper spray*.
18. Lebih kurang pada jam 4.00 petang, anggota Penjara Taiping secara beramai-ramai telah masuk ke dalam Dewan B dengan memegang perisai dan cota sambil mengarahkan TMT untuk duduk bersila dalam barisan, kepala menunduk ke bawah dan tangan di atas kepala.
19. Selepas itu, kekecohan mula berlaku apabila beberapa anggota penjara mula menggunakan kekerasan terhadap TMT. Para TMT yang dibawa keluar dari Dewan B ditolak secara kasar dan dipukul beramai-ramai oleh anggota menggunakan cota serta ditendang di bahagian belakang badan. TMT yang telah keluar dari Dewan B masih dipukul menggunakan cota dan ditendang beramai-ramai oleh anggota. Mereka juga disembur dengan *pepper spray* dalam keadaan tangan mereka bergari.
20. Sepanjang proses pemindahan tersebut, tidak kelihatan mana-mana TMT yang menyerang anggota atau bersifat agresif. Manakala, Timbalan Pengarah Penjara Taiping juga menyaksikan kekasaran yang berlaku tanpa memberhentikan tindakan anggota tersebut. TMT yang mengalami kecederaan semasa insiden diperiksa oleh kakitangan perubatan.
21. Selain TMT di Dewan B, beberapa orang tahanan yang berada di dalam Blok B (yang bukan kumpulan TMT dari PKBG) turut dibawa keluar dan dipukul serta ditendang. Perkara ini adalah disebabkan oleh perbalahan mulut antara anggota penjara dengan tahanan tersebut yang telah mengintai kejadian yang berlaku di dalam Dewan B tersebut.

Fakta selepas insiden

Pengasingan TMT

22. Seramai 24 orang TMT ditempatkan di Blok C yang dikenali sebagai blok pengasingan dan selebihnya ditempatkan di Blok E. Mengikut perancangan awal, pihak pengurusan Penjara Taiping bercadang untuk mengambil tindakan tatatertib

ke atas 24 orang TMT ini kerana mereka didakwa telah memulakan rusuhan pada 17 Januari 2025.

Kecederaan dan rawatan TMT

23. Berikut adalah kecederaan yang dialami oleh TMT akibat kekerasan yang dilakukan oleh anggota:
- (a) Bengkak dan lebam di tangan, belakang badan, tulang rusuk;
 - (b) Luka dan koyakan di bahagian kepala;
 - (c) Luka dan koyakan kulit (tersiat) seperti di punggung dan tumit kaki akibat diseret;
 - (d) Patah tulang rusuk dan jari;
 - (e) Rabun mata dan sakit kepala yang kuat akibat disembur *pepper spray*; dan
 - (f) Pecah gendang telinga.

Rawatan kepada TMT

24. Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan telah pergi ke Blok C dan Blok E untuk memeriksa dan memberikan rawatan asas kepada TMT yang mengalami kecederaan serius seperti membersihkan luka serta memberikan kapas luka (*gauze*) pada malam 17 Januari 2025. Walau bagaimanapun, tiada rawatan susulan diberikan terhadap kecederaan yang dialami seperti jahitan walaupun TMT mengalami luka koyakan di kepala.

Layanan terhadap TMT

25. Setelah para TMT ditempatkan di Blok C dan Blok E, beberapa kemudahan dan keperluan asas telah disekat oleh pengurusan Penjara Taiping. Ini termasuklah peralatan kebersihan diri, tilam, selimut, selipar dan koleh air. TMT juga terpaksa memakai pakaian yang sama selama dua minggu walaupun pakaian tersebut berlumuran darah. TMT terpaksa mandi menggunakan air dari kolam kecil yang kotor dan berlumut. Selain itu, lawatan keluarga dan penggunaan wartel juga tidak dibenarkan.

Kematian Gan Chin Eng

26. Mendiang Gan Chin Eng (“**Gan**”) merupakan seorang TMT yang dipindahkan dari PKBG ke Penjara Taiping pada 16 Januari 2025. Gan dilaporkan telah meninggal dunia pada petang 17 Januari 2025, iaitu selepas insiden tersebut berlaku.
27. Sebelum operasi pemindahan, Gan berada dalam keadaan normal dan menjalani rutin harian seperti biasa di Dewan B. Semasa proses pemindahan TMT keluar dari Dewan B, Gan telah ditolak, dipukul dengan cota dan ditendang. Di luar Dewan B, Gan juga telah ditendang di bahagian belakang badan dan diketuk dengan cota. Gan kemudiannya telah digari dengan tangannya di belakang.
28. Selepas itu, Gan dipindahkan ke Blok E. Semasa berada di Blok E, keadaan Gan semakin merosot dan Gan telah dibawa keluar oleh dua orang TMT ke Pintu Besar. Di situ, Pegawai Perubatan telah memeriksa keadaan Gan dan mengarahkan supaya Gan dibawa ke hospital. Gan telah dibawa ke hospital menggunakan van Penjara yang tiada kelengkapan perubatan.
29. Sejurus tiba di Hospital Taiping, Gan diberikan bantuan pernafasan (“**CPR**”) dan selepas lebih kurang 15 hingga 20 minit, Gan diisytiharkan telah meninggal dunia. Berikutan itu, anggota pengiring dari Penjara Taiping telah membuat laporan polis di Balai Polis Taiping.
30. Bedah siasat ke atas mayat Gan telah dijalankan pada 19 Januari 2025 jam 9.30 pagi di Hospital Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak dan mendapati terdapat pelbagai kecederaan di badan Gan. Pakar Perubatan Forensik mengesahkan bahawa kecederaan tersebut adalah berpunca dari hentakan objek tumpul (*blunt force trauma*) dan menyatakan punca kematian adalah seperti berikut:
 - (a) *Abdominal Injury due to blunt trauma*; dan
 - (b) *Coronary Atherosclerosis*.

Siasatan dalaman Jabatan Penjara Malaysia

31. Satu siasatan dalaman telah dijalankan oleh Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Penjara, Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia berhubung insiden tersebut. Walaupun siasatan tersebut mendapati berlakunya pelanggaran SOP,

termasuk Perintah Tetap Ketua Jeneral Penjara (“PTKJP”) oleh beberapa anggota Penjara Taiping, tiada sebarang tindakan tatatertib diambil terhadap mereka bagi mengelakkan berlakunya tindakan berulang (*double jeopardy*) kerana siasatan PDRM masih sedang berjalan.

32. Sebaliknya, Jabatan Penjara Malaysia hanya melaksanakan pertukaran anggota penjara sebagai langkah pentadbiran bagi meredakan keadaan dan memastikan kejadian seumpama ini tidak berulang pada masa hadapan.

Siasatan PDRM

33. Satu kertas siasatan telah dibuka oleh IPD Taiping terhadap laporan polis yang dibuat berhubung kematian Gan di Penjara Taiping, iaitu No. Repot: TAIPING/000489/25 bertarikh 17 Januari 2025. Kes tersebut telah disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.
34. Selain itu, sebanyak 46 laporan polis termasuk laporan yang dibuat oleh ahli keluarga, telah disiasat di bawah satu kertas siasatan yang sama. Kecederaan yang dialami oleh TMT lain disiasat oleh pihak PDRM di bawah seksyen 323, 324 dan 326 Kanun Keseksaan.
35. Pengarah Pendakwaan Negeri Perak mengesahkan bahawa hanya satu kertas siasatan sahaja telah dibuka oleh PDRM. Kertas siasatan berserta syor tersebut telah diangkat kepada Jabatan Peguam Negara untuk penelitian dan arahan selanjutnya.

Pendirian Pihak Pemerhati

36. Pihak-pihak pemerhati dalam Inkuiri Awam telah mengemukakan hujahan dan pendirian masing-masing berdasarkan keterangan saksi, dokumen serta hujahan sepanjang prosiding yang terdiri daripada Peguam Keluarga, Majlis Peguam Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia. Ketiga-ketiga pihak Pemerhati telah menyimpulkan bahawa pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku semasa insiden pada 17 Januari 2025.

Pendirian peguam yang mewakili keluarga TMT

37. Peguam Keluarga berpendirian bahawa insiden di Penjara Taiping disifatkan sebagai penyalahgunaan kuasa dan kegagalan pihak penjara dalam melindungi tahanan serta melanggar peruntukan undang-undang dan piawaian hak asasi manusia.
38. Peguam Keluarga turut membangkitkan beberapa pelanggaran, termasuk kecuaiian dalam pemberian rawatan perubatan kepada TMT dan Gan, kelemahan pengurusan dan pentadbiran penjara, keadaan infrastruktur yang uzur, penempatan TMT di Blok E, serta kegagalan pihak berkuasa menjalankan siasatan dengan segera, termasuk tindakan tatatertib secara telus dan menyeluruh.

Pendirian Majlis Peguam Malaysia

39. Majlis Peguam Malaysia berpendirian bahawa insiden tersebut bukan sekadar salah laku individu, sebaliknya mencerminkan kegagalan institusi dan pentadbiran secara menyeluruh, termasuk kelemahan tadbir urus, infrastruktur penjara yang uzur dan kesesakan tahanan.
40. Majlis Peguam Malaysia menegaskan bahawa kelewatan rawatan perubatan kepada TMT dan Gan, serta keadaan Blok E yang tidak selamat, termasuk penggunaan *bucket system*, adalah bertentangan dengan piawaian hak asasi manusia.
41. Selain itu, kegagalan pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan yang segera, bebas dan menyeluruh turut menjejaskan kebertanggungjawaban institusi serta menafikan keadilan kepada mangsa.
42. Seajar dengan itu, Majlis Peguam Malaysia turut mengemukakan cadangan kepada Panel Inkuiri Awam yang merangkumi penambahbaikan terhadap Jabatan Penjara Malaysia, PDRM serta SUHAKAM.

Pendirian Jabatan Penjara Malaysia

43. Jabatan Penjara Malaysia berpendirian bahawa terdapat penggunaan kekerasan terhadap TMT, kelewatan rawatan perubatan terhadap TMT, penggunaan *bucket system* serta penempatan TMT di blok E yang tidak selamat untuk dihuni.
44. Meskipun pihak Jabatan Penjara Malaysia mengakui bahawa penggunaan kekerasan tersebut melanggar peruntukan undang-undang dan piawaian hak asasi manusia, pihak Jabatan Penjara Malaysia berhujah bahawa insiden berkenaan berpunca daripada provokasi oleh TMT serta kekangan seperti kekurangan anggota penjara, kemudahan yang tidak mencukupi, infrastruktur usang dan kesesakan penjara.
45. Namun begitu, Jabatan Penjara Malaysia menegaskan komitmen untuk menambah baik pengurusan penjara selaras dengan undang-undang dan piawaian hak asasi manusia, setakat yang praktikal berdasarkan kekangan sedia ada.

Penemuan Panel Inkuiri Awam

46. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa berlakunya **pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT** semasa dan selepas insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak.
47. Pelanggaran hak asasi manusia yang dikenal pasti adalah mengikut pecahan seperti berikut:
 - (a) Pelanggaran hak asasi manusia **semasa insiden**;
 - (b) Pelanggaran hak asasi manusia **selepas insiden**; dan
 - (c) Pelanggaran hak asasi manusia berkenaan **kematian Gan Chin Eng**.

Pelanggaran Hak Asasi Manusia (Semasa Insiden)

48. Pelanggaran hak asasi manusia semasa insiden di Penjara Taiping melibatkan penggunaan **kekerasan fizikal terhadap TMT** serta **penyalahgunaan senjata dan alatan keselamatan** oleh anggota penjara.

Kekerasan terhadap TMT

49. Panel Inkuiri awam mendapati bahawa **kekerasan fizikal yang melampau** telah dilakukan oleh anggota penjara terhadap TMT semasa operasi pemindahan dari Dewan B ke Blok E. Kekerasan ini juga turut melibatkan kumpulan tahanan reman yang ditempatkan di dalam Blok B.
50. Antara kekerasan fizikal yang dikenal pasti oleh Panel Inkuiri Awam adalah seperti-
- (a) Memukul secara melampau dengan menggunakan senjata dan peralatan keselamatan yang diwartakan;
 - (b) Menumbuk, memukul serta menendang TMT secara individu atau beramai-ramai;
 - (c) Menolak TMT secara kasar;
 - (d) Memijak badan TMT;
 - (e) Mengheret TMT secara kasar; dan
 - (f) Menyembur *pepper spray* terhadap TMT yang berada dalam keadaan duduk dalam barisan dengan kedua-dua tangan bergari.
51. Pelanggaran hak asasi manusia ini diputuskan berdasarkan bukti-bukti seperti rakaman CCTV, keterangan dan pangakuan yang konsisten oleh saksi TMT dan saksi anggota penjara, kecederaan yang dialami oleh TMT serta dokumen rekod perubatan mereka.
52. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa anggota penjara cuba menjustifikasikan tindakan mereka sebagai “kekerasan minimum” bagi tujuan mengawal keselamatan. Namun, berdasarkan kecederaan yang dialami oleh TMT dan tindak tanduk anggota penjara yang hilang kawalan diri seolah-olah “naik hantu” semasa operasi pemindahan, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa penggunaan kekerasan tersebut adalah melampaui batas, tidak berperikemanusiaan dan tidak boleh diterima.

53. Panel Inkuiri Awam turut berpandangan bahawa alasan provokasi, ugutan serta tekanan emosi yang diberikan oleh anggota penjara tidak boleh dijadikan justifikasi terhadap tindakan kekerasan yang melanggar hak asasi manusia.

Penyalahgunaan senjata dan alatan keselamatan

54. Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa anggota penjara telah **menyalahgunakan senjata dan alatan keselamatan** semasa proses pemindahan TMT ke Blok E, termasuk cota, pepper spray serta sut *body armour* dan perisai. Penggunaan peralatan tersebut didapati tidak mematuhi Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (“PTKJP”) yang menetapkan bahawa ia sepatutnya hanya digunakan sekiranya dalam keadaan terdesak bagi tujuan mengawal keadaan dan memastikan keselamatan.
55. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa cota digunakan secara bertubi-tubi dan rambang sehingga menyebabkan kecederaan serius kepada TMT, manakala *pepper spray* disembur ke arah TMT yang berada dalam keadaan bergari tanpa diberikan rawatan selepas itu. Selain itu, penggunaan sut *body armour* dan perisai didapati lebih bertujuan untuk menimbulkan intimidasi dan melindungi anggota semasa melakukan kekerasan terhadap TMT.
56. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa senjata dan alatan keselamatan tersebut telah digunakan secara sewenang-wenangnya dan tidak bertanggungjawab serta melampaui tujuan sebenar penggunaannya semasa insiden pada 17 Januari 2025.
57. Penemuan Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT adalah disebabkan oleh beberapa punca yang boleh diklasifikasikan seperti berikut:
- (a) Punca pencetus (*immediate causes*);
 - (b) Punca asas (*underlying causes*); dan
 - (c) Punca penyumbang (*contributing causes*).

A. Punca Pencetus (*Immediate Causes*)

58. Panel Inkuiri Awam mengenal pasti bahawa terdapat beberapa faktor yang menjadi punca pencetus sehingga menyebabkan berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT. Punca-punca pencetus yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

A1. Penempatan TMT secara tergesa-gesa di blok yang tidak selamat dan tidak sesuai diduduki.

Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa keputusan pihak pengurusan Penjara Taiping untuk menempatkan TMT di Blok E secara tergesa-gesa tanpa mengambil kira keselamatan dan kebajikan tahanan merupakan punca utama berlakunya pelanggaran hak asasi manusia.

Walaupun pihak pengurusan mengetahui keadaan struktur Blok E yang rosak, tidak selamat dan memerlukan pembaikpulihan menyeluruh, blok tersebut tetap digunakan. Selain isu keselamatan struktur, Blok E turut mempunyai keadaan yang tidak sesuai untuk diduduki seperti penggunaan bucket system, masalah banjir dan kebersihan, kehadiran haiwan perosak serta kegagalan mematuhi piawaian keselamatan dan kebakaran. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa keengganan TMT untuk ditempatkan di Blok E adalah reaksi yang munasabah kerana blok tersebut berada dalam keadaan tidak selamat, kotor dan tidak layak dihuni.

A2. Kegagalan operasi pemindahan dari Dewan B ke Blok E secara keseluruhan.

Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT berlaku akibat kegagalan pihak pengurusan dan anggota penjara melaksanakan operasi pemindahan secara selamat dan terkawal. Rundingan yang dijalankan tidak bersifat dua hala atau bertujuan mencapai penyelesaian bersama, sebaliknya lebih menjurus untuk memaksa TMT menerima penempatan di Blok E. Tiada tempoh bertenang diberikan selepas rundingan gagal, malah proses pemindahan dilakukan secara tergesa-gesa. Selain itu, operasi tersebut dijalankan tanpa rangkaian perintah yang jelas dan kawalan yang efektif daripada pegawai atasan, sehingga menyebabkan

anggota penjara bertindak melampaui kuasa secara sewenang-wenangnya terhadap TMT.

A3. Kecuaian dan ketidakcekan anggota penjara semasa insiden.

Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT turut berpunca daripada kecuaiian dan ketidakcekan pegawai atasan Penjara Taiping dalam mengendalikan insiden tersebut. Kegagalan ini termasuk ketidakupayaan pihak pengurusan untuk mengawal keadaan, mematuhi SOP, menghalang penggunaan kekerasan oleh anggota penjara serta mengambil langkah proaktif untuk mententeramkan situasi.

Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa alasan berlaku rusuhan oleh TMT hanyalah merupakan *afterthought* bagi mengalihkan kesalahan kepada tahanan. Selain itu, kepimpinan Pengarah Penjara Taiping juga didapati lemah apabila tanggungjawab operasi diserahkan sepenuhnya kepada pegawai bawahan walaupun dia mempunyai pengetahuan awal mengenai risiko keselamatan yang wujud. Kehadiran ramai anggota penjara di lokasi kejadian tanpa usaha untuk menghentikan kekerasan turut menunjukkan kegagalan serius dalam pengurusan dan kawalan operasi. Secara keseluruhannya, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa kecuaiian tersebut mencerminkan kegagalan sistemik dalam pengurusan Penjara Taiping.

B. Punca Asas (Underlying Causes)

59. Panel Inkuiri Awam juga mengenal pasti bahawa antara punca asas yang menyebabkan berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT semasa insiden adalah seperti berikut:

B1. Kesusakan di penjara

Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa masalah kesesakan (*overcrowding*) serius di penjara merupakan antara punca asas berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT. Kaedah pemindahan tahanan di antara penjara untuk mengurangkan kesesakan hanya bersifat sementara dan

gagal menyelesaikan punca utama masalah kesesakan tersebut. Keadaan ini menyebabkan Penjara Taiping terpaksa menerima tahanan reman dari PKBG walaupun kapasiti Penjara Taiping itu sendiri tidak mencukupi. Akibatnya, TMT terpaksa ditempatkan di Blok E yang sebelum ini telah ditutup sejak tahun 2021 kerana mengalami kerosakan serius dan memerlukan pembaikpulihan sebelum boleh digunakan semula.

B2. Pemindahan dari PKBG ke Penjara Taiping tanpa perancangan yang jelas dan teliti

Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia telah meluluskan pemindahan kira-kira 300 tahanan dari PKBG ke Penjara Taiping akibat kesesakan di PKBG. Namun, Panel Inkuiri Awam mendapati perancangan pemindahan pada 16 Januari 2025 tidak dilaksanakan dengan teliti walaupun mesyuarat penyelarasan telah diadakan. Kegagalan tersebut termasuk tidak mengambil kira kerosakan dorm di Blok Reman dan keadaan infrastruktur di Penjara Taiping, serta pelaksanaan pemindahan yang tergesa-gesa sehingga melanggar arahan dalam surat kelulusan Pengarah Penjara Negeri Perak.

B3. Kelemahan pentadbiran

Panel Inkuiri Awam mendapati insiden pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT berpunca daripada kelemahan pentadbiran, termasuk kekurangan latihan berkala kepada anggota penjara, kurang pemahaman terhadap undang-undang yang menyebabkan pelaksanaan yang tidak konsisten, kepimpinan yang kurang kompeten akibat ketiadaan latihan berstruktur serta kelemahan dalam pemantauan, penyeliaan dan mekanisme semak dan imbang.

B4. Kekurangan anggota penjara

Panel Inkuiri Awam mendapati Penjara Taiping mengalami masalah kekurangan anggota akibat kekosongan jawatan yang tidak diisi dalam tempoh yang lama serta pertukaran anggota ke penjara satelit secara bergilir. Keadaan ini menyebabkan ketidakseimbangan nisbah antara tahanan dan anggota, meningkatkan beban kerja serta risiko keselamatan.

Akibatnya, layanan terhadap tahanan turut terkesan kerana anggota penjara mengalami tekanan dan seterusnya menjejaskan pengurusan tahanan.

B5. Tempoh penahanan reman yang lama

Panel Inkuiri Awam mendapati tempoh penahanan reman yang lama telah menyebabkan tekanan emosi dan menjejaskan kesihatan mental TMT kerana mereka perlu menunggu tarikh perbicaraan sehingga proses mahkamah selesai. Pada masa yang sama, anggota penjara turut mengalami kesan tersebut kerana perlu mengurus TMT yang telah ditahan dalam tempoh yang lama serta menghadapi cabaran dalam memenuhi kehendak TMT yang pelbagai sehingga menyebabkan hubungan mereka menjadi lebih tegang dan beremosi.

C. Punca Penyumbang (*Contributing Causes*)

60. Selain itu, Panel Inkuiri Awam turut mengenal pasti beberapa faktor tambahan yang menjadi punca penyumbang kepada berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT. Punca penyumbang yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

C1. Penjara sebagai bangunan warisan.

Panel Inkuiri Awam mengambil maklum bahawa Penjara Taiping telah diwartakan sebagai bangunan warisan sejak 2012 kerana nilai sejarah dan seni binanya. Namun, pemertanian ini telah menimbulkan kekangan seperti proses penyelenggaraan yang rumit dan lambat, kos penyelenggaraan yang tinggi sehingga kerja sering tertangguh, serta keterbatasan untuk menaik taraf sistem sanitasi kerana keperluan mengekalkan struktur warisan.

Keadaan ini menyebabkan persekitaran penjara menjadi tidak kondusif, termasuk penggunaan *bucket system* dan kerosakan bangunan yang semakin teruk. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa Penjara Taiping tidak lagi sesuai digunakan sebagai penjara dan tahanan perlu dipindahkan ke fasiliti baharu.

C2. Peruntukan yang tidak mencukupi daripada Kerajaan.

Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kekangan peruntukan kewangan daripada Kerajaan turut menjadi punca yang menyumbang kepada berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap tahanan di penjara. Kekurangan dana menyebabkan kerja-kerja pembaikan yang disyorkan oleh JKR tidak dapat dilaksanakan, sekali gus menyebabkan kemerosotan infrastruktur di Penjara Taiping dan mewujudkan rasa terancam terhadap keselamatan diri dalam kalangan TMT yang ditempatkan di blok yang tidak selamat.

Pelanggaran Hak Asasi Manusia (Selepas Insiden)

61. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT turut berlaku **selepas insiden** iaitu selepas TMT ditempatkan di Blok C dan Blok E. Berikut adalah antara pelanggaran hak asasi manusia yang dikenal pasti:

(a) Kecuaian dalam memberikan rawatan perubatan

Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa berlaku kecuaiian dalam pemberian rawatan perubatan kepada TMT selepas insiden pada 17 Januari 2025. Perkara ini adalah termasuk kelewatan mendapatkan rawatan di klinik dan hospital walaupun TMT mengalami kecederaan yang serius. Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa kegagalan merujuk kes dengan segera ke hospital atau memohon bantuan dari Pejabat Kesihatan Daerah merupakan satu kecuaiian yang mana tindakan ini dilihat seolah-olah telah disengajakan untuk menutup skala sebenar tahap kecederaan yang dialami oleh TMT.

Selain itu, terdapat kesilapan diagnosis apabila kebanyakan kecederaan yang dialami oleh TMT hanya direkodkan sebagai "*soft tissue injury*", sedangkan pemeriksaan lanjut kemudiannya mengesahkan terdapat TMT mengalami kecederaan patah tulang rusuk. Pola diagnosis ini menunjukkan kelemahan dalam penilaian perubatan yang sepatutnya boleh dielakkan sekiranya pemeriksaan lanjut seperti X-ray dilakukan dengan lebih awal.

Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa terdapat penyalahgunaan peralatan apabila mesin pengimbas badan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan saringan keselamatan, dijadikan alat untuk membuat diagnostik perubatan. Perkara ini berisiko tinggi menghasilkan diagnosis yang tidak tepat.

(b) Penipuan dalam dokumentasi rekod perubatan.

Panel Inkuiri Awam mendapati wujud unsur penipuan dalam dokumentasi rekod perubatan TMT, termasuk pindaan tarikh rawatan yang seolah-olah memberi gambaran rawatan segera telah diberikan. Selain itu, catatan punca kecederaan dalam Kad Perubatan dan surat rujukan didapati tidak tepat, berat sebelah dan mengelirukan, dengan fokus kepada dakwaan rusuhan tanpa merekodkan unsur kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara, sekali gus menjejaskan gambaran sebenar insiden tersebut.

Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa pola catatan ini merupakan usaha untuk menutup kejadian sebenar dan melindungi pihak tertentu, yang menjejaskan kebolehpercayaan rekod perubatan serta integriti dan kredibiliti kakitangan perubatan. Keadaan ini turut mencerminkan amalan “dual loyalty”, iaitu konflik antara tanggungjawab profesional sebagai pengamal perubatan dan dalam masa yang sama terikat dengan keperluan untuk mematuhi arahan kepimpinan institusi yang mengutamakan aspek keselamatan, imej dan reputasi Jabatan Penjara Malaysia.

(c) Sekatan kepada kebersihan diri dan keperluan asas

Panel Inkuiri Awam mendapati TMT telah menerima layanan yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah selepas insiden 17 Januari 2025. Antaranya termasuk penafian kemudahan asas dan kebajikan seperti akses kebersihan diri, pakaian bersih, tilam dan selimut, serta sekatan hubungan dengan pihak luar bagi menghalang maklumat mengenai insiden disampaikan kepada ahli keluarga.

(d) Konflik kepentingan dalam pelaksanaan ujian air kencing

Panel Inkuiri Awam mendapati ujian air kencing untuk mengesan penggunaan dadah telah dijalankan terhadap TMT oleh pegawai yang turut terlibat secara langsung dalam insiden kekerasan, sekali gus mewujudkan konflik kepentingan dalam pelaksanaan ujian dan penyediaan laporan. Selain itu, prosedur ujian didapati tidak mematuhi garis panduan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara, yang menjejaskan integriti pelaksanaan ujian serta menimbulkan keraguan terhadap kesahihan keputusan yang diperolehi.

(e) Laporan polis palsu oleh anggota penjara

Panel Inkuiri Awam mendapati beberapa laporan polis terhadap TMT mengandungi maklumat palsu dan tidak mencerminkan kejadian sebenar, termasuk dakwaan bahawa TMT memulakan provokasi, bertindak agresif dan menyerang anggota penjara. Sebaliknya, Panel mendapati insiden 17 Januari 2025 berpunca daripada tindakan anggota penjara sendiri. Perbuatan membuat laporan palsu ini disifatkan sebagai serius kerana menjejaskan integriti pengurusan penjara, mengganggu pentadbiran keadilan serta mencerminkan penyalahgunaan kuasa dan usaha melindungi salah laku penjawat awam.

(f) Penghapusan bukti

Panel Inkuiri Awam mendapati gambar dan video yang telah dirakam menggunakan telefon rasmi pejabat oleh anggota penjara semasa insiden 17 Januari 2025 telah dihapuskan. Panel Inkuiri Awam berpandangan bahawa tindakan itu berpotensi menjadi kesalahan jenayah di bawah seksyen 201 dan 204 Kanun Keseksaan.

Selain itu, Panel Inkuiri Awam turut mendapati pihak Penjara Taiping dan Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia (“**IPPM**”) gagal memastikan rakaman CCTV yang lengkap dengan *time stamp* disimpan, sedangkan bukti tersebut penting untuk menentukan kronologi kejadian secara tepat. Ketiadaan *time stamp* boleh menimbulkan keraguan terhadap ketulenan rakaman serta membuka ruang kepada kemungkinan manipulasi atau penghapusan bukti.

(g) Kelemahan siasatan dalaman Jabatan Penjara Malaysia

Panel Inkuiri Awam mendapati siasatan dalaman yang dijalankan oleh IPPM berhubung insiden 17 Januari 2025 tidak dilaksanakan secara menyeluruh, telus dan berintegriti. Walaupun terdapat penemuan pelanggaran SOP serta bukti CCTV yang jelas, tiada tindakan tatatertib diambil terhadap mana-mana anggota penjara yang terlibat. Panel turut menegaskan bahawa alasan “*double jeopardy*” yang diberikan untuk tidak mengambil tindakan tatatertib adalah tidak tepat kerana tindakan tatatertib bersifat pentadbiran, bukannya prosiding jenayah.

Selain itu, IPPM juga didapati gagal mengarahkan pembedaan terhadap laporan polis palsu yang mengandungi percanggahan fakta, sekali gus menjejaskan ketelusan, kredibiliti dan kebolehpercayaan siasatan dalaman serta menunjukkan sifat kompromi IPPM terhadap perbuatan memanipulasi fakta.

(h) Siasatan PDRM yang tidak menyeluruh

Panel Inkuiri Awam mendapati banyak laporan polis telah dibuat oleh ahli keluarga TMT berhubung insiden kekerasan pada 17 Januari 2025 bagi menuntut siasatan dan keadilan terhadap TMT. Namun, PDRM didapati gagal menjalankan siasatan yang berasingan dan khusus terhadap tindakan kekerasan anggota penjara walaupun rakaman CCTV menunjukkan berlakunya unsur jenayah yang boleh disabitkan undang-undang.

Kegagalan ini menyebabkan siasatan yang dijalankan oleh PDRM tidak menyeluruh, menafikan hak TMT untuk mendapatkan pembelaan serta menimbulkan persepsi bahawa anggota penjara sebagai penjawat awam menerima layanan berbeza dan seolah-olah kebal daripada tindakan undang-undang.

(i) Kelewatan dalam tindakan Jabatan Peguam Negara dan pertuduhan di Mahkamah

Panel Inkuiri Awam mendapati terdapat kelewatan yang signifikan oleh Jabatan Peguam Negara dalam meneliti kertas siasatan dan memulakan pertuduhan di mahkamah. Walaupun kes memerlukan penelitian rapi kerana melibatkan ramai individu dan bukti seperti rakaman CCTV, namun Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa kelewatan tersebut tidak munasabah dan turut dipengaruhi oleh proses birokrasi yang melibatkan pelbagai peringkat untuk semakan dan kelulusan.

Panel Inkuiri Awam menegaskan bahawa kelewatan ini menjejaskan keyakinan awam terhadap sistem perundangan serta menimbulkan persepsi bahawa penjawat awam kebal daripada pendakwaan, sedangkan prinsip kesamarataan di sisi undang-undang hendaklah terpakai kepada semua pihak tanpa pengecualian.

(j) Keterangan palsu kepada SUHAKAM

Panel Inkuiri Awam mendapati terdapat keterangan bercanggah dan palsu daripada saksi anggota penjara sepanjang prosiding Inkuiri Awam, walaupun rakaman CCTV jelas menunjukkan tindakan kekerasan telah dilakukan oleh mereka terhadap TMT. Penggunaan istilah seperti “melemahkan”, “penggunaan kekuatan fizikal” dan “pasif-agresif” dilihat sebagai cubaan mengaburkan penggunaan kekerasan yang melampau.

Panel Inkuiri Awam turut menegaskan bahawa percanggahan dan keterangan tidak benar tersebut melanggar seksyen 15 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), menjejaskan fungsi siasatan SUHAKAM serta berpotensi menjadi kesalahan jenayah di sisi undang-undang.

Pelanggaran Hak Asasi Manusia (Kematian Gan Chin Eng)

62. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kematian Gan merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia yang serius.
63. Panel Inkuiri Awam telah mengenal pasti beberapa pelanggaran hak asasi manusia yang menyumbang kepada kematian Gan iaitu seperti berikut:

A. Kekerasan terhadap Gan

Panel Inkuiri Awam mendapati kematian Gan Chin Eng merupakan pelanggaran hak asasi manusia yang serius dan terdapat bukti mengikut keadaan (circumstantial evidence) yang menunjukkan Gan mengalami kecederaan akibat kekerasan melampau oleh anggota Penjara Taiping semasa insiden 17 Januari 2025. Walaupun tiada saksi mata secara langsung, fakta dan kecederaan yang dialami Gan menunjukkan tindakan tersebut telah menyumbang kepada kematiannya.

B. Kelewatan dalam memberikan rawatan

Panel Inkuiri Awam mendapati terdapat kelewatan yang signifikan dalam memberikan rawatan kepada Gan meskipun dia jelas menunjukkan tanda-tanda kesakitan dan berada dalam keadaan yang semakin kritikal. Kelewatan ini berlaku secara berperingkat, iaitu semasa perpindahan Gan ke Blok E, ketika berada di Blok E, serta ketika menunggu untuk dihantar ke Hospital Taiping di Pintu Besar.

Panel menegaskan bahawa kelewatan tersebut adalah tidak munasabah memandangkan jarak antara Penjara Taiping dan Hospital Taiping adalah sangat dekat. Oleh itu, sebarang kelewatan dalam tindakan membawa Gan mendapatkan rawatan segera adalah tidak wajar dan mencerminkan sikap sambil lewa oleh anggota penjara dan kakitangan perubatan yang bertugas.

C. Kecuaian dalam memberikan rawatan

Panel Inkuiri Awam mendapati Gan tidak diberikan rawatan kecemasan yang sewajarnya sebelum dihantar ke hospital walaupun berada dalam keadaan

lemah dan kritikal. Kakitangan perubatan juga didapati meninggalkan Gan tanpa pemantauan sehingga TMT lain terpaksa memberi “bantuan pernafasan” tanpa kemahiran perubatan yang sesuai. Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan cuai dalam menjalankan tugas, melanggar etika profesion perubatan serta melakukan pengabaian dan kecuaiian perubatan yang menyumbang secara langsung kepada kematian Gan.

D. Kekurangan kemudahan rawatan kecemasan

Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa terdapat kekurangan kemudahan rawatan kecemasan apabila bantuan oksigen tidak diberikan kepada Gan kerana tangki oksigen disimpan di Klinik Penjara dan sukar dibawa ke Pintu Besar. Keadaan ini menunjukkan kelemahan kesiapsiagaan rawatan kecemasan di Penjara Taiping yang turut menjejaskan usaha dalam menyelamatkan Gan.

Syor Panel Inkuiri Awam

64. Selaras dengan Terma Rujukan Inkuiri Awam, Panel Inkuiri Awam mengesyorkan cadangan-cadangan seperti berikut:

A. Mempertingkatkan proses siasatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan PDRM menjalankan siasatan khusus terhadap tindakan kekerasan anggota penjara serta siasatan terhadap laporan polis yang didakwa palsu. Siasatan hendaklah dijalankan secara bebas, telus dan tanpa keistimewaan kepada penjawat awam, serta diikuti tindakan pertuduhan oleh pihak pendakwaan secara segera.

B. Tindakan undang-undang terhadap anggota Penjara Taiping yang melakukan kekerasan

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar tindakan undang-undang disegerakan terhadap anggota Penjara Taiping yang terlibat dalam perbuatan kekerasan terhadap TMT sehingga menyebabkan kecederaan

dan kematian. Cadangan ini adalah berasaskan rakaman CCTV yang merupakan bukti langsung (*direct evidence*) serta keterangan ramai saksi yang menunjukkan berlakunya unsur jenayah dan penggunaan kekerasan terhadap TMT. Tindakan segera adalah penting bagi memastikan keadilan kepada mangsa dan keluarga mangsa serta menegaskan bahawa tiada pihak yang kebal daripada tindakan undang-undang.

C. Penambahbaikan proses pendakwaan dan penelitian kertas siasatan oleh Jabatan Peguam Negara

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar Jabatan Peguam Negara menambah baik proses penelitian kertas siasatan dan keputusan pendakwaan supaya dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan dalam tempoh masa yang munasabah. Ini termasuk mewujudkan garis panduan bagi menetapkan tempoh masa yang jelas, penyelarasan antara Pejabat Pendakwaan Negeri dan Jabatan Peguam Negara, serta mengurangkan kerenah birokrasi bagi mempercepatkan proses keadilan. Panel Inkuiri Awam turut menekankan bahawa kes melibatkan penjawat awam perlu diberi keutamaan sewajarnya bagi mengelakkan kelewatan yang boleh menjejaskan keyakinan awam serta menimbulkan persepsi ketidaksamarataan dalam sistem keadilan.

D. Tindakan tatatertib terhadap pengurusan dan anggota Penjara Taiping.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai pengurusan yang gagal mengawal insiden serta anggota penjara yang terlibat dalam kekerasan dan pelanggaran SOP serta undang-undang berkaitan. Tindakan hendaklah dilaksanakan dengan segera, telus dan tanpa perlindungan kepada mana-mana pihak bagi memastikan akauntabiliti dan mengelakkan kejadian yang sama berulang.

E. Menangani masalah kesesakan penjara.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan kajian semula sistem reman dan pemenjaraan, termasuk pengukuhan alternatif kepada penahanan serta penambahbaikan sistem keadilan jenayah bagi mengurangkan kelewatan perbicaraan dan kesesakan tahanan di penjara.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan penubuhan Kementerian Keadilan baharu bagi menyelaras keseluruhan sistem keadilan jenayah termasuk pendakwaan, kehakiman dan pelaksanaan hukuman. Cadangan ini turut melibatkan penstrukturan semula Jabatan Penjara Malaysia di bawah kementerian tersebut bagi menangani isu kesesakan tahanan secara lebih berkesan, adil dan mampan.

F. Penambahbaikan infrastruktur Penjara Taiping.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan penambahbaikan segera infrastruktur Penjara Taiping termasuk penghapusan “*bucket system*”, menaik taraf kemudahan asas, penyelenggaraan berkala serta peruntukan mencukupi sementara menunggu pembinaan penjara baharu yang lebih selamat dan sesuai.

G. Penambahbaikan pengurusan Penjara Taiping.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan latihan berkala dan komprehensif kepada anggota penjara bagi meningkatkan pemahaman terhadap SOP, pengurusan tahanan, kawalan emosi, penggunaan senjata secara berhemah serta latihan hak asasi manusia, di samping memberi penekanan dalam menghentikan segala bentuk perbuatan membuli dan layanan yang menjatuhkan maruah tahanan.

H. Pengukuhan tadbir urus Jabatan Penjara Malaysia.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan penambahbaikan mekanisme pemantauan, pengisian segera kekosongan jawatan serta pelantikan pegawai pengurusan yang kompeten bagi memastikan operasi penjara berjalan dengan lebih efisien, berintegriti dan seimbang dari segi beban kerja.

I. Layanan dan hak asasi tahanan.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar semua keperluan asas tahanan dipenuhi secara konsisten dan berterusan, termasuk aspek kebersihan diri

dan persekitaran, ruang penempatan yang mencukupi serta akses kepada kemudahan asas seperti komunikasi, aktiviti riadah dan keagamaan.

Pelaksanaan kemudahan ini hendaklah dibuat secara adil, saksama dan tanpa sebarang bentuk diskriminasi bagi memastikan maruah serta hak asasi tahanan sentiasa terpelihara.

J. Penjagaan kesihatan di institusi penjara.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan penambahbaikan kemudahan perubatan di Penjara Taiping, pengukuhan pemantauan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pemansuhan amalan “dual loyalty”, latihan berkala kepada kakitangan perubatan serta tindakan tatatertib terhadap Pegawai Perubatan yang cuai. Selain itu, Pegawai Perubatan penjara juga disyorkan diletakkan di bawah seliaan KKM sepenuhnya.

K. Pewartaan Penjara Taiping sebagai bangunan warisan.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan penggunaan Penjara Taiping sebagai fasiliti tahanan dikaji semula dengan mengambil kira statusnya sebagai bangunan warisan, keadaan infrastruktur serta aspek keselamatan dan kebajikan tahanan serta anggota.

Panel Inkuiri Awam juga berpendapat Penjara Taiping yang dibina pada tahun 1879 wajar dihentikan penggunaannya sebagai penjara dan dipelihara sebagai muzium atau tapak warisan, manakala sebuah penjara baharu perlu dibina di lokasi lain bagi menempatkan tahanan.

L. Meratifikasi UNCAT dan penggubalan undang-undang anti penyeksaan.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan Malaysia meratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan (UNCAT) serta menggubal undang-undang khusus bagi menjadikan sebarang bentuk penyeksaan, layanan tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah sebagai suatu kesalahan jenayah.

M. Memperkasakan peranan SUHAKAM.

Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar peranan SUHAKAM diperkasakan melalui pengukuhan kuasa statutori bagi memastikan fungsi pemantauan dan penyiasatan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Panel Inkuiri Awam turut mencadangkan SUHAKAM diberikan kuasa penuh untuk menjalankan pemantauan dan siasatan tanpa sekatan pada bila-bila masa, termasuk akses tanpa halangan kepada dokumen dan maklumat yang diperlukan.

BAB 1 PENGENALAN

Memorandum aduan kepada SUHAKAM

65. Pada 3 Februari 2025, SUHAKAM telah menerima memorandum aduan daripada keluarga tahanan reman iaitu Tahanan Mahkamah Tinggi di Ipoh (“**TMT**”) yang ditempatkan di Penjara Taiping. Memorandum ini diserahkan bersama laporan-laporan polis berkaitan insiden yang berlaku di Penjara Taiping pada 17 Januari 2025 di mana keluarga TMT tersebut mendakwa sekumpulan TMT telah menjadi mangsa pelanggaran hak asasi manusia.
66. Antara dakwaan pelanggaran hak asasi manusia yang telah dikemukakan untuk perhatian SUHAKAM adalah seperti berikut:
- (a) Berlaku rusuhan oleh warden dan anggota dari Unit Kawalan dan Pencegahan Penjara (“**UKP**”) terhadap TMT kerana TMT dikatakan enggan menurut arahan pihak pengurusan Penjara Taiping untuk dipindahkan ke blok tahanan iaitu Blok E;
 - (b) Rusuhan tersebut juga melibatkan kekerasan terhadap 80 hingga 100 orang TMT sehingga menyebabkan kecederaan luka di bahagian kepala, tangan, kaki, muka, punggung dan dada;
 - (c) Kejadian tersebut juga menyebabkan kematian seorang TMT yang bernama Gan Chin Eng;
 - (d) Warden dan anggota UKP didakwa telah menyalahgunakan senjata cota besi dan penyembur lada (*pepper spray*) untuk memukul TMT dan bukan untuk tujuan melemahkan;

- (e) Pihak keluarga TMT juga tidak dibenarkan untuk berjumpa dengan TMT selepas insiden tersebut;
- (f) Terdapat isu perkauman melibatkan TMT berbangsa India; dan
- (g) Pihak Polis Diraja Malaysia ("**PDRM**") telah melengah-lengahkan siasatan berkenaan insiden tersebut.

Siasatan awal

- 67. Berdasarkan peruntukan seksyen 14 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), SUHAKAM telah menjalankan siasatan awal untuk menentusahkan dakwaan pelanggaran hak asasi manusia tersebut.
- 68. Siasatan awal SUHAKAM merangkumi beberapa tindakan seperti berikut:
 - (a) Mengambil keterangan TMT di Pusat Koreksional Batu Gajah ("**PKBG**") pada 24 Februari 2025;
 - (b) Mengadakan lawatan ke lokasi insiden di Penjara Taiping pada 25 Februari 2025;
 - (c) Mengambil keterangan TMT di Penjara Taiping pada 25 hingga 27 Februari 2025;
 - (d) Mengambil keterangan anggota di Penjara Taiping pada 10 hingga 13 Mac 2025 dan 17 April 2025;
 - (e) Mengambil keterangan anggota di Pusat Koreksional Kamunting pada 14 Mac 2025;
 - (f) Memohon Jabatan Penjara Malaysia untuk mengemukakan salinan Buku Pengharian Blok yang dikenali sebagai PPT 235 ("**Buku PPT 235**") serta

salinan rakaman kamera litar tertutup (“**CCTV**”) berhubung insiden yang berlaku pada 16 dan 17 Januari 2025 di Penjara Taiping;

- (g) Mengadakan perjumpaan bersama Pakar Perubatan Forensik, Jabatan Forensik, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh pada 6 Mac 2025; dan
- (h) Mengadakan perjumpaan bersama Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan, Hospital Taiping pada 6 Mac 2025.

Kekangan semasa siasatan awal

69. Semasa menjalankan siasatan awal tersebut, SUHAKAM telah menghadapi beberapa kekangan seperti berikut:

- (a) Pegawai SUHAKAM telah dihalang daripada menjalankan siasatan di PKBG pada 7 Februari 2025 meskipun surat kelulusan telah diperolehi pada 6 Februari 2025. Alasan yang diberikan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia adalah terdapat arahan daripada pihak PDRM yang meminta agar SUHAKAM menangguhkan perjumpaan bersama saksi yang berkaitan, sementara siasatan PDRM dijalankan; dan
- (b) Lawatan SUHAKAM ke Penjara Taiping yang dijadualkan pada 12 hingga 14 Februari 2025 juga tidak dibenarkan atas alasan yang sama.

70. Susulan daripada halangan tersebut, SUHAKAM telah mengemukakan bantahan kepada agensi-agensi berikut:

- (a) Jabatan Penjara Malaysia;
- (b) PDRM;
- (c) Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi);
- (d) Menteri Dalam Negeri; dan

(e) Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Parlimen Malaysia.

71. Dalam bantahan tersebut, SUHAKAM menegaskan bahawa tindakan menangguhkan atau menghalang siasatan adalah jelas bertentangan dengan mandat dan kuasa SUHAKAM di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597) untuk menjalankan siasatan berhubung aduan pelanggaran hak asasi manusia.
72. Susulan itu, SUHAKAM telah menerima maklum balas daripada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Perak, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (“**IPK**”) Perak pada 13 Februari 2025 dan Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan Parlimen pada 14 Februari 2025 yang memaklumkan bahawa tiada sebarang keputusan atau arahan untuk menangguhkan siasatan SUHAKAM sehingga siasatan PDRM selesai. Oleh itu, SUHAKAM telah meneruskan siasatan.
73. Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia juga tidak mempertimbangkan permohonan SUHAKAM untuk mendapatkan salinan Buku PPT 235 dan salinan rakaman CCTV atas alasan dokumen dan rakaman berkenaan merupakan dokumen rasmi terperingkat. Pegawai SUHAKAM hanya dibenarkan untuk meneliti, menyemak dan membuat catatan terhadap kandungan Buku PPT 235, serta melihat rakaman CCTV semasa lawatan di Penjara Taiping.

Keputusan mengadakan Inkuiri Awam

74. Berdasarkan hasil siasatan awal yang dijalankan, Mesyuarat SUHAKAM Bil. 4/2025 pada 8 April 2025 telah bersetuju untuk mengadakan Inkuiri Awam berhubung insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping.
75. Sehubungan itu, tiga (3) orang Anggota Suruhanjaya telah dilantik sebagai panel Inkuiri Awam (“**Panel Inkuiri Awam**”), iaitu-
- (a) Dato’ Seri Mohd Hishamudin Yunus, sebagai Pengerusi Panel;

- (b) Datuk Mariati Robert, sebagai Ahli Panel;¹ dan
- (c) Dr. Farah Nini Dusuki, sebagai Ahli Panel.

76. Panel Inkuiri Awam telah dibantu oleh Pegawai Inkuiri SUHAKAM dan urus setia seperti berikut:

Pegawai Inkuiri SUHAKAM	Urus Setia
(a) Simon Karunagaram	(a) Mohamad Taufiq Nadzri
(b) Abdul Rahman Abdullah	(b) Siti Zainab Raimi
(c) Muhammad Faiz Abd Rahman	(c) Kevin Jason James
(d) Aida Suraya Haron	(d) Megat Izzul Hafiz Megat Badrul Sham
(e) Sheril Aina Ahmad Salihin	(e) Ahmad Zaidi Baharudin
	(f) Roslan Mohd Ali
	(g) Nur Amalzaimah Awang
	(h) Norashikin Hamzah
	(i) Mohd Shafik Md Sharif
	(j) Safrizaman Mohammad
	(k) Aidila Fitri Darmansyah

77. Pada 23 Mei 2025, SUHAKAM telah mengeluarkan satu kenyataan media bagi mengumumkan keputusan untuk menjalankan Inkuiri Awam yang bermula pada 9 Jun 2025.²

¹ Datuk Mariati Robert menjadi Panel Inkuiri Awam sehingga 12 Jun 2025 sahaja kerana tempoh lantikan sebagai Anggota Suruhanjaya telah tamat pada 21 Jun 2025.

² Rujuk kepada Kenyataan Media SUHAKAM No. 22 tahun 2025- SUHAKAM Jalankan Siasatan Awam Terhadap Dakwaan Perlanggaran Hak Asasi Manusia di Penjara Taiping yang boleh didapati di pautan: https://suhakam.org.my/wp-content/uploads/2025/05/Kenyataan-Media-No.-22-2025_SUHAKAM-Jalankan-Siasatan-Awam-Terhadap-Dakwa-an-Perlanggaran-Hak-Asasi-Manusia-di-Penjara-Taiping.pdf

Terma Rujukan Inkuiri Awam

78. Terma dan Rujukan Inkuiri Awam yang telah diputuskan adalah seperti berikut:
- (a) Menentusahkan sama ada berlaku pelanggaran hak asasi manusia ke atas mana-mana individu semasa dan selepas insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak.
 - (b) Jika pelanggaran hak asasi manusia berlaku, untuk mengenal pasti-
 - (i) bagaimana pelanggaran tersebut berlaku;
 - (ii) apakah punca yang membawa kepada pelanggaran berkenaan;
 - (iii) siapakah yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran sedemikian.
 - (c) Memberikan syor yang berkaitan dengan isu-isu yang dikenalpasti agar pelanggaran tersebut tidak berulang.

Pemerhati Inkuiri Awam

79. Panel Inkuiri Awam telah menjemput beberapa pihak sebagai pemerhati bagi membantu prosiding Inkuiri Awam ("**Pemerhati**")³ iaitu seperti berikut:

Pemerhati	Wakil
Jabatan Penjara Malaysia	(a) TKP Zulkifli Abdul Manah (b) Amirah Abdul Razak (c) PP Vinodh Elamkovam (d) Dr. Mohd Nor Hayat Mamat
Majlis Peguam Malaysia	(a) Andrew Khoo (b) Kavitha Sitharta (c) Goh Cia Yee

³ Pemerhati dalam Prosiding Inkuiri Awam merupakan pihak luar yang dijemput bagi membantu Panel Inkuiri Awam mencapai objektif Terma Rujukan.

Pemerhati	Wakil
	(d) Tan Chuan Yi (e) Mohamad Naim Kamaruddin (f) Chai Wei Wan (g) Cindy Lee Nian (h) Abang Mohd Iwawan Abg Narawi @ Abg Nawawi (i) Nur Fathin Farina Mokhtar
Pegum yang mewakili keluarga TMT	(a) Shashi Devan Thalmalingam (b) Yoges M Verasuntharam (c) Purshotaman (d) Muhammad Nazreen Jaafar Dato' Abdullah (e) Teh See Khoon (f) Erica Sam Wai Ping (Pelatih Dalam Kamar)

Perjalanan prosiding Inkuiri Awam

80. Sebelum prosiding Inkuiri Awam dijalankan, Pegawai SUHAKAM telah merekod keterangan dan menemu bual beberapa individu untuk mendapatkan maklumat berkaitan insiden berkenaan. Berdasarkan keterangan dan temu bual tersebut, SUHAKAM telah mengenal pasti saksi yang perlu dipanggil semasa prosiding Inkuiri Awam.
81. Semasa prosiding Inkuiri Awam dijalankan, saksi-saksi telah memberikan keterangan di bawah akuan sumpah. Setiap saksi kemudiannya disoal oleh Pegawai Inkuiri SUHAKAM dan pihak Pemerhati. Sepanjang prosiding Inkuiri Awam tersebut, rakaman video, gambar dan dokumen telah dikemukakan sebagai bukti dan ditandakan sebagai ekshibit.

82. Prosiding Inkuiri Awam telah dijalankan dalam dua fasa. Fasa pertama telah dijalankan di Pusat Koreksional Kamunting yang melibatkan saksi TMT. Manakala fasa kedua dijalankan di Pejabat SUHAKAM Kuala Lumpur yang melibatkan saksi dari Jabatan Penjara Malaysia dan agensi lain yang berkenaan.

83. Prosiding Inkuiri Awam telah dijalankan pada tarikh-tarikh berikut:

Fasa Pertama

- (a) 9, 10, 11 dan 12 Jun 2025.
- (b) 23, 24, 25 dan 26 Jun 2025.

Fasa Kedua

- (a) 8, 9 dan 10 Julai 2025.
- (b) 23, 24 dan 25 Julai 2025.
- (c) 6 dan 7 Ogos 2025.
- (d) 11 dan 12 Ogos 2025.
- (e) 18, 19, 20 dan 21 Ogos 2025.
- (f) 2, 3 dan 4 September 2025.
- (g) 10 dan 12 September 2025.
- (h) 22 September 2025.
- (i) 15 Disember 2025.

84. Secara keseluruhannya, prosiding Inkuiri Awam telah dilaksanakan sebanyak 29 sesi. Prosiding Inkuiri Awam ini telah bermula pada 9 Jun 2025 yang berlangsung selama 3 bulan 2 minggu dan prosiding terakhir iaitu hujahan lisan telah diadakan pada 15 Disember 2025.

85. Seramai 50 orang saksi⁴ telah dipanggil untuk memberi keterangan dalam Inkuiri Awam seperti berikut:

⁴ Rujuk kepada Lampiran 1 – Senarai Saksi.

Saksi	Jumlah
TMT	16 orang
Anggota Penjara Taiping dan Pusat Koreksional Kamunting	22 orang
Pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia	3 orang
Pegawai Perubatan di Penjara Taiping	2 orang
Pegawai dari agensi kerajaan yang berkaitan seperti- (a) Kementerian Dalam Negeri; (b) PDRM; (c) Jabatan Peguam Negara; (d) Jabatan Kerja Raya; (e) Jabatan Warisan Negara; dan (f) Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.	7 orang
Jumlah keseluruhan	50 orang

86. Selain itu, sebanyak 127 ekshibit yang merangkumi dokumen, rakaman CCTV dan gambar telah dikemukakan semasa prosiding Inkuiri Awam.⁵

Rakaman CCTV di Penjara Taiping

87. Semasa sesi pertama prosiding Inkuiri Awam yang dijalankan pada 9 Jun 2025, Panel Inkuiri Awam telah meminta Jabatan Penjara Malaysia untuk mengemukakan salinan rakaman CCTV yang berkaitan dengan insiden tersebut. Sehubungan itu, sebanyak enam (6) salinan rakaman CCTV telah dikemukakan oleh Jabatan Penjara Malaysia pada 10 Jun 2025.⁶
88. Walau bagaimanapun, Jabatan Penjara Malaysia tidak dapat mengemukakan satu rakaman CCTV yang merupakan antara CCTV yang paling hampir dengan lokasi

⁵ Rujuk kepada Lampiran 2 – Senarai Ekshibit.

⁶ Rujuk kepada Ekshibit 24(a) - (f).

insiden kerana CCTV tersebut tidak berfungsi sejak November 2024 dan dalam proses permohonan penyelenggaraan.⁷

89. Selain itu, Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa rakaman CCTV yang diserahkan tidak mempunyai penanda masa dan tarikh (*time stamp*). Panel Inkuiri Awam telah memohon Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia untuk menyerahkan salinan rakaman CCTV yang lengkap dan mempunyai *time stamp*, namun Panel Inkuiri Awam telah dimaklumkan bahawa rakaman tersebut tidak dapat dikemukakan kerana telah melepasi tempoh simpanan maksimum sistem *Network Video Recorder* yang dikonfigurasi dengan kitaran penyimpanan (*retention cycle*) selama 90 hari.⁸
90. Di samping itu, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa rakaman CCTV di hadapan Blok B⁹ mempunyai teknologi *Pan, Tilt & Zoom* (“**PTZ**”) yang akan beralih sekiranya mengesan pergerakan (*motion sensor*). Oleh itu, tidak kesemua kejadian yang berlaku di hadapan Dewan B dan Blok B dapat dirakamkan dalam CCTV memandangkan CCTV tersebut kerap beralih ke pandangan lain.
91. Semasa sesi prosiding Inkuiri Awam pada 9 Jun 2025, Pemerhati dari Jabatan Penjara Malaysia telah meminta supaya rakaman CCTV ini tidak ditayangkan secara terbuka kepada orang awam. Justifikasi permohonan ini dibuat adalah atas faktor keselamatan serta mengelakkan kemungkinan prejudis terhadap Jabatan Penjara Malaysia memandangkan kes ini masih dalam siasatan PDRM¹⁰. Setelah mendapatkan pandangan semua pihak Pemerhati, Panel Inkuiri Awam telah memutuskan supaya tayangan rakaman CCTV dijalankan dalam sesi tertutup yang hanya boleh dilihat oleh Panel Inkuiri Awam, Pegawai Inkuiri SUHAKAM dan Pemerhati.

⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Ogos 2025 muka surat 219 dan Ekshibit 66.

⁸ Rujuk kepada Ekshibit 94.

⁹ Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

¹⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 118-124.

92. Walau bagaimanapun, semasa prosiding Inkuiri Awam fasa kedua dijalankan, iaitu, pada 8 Julai 2025, Pegawai Inkuiri SUHAKAM telah mengusulkan agar orang awam boleh mendengar audio perjalanan prosiding secara langsung tanpa melihat rakaman CCTV yang ditayangkan. Ini bertujuan untuk membolehkan orang awam mengikuti dan lebih memahami prosiding Inkuiri Awam. Setelah mendapatkan pandangan semua pihak Pemerhati, Panel Inkuiri Awam telah bersetuju dengan usul tersebut.

Lawatan ke Penjara Taiping

93. Panel Inkuiri Awam telah mengadakan satu lawatan ke Penjara Taiping pada 23 Jun 2025 bagi membolehkan Panel Inkuiri Awam dan pihak Pemerhati melihat gambaran sebenar berhubung insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025. Lawatan tersebut turut dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan dan juga isu-isu berkaitan seperti keadaan infrastruktur bangunan, kemudahan dan lain-lain.

BAB 2 INKUIRI AWAM

Mengenai Inkuiri Awam

94. Secara umumnya, Inkuiri Awam merupakan suatu siasatan rasmi yang dijalankan secara terbuka untuk menyiasat kepentingan awam yang serius. Inkuiri Awam menerima keterangan dan menjalankan pendengarannya secara terbuka kepada orang ramai serta memberi tumpuan kepada isu-isu tertentu.
95. Inkuiri Awam merupakan satu mekanisme yang boleh digunakan untuk melaksanakan mandat SUHAKAM dalam meneliti isu-isu hak asasi manusia dengan tujuan menyelesaikannya melalui pendekatan yang sistematik. Dengan memakai pendekatan prinsip hak asasi manusia, Inkuiri Awam dapat meneliti pelbagai situasi dari perspektif hak asai manusia secara menyeluruh.
96. Inkuiri Awam merupakan satu mekanisme yang berkesan kerana Panel yang mengendalikan Inkuiri Awam diberi kuasa untuk memanggil saksi, mengarahkan pengemukaan dokumen, serta menghasilkan laporan awam yang mengandungi penemuan-penemuan fakta dan syor kepada semua pihak yang berkaitan.
97. Dua ciri utama yang menjadi asas kepada Inkuiri Awam adalah kebebasan (*independence*) dan penyiasatan yang mendalam (*inquisitorial*). Perkara ini adalah penting untuk mengenal pasti punca permasalahan dan merangka penyelesaian yang bersifat sistematik.
98. Petikan laporan dari ***Royal Commission on Tribunals of Inquiry 1966 (United Kingdom)- Report of the Commission under the Chairmanship of The Rt. Hon. Lord Justice Salmon***¹¹, menyatakan bahawa keperluan siasatan secara terbuka

¹¹ (1966) (Cmnd 3121).

adalah penting bagi memastikan kepercayaan orang awam terhadap kerajaan dapat dikembalikan, iaitu seperti berikut:

115. As we have already indicated it is, in our view, of the greatest importance that hearings before a tribunal of inquiry should be held in public. It is only when the public is present that the public will have complete confidence that everything possible has been done for the purpose of arriving at the truth.

116. When there is a crisis of public confidence about the alleged misconduct of persons in high places, the public naturally distrusts any investigation carried out behind closed doors. Investigations so conducted will always tend to promote the suspicion, however unjustified, that they are not being conducted sufficiently vigorously and thoroughly or that something is being hushed up. Publicity enables the public to see for itself how the investigation is being carried out and accordingly dispels suspicion. Unless these inquiries are held in public they are unlikely to achieve their main purpose, namely, that of restoring the confidence of the public in the integrity of our public life. And without this confidence no democracy can long survive.

Kuasa SUHAKAM bagi Inkuiri Awam

99. Dalam usaha melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia, SUHAKAM telah ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597).
100. Fungsi-fungsi SUHAKAM diperuntukkan di bawah **seksyen 4 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597)**, khususnya **seksyen 4(1)(d)** yang memperuntukkan bahawa salah satu fungsi SUHAKAM adalah “untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia”.
101. Rujukan juga dibuat kepada **seksyen 12 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999** yang memberi kuasa kepada SUHAKAM untuk bertindak atas inisiatif sendiri atau berdasarkan aduan yang diterima berhubung dakwaan pelanggaran hak asasi manusia, seperti berikut:

12. Suruhanjaya boleh menyasat atas kehendak sendiri atau atas aduan

(1) Suruhanjaya boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas suatu aduan yang dibuat kepada Suruhanjaya oleh orang atau kumpulan orang yang terkilan atau seseorang yang bertindak bagi pihak orang atau sekumpulan orang yang terkilan, menyasat pengatahan mengenai pelanggaran hak asasi manusia orang atau kumpulan orang itu.

102. Kuasa untuk menjalankan Inkuiri Awam adalah berdasarkan peruntukan di bawah **seksyen 14 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999**, iaitu, seperti berikut:

14. Kuasa yang berhubungan dengan Siasatan

(1) Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud sesuatu siasatan di bawah Akta ini, mempunyai kuasa—

- (a) untuk mendapatkan dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan oleh Suruhanjaya perlu atau patut didapatkan atau diperiksa;*
- (b) untuk menghendaki supaya keterangan itu, sama ada bertulis atau lisan, manamana saksi dibuat dengan bersumpah atau berikrar, sumpah atau ikrar itu yang berupa sumpah atau ikrar yang dikehendaki daripada saksi itu jika saksi itu memberikan keterangan dalam mahkamah undang-undang, dan untuk mentadbirkan atau menyebabkan ditadbirkan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Suruhanjaya, suatu sumpah atau ikrar kepada tiap-tiap saksi itu;*
- (c) untuk memanggil mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia supaya menghadiri mana-mana mesyuarat Suruhanjaya bagi memberikan keterangan atau mengemukakan apa apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya, dan untuk memeriksa orang itu sebagai saksi atau menghendakinya mengemukakan apa apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya;*
- (d) untuk menerima, walau apa pun apa-apa peruntukan Akta Keterangan 1950 [Akta 56], apa-apa keterangan, sama ada bertulis*

atau lisan, yang tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah; dan

(e) untuk membenarkan atau tidak membenarkan orang ramai mengikuti siasatan itu atau manamana bahagian siasatan itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(c), jika orang yang dipanggil ialah seseorang yang berada dalam tahanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, saman itu hendaklah dikeluarkan mengikut undang-undang yang terpakai yang berhubungan dengan tempat tahanan itu.

103. Selain dari Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597), memandangkan Inkuiri Awam ini melibatkan tahanan yang berada di bawah jagaan Jabatan Penjara Malaysia, rujukan juga dibuat kepada **seksyen 31 Akta Penjara 1995 (Akta 537)** yang memperuntukkan seperti berikut:

31. Kuasa Komisioner Jeneral memerintahkan

(1) Komisioner Jeneral-

(a) boleh, setelah berpuas hati bahawa terdapat alasan yang munasabah yang mengkehendaki kehadiran seseorang banduan di mana-mana tempat di Malaysia; atau

(b) hendaklah, apabila kehadiran seseorang banduan dikehendaki bagi maksud apa-apa siasatan awam, melalui perintah secara bertulis, mengarahkan supaya banduan itu dibawa ke tempat itu.

(2) Seseorang banduan yang dibawa dari sesuatu penjara di bawah subseksyen (1) hendaklah, semasa berada di luar penjara itu, ditempatkan dalam apa-apa jagaan sebagaimana yang diarahkan oleh Komisioner Jeneral, melalui perintah secara bertulis, dan semasa berada dalam jagaan itu hendaklah disifatkan berada dalam jagaan sah.

Tahap pembuktian Inkuiri Awam

104. Tiada peruntukan dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang menetapkan tahap pembuktian (*standard of proof*) yang perlu diguna pakai dalam sesuatu Inkuiri Awam. Namun demikian, ini tidak bermaksud bahawa tiada tahap pembuktian yang perlu dipenuhi oleh Inkuiri Awam tersebut.

105. Inkuiri Awam merupakan satu bentuk siasatan yang bersifat penyiasatan sepertimana suatu inkues (iaitu siasatan oleh koroner berhubung kematian seseorang). Walaupun Inkuiri Awam bukanlah suatu inkues atau perbicaraan sivil mahupun jenayah, tahap pembuktian yang perlu diguna pakai dalam Inkuiri Awam adalah sama seperti beban pembuktian dalam sesuatu inkues atau kes sivil, iaitu berdasarkan imbangan kebarangkalian (*balance of probabilities*) dan bukan berdasarkan prinsip melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*).
106. Oleh yang demikian, tahap pembuktian yang terpakai dalam Inkuiri Awam di bawah seksyen 14 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 ini adalah berdasarkan imbangan kebarangkalian, iaitu tahap pembuktian sebagaimana dalam kes sivil. Secara asasnya, ini bermaksud bahawa Panel Inkuiri Awam berhak untuk menerima dan bergantung kepada keterangan yang mungkin benar, tanpa perlu dibuktikan sehingga tahap melampaui keraguan munasabah.

Kebolehterimaan keterangan

107. Berdasarkan **seksyen 14(1)(a) dan (d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999**, Panel Inkuiri Awam tidak terikat dengan Akta Keterangan 1950 (Akta 56) semasa Inkuiri Awam dijalankan. Pendekatan yang lebih fleksibel ini membolehkan keterangan yang lazimnya tidak diterima dalam prosiding jenayah dan sivil boleh diterima dalam Inkuiri Awam. **Seksyen 14(1)(a) dan (d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999** memperuntukkan seperti berikut:

14. Kuasa yang berhubungan dengan Siasatan

(1) Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud sesuatu siasatan di bawah Akta ini, mempunyai kuasa—

- (a) untuk mendapatkan dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan oleh Suruhanjaya perlu atau patut didapatkan atau diperiksa;

...

(d) untuk menerima, walau apa pun apa-apa peruntukan Akta Keterangan 1950 [Akta 56], apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah.

108. Fleksibiliti ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa berkaitan inkuiri hak asasi manusia, seperti yang ditunjukkan dalam kes ***Bamaca-Velasquez Iwn Guatemala***¹² di mana Mahkamah Hak Asasi Manusia Antara-Amerika memutuskan-

97. In an international tribunal such as the Court, whose aim is the protection of human rights, the proceeding has its own characteristics that differentiate it from the domestic process. The former is less formal and more flexible than the latter, which does not imply that it fails to ensure legal certainty and procedural balance to the parties. This grants the Court a greater latitude to use logic and experience in evaluating the evidence rendered to it on the pertinent facts.

109. Dalam menjalankan prosiding Inkuiri Awam, Panel Inkuiri Awam diberikan kuasa di bawah undang-undang untuk mengambil pendekatan yang lebih fleksibel dalam penerimaan keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, berbeza dengan pendekatan yang lazim digunakan dalam perbicaraan sivil atau jenayah.

¹² IHRL 1453 (IACHR 2000).

BAB 3

RINGKASAN FAKTA

A. Sejarah Penjara Taiping

110. Penjara Taiping merupakan salah satu institusi penjara terawal dan tertua di Malaysia. Ia dibina pada tahun 1879 dan terletak di bandar Taiping, Perak. Struktur asal penjara ini terdiri daripada lima blok utama, masing-masing mampu menampung kira-kira 50 orang tahanan, menjadikan kapasiti asal penjara sekitar 250 orang.
111. Penjara ini pada awalnya dikenali sebagai Penjara Larut, kemudian Penjara Pusat Latihan Taiping, dan akhirnya dinamakan Penjara Taiping melalui perwartaan pada 9 Januari 1992.¹³ Pada tahun 2012, Penjara Taiping diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah **Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)**.¹⁴ Warta ini mengiktiraf nilai sejarah dan warisan budaya bangunan serta memastikan pemeliharaan struktur asalnya sebagai sebahagian daripada khazanah sejarah negara.¹⁵
112. Pada masa ini, Penjara Taiping menempatkan beberapa kategori tahanan seperti banduan sabitan, tahanan reman (Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi) serta banduan akhir.¹⁶
113. Kapasiti terkini Penjara Taiping adalah seramai 1,500 orang, manakala populasi tahanan di Penjara Taiping setakat Jun 2025 adalah lebih kurang 1,300 orang.¹⁷

¹³ Nombor Warta: KDN.S 171/1355; PN. (PU) 163/11).

¹⁴ Nombor Warta: P.U. (B) 404/2011.

¹⁵ Jabatan Penjara Malaysia (2025, Disember 12). Penjara Taiping. Diambil dari <https://prison.gov.my/ms/profil-kami/profil-institusi/penjara-pusat-koreksional/3534-penjara-taiping>.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 24.

114. Penjara Taiping merupakan penjara lama yang masih menggunakan sistem tong (*bucket system*) sebagai kemudahan tandas. Pihak penjara menyediakan dua tong bagi setiap sel yang dikongsi sesama tahanan yang berada di dalam sel yang sama. Pada waktu malam, tahanan membuang najis ke dalam tong (*bucket*) yang disediakan di dalam sel masing-masing dan tong ini kemudiannya dikosongkan pada waktu pagi keesokan harinya dengan membuang najis tersebut ke dalam tangki septik yang terletak di luar blok tahanan. Tong tersebut kemudiannya akan dibersihkan oleh tahanan untuk digunakan semula pada waktu malam.



Ekshibit 87(a) - Gambar Tong 'Bucket System'



Ekshibit 87(b) - Gambar Tangki Septik

B. Pemandahan TMT dari PKBG ke Penjara Taiping pada 16 Januari 2025

115. Pada 16 Januari 2025, seramai 104 orang Tahanan Mahkamah Tinggi (“**TMT**”) telah dipindahkan dari Pusat Koreksional Batu Gajah (“**PKBG**”) ke Penjara Taiping. Tujuan pemindahan ini adalah disebabkan oleh kesesakan dan kepadatan populasi tahanan

di PKBG.¹⁸ TMT tersebut telah bertolak pada waktu pagi 16 Januari 2025 dan tiba di Penjara Taiping pada waktu tengah hari. Setelah tiba, TMT tersebut ditempatkan di Dataran Kedamaian yang terletak berhampiran Blok C bagi proses penerimaan.¹⁹

116. Saringan keselamatan telah dijalankan oleh Unit Kawalan dan Pencegahan (“UKP”)²⁰ pada 16 Januari 2025.²¹ Walau bagaimanapun, tiada saringan kesihatan dijalankan kerana menurut, Pegawai Perubatan yang bertugas di Penjara Taiping, Dr. Navin Esavik A/L Vikrama (“IW39”), TMT tersebut telah membuat saringan kesihatan di PKBG sebelum dipindahkan. TMT juga telah membawa kad kesihatan mereka dari PKBG.²²

C. Insiden di Dataran Kedamaian pada 16 Januari 2025

117. Semasa TMT berkumpul di Dataran Kedamaian, telah berlaku satu insiden yang menimbulkan ketegangan di antara TMT dengan anggota UKP iaitu Ahmad Rizal bin Razali (“IW27”). IW27 telah ditugaskan untuk memberi taklimat keselamatan kepada TMT. Antara perkara yang disampaikan semasa taklimat tersebut adalah mengenai barangan yang tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam Penjara Taiping.²³
118. Perkara ini mencetuskan perbalahan mulut antara TMT dengan IW27 kerana terdapat perbezaan amalan antara peraturan penjara di PKBG dengan Penjara Taiping.²⁴ Antara barangan yang tidak dibenarkan di Penjara Taiping adalah seperti

¹⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 27.

¹⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 13.

²⁰ Unit Kawalan dan Pencegahan (“UKP”) merupakan satu unit yang berperanan memastikan keselamatan dan ketenteraman penjara melalui kawalan, pemantauan, dan pencegahan ancaman.

²¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 18.

²² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 40.

²³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 73.

²⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 25.

bekas sabun,²⁵ berus gigi panjang,²⁶ pakaian luar selain berwarna putih²⁷ serta ubat sapuan seperti minyak angin.²⁸ Barangan yang tidak dibenarkan tersebut telah dirampas dan disimpan di Pejabat Pendaftar Penjara Taiping.²⁹

119. Merujuk kepada *pocket diary* anggota UKP yang bertugas, Karmegam Kamachi Pillay (“IW22”), dia telah merekodkan situasi tersebut seperti berikut:³⁰

Berlaku pertelingkahan di antara satu orang tahanan bernama Ratishwaran dengan IP Rizal di Dewan Kayangan³¹ disebabkan seluar berwarna-warni yang dibawa dan disimpan.

Penggunaan kata-kata kesat dan ugutan semasa insiden

120. Saksi TMT iaitu Leong Wai Kong (“IW4”) dan Kumaran A/L Shamugam (“IW6”) menyatakan bahawa IW27 telah memulakan provokasi³² dengan mengeluarkan kata-kata kesat seperti seperti ‘babi’ dan ‘fuck’³³ serta menunjukkan isyarat jari lucah.³⁴

²⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 164.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 73.

²⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 20.

²⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 45.

³⁰ Rujuk kepada Ekshibit 43 dan Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 139.

³¹ Dewan Kayangan merupakan sebuah dewan terbuka yang terletak di dalam kawasan Dataran Kedamaian.

³² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 282.

³³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Jun 2025 muka surat 260.

³⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 165.

121. IW27 menafikan perkara tersebut dan menyatakan bahawa TMT yang telah mengeluarkan kata-kata kesat terhadapnya seperti 'pundek', 'anak haram' dan 'pukimak'³⁵ serta mengugutnya dengan ancaman bunuh secara beramai-ramai.³⁶
122. Ahmad Shaiful bin Rafi ("**IW19**"), Ketua Inspektor Penjara yang pada ketika itu turut berada di Dataran Kedamaian, memberi keterangan bahawa dia juga mendengar kata-kata yang berbaur ugutan tersebut.³⁷ Walau bagaimanapun, IW22 menafikan perkara tersebut dan menyatakan bahawa tiada ugutan dari mana-mana pihak.³⁸
123. IW27 mengakui bahawa dia terganggu dengan kata-kata yang dikeluarkan oleh TMT ketika itu.³⁹ Apabila keadaan menjadi semakin tegang, IW19 dan IW22 telah meminta IW27 untuk beredar dari Dataran Kedamaian bagi memastikan situasi kekal terkawal dan mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.⁴⁰ Semasa beredar, IW27 telah membuat isyarat lucah dengan menunjukkan jari tengah kepada TMT. IW27 juga dilihat telah meludah semasa sedang berjalan.⁴¹
124. Apabila IW27 diminta menjelaskan perbuatannya itu, dia menafikan telah menunjukkan isyarat lucah dan menyatakan bahawa perbuatannya yang sebenarnya adalah seperti berikut:⁴²

³⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 79.

³⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 80.

³⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 28.

³⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 117.

³⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 81.

⁴⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 29 dan Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 116.

⁴¹ Rujuk kepada Ekshibit 24(a), Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 33, Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 169 dan Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 129.

⁴² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 113.


SK: *Ataupun Tuan sedang menunjukkan jari tengah?*
RIZAL: *Boleh zoom tak? Saya nak tengok jari mana yang naik. Saya cakap, "Seperti fighter Khabib, only God akan tolong saya" (*sambil mengangkat jari telunjuk ke atas*). Saya dah lost dah masa itu.*

D. Penempatan TMT di Dewan B

125. Pada awalnya, pihak Penjara Taiping telah membuat keputusan untuk menempatkan TMT di **Blok E**. Keputusan ini telah dibuat melalui perbincangan pada 9 Januari 2025⁴³ yang telah dihadiri oleh-
- (a) PKK Nazri bin Mohamad ("**IW1**") selaku Pengarah Penjara Taiping;
 - (b) Shahrul Izzat bin Hamid ("**IW37**"), Timbalan Pengarah Penjara Taiping;
 - (c) IW19 selaku Pegawai Pendaftar Penjara;
 - (d) Shafril Azmir bin Mohd Shafie ("**IW20**") selaku Ketua UKP; serta
 - (e) Teuku Mohd Hasbi bin Tarmizi ("**IW21**") dan Khairul Esmail bin Mohd Zawawi ("**IW23**") selaku Timbalan Penguasa Penjara ("**TPP**").⁴⁴

⁴³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 66.

⁴⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 44-45.



Ekshibit 4 - Gambar Bangunan Blok "E"

126. Namun begitu, pada 16 Januari 2025, semua TMT telah ditempatkan secara sementara di **Dewan B** selepas menjalani saringan keselamatan. Keputusan penempatan sementara tersebut dibuat pada pagi 16 Januari 2025 berdasarkan perbincangan antara IW1, IW19 dan IW20.⁴⁵ Tujuan penempatan sementara ini adalah-

- (a) untuk membuat pemeriksaan lanjut ke atas TMT susulan maklumat yang diterima oleh pihak pengurusan Penjara Taiping mengenai penyeludupan artikel larangan oleh TMT;⁴⁶ dan

⁴⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding 8 Julai 2025 muka surat 110-114.

⁴⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 47.

- (b) Blok E juga masih belum tersedia untuk penempatan kerana blok tersebut telah digunakan sebagai stor simpanan barang-barang dapur penjara.⁴⁷

E. Insiden pada 17 Januari 2025

Arahan pemindahan ke Blok E dan rundingan bersama TMT

127. Pada 16 Januari 2025, semasa di Dewan B, IW27 telah memaklumkan kepada semua TMT mengenai arahan untuk memindahkan mereka dari Dewan B ke Blok E.⁴⁸ Selepas itu, beberapa orang wakil TMT telah berjumpa dengan IW20 dan IW27 bagi menyatakan pendirian mereka untuk tidak dipindahkan ke Blok E dan memohon agar terus ditempatkan di Dewan B.
128. IW27 kemudiannya telah berjanji untuk mengusulkan permohonan TMT tersebut kepada pihak pengurusan Penjara Taiping serta meminta TMT supaya kekal berdisiplin.⁴⁹

Rundingan bersama TMT

129. Sebanyak empat rundingan telah dijalankan di antara anggota Penjara Taiping dengan TMT pada 17 Januari 2025 iaitu seperti berikut:
- (a) Rundingan pertama berlaku pada sekitar jam di antara 9.00 pagi hingga 10.00 pagi, apabila IW20 memaklumkan mengenai arahan pemindahan TMT ke Blok E. TMT telah memaklumkan kepada IW20 bahawa mereka enggan berpindah ke Blok E dan mahu kekal ditempatkan di Dewan B kerana mereka telah menjaga disiplin seperti mana yang diminta oleh IW27;⁵⁰

⁴⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding 8 Julai 2025 muka surat 115.

⁴⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 33.

⁴⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 33-34.

⁵⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 36.

- (b) Rundingan kedua dilakukan oleh IW21 sekitar jam 11.30 pagi bersama wakil TMT. Walau bagaimanapun, TMT masih bersepatat untuk tidak mahu dipindahkan ke Blok E;⁵¹
- (c) Rundingan ketiga dijalankan oleh pegawai Program Pembangunan Insan (“**Pegawai Pemulihan**”) iaitu Muhamad Mustakhim bin Abdul Rahim (“**IW25**”) sekitar jam 1.00 tengahari setelah dia menerima arahan daripada IW37 untuk menjalankan rundingan tersebut.⁵² IW25 menyatakan bahawa TMT masih enggan untuk berpindah dan berpandangan bahawa terdapat TMT yang biadab serta tidak menghormati anggota penjara;⁵³
- (d) Rundingan keempat dikendalikan oleh anggota berbangsa India iaitu IW22 dan seorang lagi anggota UKP, Sarjan Selvarajan setelah diarahkan oleh IW37. Menurut IW22, perbincangan bersama TMT dijalankan dalam keadaan normal tanpa sebarang provokasi atau penggunaan kata-kata kesat oleh mana-mana pihak. Namun begitu, TMT masih berkeras enggan berpindah ke Blok E.⁵⁴

Punca TMT enggan berpindah ke Blok E

130. Semasa proses rundingan tersebut, TMT telah menyatakan alasan di atas keenganan mereka berpindah ke Blok E iaitu antaranya seperti berikut:

- (a) enggan menggunakan *bucket system* di Blok E;⁵⁵

⁵¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 16-18.

⁵² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 26.

⁵³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 31-36.

⁵⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 149.

⁵⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2024 muka surat 41, Nota Prosiding bertarikh 11 Jun 2025 muka surat 263, Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 11-12, Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 149, Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 32 dan Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 146.

- (b) keadaan di Blok E yang kotor dan tidak selamat;⁵⁶
- (c) terpaksa mandi mengikut kiraan gayung;⁵⁷
- (d) sekiranya banjir, haiwan dan serangga seperti tikus dan lipan akan masuk ke dalam blok;⁵⁸
- (e) tiada aktiviti riadah dan juga kemudahan kelas agama;⁵⁹
- (f) sukar untuk berjumpa dengan pegawai berjawatan tinggi;⁶⁰ dan
- (g) tahanan tidak akan mendapat ubatan dengan cepat.⁶¹

Operasi pemindahan TMT ke Blok E

131. Setelah kesemua rundingan gagal, IW37 kemudiannya berjumpa IW1 di pejabat IW1 dan memaklumkan mengenai keengganan TMT untuk berpindah ke Blok E. IW1 tetap mengarahkan agar pemindahan TMT ke Blok E dilakukan pada hari tersebut. IW37 berpandangan bahawa adalah lebih baik sekiranya pemindahan tersebut ditangguhkan beberapa hari lagi bagi memastikan operasi pemindahan dijalankan dengan lebih teratur dan rapi. Namun, pandangan ini tidak diendahkan oleh IW1.⁶²
132. Pada sekitar jam 4.00 petang, operasi pemindahan TMT dilaksanakan dengan diketuai oleh IW37. IW20 diarahkan untuk menguruskan operasi tersebut memandangkan IW20 merupakan Ketua UKP. Namun begitu, tiada sebarang perancangan dibuat sebelum operasi tersebut dijalankan.⁶³

⁵⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2024 muka surat 37.

⁵⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Jun 2025 muka surat 265.

⁵⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 178

⁵⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 263

⁶⁰ *Ibid*

⁶¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 300.

⁶² Rujuk kepada Ekshibit 64 dan Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 118.

⁶³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 138.

133. Lebih daripada 60 orang anggota penjara yang bekerja syif pagi dan syif petang diarahkan untuk membantu menjalankan operasi pemindahan tersebut. Anggota penjara yang bertugas pada syif pagi tidak dibenarkan pulang, manakala anggota penjara yang bertugas pada syif petang telah dipanggil untuk membantu dalam proses pemindahan tersebut.⁶⁴
134. IW37 juga mengarahkan penggunaan peralatan senjata *Light Strike Force* (“**LSF**”) yang diwartakan seperti cota kayu, perisai dan set kelengkapan pelindung badan (sut *body armour*) semasa menjalankan operasi tersebut. Walau bagaimanapun, IW37 tidak membenarkan penggunaan cota T besi. Selain itu, setiap anggota UKP juga dilengkapi dengan *pepper spray* untuk digunakan mengikut keperluan.⁶⁵ Anggota tugas am (*general duty*)⁶⁶ turut dibekalkan *pepper spray* sebelum operasi dijalankan.⁶⁷



Ekshibit 41(e) - Body Armour

⁶⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 73, Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 123 dan Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 25.

⁶⁵ Rujuk kepada Ekshibit 41(b)-41(f) dan Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 127 dan 188.

⁶⁶ Anggota Tugas Am (*general duty*) adalah merupakan anggota yang bertanggungjawab untuk pengoperasian harian di penjara tertakluk kepada penjadualan harian yang ditetapkan.

⁶⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 15.



Ekshibit 41(a) - Pepper Spray



Ekshibit 41(b) - Cota Kayu



Ekshibit 41(c) - Cota-T



Ekshibit 41(f) – Riot Shield

135. Operasi dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh IW37 di Pintu Besar. Dia mengarahkan anggota penjara membuat kawalan keselamatan dan tidak menggunakan kekerasan, kecuali sekiranya dimulakan oleh TMT. Anggota UKP yang berpakaian LSF diarahkan masuk ke Dewan B terlebih dahulu untuk mengawal keadaan sekiranya terdapat TMT yang agresif.⁶⁸

136. Berdasarkan rakaman CCTV, berikut adalah kronologi pemindahan TMT yang dijalankan oleh Penjara Taiping:

(a) Visual dalam Dewan B- kedudukan CCTV terletak di bahagian hadapan dalam Dewan B:⁶⁹

Minit Video	Perkara
3:31:05 Ekshibit 24(b)	- Seramai 84 orang TMT sedang membuat aktiviti bebas seperti berbual, tidur dan sebagainya. Keadaan dilihat normal dan terkawal.
3:39:32 Ekshibit 24(b)	<p>- Pegawai Pemulihan, Muhamad Mustakhim bin Abdul Rahim (“IW25”) memasuki Dewan B dan berkata sesuatu kepada TMT sambil membuat gerak geri menunjukkan jam tangannya dan menunjuk ke arah luar pintu dewan.</p> <p>- IW25 memberi keterangan bahawa dia telah mengarahkan TMT untuk mengemas barang dan pindah keluar ke Blok E dalam tempoh 5 minit.⁷⁰ TMT memaklumkan IW25 hanya memberikan mereka tempoh 1 minit sahaja untuk berpindah ke Blok E. ⁷¹ Kenyataan TMT ini adalah selari dengan</p>

⁶⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 121, 126 dan 135.

⁶⁹ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

⁷⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 67-68.

⁷¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 44, 205 dan 288, Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 77, 162 dan 302 serta Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 213.

Minit Video	Perkara
	<p>pandangan visual dari rakaman CCTV di mana IW25 dilihat telah membuat isyarat jari telunjuk yang menunjukkan nombor satu sambil menunjukkan jam tangannya.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Selepas arahan tersebut diberikan, terdapat TMT yang dilihat sedang mengemas barang-barang dan ada yang hanya berdiri sambil memandang ke arah luar dewan. - Keadaan di luar dewan pada ketika itu riuh dengan kehadiran penjara yang ramai.⁷² Ada anggota penjara yang dilihat mengetuk jeriji besi dari luar dewan menggunakan cota.
3:40:29 Ekshibit 24(b)	<ul style="list-style-type: none"> - Anggota penjara dilihat mula masuk beramai-ramai ke dalam Dewan B sambil mengarahkan TMT duduk dan meletakkan tangan di atas kepala. - Kebanyakan anggota penjara yang mula masuk adalah anggota tugas am yang memegang cota. Kemudian disusuli oleh anggota UKP yang memegang perisai dan cota sambil membuat formasi secara berbaris di hadapan dewan. - Sekurang-kurangnya 58 orang anggota penjara yang terdiri daripada anggota tugas am dan anggota UKP berada di dalam Dewan B. - Kebanyakan anggota penjara memakai baju uniform, ada juga yang memakai baju-T pejabat dan ada yang memakai pelitup muka.

⁷² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 43 dan 288.

Minit Video	Perkara
	<ul style="list-style-type: none"> - Semua TMT dilihat duduk bersila dalam barisan, kepala menunduk ke bawah dan tangan di atas kepala.
<p>3:41:43 sehingga 3:51:10 Ekshibit 24(b)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan sekumpulan anggota penjara telah menolak secara kasar seorang TMT yang sedang berjalan dari bahagian belakang Dewan B. - Kemudian, di bahagian tengah dewan, IW25 dilihat mula menendang/memijak seorang TMT yang sedang duduk dalam barisan. Kekecohan berlaku apabila beberapa anggota penjara lain turut sama memulakan kekerasan terhadap TMT. - Pada masa yang sama, TMT di bahagian hadapan dewan mula dibawa keluar dari dewan, seorang demi seorang. Hampir kesemua TMT yang sedang berjalan keluar ke arah pintu hadapan dewan, telah ditolak secara kasar dan dipukul beramai-ramai oleh anggota penjara menggunakan cota serta ditendang di bahagian belakang badan. - Akibat daripada perbuatan tersebut, ada TMT yang tersungkur jatuh semasa sedang berjalan keluar. Ramai juga TMT yang jatuh menimpa antara satu sama lain di hadapan pintu Dewan B.⁷³ - Kelihatan beberapa TMT diheret oleh anggota penjara ke arah pintu Dewan B. Kelihatan juga beberapa anggota penjara mengiringi TMT keluar secara baik tanpa menggunakan kekerasan.

⁷³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 207.

Minit Video	Perkara
	<ul style="list-style-type: none"> - Pada masa yang sama, kelihatan anggota penjara sedang memukul TMT yang berada di belakang dewan. - Anggota UKP yang memegang perisai juga dilihat mengetuk-ngetuk perisai tersebut menggunakan cota. Ini dilakukan untuk menakutkan dan menggertak TMT.⁷⁴ - Terdapat tiga orang anggota UKP yang memakai sut <i>body armour</i> dilihat memukul TMT. - Raja Masrul Azam bin Raja Mansor (“IW24”) yang merupakan anggota UKP dilihat sedang memegang telefon bimbit dan merakam keadaan di dalam Dewan B.⁷⁵ - Tidak kelihatan mana-mana TMT menyerang anggota penjara atau bersifat agresif. TMT yang sedang menunggu untuk dibawa keluar dilihat duduk dalam keadaan tunduk sambil tangan di atas kepala. - Kesemua TMT telah dikeluarkan tanpa membawa barangan peribadi bersama mereka. Barangan tersebut dilihat ditinggalkan di dalam Dewan B.
<p>3:51:11 sehingga 4:54:11 Ekshibit 24(b)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kesemua anggota penjara keluar dari Dewan B dan Dewan B telah dikosongkan. - Beberapa anggota seperti IW27 dilihat keluar masuk dewan sambil memeriksa barang-barang TMT yang ditinggalkan.

⁷⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 108-109.

⁷⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 230.

(b) Visual di luar Dewan B- kedudukan CCTV terletak di hadapan Blok B.⁷⁶

Minit Video	Perkara
2:39:29 sehingga 2:41:42 Ekshibit 24(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Anggaran seramai 65 orang anggota penjara dilihat mengelilingi kawasan hadapan Dewan B. Ada di antara anggota ini memegang cota dan perisai. Seramai 4 orang anggota kelihatan memakai sut <i>body armour</i>. - Kesemua anggota penjara ini mendekati Dewan B. Kelihatan beberapa anggota mengetuk-ngetuk perisai yang dipegangnya menggunakan cota. Perkara ini adalah bertujuan untuk menakutkan dan menggertak tahanan.⁷⁷
2:41:44 sehingga 2:49:27 Ekshibit 24(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan TMT mula dibawa keluar dari Dewan B seorang demi seorang dan dikumpulkan di hadapan Blok B yang terletak bersebelahan dengan Dewan B. - TMT yang keluar dari Dewan B kelihatan dipukul menggunakan cota dan ditendang beramai-ramai oleh anggota. Selepas itu, TMT telah diheret dan diarahkan untuk duduk dalam barisan di hadapan Blok B. - Semasa di hadapan Blok B, TMT ini dilihat duduk bersila di dalam barisan, kepala tunduk menghadap lantai dan tangan di atas kepala. Namun begitu, anggota dilihat masih menendang dan memukul TMT di bahagian kepala menggunakan cota. - Selain dari TMT yang ditempatkan di hadapan Blok B, terdapat juga beberapa TMT dibawa ke arah hadapan Dewan B, yang

⁷⁶ Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

⁷⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 108-109.

Minit Video	Perkara
	<p>tidak dapat dilihat dari pandangan CCTV. TMT ini telah ditempatkan di hadapan Pejabat Pendaftar yang terletak bertentangan dengan Dewan B. Kumpulan TMT di situ telah disembur dengan <i>pepper spray</i>.⁷⁸</p> <ul style="list-style-type: none"> - Timbalan Pengarah Penjara Taiping, Shahrul Izzat bin Hamid (“IW37”) bersama beberapa anggota penjara lain dilihat berada di hadapan Dewan B sambil menyaksikan kejadian yang berlaku. - Kelihatan beberapa anggota penjara termasuk Mohd Azahari bin Edris (“IW34”) mula menggari tangan TMT di bahagian belakang semasa TMT sedang duduk dalam barisan di hadapan Blok B. - Kelihatan juga beberapa anggota penjara termasuk IW25 dan anggota tugas am, Zairulazly bin Mohd Napiah (“IW30”) menyembur <i>pepper spray</i> ke arah TMT yang sedang duduk sambil kepala tunduk ke bawah dan tangan bergari. - Rakaman CCTV menunjukkan sekurang-kurangnya enam orang TMT yang sedang duduk dalam barisan mengalami luka berdarah di bahagian kepala.
<p>2:52:23 sehingga 2:57:40 Ekshibit 24(c)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan beberapa TMT dibawa ke tepi Rumah Bomba yang terletak di hadapan Blok B. TMT ini merupakan TMT yang mengalami kecederaan semasa insiden tersebut dan dibawa untuk diperiksa oleh kakitangan perubatan. Sekurang-kurangnya 19 orang TMT dilihat mengalami kecederaan sambil diperiksa oleh Penolong Pegawai Perubatan,

⁷⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 295-297.

Minit Video	Perkara
	<p>Muhamad Fadhil bin Mohamad Yusoff (“IW38”) dan Pegawai Perubatan, Dr Navin Esavik A/L Vikrama (“IW39”).⁷⁹ Pada ketika itu, TMT dalam keadaan sedang duduk bersila dan tangan bergari di belakang.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pada masa yang sama, di hadapan Blok B, Ahmad Rizal bin Razali (“IW27”) yang merupakan anggota UKP dilihat memijak sambil berjalan di atas bahagian belakang badan beberapa orang TMT yang sedang duduk bersila sambil menundukkan kepala.
<p>2:57:50 Ekshibit 24(c)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan lebih kurang 87 orang anggota penjara kini berada di hadapan Blok B. - TMT yang sedang duduk di hadapan Blok B dilihat mula berjalan itik ke arah kawasan hadapan Pejabat Pendaftar. TMT ini dilihat turut dipukul dan diketuk menggunakan cota di bahagian belakang kepala semasa sedang berjalan itik.
<p>3:00:21 sehingga 3:01:08 Ekshibit 24(c)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kebanyakan TMT yang berada di hadapan Blok B telah dipindahkan ke kawasan lain. Kelihatan kesan darah di atas lantai di hadapan Blok B. - Terdapat lebih kurang 10 orang anggota penjara berada di pintu Blok B sedang melihat keadaan di dalam Blok B. Berlaku kekecohan di dalam Blok B, iaitu pertengkaran mulut antara TMT di Blok B dengan anggota penjara.⁸⁰

⁷⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 48.

⁸⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 33.

Minit Video	Perkara
	<ul style="list-style-type: none"> - Beberapa TMT yang berada di dalam Blok B mula dibawa keluar. TMT pertama yang dibawa keluar adalah Harjit Singh A/L Terlok Singh (“IW16”). - Anggota penjara seperti Saiful Azman bin Mohamad Ibrahim (“IW26”) dan tiga orang anggota lain dilihat telah menendang dan memukul IW16 menggunakan cota. Perkara ini telah menyebabkan IW16 jatuh terbaring di atas lantai. - Seorang lagi TMT yang keluar dari Blok B bersama IW16 turut dipukul. IW16 dan TMT tersebut kemudiannya diheret untuk duduk dalam barisan di hadapan Blok B.
<p>3:11:13 sehingga 3:12:21 Ekshibit 24(c)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan ramai anggota berada di laluan masuk perkarangan Dataran Kedamaian yang terletak di antara Blok B dan Blok C. - Pada masa itu, IW27 dilihat telah memangku seorang TMT yang sedang dikerumuni oleh anggota-anggota lain. IW27 cuba melindungi TMT tersebut daripada dipukul.⁸¹ - Seorang TMT dilihat berjalan itik melalui Dataran Kedamaian sehingga ke Blok C. - Dua orang anggota penjara dilihat telah menyeret seorang TMT, Naveen Kumar A/L Veerapan (“IW12”) di sepanjang Dataran Kedamaian sehingga ke Blok C. Setibanya di Blok C, IW12 telah dihumban ke arah TMT yang sedang duduk dalam barisan.

⁸¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 197.

Minit Video	Perkara
	<ul style="list-style-type: none"> - Sekurang-kurangnya 12 orang TMT sedang duduk dalam barisan di hadapan Blok C sambil kepala tunduk dan tangan bergari di belakang. - TMT yang dibawa ke Blok C merupakan tahanan yang diasingkan bagi tujuan siasatan tatatertib.⁸²
<p>3:36:48 Ekshibit 24(c)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan di hadapan Blok B semakin lengang. Kelihatan lebih kurang 38 orang anggota sedang melihat TMT yang cedera di tepi Rumah Bomba. - Kelihatan seorang TMT sedang terbaring di tepi Rumah Bomba tersebut.
<p>4:20:22 sehingga 4:41:50 Ekshibit 24(c)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - IW1 dilihat masuk ke dalam kawasan Penjara Taiping. - Pada masa yang sama, kelihatan saksi TMT, Adam Fong Abdullah (“IW17”) dan Hew Wei Leong (“IW18”) sedang mengangkat TMT bernama Gan yang sakit menggunakan <i>stretcher</i> untuk dibawa ke Pintu Besar. IW17 dan IW18 dilihat telah meletakkan <i>stretcher</i> tersebut ke bawah untuk memberi penghormatan kepada IW1 semasa IW1 melintasi mereka. - Kelihatan IW1 berada di hadapan Blok B sambil diiringi oleh beberapa anggota selepas insiden.
<p>4:42:30 Ekshibit 24(c)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan Jeyenthiran A/L Suppiah (“IW9”) berjalan ke arah Pintu Besar. IW9 dibawa ke hospital pada hari tersebut untuk mendapatkan rawatan kerana dia mengalami kecederaan di

⁸² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Jun 2025 muka surat 65.

Minit Video	Perkara
	bahagian tangan dan jari yang patah. Semasa berada di Pintu Besar, IW9 melihat Gan masih berada di situ. ⁸³

- (c) Visual di hadapan Blok E- kedudukan CCTV terletak di laluan ke Blok E dari arah belakang:⁸⁴

Minit Video	Perkara
1:28:13 sehingga 1:59:49 Ekshibit 24(e)	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan TMT mula sampai di hadapan Blok E dengan diiringi oleh anggota. Lebih kurang 44 orang TMT duduk dalam barisan dalam keadaan tangan bergari di belakang sementara menunggu untuk ditempatkan di dalam sel masing-masing. - Kelihatan TMT diberi air minuman oleh TMT lain. - TMT kemudian dipanggil masuk ke dalam Blok E seorang demi seorang sehingga tiada lagi TMT yang berada di luar Blok E.

F. Kematian Gan Chin Eng

Latar Belakang

137. Gan Chin Eng (“**Gan**”) merupakan seorang TMT berbangsa Cina berumur 61 tahun yang dilaporkan telah meninggal dunia pada petang 17 Januari 2025, iaitu selepas insiden tersebut berlaku. Mendiang Gan telah ditahan reman sejak dari tahun 2020. Gan merupakan salah seorang daripada kumpulan TMT yang dipindahkan dari PKBG ke Penjara Taiping pada 16 Januari 2025.

⁸³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 251.

⁸⁴ Rujukan kepada Ekshibit 24(e).

138. Saksi TMT memberi keterangan bahawa Gan merupakan seorang yang peramah dan tidak suka mengganggu orang lain. Gan mempunyai sejarah penyakit seperti kencing manis dan pernah mengalami strok. Namun demikian, Gan dilihat seperti seorang yang sihat sepanjang berada di penjara.⁸⁵

Kronologi Keadaan Gan Chin Eng pada 17 Januari 2025

139. Berdasarkan rakaman CCTV di dalam Dewan B sebelum insiden tersebut berlaku, Gan kelihatan normal dan menjalankan aktiviti harian seperti berbual, baring dan tidur.⁸⁶ Dia juga dilihat mematuhi arahan anggota penjara untuk duduk dalam barisan sewaktu kiraan muster dan semasa proses rundingan dijalankan.

140. Berdasarkan rakaman CCTV dan keterangan saksi, berikut adalah kronologi keadaan Gan semasa dan selepas insiden pada 17 Januari 2025:

(a) Visual dalam Dewan B- kedudukan CCTV terletak di bahagian hadapan dalam Dewan B:⁸⁷

Minit Video	Perkara
3:38:45 Ekshibit 24(b)	- Gan yang sedang berdiri dilihat mengikut arahan wakil TMT iaitu Arumugam A/L Kandasamy (“IW3”) yang menyuruh TMT untuk duduk. Gan duduk bersila sambil memerhati kawasan luar Dewan B.
3:39:33 sehingga 3:40:49	- Gan dilihat berdiri dan berjalan ke arah barangan peribadinya. Dia kemudian dilihat fokus mendengar perkara yang disampaikan oleh Pegawai Pemulihan, Muhamad

⁸⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 212.

⁸⁶ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

⁸⁷ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

Minit Video	Perkara
Ekshibit 24(b)	<p>Mustakhim bin Abdul Rahim (“IW25”) yang mengarahkan TMT untuk mengemas barang serta pindah keluar ke Blok E.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Gan dilihat duduk dalam barisan setelah ramai anggota penjara mulai masuk ke dalam Dewan B. - Gan kemudiannya dilihat bangun untuk mengemas barangan peribadinya. Namun begitu, semasa sedang mengemas barangannya, Gan duduk semula bersama-sama dengan TMT yang lain setelah diarahkan oleh anggota penjara untuk duduk dalam barisan sambil tunduk dan tangan di atas kepala.⁸⁸
<p>3:42:05 sehingga 3:42:11 Ekshibit 24(b)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - TMT di bahagian hadapan dewan mula dibawa keluar seorang demi seorang. - Gan merupakan TMT ke-8 yang dibawa keluar. - Seperti TMT yang lain, Gan juga turut ditolak, dipukul menggunakan cota dan ditendang semasa sedang berjalan keluar dari Dewan B. - IW17 telah melihat Gan terbaring di atas lantai berhampiran kawasan luar pintu Dewan B. IW17 boleh mengecam Gan kerana dia mempunyai kaki yang putih dan paling kurus. Namun begitu, IW17 tidak pasti mengapa Gan berada dalam keadaan terbaring. Dia juga tidak melihat Gan dipukul pada ketika itu.⁸⁹

⁸⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 213-214.

⁸⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 215.

Minit Video	Perkara
	<ul style="list-style-type: none"> - Keterangan IW17 ini tidak dapat disahkan melalui rakaman CCTV kerana CCTV yang mempunyai sudut lebih jelas untuk merakam keadaan di bahagian luar pintu Dewan B tidak berfungsi sejak November 2024 dan dalam proses permohonan penyelenggaraan.⁹⁰

(b) Visual di luar Dewan B- kedudukan CCTV terletak di hadapan Blok B.⁹¹

Minit Video	Perkara
2:43:13 Ekshibit 24(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Gan dilihat dibawa ke hadapan Blok B. - Semasa sedang berjalan, kelihatan IW25 telah menendang bahagian belakang badan Gan dari arah belakang (<i>back-kick</i>) menyebabkan Gan sedikit tersentak. - Kemudian, Gan dilihat duduk dalam barisan di hadapan Blok B sambil tunduk dan tangan diletakkan di atas kepala.
2:44:02 Ekshibit 24(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan seorang anggota UKP telah menggunakan cota untuk mengetuk kepala para TMT termasuk Gan yang sedang duduk tunduk di hadapan Blok B. - Gan dan para TMT yang lain kemudiannya telah digari di belakang.
2:57:50 Ekshibit 24(c)	<ul style="list-style-type: none"> - TMT dilihat mula berjalan itik ke arah kawasan hadapan Pejabat Pendaftar.

⁹⁰ Rujuk kepada Ekshibit 66 dan Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 219.

⁹¹ Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

Minit Video	Perkara
	<ul style="list-style-type: none"> - Namun begitu, rakaman CCTV tidak merakam pergerakan Gan pada ketika itu kerana CCTV ini telah beralih (<i>tilt</i>) ke sudut pandangan yang lain.⁹²

(c) Visual di luar Blok E- kedudukan CCTV terletak di laluan ke Blok E dari arah belakang:⁹³

Minit Video	Perkara
1:31:19 Ekshibit 24(e)	<ul style="list-style-type: none"> - Gan dilihat telah sampai di hadapan Blok E dan tangannya bergari di belakang. - Semasa TMT diarahkan untuk berjalan itik ke Blok E, IW17 melihat Gan turut berjalan itik di hadapannya dalam keadaan lemah. Keadaan Gan pada ketika itu seperti dalam keadaan sempit dan susah berjalan. Semasa di hadapan Blok D, TMT termasuk Gan telah dibenarkan untuk berjalan seperti biasa.⁹⁴ - Pada ketika itu, kumpulan TMT telah diarahkan untuk duduk dalam barisan di hadapan Blok E. Gan kelihatan duduk di barisan kedua terakhir berhampiran dinding.
1:38:25 Ekshibit 24(e)	<ul style="list-style-type: none"> - Seorang TMT telah memberikan air minuman dan mengelap muka Gan dengan menggunakan kain berwarna putih.
1:39:39 Ekshibit 24(e)	<ul style="list-style-type: none"> - Gan kelihatan bersandar dan terbaring di atas riba TMT yang duduk bersebelahan dengannya. TMT berkenaan kelihatan

⁹² Ekshibit 24(c) merupakan CCTV yang mempunyai teknologi *Pan, Tilt, Zoom* (PTZ) yang akan beralih (*tilt*) pandangannya ke sudut yang mengesan pergerakan (*motion detection*).

⁹³ Rujuk kepada Ekshibit 24(e).

⁹⁴ Nota kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 233-234.

Minit Video	Perkara
	memberitahu sesuatu kepada anggota penjara yang bertugas.
1:41:01 sehingga 1:54:13 Ekshibit 24(e)	<ul style="list-style-type: none"> - TMT tersebut kemudiannya menyandarkan Gan ke dinding berhampiran tempat mereka duduk. - Dalam tempoh 15 minit selepas itu, Gan kelihatan duduk dalam keadaan tidak selesa dan bersandar ke dinding beberapa kali.
1:54:09 sehingga 1:56:32 Ekshibit 24(e)	<ul style="list-style-type: none"> - Seorang TMT telah membantu Gan untuk berdiri dan telah berbaris bersama TMT lain sebagai persediaan masuk ke dalam Blok E. - Selepas itu, gari Gan dibuka dan dia masuk ke dalam Blok E.

(d) Visual dalam Blok E- kedudukan CCTV terletak di bahagian hadapan dalam Blok E:⁹⁵

Minit Video	Perkara
1:57:42 Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - Gan dilihat memasuki Blok E. Dia berjalan dalam keadaan lemah. - Pada mulanya TMT yang bernama Adam Fong Abdullah (“IW17”) berjalan bersama Gan ke dalam Blok E. Namun begitu, setibanya mereka di dalam Blok E, Gan berjalan secara perlahan sambil tangannya memegang dinding. Oleh kerana anggota penjara yang bertugas meminta semua TMT untuk berjalan dengan pantas dan masuk ke dalam sel, IW17

⁹⁵ Rujuk kepada Ekshibit 24(f).

Minit Video	Perkara
	<p>terpaksa meninggalkan Gan yang kemudiannya berjalan sendirian.⁹⁶</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengikut rancangan pihak penjara, IW17 sepatutnya ditempatkan di dalam sel yang sama dengan Gan. IW17 telah masuk ke dalam sel bersama tiga orang TMT yang lain dan menunggu Gan. Namun, Gan tidak masuk ke dalam sel tersebut.⁹⁷
<p>1:58:10 Ekshibit 24(f)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Gan dilihat berhenti berjalan sebelum sampai ke sel yang ditetapkan dan menundukkan badannya serta dalam keadaan termengah-mengah. - Kelihatan empat orang TMT menghampiri Gan dan membantunya duduk di atas lantai sambil bersandar ke dinding. - Sarjan Penjara, Azwan bin Mohammed (“IW32”) dilihat telah memanggil empat orang TMT tersebut dan mengarahkan mereka masuk ke dalam sel. Gan kemudiannya ditinggalkan duduk bersendirian. - IW32 menyatakan matlamatnya pada ketika itu adalah untuk memastikan kesemua TMT masuk ke dalam sel masing-masing.⁹⁸
<p>1:59:08 Ekshibit 24(f)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Gan dilihat terbaring di atas lantai di tempat yang sama.

⁹⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat. 236-237.

⁹⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat. 238-240.

⁹⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 202-204.

Minit Video	Perkara
<p>1:59:25 sehingga 2:06:17 Ekshibit 24(f)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - IW32 dilihat menghampiri Gan dan berkata sesuatu kepadanya. - IW32 kemudiannya telah memanggil seorang TMT yang sedang berjalan masuk, iaitu, Leong Wai Kong (“IW4”) untuk mengipas Gan. IW4 menanggalkan bajunya dan terus mengipas Gan.⁹⁹ - Kelihatan ramai TMT sedang dimasukkan ke dalam sel masing-masing sementara IW4 masih lagi mengipas Gan. - Kelihatan empat hingga lima orang anggota penjara sedang sibuk menempatkan TMT ke dalam sel sambil lalu lalang di hadapan Gan. - Kelihatan IW32 memanggil TMT yang lain untuk membantu IW4 mengipas Gan yang masih lagi terbaring di tempat yang sama. TMT tersebut terus mengipas Gan menggunakan baju putih yang sama digunakan oleh IW4. - Masih tidak kelihatan mana-mana anggota penjara menghampiri Gan untuk melihat keadaan Gan. Pada waktu ini, terdapat lebih kurang tujuh orang anggota sedang berada di bahagian hadapan Blok E. Anggota ini dilihat sedang menempatkan TMT masuk ke dalam sel, dan ada yang dilihat duduk di kerusi sambil berbual. - IW4 dan seorang lagi TMT dilihat bergilir-gilir mengipas Gan.

⁹⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 303.

Minit Video	Perkara
2:06:18 Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan seorang lagi TMT, iaitu Hew Wei Leong (“IW18”) dibawa keluar dari sel dan dia dilihat terus membantu mengipas Gan. - Ketika berada di dalam sel, IW18 telah diminta oleh seorang anggota penjara untuk membantu sebagai “banduan kerja”. Apabila IW18 keluar dari sel, dia melihat muka Gan pucat dan sangat berpeluh.¹⁰⁰ - IW18 bertanya kepada Gan mengapa dia dalam keadaan seperti itu. Gan menjawab bahawa dia telah dipukul sambil menunjukkan bahagian tulang rusuk kanannya.¹⁰¹
2:07:41 Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan IW17 dibawa keluar dari sel. IW17 dilihat terus mengipas Gan dan membetulkan kedudukan Gan yang sedang terbaring. IW17 juga dilihat telah meletakkan kain berwarna putih di atas lantai untuk dijadikan pelapik kepala Gan. - IW17 selepas keluar dari sel dan melihat keadaan Gan, terus memberitahu Sarjan Penjara, Zaiful Mashadi bin Zainal Abidin (“IW33”) bahawa Gan berada dalam keadaan lemah, semput dan seperti mahu pengsan. IW33 kemudiannya meminta IW17 untuk mengipas Gan.¹⁰²
2:10:07 sehingga 2:12:13	<ul style="list-style-type: none"> - IW17 dilihat meninggalkan Gan dan menuju ke arah pintu hadapan Blok E.

¹⁰⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 336-337.

¹⁰¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 337.

¹⁰² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 243-244

Minit Video	Perkara
Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - Gan ditinggalkan berseorangan terbaring di atas lantai dan TMT lain kelihatan mengedarkan air minuman ke sel.
2:12:14 Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - IW17 dilihat datang semula dengan membawa sehelai kain berwarna ungu. Kain tersebut digunakan untuk menggelap belakang badan Gan dan dijadikan pelapik kepala untuk Gan yang sedang terbaring. Selepas itu, IW17 terus mengipas Gan. - Pada waktu ini, terdapat lebih kurang enam orang anggota penjara berada di hadapan Blok E sedang berbual antara satu sama lain.
2:13:23 sehingga 2:14:25 Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - Gan sekali lagi ditinggalkan baring bersendirian. - Seorang anggota UKP dilihat melintasi Gan semasa sedang berjalan menuju ke hujung blok, namun dia langsung tidak berhenti dan melihat keadaan Gan.
2:16:20 Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - Gan dilihat meminta pertolongan dari IW17 dan IW18 untuk membantu dia berdiri. Selepas itu, kelihatan Gan masuk ke dalam sebuah sel yang digunakan sebagai surau.
2:17:17 Ekshibit 24(f)	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan IW17 membawa Gan keluar dari sel tersebut. Gan dilihat semakin tidak bermaya dan akhirnya terduduk di luar sel tersebut sambil dipegang oleh IW17. - IW17 dilihat memangku Gan yang kelihatan semakin lemah sambil dikipas oleh IW18. IW17 menceritakan situasi tersebut seperti berikut:¹⁰³

¹⁰³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 254 dan 255.

Minit Video	Perkara
	<p><i>ADAM: ... Saya cakap Ah Leong tengok Uncle Gan ni macam sudah mahu pengsan lah. Cakap macam emergency sudah mahu pengsan. Ah Leong pun cakap 'saya rasa dia memang mahu pengsan lah. Muka pun suruh pucat'. Tapi waktu tu kita panggil-panggil dia Uncle Gan pun tak mahu layan kita dia pun baring sana. Lepas tu kita pun bagi tahu Sarjan lah. 'Sarjan, Ah Uncle Gan ni kecemasan ni, emergency ni. Sudah mahu pengsan' saya cakap. 'Macam tak boleh nak jalan lah. Sudah mahu pengsan'. Lepas tu Sarjan pun cakap.</i></p> <p><i>SK: Apa dia cakap?</i></p> <p><i>ADAM: Kipas lah dia</i></p> <p><i>SK: Kipaskan dia.</i></p> <p><i>ADAM: Ah. Lepas tu saya 'Sarjan, ini kipas tak guna' saya cakap. 'Saya pun sudah lama dari tadi saya pun kipaskan dia. Saya tengok dia makin lama makin lemah. Macam sudah mahu pengsan lah. Emergency ni' saya cakap. 'Kalau boleh hantar dia pergi rawatan lah' saya cakap. Lepas tu Sarjan pun fikir sekejap. Lepas tu Sarjan cakap 'macam ni bawa dia pergi pintu besar lah'.</i></p> <p>- Sarjan Penjara, Zaiful Mashadi bin Zainal Abidin (“IW33”) yang merupakan anggota UKP bertugas mengesahkan bahawa dia telah mengarahkan IW17 dan IW18 untuk membawa Gan ke Pintu Besar pada ketika itu.¹⁰⁴</p>
2:18:11 Ekshibit 24(f)	- IW17 dan IW18 mengangkat Gan menuju ke arah pintu hadapan Blok E. IW17 dilihat mengangkat badan manakala

¹⁰⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos 2025 muka surat 53

Minit Video	Perkara
	IW18 mengangkat kaki Gan pada masa tersebut kerana tiada pengusung (<i>stretcher</i>) di Blok E. ¹⁰⁵

- (e) Visual di luar Blok E- kedudukan CCTV terletak di laluan ke Blok E dari arah hadapan.¹⁰⁶

Minit Video	Perkara
3:18:25 Ekshibit 24(d)	<ul style="list-style-type: none"> - IW17 dan IW18 dilihat mengangkat Gan tanpa <i>stretcher</i> keluar dari Blok E menuju ke Pintu Besar. - Kelihatan IW32 mengiringi mereka berjalan ke arah Pintu Besar penjara. - Semasa dalam perjalanan membawa Gan ke Pintu Besar, IW17 dan IW18 telah berhenti di Blok D untuk mengambil <i>stretcher</i> dan meletakkan Gan di atas <i>stretcher</i> tersebut.¹⁰⁷

- (f) Visual di hadapan pintu penjara bersebelahan bilik *scanner*- kedudukan CCTV terletak di hadapan Blok B:¹⁰⁸

Minit Video	Perkara
4:20:16 Ekshibit 24(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Semasa CCTV beralih (<i>tilt</i>) ke arah pandangan pintu penjara bersebelahan bilik <i>scanner</i>, kelihatan IW17 dan IW18 sedang mengusung Gan menggunakan <i>stretcher</i> ke Pintu Besar Penjara Taiping. - IW17 dan IW18 kelihatan meletakkan <i>stretcher</i> tersebut di atas jalan untuk memberi tanda penghormatan kepada

¹⁰⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 282.

¹⁰⁶ Rujuk kepada Ekshibit 24(d).

¹⁰⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 283.

¹⁰⁸ Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

Minit Video	Perkara
	<p>Pengarah Penjara Taiping, PKK Nazri bin Mohamad (“IW1”) yang melintasi mereka. IW1 dilihat tidak datang menghampiri Gan.¹⁰⁹</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pada masa itu, Ketua UKP, Shafril Azmir bin Mohd Shafie (“IW20”) yang berada bersama IW1 bertanyakan apa yang berlaku kepada Gan. - Pada masa yang sama, kelihatan Pegawai Perubatan Penjara Taiping, Dr. Navin Esavik A/L Vikrama (“IW39”) juga berada di kawasan tersebut dan meminta Gan terus dibawa ke Pintu Besar.¹¹⁰ IW39 tidak memeriksa keadaan Gan pada ketika itu.¹¹¹ - Selepas itu, IW17 dan IW18 terus mengusung Gan dan meletakkannya di hadapan pintu masuk berhampiran <i>base</i> UKP di Pintu Besar.¹¹²
4:42:30 Ekshibit 24(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Kelihatan saksi TMT, Jeyenthiran A/L Suppiah (“IW9”) berjalan ke arah Pintu Besar sambil ditemani oleh banduan berbaju jingga. - Menurut IW9, dia dibawa ke hospital pada hari tersebut untuk mendapatkan rawatan kerana mengalami kecederaan di bahagian tangan dan jari yang patah. Semasa berada di Pintu Besar, dia lihat Gan masih berada di situ.¹¹³

¹⁰⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 323, 339-340

¹¹⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 286.

¹¹¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 287.

¹¹² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 288.

¹¹³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 255.

Keadaan Gan semasa di Pintu Besar

141. Semasa berada di Pintu Besar, IW20, IW38 dan IW39 telah bertanyakan kepada Gan mengenai keadaannya.¹¹⁴ Gan menjelaskan kepada IW17 dan IW18 dalam Bahasa Mandarin bahawa dia mengalami kesakitan di bahagian dada sebelah kanan dan sukar untuk bernafas. IW17 dan IW18 kemudiannya menyampaikan perkara tersebut kepada IW39.¹¹⁵
142. IW39 telah melakukan pemeriksaan ke atas Gan dan menyatakan bahawa kadar oksigennya (“**SPO²**”) rendah. IW39 mendapati bacaan SPO² pada masa itu adalah pada kadar 90 dan mendapati bacaannya adalah tidak menentu. Hal ini kerana, semasa IW38 melakukan pemeriksaan tanda vital, kadar SPO² pada ketika itu adalah 95.¹¹⁶
143. IW39 mendapati Gan berada dalam keadaan pucat tetapi masih bernafas. Dia telah melakukan *auscultation* di bahagian kanan paru-paru dan mendapati pengurangan kemasukan udara ke paru-paru. Gan juga dilihat berada dalam kesakitan. Oleh itu, IW39 membuat keputusan untuk merujuk Gan ke Jabatan Kecemasan Hospital Taiping.¹¹⁷ Selepas itu, IW39 mengarahkan anggota penjara untuk memanggil ambulans bagi membawa Gan ke hospital.¹¹⁸ IW39 menyatakan bahawa dia telah menjerit supaya pihak Penjara Taiping menghubungi ambulans dan juga kenderaan Penjara Taiping.¹¹⁹

Kandungan surat rujukan ke Hospital Taiping

144. IW39 telah memasukkan catatan mengenai punca kecederaan yang dialami Gan di dalam surat rujukannya ke Hospital Taiping iaitu “*alleged fall in the toilet today*”. IW39 menyatakan bahawa maklumat tersebut telah dimaklumkan oleh IW17 dan IW18

¹¹⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 296.

¹¹⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 117.

¹¹⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 117.

¹¹⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 117-118.

¹¹⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 296-297.

¹¹⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 118, 121 dan 123.

kepadanya semasa di Pintu Besar.¹²⁰ Walau bagaimanapun, IW17 dan IW18 menafikan perkara tersebut dan tidak pernah memaklumkan perkara sedemikian kepada IW39.¹²¹

145. Selain itu, surat rujukan Gan ke Hospital Taiping juga mempunyai butiran bacaan tanda vital yang normal. Perkara ini disahkan oleh keterangan IW38 yang menyatakan bahawa dia telah melakukan pemeriksaan tanda vital ke atas Gan dan memaklumkan bacaan tersebut kepada IW39. Semasa IW38 mengambil bacaan SPO² Gan, kadarnya adalah melebihi 95, bacaan tekanan darah adalah 118/93mmHG dan bacaan nadi adalah 81bpm.¹²² Bacaan tanda vital ini kemudiannya direkodkan oleh IW39 dalam surat rujukan ke hospital.¹²³ Namun demikian, IW39 tidak memasukkan butiran SPO² yang tidak menentu sepertimana yang dia dapati semasa membuat pemeriksaan ke atas Gan.

¹²⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 117.

¹²¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 306, 307 dan 348.

¹²² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 183.

¹²³ Rujuk kepada Ekshibit 34b.

SURAT RUJUKAN KE KLINIK HOSPITAL

Kepada: <i>MO</i>	Segera/ Tidak segera:
Jabatan/Unit: <i>A&E</i>	Mengikut peristiwat lanjut:
Nama Banduan: <i>GAN CHIN ENG</i>	Umur: Jantina:
No Kad Pengiraan: <i>83110875021</i>	No Rujukan: <i>co-morbid - amtek</i>
Kekhawatiran:	Tarikh dan masa: <i>directly - came to</i>
<i>thank you for being this in mode</i>	
<i>sustained injury over the left side chest, pharynx</i>	
<i>difficulty breathing @ P. P. P. P.</i>	
Pemeriksaan Fizikal:	<i>RR - 118/9; PR - 81; pd/c; SpO₂ - 98%</i>
<i>right side rib tenderness, reduced right</i>	
Diagnosis Awal:	<i>T.R. Right side Rib # Haematoma</i>
Libatan:	
Plan/ Rawatan Awal:	
Tarapat dan Tujuan rujukan:	<i>for further management at the hospital</i>

Diterima: *[Signature]* Tarikh: _____
 Tandatangan: *[Signature]*
 Nama: **WALIN ESAVIK**
PENGAWAM PERUBATAN UD48
 KLINIK KESIHATAN PENJARA
 PENJARA TAIPING
 Jawatan: _____

Ekshibit 34(b) - Surat Rujukan ke Hospital Taiping bagi Gan Chin Eng

Insiden di Pintu Besar

146. Selepas IW38 membuat pemeriksaan tanda vital terhadap Gan, IW38 telah membuat pemeriksaan terhadap TMT yang bernama Jeyenthiran A/L Suppiah (“IW9”) yang juga dibawa ke Pintu Besar untuk dihantar ke Hospital Taiping kerana mengalami patah jari susulan insiden tersebut. IW38 kemudiannya telah meninggalkan kawasan Pintu Besar untuk menunaikan solat Asar.¹²⁴
147. Manakala, IW39 pula telah pergi berjumpa IW1 yang berada di kantin Penjara Taiping untuk memaklumkan tindakan seterusnya dalam menguruskan TMT yang mengalami kecederaan semasa insiden tersebut.¹²⁵

¹²⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 187 dan 191.

¹²⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 126.

148. Gan telah ditinggalkan di Pintu Besar bersama IW17 dan IW18. Mereka kemudiannya telah menunggu selama lebih kurang 40 minit hingga satu jam untuk Gan dibawa ke hospital.¹²⁶ IW17 telah menceritakan keadaan Gan pada waktu itu seperti berikut:¹²⁷

*ADAM: Lepas tu, saya pun... kami pun pakaikan seluar baju Uncle Gan. Lepas tu, tengah pakai baju dia, kami rasa Uncle Gan macam nyawa-nyawa ikan. Pergerakan badan dia pun tak nampak sangat, naik turun-naik turun, bernafas dengan tangan dia bergenggam kuat. **Kami tengok-tengok, panggil pun dia tak mahu jawab. Buka kelopak mata pun tinggal mata putih sahaja. Saya rasa dengan jari saya dekat hidung dia pun tak rasa ada pernafasan. Lepas tu saya bagi tahu Ah Leong, Ah Leong, dia macam sudah putus nafas ni. Panggil-panggil, kita tampar-tampar muka Uncle Gan, tapi tak lah kuat sangat lah. Tampar-tampar bagi dia sedar tapi dia pun tak jawab apa**".*

149. Setelah melihat keadaan Gan dalam keadaan pucat, seolah-olah sudah tidak bernafas serta tangannya keras dan kaku, IW17 dan IW18 cuba memberi "bantuan pernafasan" melalui mulut dengan cara meniup-niup tanpa menekan dada. Ini kerana, mereka bimbang sekiranya tulang rusuk Gan patah. Selepas "bantuan pernafasan" tersebut diberikan, Gan telah terbatuk dan kembali sedar.¹²⁸
150. IW39 telah kembali ke Pintu Besar setelah mendengar IW17 dan IW18 menjerit-jerit nama Gan sambil menampar-nampar untuk menyedarkannya. Apabila IW39 tiba, dia diberitahu mengenai keadaan Gan dan IW39 kemudiannya mengarahkan Gan dihantar ke hospital menggunakan kenderaan Penjara Taiping tanpa menunggu ambulans.

¹²⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 293.

¹²⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 298-299.

¹²⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 301-303.

151. Selepas menunggu lebih kurang 10 minit, kenderaan dari Penjara Taiping tiba. IW17 dan IW18 telah mengangkat dan meletakkan Gan di dalam van tersebut. Selepas itu, IW17 dan IW18 telah diminta untuk meninggalkan kawasan tersebut. Kedua-dua mereka tidak melihat van tersebut bergerak, namun IW17 melihat beberapa orang anggota telah mengiringi Gan ke hospital.¹²⁹
152. IW39 menyatakan bahawa disebabkan van Penjara Taiping tiba sebelum ambulans, Gan telah dihantar ke Hospital Taiping menggunakan van tersebut.¹³⁰

Rawatan kecemasan di Hospital Taiping

153. Khairol Azmeer bin Ibrahim (“**IW35**”) dan Mohd Anuar bin Othman (“**IW36**”) merupakan Sarjan Penjara yang diarahkan untuk mengiringi Gan ke Hospital Taiping pada petang 17 Januari 2025.¹³¹ Mereka bersama seorang pemandu telah mengiringi Gan ke hospital menggunakan van Penjara Taiping. Namun, tiada kakitangan perubatan yang turut serta di dalam van tersebut. IW35 telah diberikan satu surat rujukan ke hospital untuk diserahkan ke Jabatan Kecemasan di Hospital Taiping.¹³²
154. IW35 duduk di bahagian hadapan van semasa perjalanan ke hospital, dan telah meminta IW36 untuk melihat keadaan Gan.¹³³ IW36 telah cuba mengejutkan Gan dan mendapati terdapat pergerakan pada dada, menandakan bahawa Gan masih bernyawa.¹³⁴

¹²⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 303-305.

¹³⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 118.

¹³¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos 2025 muka surat 144-145.

¹³² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos.2025 muka surat 146-147.

¹³³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos.2025 muka surat 149-150.

¹³⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos.2025 muka surat. 195-196.

155. Lebih kurang selepas 15 minit perjalanan, iaitu, sekitar jam 6.35 petang atau 6.40 petang, mereka tiba di Jabatan Kecemasan Hospital Taiping. IW35 menyerahkan surat rujukan yang dibawa bersamanya kepada Jabatan Kecemasan Hospital Taiping, namun dia tidak masuk ke dalam bilik rawatan kerana dia membawa senjata.¹³⁵
156. Manakala, IW36 masuk ke bilik rawatan dan melihat Pegawai Perubatan memberikan bantuan pernafasan (“CPR”) kepada Gan. Selepas lebih kurang 15 hingga 20 minit, iaitu, kira-kira jam 7.00 petang, Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan Hospital Taiping, iaitu, Dr. Amir Mustaqim mengesahkan bahawa Gan telah meninggal dunia.¹³⁶
157. IW35 telah memaklumkan mengenai kematian Gan kepada pihak Penjara Taiping dan dia telah diarahkan untuk membuat laporan polis mengenai kematian tersebut.¹³⁷ Kemudian, IW35 telah membuat laporan polis di Balai Polis Taiping.¹³⁸

Laporan awal forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh

158. Dr Tan Lii Jye (“IW41”) yang merupakan Pakar Perubatan Forensik, Hospital Permaisuri Bainun, Ipoh telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat Gan pada 19 Januari 2025 jam 9.30 pagi, atas permintaan pegawai penyiasat PDRM, ASP Siti Nor Rasyidah binti M. Nadzri (“IW42”) untuk menentukan punca kematian.¹³⁹
159. Bedah siasat tersebut mengenal pasti kecederaan yang dikesan pada badan Gan seperti berikut:

¹³⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos.2025 muka surat. 150-153.

¹³⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos.2025 muka surat 196-198.

¹³⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos.2025 muka surat 154.

¹³⁸ Rujuk kepada Ekshibit 60.

¹³⁹ Rujuk kepada Ekshibit 79.

- (a) *Post-mortem examination showed evidence of blunt injuries involving the back of torso, chest and abdomen.*
- (b) *The abdominal injury that he sustained is fatal in nature.*
- (c) *The pattern of these injuries is inconsistent with self-inflicted injury or fall.*
- (d) *The postmortem examination also showed the evidence of coronary atherosclerosis*

160. IW41 mendapati Gan mengalami pelbagai kecederaan termasuk luka, lebam dan patah tulang rusuk sehingga menembus ke organ hati. Ini menyebabkan Gan telah kehilangan darah yang banyak iaitu lebih kurang 1.4 liter.¹⁴⁰ IW41 mengesahkan bahawa kecederaan tersebut adalah berpunca dari hentakan objek tumpul (*blunt force trauma*).¹⁴¹ Punca kematian yang direkodkan di dalam laporan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) *Abdominal Injury due to blunt trauma; dan*
- (b) *Coronary Atherosclerosis.*

G. Fakta Selepas Insiden

Pengasingan dan Layanan Terhadap TMT

161. Selepas insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025, seramai 24 orang TMT telah ditempatkan di Blok C, yang dikenali sebagai blok pengasingan.¹⁴² Manakala TMT yang lain telah ditempatkan di Blok E. Pengasingan ini dilakukan kerana pihak pengurusan Penjara Taiping bercadang untuk mengambil tindakan tatatertib ke atas

¹⁴⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 23.

¹⁴¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 50.

¹⁴² Blok pengasingan adalah merupakan blok yang menempatkan sel khas untuk pengasingan di bawah Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Penjara 2000.

TMT di Blok C kerana mereka didakwa sebagai pihak yang memulakan rusuhan pada 17 Januari 2025.¹⁴³

162. Walau bagaimanapun, IW1 memaklumkan bahawa tindakan tata tertib tidak akan dikenakan terhadap TMT di Blok C selagi Jabatan Penjara Malaysia belum menerima sebarang keputusan siasatan dari pihak PDRM.¹⁴⁴

Layanan terhadap TMT

163. Para TMT tidak dibekalkan dengan peralatan kebersihan diri seperti sabun, berus gigi, ubat gigi, serta barang keperluan asas seperti tilam, selimut, kole air dan selipar, selama tempoh tiga atau empat hari selepas insiden tersebut. Sepanjang tempoh tersebut, TMT hanya mandi tanpa menggunakan peralatan kebersihan diri serta terpaksa tidur di atas lantai.¹⁴⁵
164. Selain itu, TMT terpaksa memakai pakaian yang sama yang digunakan semasa pemindahan dari Dewan B, walaupun pakaian tersebut telah berlumuran darah akibat kecederaan yang dialami semasa insiden berkenaan. TMT hanya dibenarkan menukar pakaian selepas menerima barangan peribadi masing-masing, iaitu kira-kira dua minggu selepas insiden tersebut berlaku.¹⁴⁶
165. TMT di Blok E telah dipaksa mandi menggunakan air di kolam kecil yang kotor dan berlumut. Kolam kecil tersebut biasanya digunakan untuk membasuh tong najis tahanan, manakala kolam besar dikhususkan untuk kegunaan mandi tahanan. Namun begitu, TMT tidak dibenarkan mandi di kolam besar tersebut.¹⁴⁷
166. Pihak pengurusan Penjara Taiping juga telah menyekat hubungan TMT dengan pihak luar, termasuk tidak membenarkan lawatan keluarga dan penggunaan wartel.

¹⁴³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 215 dan 221.

¹⁴⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 114.

¹⁴⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 327-328.

¹⁴⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 326.

¹⁴⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 98.

Janji temu yang dibuat lebih awal untuk lawatan ahli keluarga telah dibatalkan dengan alasan TMT perlu menjalani kuarantin.¹⁴⁸

167. Akibat sekatan tersebut, TMT tidak dapat memaklumkan kepada ahli keluarga masing-masing secara lebih awal mengenai insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025.
168. Walau bagaimanapun, perkara ini telah dinafikan oleh IW1 yang menyatakan keutamaan bagi penggunaan kemudahan wartel dan lawatan keluarga diberikan kepada tahanan berbangsa Cina kerana perayaan Tahun Baru Cina akan disambut dalam masa terdekat pada ketika itu.¹⁴⁹

Kecederaan dan rawatan kepada TMT

169. Susulan dari insiden tersebut, ramai TMT telah mengalami kecederaan akibat kekerasan yang dilakukan oleh anggota. Antara kecederaan yang dialami oleh TMT adalah seperti berikut:
 - (a) Bengkak dan lebam di anggota badan seperti tangan, belakang badan, tulang rusuk;¹⁵⁰
 - (b) Luka dan koyakan di bahagian kepala;¹⁵¹

¹⁴⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 241 dan 324.

¹⁴⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 115.

¹⁵⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Jun 2025 muka surat 269 dan Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 244.

¹⁵¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 91 dan Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 19 dan 244.

- (c) Luka dan koyakan kulit (tersiat) seperti di punggung dan tumit kaki akibat diseret;¹⁵²
- (d) Patah tulang rusuk dan jari;¹⁵³
- (e) Rabun mata dan sakit kepala yang kuat akibat disemur *pepper spray*;¹⁵⁴ dan
- (f) Pecah gendang telinga.¹⁵⁵

Rawatan kepada TMT

170. Pada malam kejadian, IW38 dan IW39 serta dua orang anggota klinik (*Medical Orderly*) telah pergi ke Blok C dan Blok E bagi memeriksa keadaan TMT. IW38 telah melawat setiap sel dan mengenal pasti TMT yang mengalami kecederaan serius. TMT yang mengalami kecederaan telah dibawa berjumpa dengan IW39 di koridor blok bagi tujuan pemeriksaan kecederaan. Sementara itu, IW38 telah membersihkan luka, menjalankan pemeriksaan fizikal serta membuat catatan bagi tujuan dokumentasi perubatan.¹⁵⁶
171. IW38 dan IW39 hanya membersihkan luka serta memberikan kapas luka (*gauze*) tanpa memberikan rawatan susulan terhadap kecederaan yang dialami. Tiada jahitan dilakukan walaupun terdapat TMT yang mengalami luka koyakan di kepala, termasuk Arumugam A/L Kandasamy (“**IW3**”) dan Aaron Amin Holden (“**IW8**”).¹⁵⁷

¹⁵² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 64 dan Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 23.

¹⁵³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 91 dan 308 serta Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 238 dan 392.

¹⁵⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 373 dan 376.

¹⁵⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 155.

¹⁵⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 60.

¹⁵⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 218 dan Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 298.

172. Terdapat percanggahan mengenai pemeriksaan tanda vital terhadap TMT semasa IW38 dan IW39 pergi ke Blok C dan Blok E. TMT mendakwa bahawa tiada pemeriksaan tanda vital seperti bacaan tekanan darah atau nadi dijalankan, memandangkan tiada sebarang peralatan pemeriksaan kesihatan digunakan pada hari kejadian.¹⁵⁸
173. IW38 menafikan dakwaan TMT yang menyatakan dia tidak menjalankan pemeriksaan tanda vital. Sebaliknya, pemeriksaan tekanan darah, nadi dan kadar oksigen telah dijalankan menggunakan peralatan yang dibawa, termasuk stetoskop, mesin tekanan darah dan nadi, *oximeter* bagi pemeriksaan oksigen serta lampu picit untuk memeriksa mata, telinga, mulut dan hidung.¹⁵⁹

Pelaksanaan ujian air kencing

174. Ujian air kencing bagi mengesan sebarang penggunaan dadah telah dijalankan ke atas semua TMT yang terlibat dalam insiden tersebut. Ujian air kencing ini telah dilaksanakan pada 18 Januari 2025 bagi TMT di Blok E dan 19 Januari 2025 bagi TMT di Blok C oleh empat orang anggota Program Pembangunan Insan dari Unit Pemulihan yang diketuai oleh Muhamad Mustakhim bin Abdul Rahim (“**IW25**”). Ujian tersebut dijalankan berdasarkan arahan lisan daripada TPP. Walau bagaimanapun, IW25 tidak mengingati nama TPP yang memberi arahan tersebut.¹⁶⁰
175. Berdasarkan keputusan ujian saringan air kencing ke atas TMT, satu Laporan Bulanan Ujian Saringan Air Kencing Tahanan/Penghuni Penjara Taiping bagi bulan

¹⁵⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 71.

¹⁵⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 62.

¹⁶⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 238, Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 84, Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 112 dan Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 15.

Januari 2025 telah dikemukakan kepada Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Penjara, Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia, untuk tujuan penelitian.¹⁶¹

Perjumpaan Pengarah dengan TMT

176. Satu perjumpaan antara IW1 dan 24 orang TMT yang ditempatkan di Blok C telah diadakan di Dewan Datuk Maharajalela, Penjara Taiping, dalam tempoh dua minggu selepas insiden tersebut berlaku. Perbincangan tersebut dijalankan secara tertutup dengan kehadiran IW19 dan seorang lagi anggota Penjara Taiping.¹⁶²
177. IW1 bertanyakan kepada TMT yang hadir mengenai punca pergaduhan pada hari kejadian, dengan andaian bahawa TMT telah memulakan pergaduhan sesama sendiri sehingga mencetuskan rusuhan ketika anggota penjara cuba meleraikannya. TMT menafikan perkara tersebut dan meminta IW1 untuk menyemak semula rakaman CCTV bagi mengesahkan sama ada rusuhan itu dimulakan oleh TMT atau sebaliknya.¹⁶³
178. Selain itu, IW1 turut memaklumkan bahawa 24 orang TMT tersebut akan kekal ditempatkan di Blok C tanpa sebarang alasan diberikan. Walau bagaimanapun, dia berjanji akan memberikan TMT waktu beriadah serta penggunaan wartel.¹⁶⁴

Siasatan dalaman Jabatan Penjara Malaysia

179. Satu siasatan dalaman telah dijalankan oleh Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Penjara, Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia berhubung insiden tersebut. Siasatan dalaman ini merangkumi beberapa tindakan, termasuk lawatan ke

¹⁶¹ Rujuk kepada Ekshibit 71 (New).

¹⁶² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 108.

¹⁶³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 110.

¹⁶⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 111.

lokasi kejadian di Penjara Taiping, pemeriksaan rakaman CCTV serta sesi soal siasat bersama anggota yang bertugas di Penjara Taiping.¹⁶⁵ Hasil siasatan menunjukkan bahawa terdapat pelanggaran SOP dan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (“**PTKJP**”) oleh anggota penjara.¹⁶⁶

180. Walaupun siasatan dalaman mendapati terdapat pelanggaran SOP dan PTKJP oleh beberapa anggota yang terlibat, tiada sebarang tindakan tatatertib diambil terhadap mana-mana anggota di Penjara Taiping. Sebaliknya, Jabatan Penjara Malaysia hanya melaksanakan pertukaran anggota sebagai langkah pentadbiran bagi meredakan keadaan dan memastikan kejadian seumpama ini tidak berulang pada masa hadapan.¹⁶⁷
181. Pertukaran tersebut melibatkan IW1 yang telah ditukarkan ke Pejabat Penjara Negeri Perak, manakala enam orang anggota lain telah ditukarkan ke Pusat Koreksional Kamunting.¹⁶⁸
182. Selain itu, tindakan tatatertib tidak diambil terhadap mana-mana anggota penjara kerana siasatan PDRM masih berjalan. Perkara ini merupakan peraturan dalaman Jabatan Penjara Malaysia bagi mengelakkan berlakunya tindakan berulang (*double jeopardy*) terhadap mana-mana anggota sekiranya mereka didakwa di mahkamah dan diputuskan bersalah untuk kesalahan yang sama.¹⁶⁹

¹⁶⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Ogos 2025 muka surat 77-79.

¹⁶⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 22 September 2025 muka surat 38.

¹⁶⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 22 September 2025 muka surat 54.

¹⁶⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 110.

¹⁶⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 22 September 2025 muka surat 48.

H. Siasatan PDRM

Kertas Siasatan PDRM

183. Satu kertas siasatan telah dibuka oleh IPD Taiping terhadap laporan polis yang dibuat oleh Sarjan Penjara, Khairol Azmeer bin Ibrahim (“**IW35**”) berhubung kematian Gan (No. Repot: TAIPING/000489/25 bertarikh 17 Januari 2025).¹⁷⁰ Kes tersebut telah disiasat oleh pegawai penyiasat PDRM, ASP Siti Nor Rasyidah binti M. Nadzri (“**IW42**”) di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.
184. Sebanyak 46 laporan polis termasuk laporan polis yang dibuat oleh ahli keluarga TMT¹⁷¹ berhubung kecederaan yang dialami oleh TMT juga telah disiasat di bawah satu kertas siasatan yang sama dengan kes kematian Gan iaitu di bawah seksyen 323, 324 dan 326 Kanun Keseksaan. Hal ini kerana, kes-kes tersebut adalah berkaitan dengan kejadian yang sama serta berlaku di tempat dan masa yang sama.¹⁷²
185. IW42 bersama pasukan IPD Taiping serta pasukan forensik dari Bahagian D10, Ibu Pejabat Kontinjen Perak (“**IPK Perak**”) telah memulakan siasatan di Penjara Taiping pada 19 Januari 2025.¹⁷³ Sebanyak 214 keterangan telah dirakamkan daripada saksi, antara lainnya seperti berikut:¹⁷⁴

Saksi	Jumlah
Tahanan Mahkamah Tinggi	80
Pegawai Penjara Taiping	19
Petugas Am Penjara Taiping	37
Anggota Unit Kawalan dan Pencegahan (UKP)	22

¹⁷⁰ Rujuk kepada Ekshibit 60.

¹⁷¹ Rujuk kepada Ekshibit 85.

¹⁷² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 102.

¹⁷³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 79-87.

¹⁷⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 84.

Saksi	Jumlah
Pegawai Perubatan dan Penolong Pengawai Perubatan Penjara Taiping	2
Petugas Kesihatan Hospital Taiping	3
Pakar Perubatan Forensik Hospital Permaisuri Bainun, Ipoh	1
Waris TMT	35
Peguam	1
Saksi awam	3
Anggota PDRM	3

Status kertas siasatan PDRM

186. Muhammad Zaki Abdul Kudus (“**IW49**”) iaitu Pengarah Pejabat Pendakwaan Negeri Perak (“**PPN Perak**”), telah memohon agar IW42 mempercepatkan siasatan dan mengemukakan kertas siasatan untuk penilaian pihak pendakwaan. Permohonan ini dibuat kerana Jabatan Peguam Negara telah meminta maklum balas mengenai siasatan memandangkan kes tersebut telah mendapat perhatian umum serta dibincangkan di peringkat Parlimen.¹⁷⁵
187. Walau bagaimanapun, IW42 telah memohon tempoh masa bagi menjalankan siasatan dengan lebih menyeluruh. Kes ini telah dikategorikan sebagai “kes menarik” kerana ia melibatkan agensi kerajaan dan penjawat awam serta mendapat perhatian umum. Oleh itu, Ibu Pejabat PDRM di Bukit Aman telah mengarahkan semua hasil siasatan termasuk rakaman percakapan, hasil kawad cam serta bukti-bukti lain dikemukakan kepada pihak atasan untuk diteliti sebelum sebarang arahan lanjut diberikan.¹⁷⁶ Sehubungan itu, kes ini telah diberi keutamaan oleh pasukan penyiasat.¹⁷⁷

¹⁷⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 101 dan 103.

¹⁷⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 82.

¹⁷⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 93 dan 127.

188. Setelah diteliti oleh pihak atasan, kertas siasatan tersebut kemudiannya telah dikemukakan kepada PPN Perak pada 11 April 2025 dan satu taklimat berhubung hasil siasatan telah diberikan oleh IW42.¹⁷⁸ Di dalam kertas siasatan tersebut, IW42 telah mengesyorkan agar kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan yang melibatkan seorang saspek anggota penjara dipertuduhkan di mahkamah.¹⁷⁹ Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Perak, SAC Luqman bin Abdul Rahman (“**IW47**”) menafikan bahawa pihak PDRM telah mengemukakan sebarang syor kepada PPN Perak, memandangkan siasatan masih belum lengkap. Sebaliknya, kertas siasatan telah dikemukakan bagi mendapatkan pandangan dan arahan selanjutnya.¹⁸⁰
189. Kertas siasatan tersebut kemudiannya telah diangkat ke Jabatan Peguam Negara, Putrajaya pada 6 Mei 2025 untuk penelitian dan arahan selanjutnya.¹⁸¹ Setelah hampir tiga bulan, kertas siasatan tersebut dipulangkan semula kepada PPN Perak pada 20 Ogos 2025 di mana Jabatan Peguam Negara telah mengarahkan IW42 untuk menyerahkan laporan bedah siasat dan rakaman CCTV penuh berkaitan insiden tersebut.¹⁸²

Kelewatan dalam melengkapkan siasatan PDRM

190. IW42 tidak menyerahkan laporan bedah siasat dan rakaman CCTV bersama kertas siasatan pada ketika itu disebabkan dokumen-dokumen tersebut masih belum diterima daripada pihak berkaitan, iaitu seperti berikut:
- (a) IW42 telah membuat permohonan untuk mendapatkan laporan bedah siasat kematian Gan dari Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh sejak bulan Februari 2025. Pada masa tersebut, Pakar Perubatan Forensik, Dr Tan Lii

¹⁷⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 83-84.

¹⁷⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 102.

¹⁸⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 154.

¹⁸¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 131.

¹⁸² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 90-91.

Jye (“IW41”) memaklumkan bahawa laporan bedah siasat masih belum lengkap kerana menunggu laporan toksikologi;¹⁸³ dan

- (b) Pada peringkat awal, IW42 tidak menerima rakaman penuh CCTV daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia kerana rakaman tersebut tidak lagi berada dalam simpanan jabatan tersebut. Sebaliknya, rakaman tersebut hanya boleh diperolehi semula melalui pihak pembekal perkhidmatan sistem CCTV berkenaan. IW49 telah mengarahkan agar IW42 mendapatkan salinan rakaman tersebut daripada pihak pembekal yang mana proses tersebut mengambil masa yang lama kerana perlu dipindahkan ke dalam beberapa cakera padat.¹⁸⁴ Kemudian, rakaman CCTV tersebut pula telah dikemukakan kepada Unit Forensik PDRM di Cheras, Kuala Lumpur, untuk pengesahan kesahihan kandungan sebelum digunakan sebagai barang bukti. Sementara itu, IW42 telah memasukkan gambar pegun (*screenshot*) daripada rakaman CCTV ke dalam kertas siasatan sebagai rujukan PPN Perak.¹⁸⁵

191. IW42 mengakui bahawa berlakunya kelewatan dalam mendapatkan laporan bedah siasat daripada pihak hospital. Kelewatan tersebut berpunca daripada pertukarannya ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, IPK Perak, bermula 5 Mei 2025.¹⁸⁶ Selepas pertukaran tersebut, tiada pegawai penyiasat baharu dilantik untuk meneruskan siasatan.
192. IW42 telah mengemukakan kedua-dua bahan bukti berkenaan kepada PPN Perak kira-kira seminggu sebelum IW49 memberi keterangan di Inkuiri Awam. Namun, sehingga keterangan di Inkuiri Awam diberikan, IW49 masih belum mempunyai kesempatan untuk meneliti rakaman penuh CCTV tersebut. Bahan bukti itu dijangka akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara dalam masa terdekat.¹⁸⁷

¹⁸³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 95.

¹⁸⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 105.

¹⁸⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 93.

¹⁸⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 142-143.

¹⁸⁷ *Ibid.*

Status tangkapan saspek

193. IW42 mengesahkan bahawa terdapat unsur jenayah yang dilakukan oleh anggota Penjara Taiping selepas meneliti rakaman CCTV insiden tersebut. Walau bagaimanapun, tiada sebarang tangkapan dibuat terhadap mana-mana individu yang terlibat memandangkan tiada arahan lanjut dikeluarkan oleh IW47 untuk melaksanakan penangkapan berkenaan.¹⁸⁸
194. Di samping itu, kesemua suspek merupakan penjawat awam yang masih berkhidmat di Jabatan Penjara Malaysia dan telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang siasatan dijalankan serta tidak menunjukkan kecenderungan untuk melarikan diri. Oleh itu, tiada sebarang penangkapan diperlukan pada masa ini sehingga arahan lanjut diterima daripada Jabatan Peguam Negara.¹⁸⁹

¹⁸⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 88-89.

¹⁸⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 145.

BAB 4

PENDIRIAN PIHAK PEMERHATI

Pendirian peguam yang mewakili keluarga TMT

195. Pihak peguam yang mewakili keluarga TMT ("**Peguam Keluarga**") berpendirian bahawa telah berlakunya pelanggaran hak asasi manusia yang jelas pada 17 Januari 2025 kira-kira jam 3.00 petang, di mana 50 hingga 60 anggota penjara telah menyerang lebih kurang 89 orang TMT dengan kejam di Penjara Taiping sehingga menyebabkan kecederaan serius terhadap TMT dan kematian Gan Chin Eng ("**Gan**").
196. Peguam Keluarga berpendirian bahawa serangan dan tindakan anggota Penjara Taiping terhadap TMT dengan menggunakan cota, *pepper spray* dan kata-kata kesat semasa insiden tersebut berlaku menunjukkan kegagalan mereka dalam melindungi tahanan di bawah jagaanya. Peguam Keluarga berhujah bahawa kelakuan dan tindakan anggota penjara tersebut bukan bertujuan untuk mendisiplinkan tahanan, sebaliknya adalah keseronokan melakukan kekejaman kepada TMT.
197. Peguam Keluarga berpendirian bahawa anggota penjara telah menyalahgunakan kuasa dan melanggar SOP yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Penjara 2000 dan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara ("**PTKJP**"). Ini termasuklah keperluan membuat catatan poket diari, penggunaan peralatan dan senjata seperti cota dan *pepper spray*, serta langkah-langkah menangani situasi berisiko dan pengurusan tahanan. Secara tidak langsung, ia tidak menepati standard minimum antarabangsa dalam penjagaan tahanan seperti Peraturan Nelson Mandela.
198. Peguam Keluarga menekankan bahawa tindakan kekerasan anggota Penjara Taiping seperti menendang, menumbuk dan memijak belakang TMT tidak boleh ditafsirkan sebagai penggunaan kekerasan minimum, sebaliknya ia merupakan kekejaman yang melampau terhadap TMT. Anggota penjara telah melakukan

kekerasan semasa TMT berada di dalam Dewan B, diiringi keluar dari dewan tersebut, di dalam dan di luar Blok B, serta di Dataran Kedamaian.

199. Peguam Keluarga berpendirian bahawa tindakan anggota penjara mencerminkan penyalahgunaan kuasa serta kegagalan dalam menjalankan tanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan TMT serta melindungi mereka daripada bahaya dan sebarang bentuk keganasan lain.
200. Peguam Keluarga juga berpendirian bahawa kegagalan ini seterusnya berlaku di Blok E apabila anggota penjara cuai dalam memberikan bantuan yang sewajarnya kepada Gan. Mendiang juga telah dipukul di bahagian rusuk menyebabkan beliau lemah dan mengalami kesakitan. Peguam Keluarga berhujah bahawa ketiadaan bantuan atau rawatan yang segera menunjukkan ketidakprihatinan anggota penjara terhadap keadaan Gan di Blok E.
201. Peguam Keluarga turut berpendirian bahawa Dr Navin Esavik A/L Vikrama (“**IW39**”) sebagai Pegawai Perubatan di Penjara Taiping telah gagal dan cuai melaksanakan tanggungjawabnya dalam menjaga kesihatan TMT. Kecuaian ini termasuk gagal memberi rawatan yang segera dan sewajarnya kepada TMT yang telah mengalami kecederaan. Peguam Keluarga berhujah terdapat banyak percanggahan maklumat yang didokumentasikan di dalam kad perubatan TMT selepas insiden 17 Januari 2025.
202. Peguam Keluarga berhujah bahawa IW39 juga telah gagal dan cuai dalam meneliti dan menilai keadaan Gan semasa berada di Pintu Besar, sehingga membawa kepada kematiannya. Tindakan IW39 seperti tidak membuat pemeriksaan fizikal terhadap Gan, tidak mengarahkan anggota penjara untuk mendapatkan peralatan bantuan pernafasan yang disimpan di klinik penjara, menggunakan van penjara berbanding ambulans dan perjumpaan bersama IW1 di kantin yang berkemungkinan untuk memaklumkan mengenai kematian Gan pada ketika itu menyebabkan Peguam Keluarga berpendirian bahawa Gan sebenarnya sudahpun meninggal dunia sewaktu berada di Penjara Taiping.

203. Peguam Keluarga juga berpendirian bahawa berlaku kelewatan yang ketara dalam menghantar Gan ke hospital. Walaupun IW39 mendakwa bahawa Gan hanya dibiarkan menunggu selama kira-kira 15 minit dan dia telah berusaha untuk membawa Gan ke hospital secepat mungkin, rakaman CCTV serta soal balas terperinci semasa prosiding Inkuiri Awam jelas menunjukkan sebaliknya. Bukti rakaman CCTV mengesahkan bahawa Gan telah ditinggalkan di Pintu Besar untuk tempoh yang jauh lebih lama, iaitu melebihi 30 minit. Lebih membimbangkan lagi, IW39 didapati telah meninggalkan Gan tanpa pengawasan untuk berjumpa dengan Pengarah Penjara, Nazri bin Mohamad (“**IW1**”) di kantin penjara.
204. Peguam Keluarga berpendapat bahawa pengabaian terhadap rawatan segera dan sewajarnya kepada Gan tidak boleh dianggap sebagai satu kesilapan pertimbangan semata-mata, sebaliknya ia merupakan satu pengabaian terhadap hak seseorang untuk hidup. Peguam Keluarga berhujah bahawa dengan mengabaikan tanda-tanda jelas yang menunjukkan keadaan kesihatan Gan yang semakin merosot, IW39 dan anggota penjara telah gagal menunaikan tanggungjawab mereka untuk mencegah berlakunya kematian. Peguam Keluarga turut menegaskan bahawa IW39 telah melanggar *Hipocratic Oath* serta mengabaikan tugas dan kewajipannya sebagai Pegawai Perubatan.
205. Selain itu, Peguam Keluarga berpendirian terdapat kegagalan pengurusan terutamanya IW1 dan Timbalan Pengarah Penjara Taiping, Shahrul Izzat bin Hamid (“**IW37**”) sebagai pegawai atasan Penjara Taiping untuk mengambil tanggungjawab terhadap insiden yang berlaku. Kedua-dua pegawai atasan tersebut saling menyalahkan antara satu sama lain mengenai keputusan penempatan TMT di Blok E. Tambahan pula, IW1 menyatakan bahawa dia tidak berada di Penjara Taiping semasa insiden tersebut berlaku dan hanya berperanan memberi taklimat kepada anggota penjara yang terlibat selepas tiga hari insiden tersebut berlaku.
206. Peguam Keluarga turut berhujah bahawa kegagalan pengurusan juga dapat dilihat apabila laporan polis yang dibuat oleh Pegawai Yang Bertugas (PYB), Khairul Esmail bin Mohd Zawawi (“**IW23**”) sebagaimana yang diarahkan oleh IW37 mengandungi maklumat palsu mengenai insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025. Kandungan laporan polis ini berdasarkan maklumat yang diterima daripada IW37, Shafriil Azmir

bin Mohd Shafie (“IW20”), Teuku Mohd Hasbi bin Tarmizi (“IW21”) dan Saiful Azman bin Mohamad Ibrahim (“IW26”).

207. Peguam Keluarga menekankan bahawa terdapat pelbagai percanggahan dari segi keterangan anggota penjara dan dokumen yang dikemukakan sewaktu prosiding Inkuiri Awam. Walaupun telah berulang kali diberikan peringatan dan amaran ketika prosiding Inkuiri Awam, namun, anggota penjara tetap degil dan terus memberi keterangan secara tidak jujur dengan menafikan penglibatan mereka walaupun rakaman CCTV jelas menunjukkan tindakan kekerasan berlaku semasa insiden tersebut.
208. Selain itu, Peguam Keluarga berpendirian bahawa walaupun pihak pengurusan Penjara Taiping sedia maklum mengenai keadaan infrastruktur bangunan Penjara Taiping yang uzur, namun peruntukan penyelenggaraan yang disalurkan telah digunakan untuk membaiki kuarters anggota penjara terlebih dahulu berbanding infrastruktur penjara dan kemudahan asas untuk tahanan.
209. Peguam Keluarga berpendirian bahawa tindakan pihak Penjara Taiping menempatkan TMT di Blok E yang rosak, tidak dilengkapi kemudahan asas, tidak selamat dan berisiko untuk runtuh serta sesak telah menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia.
210. Peguam Keluarga juga berpendirian bahawa pihak PDRM telah gagal dalam melaksanakan tanggungjawab statutori dengan tidak menjalankan siasatan sepenuhnya sepertimana yang digariskan di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Peguam Keluarga berhujah kelewatan PDRM dalam menjalankan siasatan menimbulkan kebimbangan serius terhadap integriti dan tanggungjawab PDRM dalam menjalankan siasatan tentang kematian Gan.
211. Peguam Keluarga selanjutnya berhujah bahawa pegawai PDRM iaitu ASP Siti Nor Rasyidah binti M. Nadzri (“IW42”) dan SAC Luqman bin Abdul Rahman (“IW47”) bukan sahaja cuai, tetapi gagal menjalankan siasatan yang terperinci dan bersungguh-sungguh serta seolah-olah cuba menyembunyikan perkara sebenar

yang berlaku khususnya insiden yang melibatkan kematian Gan pada 17 Januari 2025.

212. Peguam Keluarga berhujah bahawa PDRM seharusnya mendapat kritikan orang awam disebabkan ketiadaan tindakan untuk mendakwa mana-mana individu yang telah dikenalpasti melakukan keganasan serta kekejaman terhadap TMT pada 17 Januari 2025. Selain itu, perkara ini mengundang kegusaran terhadap integriti dan ketelusan badan penguatkuasa seperti PDRM di Malaysia.
213. Peguam Keluarga berpendirian bahawa Jabatan Penjara Malaysia telah gagal dalam menjalankan siasatan dalaman secara telus. Malahan, tiada tindakan tatatertib yang diambil terhadap anggota penjara yang terlibat semasa insiden pada 17 Januari 2025. Peguam Keluarga berhujah bahawa Akta Penjara 1995 (Akta 537) tidak memperuntukkan bahawa sabitan jenayah adalah prasyarat untuk memulakan prosiding tatatertib dalaman. Selain itu, alasan yang diberikan oleh Penjara Taiping dan Jabatan Penjara Malaysia bahawa tindakan tatatertib tidak boleh dijalankan secara serentak dengan siasatan jenayah adalah tidak berasas dan merupakan satu helah untuk menyembunyikan kebenaran.

Pendirian Majlis Peguam Malaysia

214. Majlis Peguam Malaysia selaku Pemerhati berhujah bahawa insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping merupakan pelanggaran hak asasi yang serius terhadap hak untuk hidup, hak untuk bebas daripada penyeksaan serta layanan atau hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, selain mencerminkan kegagalan institusi dan pentadbiran yang bersifat sistemik.
215. Menurut Majlis Peguam Malaysia, pelanggaran ini tidak boleh dilihat sebagai kejadian terpencil atau kes salah laku individu semata-mata, sebaliknya perlu dinilai dalam konteks keadaan penjara, struktur bangunan, tahap kesesakan di penjara serta kelemahan tadbir urus dan pengurusan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

216. Berhubung kematian Gan, Majlis Peguam Malaysia menegaskan bahawa hak beliau untuk hidup telah dicabuli apabila rawatan kesihatan gagal diberikan dengan sewajarnya dan dengan kadar segera. Pendirian Majlis Peguam Malaysia ini adalah berdasarkan keterangan-keterangan saksi bahawa Gan telah menunjukkan tanda-tanda jelas sedang dalam kesakitan, namun beliau hanya dibiarkan duduk atau terbaring di atas lantai tanpa diberikan rawatan yang sewajarnya. Beberapa anggota penjara dilihat sekadar melintasi Gan tanpa memberikan sebarang bantuan, malah membiarkan TMT lain yang tidak mempunyai latihan perubatan untuk memapah dan membantu Gan.
217. Selain itu, kelewatan dalam menghantar Gan ke hospital semasa berada di Pintu Besar, ditambah dengan penggunaan van penjara yang tidak dilengkapi peralatan kecemasan berbanding ambulans, telah menafikan peluang Gan untuk menerima rawatan kritikal tepat pada masanya. Kegagalan untuk bertindak segera apabila keadaan kesihatan seorang tahanan yang berada sepenuhnya di bawah jagaan pihak berkuasa merupakan pengabaian yang serius terhadap kewajipan untuk melindungi nyawa individu yang disekat kebebasannya. Laporan bedah siasat juga mengesahkan Gan mengalami pendarahan dalaman yang berlarutan untuk tempoh yang lama akibat hentakan objek tumpul, sekali gus membuktikan bahawa kelewatan tindakan pihak penjara adalah faktor penyumbang utama kepada kematian beliau.
218. Majlis Peguam Malaysia turut berhujah bahawa keengganan TMT untuk dipindahkan dari Dewan B ke Blok E tidak boleh ditafsirkan sebagai perbuatan ingkar atau mencabar pihak berkuasa. Sebaliknya, tindakan tersebut merupakan reaksi yang munasabah dan berpunca daripada ketakutan sebenar terhadap keadaan Blok E yang diketahui sebagai tidak selamat, tidak bersih dan tidak sesuai untuk didiami oleh manusia. Majlis Peguam Malaysia menegaskan bahawa tiada individu yang waras akan secara sukarela bersetuju untuk ditempatkan dalam keadaan sedemikian. Justeru, bantahan TMT tersebut harus difahami dalam konteks kebimbangan terhadap keselamatan dan kesihatan mereka sendiri.
219. Dalam konteks sejarah dan struktur penjara, Majlis Peguam Malaysia merujuk kepada keterangan saksi-saksi yang mengesahkan bahawa struktur sel penjara, khususnya di Blok E, adalah rapuh dan berbahaya. Majlis Peguam Malaysia

menekankan bahawa bukan sahaja TMT, malah anggota penjara sendiri mendapati persekitaran kerja di blok tersebut sebagai tidak selesa dan telah merosot dengan ketara. Menurut Majlis Peguam Malaysia, jika anggota penjara yang hanya berada di persekitaran tersebut untuk tempoh waktu kerja biasa mengalami ketidakselesaan sedemikian, kesan terhadap TMT yang terpaksa tinggal di situ secara berterusan sudah tentu jauh lebih teruk. Keterangan tambahan yang disokong oleh laporan dari JKR turut mengesahkan bahawa Blok E adalah tidak selamat, tidak bersih dan tidak sesuai untuk didiami manusia.

220. Majlis Peguam Malaysia seterusnya berhujah bahawa kegagalan ini berpunca daripada kelemahan pentadbiran dan institusi yang kronik, termasuk kekurangan peruntukan kewangan yang telah menghalang kerja-kerja pembaikan dan naik taraf yang diperlukan di Penjara Taiping. Selain itu, kekurangan anggota juga telah menyumbang kepada masalah pengawasan dan penjagaan tahanan. Menurut Majlis Peguam Malaysia, kelemahan pentadbiran ini telah lama wujud dan mencerminkan kegagalan sistemik untuk memastikan persekitaran penahanan yang selamat dan berperikemanusiaan.
221. Berhubung aspek sanitasi, Majlis Peguam Malaysia menegaskan bahawa ketiadaan tandas di Blok E dan penggunaan *bucket system* bagi pembuangan najis merupakan satu pelanggaran hak asasi yang serius dan tidak memenuhi standard minimum tempat tahanan yang bermaruah dan berperikemanusiaan. Keadaan ini jelas melanggar peraturan 15 dan 16, *Nelson Mandela Rules* yang menetapkan standard minimum kebersihan dan sanitasi dalam tempat tahanan. Keadaan di Blok E didapati jauh di bawah piawaian minimum tersebut.
222. Majlis Peguam Malaysia turut menekankan bahawa masalah kesesakan penjara telah memburukkan lagi keadaan. Kapasiti dan fasiliti terhad di PKBG menyebabkan pihak pengurusan Penjara Taiping tidak mempunyai pilihan selain menerima penempatan sekumpulan TMT dari PKBG. Ini sekali gus mendorong penempatan TMT di Blok E walaupun keadaan blok tersebut diketahui tidak sesuai digunakan. Pada masa yang sama, Penjara Taiping turut beroperasi jauh melebihi kapasiti ideal, dengan jumlah tahanan melebihi tahap yang boleh diurus. Keadaan ini merupakan

pelanggaran peraturan 12 dan 13 *Nelson Mandela Rules* yang menetapkan keperluan ruangan tahanan yang mencukupi dan tidak sesak.

223. Selain itu, Majlis Peguam Malaysia berhujah bahawa menempatkan tahanan dalam ruang di mana mereka terpaksa makan, tidur dan bernafas berhampiran bekas najis sendiri merupakan satu bentuk layanan yang kejam, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Keadaan sedemikian bukan sahaja melanggar hak untuk hidup dan kesihatan, malah bertentangan dengan Artikel 5 *Universal Declaration of Human Rights*, Artikel 26 *ASEAN Human Rights Declaration* serta Artikel 16 *United Nations Convention Against Torture*. Majlis Peguam Malaysia menegaskan bahawa aduan dan bantahan TMT telah diabaikan, dan apabila mereka menyuarakan kebimbangan, tindak balas institusi adalah melalui penggunaan kekerasan, bukannya langkah pemulihan atau pembedahan keadaan.
224. Berhubung penggunaan kekerasan, Majlis Peguam Malaysia menimbulkan kebimbangan serius terhadap kegagalan rantai arahan (*chain of command*) dalam operasi pemindahan TMT pada 17 Januari 2025. Majlis Peguam Malaysia berhujah bahawa ketiadaan arahan yang jelas mengenai siapa yang mengarahkan pemindahan tersebut, arahan bagi penglibatan anggota tambahan dan penggunaan peralatan bagi rusuhan, serta kegagalan pihak pengurusan atasan untuk memikul tanggungjawab, telah mencetuskan keadaan yang huru-hara. Insiden yang berlaku merupakan kesan langsung (*direct cause*) daripada kegagalan kepimpinan dan kawalan oleh pegawai yang bertanggungjawab.
225. Majlis Peguam Malaysia selanjutnya berhujah bahawa penggunaan kekerasan oleh anggota penjara telah melanggar undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa, termasuk peruntukan seksyen 22 Akta Penjara 1995 (Akta 537), peraturan 56 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta PTKJP berkaitan penggunaan cota dan *pepper spray*. Majlis Peguam Malaysia menolak sekeras-kerasnya pandangan daripada sebahagian anggota penjara bahawa kekerasan dianggap “munasabah” selagi tidak membawa kepada kematian dan menyifatkan tafsiran tersebut sebagai tidak berasas, salah di sisi undang-undang dan tidak boleh diterima. Menurut Majlis Peguam Malaysia, anggota yang dilatih dan diberi kuasa menggunakan senjata

hendaklah sentiasa bertindak secara profesional, berhemah dan terkawal, serta tidak mudah diprovokasi oleh dakwaan ancaman lisan daripada tahanan.

226. Sebagai perbandingan, Majlis Peguam Malaysia merujuk kepada kejadian yang berlaku di Penjara Fremantle di Australia Barat, di mana keadaan bangunan yang usang dan tidak lagi memenuhi standard moden telah membawa kepada insiden rusuhan, kebakaran dan penangkapan orang sebagai tebusan. Dalam kes tersebut, Kerajaan Australia tidak meletakkan kesalahan sepenuhnya ke atas banduan, sebaliknya mengarahkan satu kajian mengenai struktur dan pemuliharaan penjara dijalankan secara menyeluruh. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa penjara berkenaan tidak lagi sesuai digunakan sebagai fasiliti penjara untuk menempatkan tahanan. Kerajaan Australia kemudiannya telah menerima syor untuk menghentikan penggunaannya sebagai penjara.
227. Majlis Peguam Malaysia dalam hujahannya berpandangan bahawa apabila penjara lama yang diisytiharkan sebagai bangunan warisan tidak lagi memenuhi standard keselamatan dan kemanusiaan moden, pendekatan yang seharusnya diambil adalah membaik pulih struktur bangunan atau menghentikan penggunaannya sebagai penjara, dan bukannya terus menggunakan fasiliti yang tidak selamat.
228. Di samping itu, Majlis Peguam Malaysia berhujah bahawa kegagalan serius dalam penyediaan perkhidmatan perubatan di Penjara Taiping telah menyumbang secara langsung kepada kecederaan TMT. Walaupun terdapat klinik dan Pegawai Perubatan yang bertugas, saringan kesihatan terhadap TMT yang dipindahkan pada 16 Januari 2025 tidak dijalankan, seterusnya menyebabkan pelanggaran SOP. Semasa insiden kekerasan berlaku pada 17 Januari 2025, kakitangan perubatan sekadar menjadi pemerhati pasif tanpa menasihati atau menghentikan penggunaan kekerasan serta gagal memastikan TMT yang cedera dirujuk segera ke hospital. Kegagalan ini merupakan pelanggaran tanggungjawab profesional, etika perubatan dan peraturan 32 *Nelson Mandela Rules*.
229. Majlis Peguam Malaysia turut menegaskan bahawa pengendalian rekod perubatan dan surat rujukan hospital telah dilakukan secara sewenang-wenangnya dan mengamalkan sifat berat sebelah yang memihak kepada Penjara Taiping. Kad

perubatan beberapa TMT mengandungi catatan seperti “*riot in prison*” dan “*hostile inmate started riot*” yang tidak berkaitan dengan diagnosis perubatan. Pegawai Perubatan telah melampaui bidang kuasanya dengan membuat kesimpulan sendiri mengenai punca kejadian yang bersifat punitif dan bukannya klinikal. Tindakan IW39 yang sengaja tidak memasukkan punca sebenar kecederaan iaitu kekerasan oleh anggota, dan kemudiannya menggantikannya dengan label provokatif adalah satu tindakan yang tidak profesional serta berniat jahat, bagi mengalihkan tanggungjawab institusi terhadap kecederaan yang dialami oleh TMT.

230. Akhir sekali, Majlis Peguam Malaysia berhujah bahawa kegagalan Jabatan Penjara Malaysia dan PDRM untuk menjalankan siasatan yang segera, bebas dan menyeluruh terhadap insiden 17 Januari 2025 merupakan satu pelanggaran hak asasi yang serius. Kegagalan melaporkan kejadian luar biasa, kelewatan dalam siasatan, ketiadaan tindakan disiplin dan kegagalan memelihara bukti penting jelas menunjukkan kelemahan tadbir urus yang sistemik. Perkara ini secara langsung menjejaskan tanggungjawab (*accountability*) institusi penjara, menafikan keadilan kepada mangsa dan keluarga mereka, serta bertentangan dengan prinsip kedaulatan undang-undang dan perlindungan hak asasi manusia.

Pendirian Jabatan Penjara Malaysia

231. Jabatan Penjara Malaysia berpendirian bahawa wujud pelanggaran hak asasi manusia semasa dan selepas insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping seperti-
- (a) kekerasan dan layanan yang tidak berperikemanusiaan terhadap lebih kurang 100 orang TMT yang dipindahkan dari PKBG ke Penjara Taiping;
 - (b) kelewatan dalam memberikan rawatan yang sewajarnya kepada TMT yang memerlukan;
 - (c) penggunaan *bucket system* yang sudah tidak relevan dengan peredaran kemajuan semasa; dan

- (d) menempatkan TMT di Blok E yang sudah diisytiharkan tidak selamat oleh pihak JKR.
232. Jabatan Penjara Malaysia berhujah bahawa pelanggaran hak asasi manusia berhubung kekerasan dan layanan yang tidak berperikemanusiaan terhadap TMT berlaku akibat tindakan anggota penjara yang melakukan perbuatan memukul, memijak dan mencederakan TMT dengan menggunakan cota dan *pepper spray* semasa proses pemindahan TMT dari Dewan B ke Blok C dan Blok E. Kekerasan tersebut dilakukan walaupun TMT tidak memulakan sebarang serangan fizikal terhadap anggota penjara.
233. Perkara ini jelas menunjukkan pelanggaran terhadap peraturan 56 Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta PTKJP seperti Ekshibit 58 dan Ekshibit 65 yang melarang anggota penjara daripada menggunakan kekerasan terhadap tahanan kecuali sekiranya terdapat serangan fizikal daripada tahanan. Selain itu, penggunaan kekerasan tersebut juga merupakan pelanggaran terhadap peraturan 1 *Nelson Mandela Rules*, yang memperuntukan bahawa setiap banduan hendaklah dilayan dengan penuh rasa hormat serta dilindungi daripada sebarang bentuk penyiksaan, kekejaman dan layanan yang tidak berperikemanusiaan.
234. Walau bagaimanapun, Jabatan Penjara Malaysia berpendapat bahawa kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara adalah berpunca dari provokasi serta ugutan daripada TMT sehingga menyebabkan kegagalan anggota penjara untuk mengawal emosi. Walaupun faktor ini tidak dapat dibuktikan melalui rakaman CCTV berikutan ketiadaan audio, namun keterangan lisan yang diberikan oleh anggota penjara berhubung perkara tersebut adalah tidak wajar diketepikan. Selain itu, insiden kekerasan yang berlaku ini merupakan insiden luar biasa yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Keterangan saksi TMT turut mengakui bahawa kejadian sedemikian merupakan pertama kali berlaku di Penjara Taiping.
235. Jabatan Penjara Malaysia turut berhujah bahawa pelanggaran hak asasi manusia dari segi kelewatan dalam memberikan rawatan yang sewajarnya terhadap kecederaan dan kesakitan yang dialami oleh TMT adalah berpunca daripada

kelalaian dan ketidakseriusan kakitangan perubatan di Penjara Taiping. TMT yang mengalami kecederaan tidak diberikan rawatan yang bersesuaian pada ketika itu, sebaliknya rawatan tersebut hanya diberikan selepas lima hari daripada hari kejadian. Kelewatan dalam memberikan rawatan tersebut telah mengakibatkan kecederaan yang dialami oleh beberapa TMT menjadi semakin teruk.

236. Walau bagaimanapun, Jabatan Penjara Malaysia berpendapat bahawa terdapat beberapa faktor yang telah menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia tersebut. Antara faktor utama ialah kekurangan perjawatan Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan dan *Medical Orderly* untuk memberikan rawatan kepada tahanan di Penjara Taiping, khususnya semasa insiden luar jangka yang melibatkan bilangan TMT yang ramai. Namun demikian, kakitangan perubatan di Penjara Taiping telah mengambil beberapa langkah sewajarnya untuk memberikan rawatan seawal mungkin semasa dan selepas insiden berkenaan.
237. Selain itu, fasiliti kesihatan yang tidak lengkap termasuk ketiadaan peralatan bantuan pernafasan, mesin x-ray dan *blood test analyser*, turut menyumbang kepada faktor tersebut. Kesemua peralatan ini adalah penting bagi tujuan pemeriksaan dan rawatan awal, terutamanya semasa insiden pada 17 Januari 2025 yang melibatkan kecederaan pada kepala dan anggota badan serta memerlukan pemeriksaan perubatan yang terperinci.
238. Jabatan Penjara Malaysia juga mengakui bahawa penggunaan *bucket system* di Penjara Taiping pada masa ini adalah tidak relevan dengan peredaran dan kemajuan semasa. Amalan tersebut juga adalah bertentangan dengan peraturan 15 dan 16 *Nelson Mandela Rules* yang menetapkan bahawa setiap penjara hendaklah mempunyai sistem sanitasi serta kemudahan kebersihan diri yang baik, bermaruah serta selaras dengan keperluan dan peredaran zaman semasa.
239. Walau bagaimanapun, penggunaan *bucket system* di blok tahanan sehingga kini adalah berpunca daripada struktur bangunan Blok E yang tidak sesuai untuk pembinaan tandas di dalamnya. Perkara ini turut disahkan oleh keterangan IW43. Jabatan Penjara Malaysia juga memaklumkan bahawa cadangan JKR untuk membina tandas di luar Blok E adalah tidak efektif serta sukar dilaksanakan

memandangkan keperluan kawalan keselamatan yang ketat bagi mengiringi tahanan ke tandas tersebut. Keadaan ini berpunca daripada kekurangan anggota yang merupakan kekangan utama yang dihadapi oleh Penjara Taiping, di mana hanya dua anggota sahaja yang bertugas menjaga blok pada satu-satu masa dan ada kalanya memerlukan bantuan daripada anggota dari bahagian lain.

240. Selain itu, status Penjara Taiping sebagai bangunan warisan negara turut merupakan faktor yang menyebabkan sebarang proses untuk binaan atau pengubahsuaian mengambil masa yang panjang serta melibatkan prosedur kelulusan yang rumit. Kos bagi kerja-kerja pembinaan atau pengubahsuaian tersebut juga adalah lebih tinggi daripada kebiasaan, memandangkan bahan-bahan binaan yang digunakan hendaklah mematuhi standard serta spesifikasi bahan asal yang digunakan semasa bangunan tersebut mula dibina.
241. Jabatan Penjara Malaysia telah mengemukakan permohonan peruntukan kewangan kepada Kementerian Kewangan bagi menangani isu penggunaan *bucket system* di Penjara Taiping. Walau bagaimanapun, kekangan kewangan di pihak Kerajaan telah menyebabkan isu tersebut tidak dapat diselesaikan. Jabatan Warisan Negara juga tidak pernah memperuntukkan sebarang dana bagi tujuan penyelenggaraan, sebagaimana keterangan Encik Ruzairy Arby, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Warisan (“**IW44**”), meskipun Penjara Taiping telah diwartakan sebagai bangunan warisan sejak tahun 2012.
242. Seterusnya, Jabatan Penjara Malaysia berhujah bahawa pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku susulan tindakan pihak Penjara Taiping menempatkan TMT di Blok E, walaupun blok tersebut telah diisytiharkan tidak selamat oleh pihak JKR. Penempatan berkenaan dibuat disebabkan peningkatan bilangan banduan secara mendadak sehingga mencecah 1,200 orang sehingga mengakibatkan kesesakan di blok penempatan. Sehubungan itu, pihak pengurusan Penjara Taiping tidak mempunyai pilihan lain selain menempatkan TMT di Blok E.
243. Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia berpendapat bahawa penempatan ini dibuat adalah disebabkan pihak JKR tidak menyatakan secara jelas untuk mengosongkan Blok E sebagaimana yang telah dinyatakan bagi Blok B. Sebaliknya, pihak JKR

hanya menyatakan bahawa blok tersebut perlu diselenggara, khususnya di tingkat dua dan tiga. Oleh itu, keputusan Penjara Taiping untuk menempatkan TMT di tingkat satu Blok E adalah bersifat sementara memandangkan kerja-kerja pembaikan perlu dilaksanakan terlebih dahulu di blok reman.

244. Jabatan Penjara Malaysia memandang serius terhadap insiden yang berlaku dan menegaskan bahawa pihaknya tidak akan berkompromi terhadap sebarang tindakan yang melampaui batas undang-undang atau melibatkan penggunaan kekerasan yang tidak wajar. Jabatan Penjara Malaysia sentiasa berusaha untuk mematuhi piawaian hak asasi manusia, selagi mana ia praktikal untuk dilaksanakan mengikut kekangan sedia ada.

BAB 5

UNDANG-UNDANG TERPAKAI

245. Bab ini menjelaskan mengenai undang-undang dan peraturan yang berkaitan, sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa, yang menjadi asas rujukan Panel Inkuiri Awam dalam menilai fakta, membuat keputusan dan merumuskan syor berhubung insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping.

Hak kepada kehidupan dan kesamarataan

246. Hak asasi manusia dilindungi di bawah pelbagai mekanisme undang-undang di Malaysia dan piawaian antarabangsa. Dalam konteks tahanan, hak ini menuntut agar setiap individu yang berada di bawah kawalan pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah dilayan dengan bermaruah, selamat, dan bebas daripada sebarang bentuk penyeksaan atau layanan yang tidak berperikemanusiaan.

247. Setiap individu mempunyai hak kepada kehidupan yang selamat termasuk tahanan yang telah disekat kebebasannya di bawah undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan seperti berikut:

(a) **Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan**

5. Kebebasan diri

(1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

(b) **Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan**

8. Kesamarataan

(1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

(c) **Artikel 3 Universal Declaration of Human Rights (“UDHR”)**

Article 3

Everyone has the right to life, liberty and security of person.

248. Hak asasi manusia menegaskan bahawa setiap individu, tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang hendaklah dilayan dengan penuh bermaruah, bebas serta tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Perkara ini dinyatakan dalam **Artikel 2 UDHR** seperti berikut:

Article 2

Everyone is entitled to all the rights and freedoms set forth in this Declaration, without distinction of any kind, such as race, colour, sex, language, religion, political or other opinion, national or social origin, property, birth or other status. Furthermore, no distinction shall be made on the basis of the political, jurisdictional or international status of the country or territory to which a person belongs, whether it be independent, trust, non-self-governing or under any other limitation of sovereignty.

Larangan terhadap penyeksaan, layanan kejam dan tidak berperikemanusiaan ke atas mana-mana Individu

249. Larangan terhadap penyeksaan, layanan kejam dan tidak berperikemanusiaan merupakan prinsip asas dalam melindungi hak asasi manusia yang turut diiktiraf dalam prinsip antarabangsa, termasuk terhadap tahanan.

250. **Artikel 1(1) United Nations Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment (“UNCAT”)**¹⁹⁰ menjelaskan terma “*torture*” seperti berikut:

¹⁹⁰ UNCAT telah diratifikasi pada 10 Disember 1984. Terdapat 176 negara yang telah meratifikasi konvensyen ini, setakat 5 April 2026. 6 negara ASEAN telah meratifikasi konvensyen tersebut, manakala Malaysia masih belum menjadi pihak kepadanya.

Article 1

1. For the purposes of this Convention, the term "torture" means any act by which severe pain or suffering, whether physical or mental, is intentionally inflicted on a person for such purposes as obtaining from him or a third person information or a confession, punishing him for an act he or a third person has committed or is suspected of having committed, or intimidating or coercing him or a third person, or for any reason based on discrimination of any kind, when such pain or suffering is inflicted by or at the instigation of or with the consent or acquiescence of a public official or other person acting in an official capacity. It does not include pain or suffering arising only from, inherent in or incidental to lawful sanctions.

251. Larangan terhadap sebarang bentuk penyiksaan atau layanan yang tidak berperikemanusiaan telah diperuntukkan di bawah beberapa piawaian antarabangsa berkaitan hak asasi manusia seperti berikut:

(a) **Artikel 5 UDHR**

Article 5

No one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment.

(b) **Artikel 16(1) UNCAT**

Article 16

1. Each State Party shall undertake to prevent in any territory under its jurisdiction other acts of cruel, inhuman or degrading treatment or punishment which do not amount to torture as defined in article 1, when such acts are committed by or at the instigation of or with the consent or acquiescence of a public official or other person acting in an official capacity. In particular, the obligations contained in articles 10, 11, 12 and 13 shall apply with the substitution for references to torture of references to other forms of cruel, inhuman or degrading treatment or punishment.

(c) **Artikel 7 *International Covenant on Civil and Political Rights***
(“ICCPR”)¹⁹¹

Article 7

No one shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment. In particular, no one shall be subjected without his free consent to medical or scientific experimentation.

(d) **Prinsip 6 *Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment***¹⁹²

Principle 6

No person under any form of detention or imprisonment shall be subjected to torture or to cruel, inhuman or degrading treatment or punishment. No circumstance whatever may be invoked as a justification for torture or other cruel, inhuman or degrading treatment or punishment.

252. Individu yang ditahan di bawah undang-undang hendaklah dilayan secara berperikemanusiaan dan dihormati maruahnyanya. Sistem pemenjaraan bukan semata-mata bertujuan menghukum, sebaliknya berteraskan pemulihan yang mengutamakan keadilan, kemanusiaan dan perlindungan hak asasi manusia seperti berikut:

¹⁹¹ ICCPR diratifikasi pada 16 Disember 1966. Terdapat 175 negara yang telah meratifikasi ICCPR, setakat 5 April 2026. 6 negara ASEAN telah meratifikasi kovenan tersebut, manakala Malaysia masih belum menjadi pihak kepadanya. ICCPR ialah suatu perjanjian antarabangsa yang menetapkan hak-hak sivil dan politik asas, termasuk hak untuk hidup, kebebasan diri dan percibaraan yang adil, yang mengikat negara pihak yang telah meratifikasinya.

¹⁹² *Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment* merujuk kepada satu set prinsip yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1988, yang menetapkan standard minima bagi melindungi hak dan maruah individu yang ditahan atau dipenjarakan, termasuk hak terhadap layanan berperikemanusiaan, akses kepada rawatan perubatan serta perlindungan daripada penyeksaan dan layanan yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.

(a) **Artikel 10(1) ICCPR**

Article 10

1. All persons deprived of their liberty shall be treated with humanity and with respect for the inherent dignity of the human person.

(b) **Peraturan 1 *The United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners* (“Nelson Mandela Rules”)¹⁹³**

Rule 1

All prisoners shall be treated with the respect due to their inherent dignity and value as human beings. No prisoner shall be subjected to, and all prisoners shall be protected from, torture and other cruel, inhuman or degrading treatment or punishment, for which no circumstances whatsoever may be invoked as a justification. The safety and security of prisoners, staff, service providers and visitors shall be ensured at all times.

Peruntukan undang-undang berkaitan perbuatan mencederakan

253. Dalam konteks penggunaan kekerasan terhadap tahanan, perbuatan yang menyebabkan kecederaan terhadap seseorang adalah sama seperti larangan terhadap penyeksaan atau layanan kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah, khususnya apabila kekerasan digunakan secara sengaja, berlebihan atau tanpa justifikasi yang munasabah.

¹⁹³ *The United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners (Nelson Mandela Rules)* merujuk kepada standard minima yang diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai panduan pengurusan penjara moden, yang menetapkan standard asas keadaan penjara serta memberikan garis panduan kepada kakitangan penjara dalam memastikan keselamatan dan maruah tahanan terjaga. Ia bukan suatu perjanjian yang mengikat secara undang-undang, tetapi merupakan *soft law* yang menjadi rujukan utama dalam menetapkan standard hak asasi manusia di tempat tahanan. Peraturan ini dikenali sebagai “*Nelson Mandela Rules*” sebagai penghormatan kepada Nelson Mandela, yang pernah dipenjarakan selama 27 tahun dan menjadi simbol perjuangan terhadap layanan tidak berperikemanusiaan dalam sistem penjara.

254. **Kanun Keseksaan (Akta 574)** memperuntukkan undang-undang antara lainya berkaitan perbuatan yang boleh menyebabkan kecederaan terhadap seseorang, yang turut menjadi asas penilaian sama ada sesuatu tindakan yang melibatkan penggunaan kekerasan telah melampaui batas yang dibenarkan di sisi undang-undang, iaitu, seperti berikut:

(a) **Seksyen 319 Kanun Keseksaan** memperuntukkan perbuatan mencederakan:

319. Cedera.

Barang siapa menyebabkan kesakitan, penyakit atau kelemahan tubuh kepada mana-mana orang adalah dikatakan menyebabkan cedera.

(b) **Seksyen 321 Kanun Keseksaan** memperuntukkan kesalahan menyebabkan kecederaan dengan sengaja, yang melibatkan perbuatan dengan niat atau pengetahuan:

321. Dengan sengaja menyebabkan cedera.

Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dengan niat dengan jalan demikian itu hendak menyebabkan cedera kepada mana-mana orang, atau dengan mengetahui bahawa dia mungkin dengan jalan demikian itu menyebabkan cedera kepada mana-mana orang adalah dikatakan "dengan sengaja menyebabkan cedera".

(c) **Seksyen 323 Kanun Keseksaan** memperuntukkan hukuman menyebabkan kecederaan dengan niat seperti berikut:

323. Hukuman kerana dengan sengaja menyebabkan cedera.

Barang siapa, kecuali dalam hal yang diperuntukkan oleh seksyen 334, dengan sengaja menyebabkan cedera, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda yang boleh sampai dua ribu ringgit, atau dengan kedua-duanya.

- (d) **Seksyen 320(g) Kanun Keseksaan** memberikan tafsiran “cedera parah” seperti berikut:

320. Cedera parah.

Hanya jenis-jenis cedera yang berikut sahaja dinamakan “parah”:

...

(g) patah atau retak tulang atau selisih sendi;

- (e) **Seksyen 322 Kanun Keseksaan** memperuntukkan kesalahan menyebabkan kecederaan parah dengan sengaja, yang melibatkan perbuatan dengan niat atau pengetahuan:

322. Dengan sengaja menyebabkan cedera parah.

Barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera, jika cedera yang dia bermaksud hendak menyebabkan atau dia ketahui mungkin menyebabkan cedera parah, dan jika cedera yang dia sebabkan itu ialah cedera parah, adalah dikatakan “dengan sengaja menyebabkan cedera parah”.

- (f) **Seksyen 325 Kanun Keseksaan** memperuntukkan hukuman menyebabkan kecederaan parah dengan niat seperti berikut:

325. Hukuman kerana dengan sengaja menyebabkan cedera parah.

Barang siapa, kecuali dalam hal yang diperuntukkan oleh seksyen 335, dengan sengaja menyebabkan cedera parah, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

- (g) **Seksyen 324 Kanun Keseksaan** memperuntukkan kesalahan menyebabkan kecederaan dengan sengaja menggunakan senjata yang berbahaya atau melalui cara yang berbahaya seperti berikut:

324. Dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang berbahaya.

Barang siapa, kecuali dalam hal yang diperuntukkan oleh seksyen 334, dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan apa-apa alat untuk menembak, menikam, atau memotong, atau apa-apa alat yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan

kematian, atau dapa-apa senjata terjadual seperti yang dinyatakan di bawah Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958, atau dengan jalan menggunakan api atau apa-apa benda hangat, atau dengan jalan menggunakan apa-apa racun atau apa-apa benda meleur, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda letupan, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda yang merbahaya kepada tubuh manusia apabila dihisap, ditelan atau dimasukkan ke dalam darahnya, atau dengan jalan menggunakan apa-apa haiwan, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat, atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman itu.

- (h) **Seksyen 326 Kanun Keseksaan** memperuntukkan kesalahan menyebabkan kecederaan parah dengan sengaja menggunakan senjata yang berbahaya atau melalui cara yang berbahaya seperti berikut:

326. Dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya.

Barang siapa, kecuali dalam hal yang diperuntukkan oleh seksyen 335, dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan apa-apa alat untuk menembak, menikam atau memotong, atau apa-apa alat yang, jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang, mungkin menyebabkan kematian, atau dengan jalan menggunakan api atau apa-apa benda meleur, atau apa-apa senjata terjadual seperti yang dinyatakan di bawah Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958, atau dengan jalan menggunakan api atau apa-apa benda hangat, atau dengan jalan menggunakan apa-apa racun atau apa-apa benda meleur, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda letupan, atau dengan jalan menggunakan apa-apa benda yang merbahaya kepada tubuh manusia apabila dihisap, ditelan atau dimasukkan ke dalam darahnya, atau dengan jalan menggunakan apa-apa haiwan, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan yang boleh sampai dua puluh tahun dan hendaklah juga dikenakan denda atau sebat.

Tanggungjawab pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam menjaga tahanan

255. Sebarang pelanggaran hak asasi manusia terhadap tahanan bukan sahaja menjejaskan keselamatan individu yang terlibat, tetapi juga mencerminkan

kegagalan pihak berkuasa iaitu Jabatan Penjara Malaysia dalam mematuhi undang-undang serta tanggungjawab dalam melindungi hak asasi manusia sebagaimana yang dijamin seperti berikut:

- (a) **Seksyen 26(1)(a) Akta Penjara 1995 (Akta 537)** menegaskan bahawa pihak Jabatan Penjara Malaysia mempunyai tanggungjawab dalam memastikan keselamatan seorang banduan terjamin:

26. Jagaan

(1) Seseorang banduan—

- (a) yang dikurung dalam sesuatu penjara hendaklah disifatkan berada dalam jagaan sah Pegawai yang Menjaga penjara itu;*

- (b) **Peraturan 199 Peraturan-Peraturan Penjara 2000¹⁹⁴** menegaskan dengan lebih lanjut mengenai tanggungjawab seorang Pengarah Penjara dalam menjaga tahanan:

Peraturan 199. Pentadbiran penjara

Pegawai yang Menjaga ---

- (a) hendaklah bertanggung bagi menguruskan dengan sewajarnya penjara yang dia telah dilantik; dan*
- (b) hendaklah menjaga supaya banduan diberikan layanan dengan berperikemanusiaan, tata tertib dikuatkuasakan dengan tegas, dan rawatan dan pemulihan dimajukan dengan sepatutnya.*

- (c) **Peraturan 200 Peraturan-Peraturan Penjara 2000** menekankan bahawa Pengarah Penjara hendaklah mempunyai kawalan ke atas anggota penjara yang dilantik dalam mematuhi undang-undang berkaitan penjara:

Peraturan 200. Kawalan pegawai

(1) Tertakluk kepada perintah Ketua Pengarah, Pegawai yang Menjaga--

- (a) hendaklah mempunyai kawalan ke atas pegawai penjara yang dia telah dilantik; dan*

¹⁹⁴ P.U. (A) 325/2000

(b) hendaklah menghendaki mereka supaya mematuhi dengan ketat peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan Perintah Tetap Ketua Pengarah.

(2) Pegawai yang Menjaga hendaklah melaporkan dengan segera apa-apa hal salah laku atau pengabaian tugas oleh seseorang pegawai penjara kepada Ketua Pengarah.

256. Anggota penjara hendaklah memahami sepenuhnya undang-undang yang diperuntukkan berkaitan pengurusan penjara bagi memastikan segala tugas dapat dijalankan dengan baik dan telus seperti berikut:

(a) **Seksyen 20 Akta Penjara 1995** menegaskan bahawa setiap anggota penjara perlu mematuhi undang-undang berkaitan penjara:

20. Pematuhan undang-undang bertulis dan perintah yang sah

Seseorang pegawai penjara hendaklah menepati dengan tegas semua undang-undang dan peraturan-peraturan berhubungan dengan penjara dan banduan, dan hendaklah mematuhi semua perintah yang sah daripada pegawai atasannya sama ada diberikan secara lisan atau bertulis atau dikeluarkan dalam bentuk Perintah Tetap Komisioner Jeneral.

(b) **Peraturan 206 Peraturan-Peraturan Penjara 2000** menekankan perkara tersebut:

Peraturan 206. Memastikan Akta, peraturan-peraturan dan perintah dipatuhi

(1) Pegawai yang Menjaga--

(a) mestilah mahir dengan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan Perintah Tetap Ketua Pengarah dan mestilah melaksanakannya ; dan

(b) mestilah memastikan bahawa semua pegawai memahami tugas mereka dan melaksanakannya.

(2) Selain melaksanakan tugas biasanya Pegawai yang Menjaga hendaklah, dari semasa ke semasa, menyaksikan pelaksanaan tiap-tiap tugas dalam penjara itu, supaya dia boleh mahir dengan apa jua yang dilakukan di penjara itu dan boleh membuat kemajuan atau mencadangkan kemajuan itu kepada Ketua Pengarah.

257. Dalam keadaan di mana kekerasan perlu digunakan terhadap tahanan, ianya tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya dan perlu mengikut tatacara yang telah ditetapkan serta bergantung kepada situasi seperti berikut:

- (a) **Seksyen 22(1)(c) dan 22(4) Akta Penjara 1995 (Akta 537)** memperuntukkan tatacara penggunaan senjata dalam keadaan yang dibenarkan dengan mempunyai sebab yang munasabah seperti berikut:

22. Penggunaan senjata

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pegawai penjara boleh menggunakan senjata terhadap seseorang banduan—

...

(c) yang menggunakan kekerasan terhadap seseorang dan jika pegawai penjara itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa nyawa atau anggota orang itu adalah dalam bahaya, atau bahawa cedera parah lain mungkin akan berlaku kepada orang itu.

...

(4) Penggunaan senjata di bawah seksyen ini hendaklah, setakat yang boleh, untuk menghilangkan keupayaan dan bukan untuk membunuh.

- (b) **Peraturan 56 Peraturan-Peraturan Penjara 2000** menetapkan penggunaan kekerasan terhadap tahanan bagi tujuan mempertahankan diri dan tahanan tersebut perlu diperiksa oleh Pegawai Perubatan dengan kadar segera jika kekerasan berlaku:

Peraturan 56. Penggunaan kekerasan

(1) Tiada pegawai boleh memukul banduan melainkan jika dia terpaksa berbuat demikian kerana mempertahankan diri atau kerana mempertahankan diri orang lain atau apabila diarahkan untuk melaksanakan hukuman sebat.

(2) Seseorang banduan yang dipukul oleh seorang pegawai kerana mempertahankan diri atau kerana mempertahankan diri orang atau banduan lain hendaklah diperiksa dengan seberapa segera yang boleh oleh Pegawai Perubatan dan suatu laporan segera mengenai kejadian itu hendaklah dibuat kepada Pegawai yang Menjaga.

- (c) **Perintah Tetap Ketua Jeneral Penjara (PTKJP) Bil E126 – Tatacara Menggunakan *Pepper Spray* dan Cota Semasa Bertugas** menetapkan tatacara penggunaan *pepper spray* dan cota oleh anggota penjara, yang hanya dibenarkan dalam keadaan perlu dan munasabah, serta tidak boleh digunakan secara sewenang-wenangnya terhadap banduan.
- (d) **Perintah Tetap Ketua Jeneral Penjara (PTKJP) Bil. E334 – Tatacara Mencegah dan Bertindak dalam Menghadapi Serangan Banduan ke atas Anggota Penjara** menetapkan tatacara, peranan dan tanggungjawab anggota penjara dalam mencegah serta menangani serangan banduan terhadap anggota penjara.
- (e) **Perintah Tetap Ketua Jeneral Penjara (PTKJP) Bil. E406 – Pengurusan Kejadian Luar Biasa di Institusi Penjara** menetapkan tatacara pelaporan bagi kejadian luar biasa, termasuk kematian atau kecederaan parah banduan atau anggota penjara akibat pergaduhan, bunuh diri, rusuhan atau serangan, yang wajib dilaporkan dengan kadar segera kepada pihak berkenaan.

258. Jika tahanan melakukan kesalahan semasa berada di dalam penjara, perkara tersebut perlu dilaporkan oleh anggota penjara yang bertugas kepada pihak atasan untuk tindakan lanjut seperti mana yang diperuntukkan di bawah **peraturan 121 Peraturan-Peraturan Penjara 2000** seperti berikut:

Peraturan 121. Kesalahan terhadap Tatatertib penjara hendaklah dilaporkan dan disiasat

Tiap-tiap kesalahan oleh seseorang banduan terhadap tatatertib penjara hendaklah dilaporkan dengan serta-merta, dan Pegawai yang Menjaga hendaklah menyiasat laporan itu tidak lewat daripada hari berikutnya, melainkan jika hari itu ialah hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am.

Tanggungjawab dan piawaian penjagaan kesihatan tahanan

259. Pegawai Perubatan yang ditempatkan di institusi penjara memikul tanggungjawab dalam memastikan kesihatan, keselamatan serta kebajikan tahanan sentiasa terpelihara. Tanggungjawab ini bukan sahaja merangkumi pemberian rawatan perubatan, tetapi juga kewajipan pematuhan kepada kod professional, etika, piawaian antarabangsa serta prinsip kemanusiaan dalam penjagaan tahanan seperti berikut:

- (a) Pegawai Perubatan terikat dengan **Code of Professional Conduct 2019**¹⁹⁵ yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia. Antara bahagian yang berkaitan dengan insiden pada 17 Januari 2025 adalah **Part II Forms of Serious Professional Misconduct** yang menghuraikan kategori salah laku profesional serius dalam profesion perubatan yang boleh membawa kepada tindakan tatatertib, termasuk pengabaian tanggungjawab profesional, pelanggaran etika perubatan, serta perlakuan yang mencemarkan reputasi profesion. Ia menegaskan kewajipan pengamal perubatan untuk memberikan rawatan yang selamat, beretika, berperikemanusiaan dan berasaskan kepentingan pesakit.
- (b) **Peraturan 24(1) Nelson Mandela Rules** menggariskan tanggungjawab Kerajaan dalam menjaga kesihatan banduan di tempat tahanan:

Rule 24

1. The provision of health care for prisoners is a State responsibility. Prisoners should enjoy the same standards of health care that are available in the community and should have access to necessary health-care services free of charge without discrimination on the grounds of their legal status.

¹⁹⁵ *Code of Professional Conduct 2019* yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia merupakan satu garis panduan etika profesional yang menetapkan standard minima tingkah laku dan amalan bagi pengamal perubatan berdaftar di Malaysia, termasuk berkaitan tanggungjawab terhadap pesakit, salah laku profesional dan prosedur tatatertib. Kod ini diterima pakai oleh Majlis Perubatan Malaysia di bawah kuasanya sebagai badan pengawal selia profesion perubatan, namun ia bukan merupakan perundangan yang digazetkan, sebaliknya berfungsi sebagai instrumen panduan dan penanda aras dalam menentukan standard profesional.

- (c) **Peraturan 25(1) Nelson Mandela Rules** menggariskan tanggungjawab penjara dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menyeluruh, khususnya kepada kesihatan fizikal dan mental tahanan, termasuk mereka yang mempunyai keperluan khas:

Rule 25

1. Every prison shall have in place a health-care service tasked with evaluating, promoting, protecting and improving the physical and mental health of prisoners, paying particular attention to prisoners with special health-care needs or with health issues that hamper their rehabilitation.

- (d) **Peraturan 27(1) Nelson Mandela Rules** menekankan tanggungjawab penjara untuk memberikan rawatan segera sekiranya terdapat kes kecemasan seperti berikut:

Rule 27

1. All prisons shall ensure prompt access to medical attention in urgent cases. Prisoners who require specialized treatment or surgery shall be transferred to specialized institutions or to civil hospitals. Where a prison service has its own hospital facilities, they shall be adequately staffed and equipped to provide prisoners referred to them with appropriate treatment and care.

- (e) **Prinsip 24 Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment** menggariskan hak banduan untuk diberikan rawatan sekiranya perlu seperti berikut:

Principle 24

A proper medical examination shall be offered to a detained or imprisoned person as promptly as possible after his admission to the place of detention or imprisonment, and thereafter medical care and treatment shall be provided whenever necessary. This care and treatment shall be provided free of charge.

- (f) **Peraturan 26(1) Nelson Mandela Rules** menggariskan tanggungjawab Pegawai Perubatan dalam mengemas kini rekod perubatan setiap tahanan dengan maklumat yang tepat dan benar:

Rule 26

1. The health-care service shall prepare and maintain accurate, up-to-date and confidential individual medical files on all prisoners, and all prisoners should be granted access to their files upon request. A prisoner may appoint a third party to access his or her medical file.

Hak dan layanan semasa dalam tahanan

260. Sejar dengan larangan terhadap penyeksaan dan layanan tidak berperikemanusiaan, pihak Jabatan Penjara Malaysia juga bertanggungjawab memastikan keselamatan tahanan terpelihara serta menjamin layanan yang berperikemanusiaan, perlindungan dan hak yang sewajarnya sepanjang tempoh penahanan, selaras dengan peruntukan berikut:

- (a) **Peraturan 168(1) Peraturan-Peraturan Penjara 2000** menetapkan hak kepada pakaian dan kelengkapan tempat tidur:

Peraturan 168. Pakaian dan kelengkapan tempat tidur

(1) Seseorang banduan yang belum disabitkan hendaklah dibenarkan memakai pakaiannya sendiri dan mendapatkan untuk dirinya atau menerima pada waktu yang sesuai apa-apa artikel pakaian sebagaimana yang diluluskan oleh Pegawai yang Menjaga.

- (b) **Peraturan 86 Peraturan-Peraturan Penjara 2000** menetapkan hak perhubungan antara banduan dan ahli keluarga serta rakan-rakan:

Peraturan 86. Perhubungan banduan

Perhubungan antara banduan dengan saudara-mara dan rakan-rakan mereka hendaklah dibenarkan mengikut Bahagian ini, tertakluk kepada apa-apa sekatan yang perlu bagi pengendalian tatertib dan ketenteraman dalam penjara, dan pencegahan jenayah ; dan tiada seorang lain pun boleh

dibenarkan berhubung dengan seseorang banduan kecuali dengan kebenaran khas, dan tiada seorang pun banduan boleh mengadakan apa-apa bentuk perhubungan yang tidak dibenarkan dengan mana-mana orang.

- (c) **Peraturan 171(1) Peraturan-Peraturan Penjara 2000** menetapkan hak kepada banduan reman untuk menerima lawatan:

Peraturan 171. Lawatan

(1) Seseorang banduan yang ditahan secara reman atau yang dikomitkan untuk dibicarakan hendaklah dilawati oleh saudara-maranya satu kali seminggu selama empat puluh lima minit.

- (d) **Peraturan 58(1)(a) dan (b) Nelson Mandela Rules** pula menggariskan hak banduan untuk lawatan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan seperti berikut:

Rule 58

1. Prisoners shall be allowed, under necessary supervision, to communicate with their family and friends at regular intervals:

- (a) By corresponding in writing and using, where available, telecommunication, electronic, digital and other means; and*
(b) By receiving visits.

- (e) **Peraturan 13 Nelson Mandela Rules** menggariskan hak tahanan untuk mendapatkan standard kemudahan dan persekitaran tempat tinggal yang bersesuaian untuk tahanan:

Rule 13

All accommodation provided for the use of prisoners and in particular all sleeping accommodation shall meet all requirements of health, due regard being paid to climatic conditions and particularly to cubic content of air, minimum floor space, lighting, heating and ventilation.

- (f) **Peraturan 15 Nelson Mandela Rules** menegaskan tandas bagi tahanan perlu berada dalam keadaan yang bersih dan bersesuaian:

Rule 15

The sanitary installations shall be adequate to enable every prisoner to comply with the needs of nature when necessary and in a clean and decent manner.

- (g) **Peraturan 16 Nelson Mandela Rules** menegaskan hak banduan untuk mandi seberapa kerap yang diperlukan bagi memastikan kebersihan banduan terjaga seperti berikut:

Rule 16

Adequate bathing and shower installations shall be provided so that every prisoner can, and may be required to, have a bath or shower, at a temperature suitable to the climate, as frequently as necessary for general hygiene according to season and geographical region, but at least once a week in a temperate climate.

- (h) **Peraturan 18(1) Nelson Mandela Rules** menegaskan hak tahanan untuk menjaga kebersihan diri dengan baik:

Rule 18

1. Prisoners shall be required to keep their persons clean, and to this end they shall be provided with water and with such toilet articles as are necessary for health and cleanliness.

Hak kepada siasatan yang telus dan terbuka

261. Setiap individu, termasuk tahanan, mempunyai hak kepada keadilan melalui siasatan yang telus dan perbicaraan yang adil seperti berikut:

(a) **Artikel 8 UDHR**

Article 8

Everyone has the right to an effective remedy by the competent national tribunals for acts violating the fundamental rights granted him by the constitution or by law.

(b) **Artikel 10 UDHR**

Article 10

Everyone is entitled in full equality to a fair and public hearing by an independent and impartial tribunal, in the determination of his rights and obligations and of any criminal charge against him.

262. Segala insiden kekerasan antara anggota penjara dan tahanan mesti dilaporkan kepada pihak berkuasa, termasuk pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara, serta disiasat secara telus dan menyeluruh untuk memastikan keadilan dan kebertanggungjawaban sebagaimana yang diperuntukkan seperti berikut:

(a) **Seksyen 120(1) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)** menetapkan tanggungjawab pihak polis untuk menyelesaikan setiap kes yang ditugaskan tanpa kelengahan yang tidak munasabah:

120. Laporan pegawai polis

(1) Tiap-tiap penyiasatan polis di bawah Bab ini hendaklah diselesaikan tanpa kelengahan yang tidak perlu, dan pegawai yang membuat penyiasatan itu hendaklah, melainkan jika kesalahan itu adalah daripada jenis yang telah diarahkan oleh Pendakwa Raya supaya tidak perlu dilaporkan kepadanya, mengemukakan kepada Pendakwa Raya suatu laporan penyiasatannya bersama dengan kertas penyiasatan berkenaan dengan penyiasatan itu dalam masa satu minggu dari habisnya tempoh tiga bulan dari tarikh maklumat itu diberikan di bawah seksyen 107.

(b) **Artikel 12 UNCAT** menekankan bahawa siasatan segera dan tidak berat sebelah hendaklah dijalankan oleh pihak berkuasa seperti berikut:

Article 12

Each State Party shall ensure that its competent authorities proceed to a prompt and impartial investigation, wherever there is reasonable ground to believe that an act of torture has been committed in any territory under its jurisdiction.

- (c) **Peraturan 57(3) Nelson Mandela Rules** menegaskan siasatan perlu dijalankan tanpa melengahkan masa seperti berikut:

Rule 57

3. Allegations of torture or other cruel, inhuman or degrading treatment or punishment of prisoners shall be dealt with immediately and shall result in a prompt and impartial investigation conducted by an independent national authority in accordance with paragraphs 1 and 2 of rule 71.

- (d) **Peraturan 71(1) Nelson Mandela Rules** menegaskan tanggungjawab Pengarah Penjara untuk melaporkan sebarang kejadian berkaitan kematian, kehilangan atau kecederaan terhadap tahanan kepada pihak berkuasa dengan kadar segera seperti berikut:

Rule 71

1. Notwithstanding the initiation of an internal investigation, the prison director shall report, without delay, any custodial death, disappearance or serious injury to a judicial or other competent authority that is independent of the prison administration and mandated to conduct prompt, impartial and effective investigations into the circumstances and causes of such cases. The prison administration shall fully cooperate with that authority and ensure that all evidence is preserved.

Keterangan palsu oleh saksi semasa siasatan

263. Perbuatan saksi yang memberikan keterangan palsu merupakan satu kesalahan serius yang bukan sahaja menjejaskan integriti siasatan, malah mencemarkan proses keadilan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang. Perkara ini diperuntukkan seperti berikut:

(a) **Seksyen 201 Kanun Keseksaan**

201. Menyebabkan hilangnya keterangan mengenai suatu kesalahan yang dilakukan, atau memberi maklumat palsu mengenai kesalahan itu, bagi mengelakkan pesalah daripada hukuman.

Barang siapa, yang ketahui atau yang ada sebab mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, menyebabkan apa-apa keterangan mengenai kesalahan yang dilakukan itu hilang dengan niat hendak mengelakkan pesalah itu daripada hukuman undang-undang, atau dengan mengetahui bahawa dia mungkin dengan jalan demikian itu mengelakkan pesalah itu daripada hukuman undang-undang, atau dengan niat atau pengetahuan yang tersebut memberi apa-apa maklumat mengenai kesalahan itu yang dia ketahui atau percaya sebagai palsu, hendaklah, jika kesalahan yang dia ketahui atau percaya telah dilakukan itu boleh dihukum dengan hukuman mati, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup atau dengan pemenjaraan yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh dihukum dengan pemenjaraan selama sesuatu tempoh yang tidak sampai sepuluh tahun, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai seperempat daripada tempoh pemenjaraan yang lama sekali yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

(b) **Seksyen 204 Kanun Keseksaan**

204. Membinasakan dokumen bagi mengelakkannya daripada dikemukakan sebagai keterangan.

Barang siapa menyorok atau membinasakan mana-mana dokumen yang dia boleh dengan sah di sisi undang-undang dipaksa mengemukakan sebagai keterangan di hadapan Mahkamah, atau dalam apa-apa prosiding yang diadakan dengan sah di sisi undang-undang di hadapan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, atau memadam atau menjadikan tidak boleh dibaca kesemua atau mana-mana bahagian dokumen itu dengan niat hendak mengelakkannya daripada dikemuka atau digunakan sebagai keterangan di hadapan Mahkamah atau di hadapan penjawat awam yang tersebut itu, atau setelah dia dengan sah di sisi undang-undang disaman atau dikehendaki mengemukakan dokumen itu bagi maksud itu, hendaklah dihukum dengan

pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

(c) Seksyen 182 Kanun Keseksaan

182. Maklumat palsu, dengan niat menyebabkan seorang penjawat awam menggunakan kuasanya yang sah di sisi undang-undang yang mendatangkan bencana kepada seseorang lain.

Barang siapa memberi kepada mana-mana penjawat awam apa-apa maklumat secara lisan atau bertulis yang dia ketahui atau percaya sebagai palsu, dengan maksud dengan jalan demikian itu hendak menyebabkan, atau dengan mengetahui bahawa dia mungkin dengan jalan demikian itu menyebabkan, penjawat awam itu menggunakan kuasanya yang sah di sisi undang-undang, yang mendatangkan bencana atau keguasaan kepada mana-mana orang, atau melakukan atau meninggalkan apa-apa perkara yang penjawat awam itu sepatutnya tidak melakukan atau tidak meninggalkan sekiranya keadaan yang sebenar, berkenaan dengan hal yang dimaklumkan itu, telah diketahui olehnya, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai enam bulan, atau dengan denda yang boleh sampai dua ribu ringgit, atau dengan kedua-duanya.

(d) Seksyen 181 Kanun Keseksaan

181. Membuat kenyataan palsu dengan sumpah kepada penjawat awam atau kepada orang yang diberi kuasa mentadbirkan sumpah.

Barang siapa, yang terikat di sisi undang-undang oleh sesuatu sumpah supaya menyatakan hal yang sebenarnya mengenai apa-apa perkara kepada mana-mana penjawat awam atau orang lain yang diberi kuasa oleh undang-undang mentadbirkan sumpah itu, membuat kepada penjawat awam atau orang lain yang tersebut itu, mengenai perkara itu, apa-apa kenyataan yang palsu, dan yang dia sama ada ketahui atau percaya sebagai palsu atau yang dia tidak percaya sebagai benar, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

Tanggungjawab majikan untuk memastikan keselamatan pekerja semasa bertugas

264. Keselamatan dan kesihatan pekerja merupakan tanggungjawab utama majikan yang tidak boleh dikompromi, demi memastikan kebajikan pekerja, persekitaran kerja yang selamat serta kelangsungan operasi yang beretika. Perkara ini diperuntukkan di bawah **seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)** seperti berikut:

15. Kewajipan am majikan

(1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

BAB 6

PENEMUAN PANEL INKUIRI AWAM

265. Setelah meneliti keterangan saksi-saksi dan ekshibit seperti dokumen-dokumen berkaitan, rakaman CCTV, rekod perubatan serta keseluruhan kronologi peristiwa di Penjara Taiping, dan setelah menimbang hujahan pihak-pihak, **Panel Inkuiri Awam mengesahkan bahawa berlaku pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT semasa dan selepas insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak.**
266. Pelanggaran hak asasi manusia yang dikenal pasti adalah merujuk kepada perkara seperti berikut:
- (a) Hak kepada nyawa dan kebebasan diri, seperti mana yang termaktub di bawah **Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan**;
 - (b) Hak untuk dilindungi secara sama rata di sisi undang-undang, yang dijamin di bawah **Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan** dan **Artikel 10 *International Covenant on Civil and Political Rights* (“ICCPR”)**;
 - (c) Standard minimum bagi layanan terhadap tahanan serta hak untuk kesihatan dan keselamatan tahanan di bawah ***Nelson Mandela Rules***; dan
 - (d) Hak untuk bebas daripada seksaan, kekejaman dan layanan tidak berperikemanusiaan serta menjatuhkan maruah, di bawah ***Universal Declarations on Human Rights* (“UDHR”)** dan ***Convention Against Torture and Other Cruel, Inhumane or Degrading Treatment or Punishment* (“UNCAT”)**.
267. Penemuan ini dibuat berdasarkan prinsip keseimbangan kebarangkalian (*balance of probability*), dengan mengambil kira bukti langsung (*direct evidence*) dan bukti

mengikut keadaan (*circumstantial evidence*) selaras dengan sifat dan amalan Inkuiri Awam yang mengendalikan suatu penyiasatan awam.

268. Berikut adalah pecahan bagi pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT yang dikenal pasti:
- (a) Pelanggaran hak asasi manusia semasa insiden;
 - (b) Pelanggaran hak asasi manusia selepas insiden; dan
 - (c) Pelanggaran hak asasi manusia berkenaan kematian Gan Chin Eng.

PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA **SEMASA INSIDEN**

269. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia telah berlaku **semasa insiden** di Penjara Taiping pada 17 Januari 2025. Pelanggaran hak asasi manusia ini melibatkan kekerasan terhadap TMT yang dilakukan oleh anggota penjara sewaktu pemindahan TMT ke dari Dewan B ke Blok E serta penyalahgunaan senjata dan peralatan keselamatan.

Kekerasan terhadap TMT

270. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kekerasan fizikal yang melampau telah dilakukan oleh sebilangan besar anggota penjara terhadap TMT semasa operasi pemindahan dari Dewan B ke Blok E pada 17 Januari 2025. Kekerasan ini juga turut melibatkan kumpulan tahanan reman yang ditempatkan di dalam Blok B.
271. Antara kekerasan fizikal yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
- (g) Memukul secara melampau dengan menggunakan senjata yang diwartakan seperti cota kayu dan cota-T besi serta peralatan lain seperti gayung dan selipar;

- (h) Menumbuk, memukul serta menendang di bahagian kepala dan badan sehingga menyebabkan terdapat TMT yang pengsan;
- (i) Menolak TMT secara kasar sehingga menyebabkan TMT jatuh tersungkur;
- (j) Memijak badan TMT;
- (k) Mengheret TMT secara kasar;
- (l) Menyembur *pepper spray* terhadap TMT yang berada dalam keadaan duduk di dalam barisan, dengan kedua-dua tangan bergari; serta
- (m) Mengerumuni, memukul dan menendang TMT secara beramai-ramai (lebih dari 4 orang anggota penjara) dalam satu-satu masa.

272. Penemuan mengenai penggunaan kekerasan ini diputuskan oleh Panel Inkuiri Awam berdasarkan bukti-bukti seperti berikut:

- (a) Penelitian rakaman CCTV di dalam Dewan B¹⁹⁶ dan di bahagian hadapan Blok B¹⁹⁷ yang menunjukkan lebih daripada 40 orang anggota penjara menggunakan kekerasan terhadap TMT;
- (b) Keterangan yang konsisten oleh saksi anggota penjara seperti Karmegam Kamachi Pillay (“**IW22**”)¹⁹⁸, Khairul Esmail bin Mohd Zawawi (“**IW23**”)¹⁹⁹, Ahmad Rizal bin Razali (“**IW27**”)²⁰⁰, Mohd Hairie Jumri (“**IW29**”)²⁰¹, Zaiful

¹⁹⁶ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

¹⁹⁷ Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

¹⁹⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 168.

¹⁹⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 30-31.

²⁰⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 156-157.

²⁰¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 169.

Mashadi bin Zainal Abidin (“IW33”)²⁰² dan Khairol Azmeer bin Ibrahim (“IW35”)²⁰³ yang melihat penggunaan kekerasan oleh anggota penjara semasa operasi pemindahan tersebut;

- (c) Pengakuan oleh saksi anggota penjara seperti Shafril Azmir bin Mohd Shafie (“IW20”)²⁰⁴, IW23²⁰⁵, Saiful Azman bin Mohamad Ibrahim (“IW26”)²⁰⁶, IW27²⁰⁷, Dzulizwar bin Mohd Bakir (“IW28”)²⁰⁸, IW29²⁰⁹ dan Fazdrul Rosaiman bin Dalves (“IW31”)²¹⁰ yang mengakui menggunakan kekerasan terhadap TMT; dan
- (d) Keterangan yang konsisten oleh kesemua saksi TMT;
- (e) Kesan kecederaan yang dialami oleh saksi-saksi TMT; dan
- (f) Dokumen rekod perubatan saksi-saksi TMT.

Kekerasan fizikal

273. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kekerasan fizikal telah dimulakan oleh beberapa anggota penjara yang berada di bahagian belakang Dewan B. Anggota penjara ini dilihat telah menolak secara kasar seorang TMT yang sedang berjalan ke arah barisan TMT yang lain. Sejurus selepas keadaan tersebut, Muhamad Mustakhim bin Abdul Rahim (“IW25”) yang merupakan Pegawai Pemulihan penjara

²⁰² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos 2025 muka surat 20.

²⁰³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos 2025 muka surat 172.

²⁰⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 175.

²⁰⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 57.

²⁰⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 13.

²⁰⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 159.

²⁰⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 101.

²⁰⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 184.

²¹⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 121.

dilihat mula menendang/memijak TMT yang sedang duduk dalam barisan di bahagian tengah Dewan B. Seterusnya, keadaan menjadi tidak terkawal apabila anggota penjara lain turut menggunakan kekerasan fizikal terhadap TMT yang berada di dalam Dewan B.

274. Kekerasan fizikal ini turut berlaku di kawasan hadapan luar pintu Dewan B apabila TMT dibawa keluar dari dewan tersebut. Walaupun rakaman CCTV tidak dapat merakam kawasan berkenaan (disebabkan *blind spot*) dan CCTV yang berada paling hampir dengan kawasan tersebut tidak berfungsi²¹¹, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa keterangan saksi-saksi TMT adalah munasabah dan konsisten dengan keadaan di kawasan hadapan luar pintu Dewan B yang dipenuhi dengan anggota penjara pada ketika itu.
275. Kekerasan fizikal terhadap TMT ini dilakukan secara berterusan dari dalam Dewan B sehingga TMT dikumpulkan di hadapan Blok B dan Pejabat Rekod, sebelum mereka dipindahkan ke Blok C dan Blok E. Terdapat juga TMT yang diheret secara kasar di Dataran Kedamaian sehingga ke Blok C.

Penggunaan “kekerasan minimum”

276. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa anggota penjara seperti IW26, IW27, IW28 dan IW29 yang mengakui menggunakan kekerasan fizikal terhadap TMT telah menjustifikasikan penggunaan kekerasan tersebut sebagai “kekerasan minimum”.²¹² Mereka memaklumkan bahawa “kekerasan minimum” tersebut bermaksud “kekerasan yang tidak menyebabkan kematian” dan bagi tujuan mengawal keselamatan.
277. Panel Inkuiri Awam menegaskan bahawa tafsiran “kekerasan minimum” tersebut adalah tidak boleh diterima sama sekali. Merujuk kepada kecederaan yang dialami oleh TMT, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kekerasan yang dilakukan oleh

²¹¹ Rujuk kepada Ekshibit 66.

²¹² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 175, Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 57, Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 13 dan 159 serta Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 101 dan 170.

anggota penjara tidak boleh ditafsirkan sebagai sesuatu kekerasan yang minimum. Ini kerana, tindak tanduk anggota penjara yang hilang kawalan diri, seolah-olah “naik hantu” semasa operasi pemindahan jelas bercanggah dengan istilah “kekerasan minimum” tersebut.

278. Istilah ini telah dijadikan sebagai alasan dan bersifat defensif bagi mewajarkan perbuatan yang melampaui batas undang-undang dan melanggar hak asasi manusia.

Tindakan provokasi dan ugutan

279. Sepanjang kekerasan fizikal dilakukan, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa TMT berada dalam keadaan tidak melawan dan tidak agresif. Kesemua TMT dilihat telah mengikut arahan anggota penjara seperti duduk dalam barisan, kepala tunduk ke bawah, tangan diletakkan di atas kepala dan kemudiannya digari di belakang.
280. Keadaan ini menunjukkan tiada provokasi yang jelas dilakukan oleh TMT seperti mana yang didakwa oleh anggota penjara sebagai alasan penggunaan kekerasan fizikal terhadap TMT. Sebaliknya, provokasi jelas dilakukan oleh anggota penjara, yang terlebih dahulu melakukan tindakan intimidasi. Anggota penjara dilihat berkumpul beramai-ramai di hadapan Dewan B, dilengkapi dengan senjata dan alatan keselamatan, mengetuk perisai secara bertalu-talu, menyerbu masuk ke dalam Dewan B secara berkumpulan dan seterusnya memulakan kekerasan fizikal terhadap TMT. Dalam keadaan sedemikian, TMT tidak mempunyai keberanian untuk melakukan provokasi terhadap anggota penjara yang ramai dan lengkap bersenjata.
281. Panel Inkuiri Awam turut mengambil perhatian terhadap keterangan saksi anggota penjara yang menyatakan bahawa tindakan kekerasan dilakukan akibat daripada perasaan marah dan tertekan selepas mereka menerima ugutan daripada TMT seperti “aku bunuh keluarga kau” dan “aku rogol bini kau”.²¹³

²¹³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 49, Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 58, Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 172 dan Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 28.

282. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa naratif mengenai ugutan tersebut menunjukkan persamaan yang sangat ketara dalam keterangan anggota penjara seperti IW25, IW26, IW27, IW28 dan IW29. Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa naratif ini telah direka dan dirancang bagi menjustifikasikan tindakan kekerasan terhadap TMT. Penemuan ini turut disokong dengan keterangan IW25 yang mengakui bahawa dia telah berbincang dan melihat CCTV bersama anggota penjara tersebut sebelum mereka memberikan keterangan di prosiding Inkuiri Awam.²¹⁴
283. Panel Inkuiri Awam menegaskan dalam apa jua keadaan sekalipun, alasan provokasi dan ugutan oleh TMT sama sekali tidak menjustifikasikan penggunaan kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara. Kekerasan yang berlebihan ini merupakan satu bentuk penyeksaan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap TMT yang berada di bawah jagaan mereka.

Penyalahgunaan senjata dan alatan keselamatan

284. Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa anggota penjara telah menyalahgunakan senjata dan alatan keselamatan yang diwartakan seperti cota kayu, cota-T besi, *pepper spray*, perisai dan sut *body armour*. Senjata dan alatan keselamatan ini telah dibekalkan kepada sebilangan besar anggota penjara dengan alasan untuk membuat kawalan keselamatan semasa proses pemindahan TMT ke Blok E.²¹⁵
285. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa penggunaan senjata dan alatan keselamatan tersebut sama sekali tidak bertepatan dengan SOP yang digariskan di dalam **Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) Bil. E.126- Tatacara Menggunakan Pepper Spray dan Cota Semasa Bertugas.**²¹⁶

²¹⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 82.

²¹⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 127.

²¹⁶ Rujuk kepada Ekshibit 58.

Antara penyalahgunaan senjata dan alatan keselamatan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

(a) Penggunaan cota

(i) Berdasarkan perenggan 5 PTKJP Bil. E.126, cota sepatutnya digunakan sekiranya terdapat situasi yang benar-benar mengancam keselamatan anggota penjara atau banduan lain serta untuk mengawal keselamatan. Sebelum cota digunakan, anggota penjara hendaklah memberikan amaran terlebih dahulu. Pukulan yang dilakukan adalah bukan untuk mendatangkan kecederaan tetapi sekadar untuk melemahkan iaitu secara terhad seperti di bahagian bahu, belakang badan daripada pinggang ke atas dan di betis atau peha kaki untuk mengelak kecederaan serius kepada mangsa. Anggota penjara juga **dilarang sama sekali** untuk memukul di bahagian kepala, muka, leher, kemaluan dan rusuk kerana ia boleh menyebabkan kecederaan serius. Hayunan cota semasa pukulan hendaklah tidak melebihi 6 kaki dari paras bumi atau melebihi paras kepalanya sendiri.

(ii) Secara asasnya, penggunaan cota dilarang seperti berikut:

*5.1.3 Pegawai penjara yang telah dibekalkan dengan cota hendaklah memahami dan mematuhi segala peraturan dan prosedur berhubung penggunaannya. **Pegawai penjara dilarang dengan sengaja menggunakan peralatan ini untuk melakukan perbuatan mempunyai unsur-unsur penderaan, penganiayaan atau tanpa alasan yang benar-benar munasabah yang mewajarkan pukulan dilakukan.***

(iii) Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa cota telah digunakan oleh anggota penjara untuk memukul TMT secara bertubi-tubi dan beramai-ramai. Tindakan ini dilakukan secara rambang sehingga mengakibatkan kecederaan serius termasuk luka koyakan di bahagian kepala, patah tangan dan sebagainya.

(b) Penggunaan *pepper spray*

- (i) Berdasarkan perenggan 4 PTKJP Bil. E.126, penggunaan *pepper spray* hanya diperlukan sekiranya wujud ancaman serangan. Alatan ini berfungsi sebagai alat sokongan kepada anggota yang bertugas. Semburan *pepper spray* hendaklah dilakukan ke arah tiupan angin bagi mengelakkan semburan menghala ke badan anggota atau kedudukan pasukan. Semburan hendaklah dilakukan pada bahagian mata, hidung dan mulut sebanyak dua hingga tiga kali dalam satu-satu masa. Individu yang disembur *pepper spray* hendaklah dengan seberapa segera diberikan rawatan dan pertolongan cemas iaitu dicuci dengan basuhan air bersih. Selain itu, *pepper spray* juga perlu diselenggara setiap tiga bulan untuk memeriksa tekanan udara dan corak semburan.
- (ii) Semasa insiden tersebut, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa anggota penjara iaitu IW25 dan Zairulazly Mohd Napiah (“IW30”) telah menyembur *pepper spray* secara rambang ke arah TMT yang sedang duduk dalam barisan dengan tangan bergari di belakang. TMT yang terkena semburan *pepper spray* tersebut tidak diberikan rawatan atau pertolongan cemas sebaliknya mereka terus dipindahkan ke Blok C dan Blok E yang tidak mempunyai kemudahan tandas. Kebanyakan TMT ketika itu tidak memakai baju telah mengalami kesan kepedihan yang lebih teruk dan berpanjangan selama beberapa hari. Selain itu, semburan secara rambang ini juga menyebabkan kecederaan kepada anggota penjara yang berada di sekitar kawasan tersebut.

(c) Penggunaan sut *body armour* dan perisai

- (i) Berdasarkan Ekshibit 40, sut *body armour* dan perisai adalah merupakan peralatan sokongan keselamatan yang dibekalkan kepada anggota penjara dalam menghadapi situasi serangan banduan atau rusuhan bagi melindungi anggota badan dan muka. Ia perlu dipakai semasa kawalan keselamatan pada situasi genting seperti meleraikan pergaduhan.

- (ii) Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa sut *body armour* dan perisai ini digunakan untuk menimbulkan intimidasi serta menakut-nakutkan TMT.²¹⁷ Anggota yang memakai kelengkapan tersebut tidak menggunakannya untuk meleraikan anggota penjara yang sedang memukul TMT, sebaliknya menyalahgunakan kelengkapan tersebut sebagai alat perlindungan diri semasa memukul TMT.

286. Panel Inkuiri Awam menegaskan bahawa senjata dan alatan keselamatan sepatutnya digunakan sekiranya terdapat keadaan yang mendesak untuk mengawal keadaan dan bagi tujuan keselamatan. Namun begitu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa senjata dan alatan keselamatan tersebut telah digunakan secara sewenang-wenangnya dengan tidak bertanggungjawab semasa insiden pada 17 Januari 2025.
287. Anggota penjara yang menyalahgunakan senjata dan alatan keselamatan jelas telah melanggar SOP sedia ada di bawah **Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) Bil. E.126**. Kesalahan ini juga merupakan pelanggaran peruntukan **seksyen 20 Akta Penjara 1995 (Akta 537)** iaitu pematuhan undang-undang bertulis dan perintah yang sah.
288. Sehubungan itu, tindakan kekerasan dan penyalahgunaan senjata dan alatan keselamatan oleh anggota penjara ini adalah merupakan diskriminasi terhadap TMT dan melanggar hak asasi manusia serta peruntukan undang-undang yang terpakai seperti berikut:
- (a) Perkara 5 dan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan;
 - (b) Seksyen 321, 322, 324 atau 326 Kanun Keseksaan;
 - (c) Seksyen 20 dan 22 Akta Penjara 1995 (Akta 537);
 - (d) Peraturan 56 Peraturan-Peraturan Penjara 2000;
 - (e) Peraturan 1 *Nelson Mandela Rules*; dan

²¹⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 111-113.

(f) Artikel 16 UNCAT.

289. Penemuan Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT adalah disebabkan oleh beberapa punca yang boleh diklasifikasikan seperti berikut:

(a) Punca pencetus (*immediate causes*);

- Punca pencetus merujuk kepada sebab atau keadaan yang secara langsung menjadi pencetus kepada berlakunya insiden pada 17 Januari 2025.

(b) Punca asas (*underlying causes*); dan

- Punca asas merujuk kepada isu yang wujud lebih awal dan terpendam yang menjadi faktor dasar dalam berlakunya insiden pada 17 Januari 2025.

(c) Punca penyumbang (*contributing causes*).

- Punca penyumbang merujuk kepada punca tambahan yang menyumbang kepada berlakunya kejadian tetapi bukan penyebab utama atau pencetus langsung kepada berlakunya insiden. Punca ini memperkukuhkan atau memburukkan keadaan yang sedia ada.

A. Punca Pencetus (*Immediate Causes*)

A1. Penempatan TMT secara tergesa-gesa di blok yang tidak selamat dan tidak sesuai diduduki

290. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa keputusan pihak pengurusan Penjara Taiping untuk menempatkan TMT di Blok E merupakan punca pencetus kepada berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT. Penempatan ini dibuat

secara tergesa-gesa dan tidak langsung menimbang pandangan dan kebijaksanaan TMT.

Keputusan penempatan di Blok E

291. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pihak pengurusan Penjara Taiping telah memutuskan untuk menempatkan TMT di Blok E atas alasan bahawa Blok Reman yang biasanya digunakan untuk menempatkan tahanan reman sedang menjalani kerja-kerja pembaikan.²¹⁸
292. Penempatan ini dibuat meskipun pihak pengurusan Penjara Taiping mempunyai pengetahuan mengenai keadaan Blok E yang mengalami beberapa kerosakan struktur yang serius, sebagaimana laporan yang dikeluarkan oleh pihak JKR bertarikh 21 Oktober 2022 ("**Ekshibit 54**"). Antara kerosakan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:
- (a) Keretakan melintang bahagian lantai (*slab*) dengan ketebalan 130 mm pada laluan pejalan kaki (koridor) aras 1 dan aras 2 dengan tahap keretakan 3.00 mm~4.00 mm;
 - (b) Rasuk jenis keluli / besi di laluan pejalan kaki (koridor) aras 1 telah berkarat;
 - (c) *Plate* keluli sebagai *formwork* tetap telah berkarat dan reput di laluan koridor aras 1 dan aras 2; dan
 - (d) Struktur besi yang menyokong jejak konkrit tangga berkarat.
293. Selain itu, Ekshibit 54 juga mengesyorkan agar struktur papak konkrit laluan pejalan kaki (koridor) di Blok E dibina semula dan struktur besi yang berkarat dan reput diganti. Pembaikan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan integriti bangunan sentiasa berada dalam keadaan baik serta menjamin keselamatan tahanan yang

²¹⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 80-81.

ditempatkan di blok tersebut. Panel Inkuiri Awam dimaklumkan bahawa blok tersebut telah dikosongkan sejak Disember 2021.²¹⁹

294. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pihak Penjara Taiping telah mengambil pendekatan bahawa aras bawah (*ground floor*) di Blok E adalah selamat dan masih boleh digunakan memandangkan kerosakan yang dikenal pasti hanya melibatkan aras 1 dan aras 2 sahaja. Oleh itu, pihak Penjara Taiping telah menggunakan *ground floor* di Blok E sebagai stor penyimpanan barang dan kemudiannya memutuskan untuk menempatkan TMT yang tiba dari PKBG walaupun kerja-kerja pembaikpulihan seperti yang disyorkan oleh pihak JKR belum dilaksanakan.²²⁰
295. Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa pendekatan yang diambil oleh pengurusan Penjara Taiping ini adalah tidak wajar serta mengabaikan aspek keselamatan penghuni. Keadaan Blok E jelas menimbulkan risiko keselamatan dan sama sekali tidak sesuai untuk digunakan, sama ada bagi tujuan penempatan TMT mahupun kegunaan lain yang melibatkan kehadiran manusia.
296. Meskipun kerosakan ketara hanya dikenal pasti di aras 1 dan aras 2, namun keadaan tersebut berpotensi mendatangkan bahaya sekiranya ianya terus digunakan. Perkara ini juga selaras dengan saranan JKR bahawa keseluruhan Blok E wajar dikosongkan sehingga kerja-kerja pembaikpulihan dilaksanakan sepenuhnya bagi memastikan aspek keselamatan bangunan tersebut terjamin.²²¹
297. Selain daripada isu keselamatan, Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa terdapat beberapa isu lain yang menyebabkan Blok E tidak sesuai untuk diduduki berdasarkan perkara-perkara seperti berikut:

²¹⁹ Rujuk kepada Ekshibit 54 dan Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 86.

²²⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 94.

²²¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 23-24.

- (a) Blok E tidak dilengkapi dengan sistem tandas moden di dalam setiap sel menyebabkan TMT terpaksa menggunakan *bucket system* di dalam sel serta mandi dalam tempoh yang terhad mengikut kiraan gayung di luar blok.²²² Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa amalan mandi mengikut kiraan gayung telah diamalkan sejak dahulu lagi di mana jumlah kiraan gayung akan ditentukan oleh setiap anggota yang bertugas.²²³ Amalan ini secara tidak langsung telah menafikan hak tahanan kepada kebersihan diri yang sempurna dan tahanan berisiko dijangkiti penyakit kulit dan masalah-masalah kesihatan yang lain. Manakala, penggunaan *bucket system* pula menyebabkan-
- (i) TMT terpaksa membuang najis secara berkongsi tong yang disediakan di dalam sel;
 - (ii) TMT terpaksa makan dan tidur dalam ruangan yang sama;
 - (iii) TMT terdedah kepada bau yang tidak menyenangkan;
 - (iv) TMT berada dalam persekitaran yang tidak selesa; dan
 - (v) TMT terdedah kepada risiko penularan penyakit kerana berada di ruang yang tertutup dalam tempoh yang lama.
- (b) Blok E sering berdepan dengan masalah banjir serta limpahan air longkang berhampiran apabila berlaku hujan lebat. Keadaan ini menyebabkan haiwan dan serangga seperti tikus dan lipan memasuki blok tersebut serta menimbulkan bau yang tidak menyenangkan.²²⁴ Lawatan Panel Inkuiri Awam ke Penjara Taiping juga mendapati bahawa blok ini berada bersebelahan dengan tempat pengumpulan sampah; dan

²²² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 231-232.

²²³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 117 dan 234.

²²⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 178.

- (c) Blok E didapati tidak mematuhi piawaian keselamatan bangunan seperti tidak menjalani pemeriksaan keselamatan dan kebakaran oleh pihak Bomba.²²⁵ Keadaan ini boleh meningkatkan risiko keselamatan kepada penghuni sekiranya berlaku kebakaran.

298. Disebabkan perkara-perkara tersebut, para TMT telah menyatakan kebimbangan mereka kepada pihak pengurusan Penjara Taiping. Mereka juga berkeras untuk tidak ditempatkan di Blok E dan ingin ditempatkan di Blok Reman memandangkan mereka masih lagi berstatus tahanan reman atau sekurang-kurangnya dibenar untuk tinggal sementara di Dewan B. Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa keengganan TMT tersebut tidak boleh dianggap sebagai satu bentuk keingkaran atau tindakan yang mencabar pihak berkuasa. Sebaliknya, ia merupakan **reaksi yang wajar** dan berpunca daripada ketakutan sebenar memandangkan Blok E jelas berada dalam keadaan tidak selamat, kotor dan tidak layak dihuni.

Penempatan TMT di Blok B

299. Selain daripada keputusan untuk menempatkan TMT di Blok E yang tidak selamat dan tidak sesuai untuk diduduki, Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa terdapat sekumpulan tahanan yang telah pun ditempatkan di dalam Blok B iaitu tahanan reman yang perlu menjalani proses kuarantin selepas pulang dari mahkamah.²²⁶ Manakala, Dewan B iaitu sebuah dewan yang dibina bercantum dan berkongsi struktur fizikal yang sama dengan Blok B telah digunakan untuk menempatkan TMT yang berpindah dari Pusat Koreksional Batu Gajah (“**PKBG**”) pada 16 Januari 2025.²²⁷
300. Penempatan ini dibuat meskipun pihak pengurusan Penjara Taiping mempunyai pengetahuan mengenai keadaan Blok B yang tidak selamat dan perlu dikosongkan sebagaimana laporan JKR dalam Ekshibit 54. Laporan tersebut jelas menyatakan

²²⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 141-143.

²²⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 21-22.

²²⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 166.

bahawa integriti bangunan Blok B telah terjejas teruk, tidak selamat digunakan dan perlu dikosongkan sehingga kerja-kerja pembaikan menyeluruh dilaksanakan serta status bangunan telah disahkan selamat.

301. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan Penjara Taiping tidak mematuhi pengesyoran JKR tersebut, sebaliknya masih menempatkan TMT tanpa sebarang kerja-kerja pembaikan dijalankan. Penemuan ini disokong dengan keterangan Shahrul Izzat Hamid (“**IW37**”) selaku Timbalan Pengarah Penjara Taiping yang mengakui mengenai risiko keselamatan yang wujud akibat keadaan Blok B yang terjejas seperti berikut:²²⁸

SHAHRUL: So, bila dia orang tak nak keluar, yang menjurus pada hari itu, kita cakap... kepada sayalah, kalau mereka still lagi tak nak keluar juga, kita akan tunggu pada hari Isnin baru pindahkan mereka. Jadi mereka akan stay lagi lah dua hari, tiga hari di dalam Dewan tersebut.

PM2: Maksudnya, bolehlah duduk kat Dewan B, I mean for more than one day.

SHAHRUL: Dalam hati berdoa lah. Janganlah runtuh bangunan itu saja. Sebab dia orang dah masuk di dalam. Saya pun pada hari itu baru dimaklumkan banduan masuk di situ.

302. Saksi TMT yang ditempatkan di dalam Blok B iaitu Harjit Singh Terlok Singh (“**IW16**”), menyatakan pernah melihat papan tanda “AWAS” di Blok B yang memberi amaran mengenai keadaan blok yang rosak. Papan tanda tersebut kemudiannya dialihkan selepas SUHAKAM memulakan siasatan berhubung insiden tersebut.²²⁹ Keterangan IW16 ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan Penjara Taiping menyedari keadaan Blok B yang tidak selamat, namun tetap menempatkan tahanan di blok tersebut.

303. Oleh itu, keputusan pihak pengurusan Penjara Taiping untuk menempatkan TMT di kedua-dua blok penempatan yang dikenal pasti tidak selamat bukan sahaja mendedahkan TMT kepada persekitaran yang membahayakan keselamatan, malah

²²⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 119.

²²⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 108.

turut menjejaskan kebajikan, kesihatan dan keselamatan anggota penjara yang bertugas di blok berkenaan. Tindakan ini telah melanggar hak asasi TMT serta peruntukan undang-undang yang terpakai iaitu-

- (a) Perkara 5(1), Perlembagaan Persekutuan;
- (b) Seksyen 15 dan 17, Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 (Akta 514);
- (c) Artikel 5 dan 10 UDHR;
- (d) Artikel 10 ICCPR; dan
- (e) Peraturan 1, 13, 15, 16 dan 18 *Nelson Mandela Rules*.

A2. Kegagalan operasi pemindahan dari Dewan B ke Blok E secara teratur dan terkawal

304. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT telah berlaku disebabkan kegagalan pihak pengurusan dan anggota penjara melaksanakan operasi pemindahan dengan selamat dan dalam keadaan terkawal. Perkara ini merupakan punca pencetus kepada insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025 iaitu seperti berikut:

(a) Rundingan yang tidak efektif

Rundingan-rundingan yang dijalankan antara TMT dengan anggota penjara bukanlah satu proses perbincangan dua hala untuk mencapai persetujuan atau penyelesaian bersama, sebaliknya ia lebih menjurus kepada usaha untuk memastikan TMT akur dengan arahan pihak pengurusan Penjara Taiping untuk ditempatkan di Blok E. Perkara ini dapat dilihat apabila tuntutan TMT, antara lainnya ingin mendapatkan aktiviti riadah dan kelas agama, kemudahan wartel serta enggan mandi mengikut kaedah kiraan gayung di Blok E, langsung tidak diendahkan. Pihak pengurusan Penjara Taiping gagal memberi keputusan yang jelas terhadap tuntutan-tuntutan TMT tersebut. Selain itu, tiada tempoh bertenang (*cooling-off period*) diberikan setelah rundingan tersebut tidak mencapai kata sepakat. Sebaliknya, pihak pengurusan Penjara Taiping telah bertindak memindahkan TMT ke Blok E secara tergesa-gesa.

(b) Perancangan operasi yang tidak jelas

Operasi pemindahan TMT tidak mempunyai perancangan yang jelas dan teliti. Kaedah pemindahan ini lebih bersifat intimidasi dengan cubaan menakut-nakutkan TMT dengan kehadiran anggota penjara yang ramai serta penggunaan senjata dan peralatan keselamatan. IW37 semasa memberi keterangan, mengakui kesilapan ini di mana dia tidak membuat perancangan operasi yang khusus, sebaliknya hanya bergantung kepada Shafril Azmir Mohd Shafie (“**IW20**”) selaku Ketua UKP yang dianggap mempunyai kemahiran dalam mengawal keselamatan untuk menjalankan operasi berkenaan.²³⁰

(c) Kegagalan Pegawai Pemulihan sebagai perundingcara

- (i) Pihak pengurusan Penjara Taiping telah mengarahkan Muhammad Mustakhim Abdul Rahim (“**IW25**”) untuk menjadi perundingcara memandangkan IW25 merupakan Pegawai Program Pembangunan Insan (“**Pegawai Pemulihan**”) yang sepatutnya mempunyai kemahiran dalam menjalankan sesi kaunseling bagi program pemulihan tahanan. Dia diharapkan dapat memujuk dan menjalankan rundingan secara damai dengan TMT.²³¹
- (ii) Walau bagaimanapun, IW25 didapati gagal memainkan peranan sebagai Pegawai Pemulihan dan tidak menjalankan rundingan dengan baik apabila dia mengarahkan TMT untuk berpindah ke Blok E secara paksa dalam tempoh satu minit sahaja sehingga menyebabkan TMT tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk mengemas barangan peribadi dan berpindah secara sukarela.
- (iii) IW25 juga merupakan antara anggota penjara yang paling awal memulakan kekerasan terhadap TMT. Dia dilihat bertindak dalam

²³⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 139-140.

²³¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 21-22.

keadaan sangat beremosi dan hilang kawalan diri, meskipun terdapat beberapa anggota penjara lain cuba menghalang dia daripada terus melakukan kekerasan tersebut.²³²

(d) Ketiadaan rantaian perintah yang jelas

Operasi pemindahan telah dijalankan tanpa rantaian perintah (*chain of command*) yang jelas. Walaupun IW37 berada di lokasi kejadian sebagai pegawai tertinggi, kehadirannya gagal untuk membuat kawalan operasi yang efektif. Penemuan ini juga disokong dengan kegagalan IW20 sebagai Ketua UKP untuk bertindak mengawal anggota penjara daripada terus melakukan kekerasan, apatah lagi untuk mengawal keselamatan TMT. Tiada mekanisme perintah dan kawalan (*command and control*) yang berfungsi untuk memastikan arahan dikeluarkan, disampaikan, dipatuhi dan dikuatkuasakan. Tiada juga pengurusan krisis (*crisis management*) apabila berlakunya situasi di luar jangka. Ketiadaan kawalan ini mengakibatkan anggota penjara bertindak melebihi kuasa mereka dengan melakukan tindakan yang sewenang-wenangnya terhadap TMT, seolah-olah undang-undang tidak terpakai ke atas mereka.

(e) Anggota penjara hilang kawalan diri

Anggota penjara gagal mengawal emosi semasa operasi pemindahan TMT ke Blok E. Operasi pemindahan yang sepatutnya dijalankan dengan aman dan terkawal berubah menjadi huru-hara akibat tindakan anggota penjara yang keterlaluan. Penemuan ini disokong oleh keterangan anggota UKP iaitu Ahmad Rizal Razali (“IW27”) seperti berikut:²³³

RIZAL: Sebab saya tengok keadaan dah tak terkawal. Saya ini, macam ini lah. Saya ini, pegawai... pegawai keselamatan. Saya nampak kenapa tak ada siapa nak tolong jerit, berhentikan kejadian ni. Nak sampai ada yang, maksud saya menjadi kehilangan nyawa, kan? Saya gunakan peranan saya sendiri untuk jerit dalam 3-4 kali

²³² Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

²³³²³³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 193.

ingat anak Tuan-Tuan semua. Ini semua dah keterlaluan. Sila berhenti. Untuk kita... kita pindahkan banduan secepat mungkin di Blok C dan di Blok E. Saya jerit dalam 3 kali. Tak silap saya.

SK: Tuan, bila Tuan kata keadaan tak terkawal, adakah itu bermaksud rakan-rakan Tuan sudah tidak terkawal keadaan dia?

RIZAL: Ya.

305. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam merumuskan bahawa kegagalan operasi pemindahan secara keseluruhan telah mengakibatkan Penjara Taiping tidak dapat melaksanakan tanggungjawab secara berkesan dalam memastikan keselamatan, maruah dan hak TMT sentiasa terpelihara.

A3. Kecuaian dan ketidakcekapan pegawai atasan penjara semasa insiden

306. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kecuaiian dan ketidakcekapan pegawai atasan penjara telah menyebabkan pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT semasa insiden pada 17 Januari 2025 seperti berikut:

- (a) Kegagalan IW37 untuk bertindak berdasarkan SOP dan mengawal situasi;
- (b) Kecuaian IW1 untuk memimpin dan menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah Penjara Taiping; dan
- (c) Ketidakcekapan anggota penjara dalam mengawal situasi.

Kegagalan IW37 bertindak berdasarkan SOP dan mengawal situasi

307. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa IW37 selaku ketua operasi dan pegawai tertinggi semasa operasi telah menganggap bahawa insiden yang berlaku adalah berpunca daripada rusuhan yang dimulakan oleh TMT.
308. Panel Inkuiri Awam mengambil maklum bahawa terdapat SOP khusus yang disediakan sebagai panduan sekiranya berlaku rusuhan oleh banduan iaitu **Perintah**

Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) Bil. E334- Tatacara Mencegah dan Bertindak Dalam Menghadapi Serangan Banduan Ke Atas Anggota Penjara.²³⁴

309. Sekiranya IW37 menganggap insiden tersebut merupakan rusuhan dari TMT, tindakan yang perlu diambil berdasarkan PTKJP Bil. E334 adalah seperti berikut:
- (a) Langkah pertama- cuba mententeramkan TMT supaya kembali tenang dan normal;
 - (b) Langkah kedua- memberi amaran jika sekiranya TMT bertindak agresif;
 - (c) Langkah ketiga- sekiranya langkah kedua tidak dipatuhi oleh TMT, anggota hendaklah dengan segera mendapat bantuan awal dengan cara berteriak, meniup wisel atau lain-lain kemudahan yang ada seperti membunyikan loceng, menggunakan telefon, menggunakan *walkie talkie* dan sebagainya;
 - (d) Langkah keempat- Jika sekiranya diserang, anggota boleh mempertahankan diri dengan menggunakan peralatan yang sedia ada seperti cota, tali pinggang, alat pemadam api dan sebagainya yang boleh dijadikan senjata untuk mempertahankan diri;
 - (e) Langkah kelima- setiap kejadian yang berlaku dan tindakan yang telah diambil hendaklah dicatatkan di dalam *pocket diary*.
310. Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa IW37 sebagai ketua operasi telah **gagal** melaksanakan tanggungjawab dalam mengendalikan situasi semasa insiden, seperti mana yang digariskan di dalam PTKJP Bil. E334 iaitu seperti berikut:
- (a) IW37 gagal untuk mengambil tanggungjawab bagi mengenal pasti punca insiden tersebut berlaku dan seterusnya gagal mengambil langkah proaktif

²³⁴ Rujuk kepada Ekshibit 65.

untuk mententeramkan TMT dan/atau anggota penjara yang terlibat semasa kejadian;

- (b) IW37 membiarkan keadaan menjadi semakin huru-hara dengan tidak menghalang kekerasan dari terus dilakukan oleh anggota penjara. IW37 juga tidak berusaha mengambil tindakan tegas seperti menjerit dengan kuat untuk menarik perhatian anggota penjara, tidak meniup wisel dan membunyikan loceng untuk memberikan amaran supaya berhenti dari melakukan kekerasan;²³⁵
- (c) IW37 membiarkan penggunaan senjata oleh anggota penjara meskipun TMT jelas tidak menyerang mana-mana anggota penjara.²³⁶ Keadaan ini dibiarkan berlarutan sehingga ramai TMT mengalami kecederaan serius seperti luka koyakan di kepala, patah tulang rusuk, patah jari dan sebagainya; serta
- (d) IW37 gagal melaporkan dengan segera kepada IW1 yang berada di pejabatnya semasa insiden tersebut berlaku.²³⁷

311. Panel Inkuiri Awam tidak dapat menerima keterangan IW37²³⁸ serta maklumat yang direkodkan di dalam Ekshibit 64 yang menyatakan bahawa dia telah mengarahkan anggota penjara untuk berhenti menggunakan kekerasan terhadap TMT. Hal ini kerana, rakaman CCTV menunjukkan bahawa IW37 tidak secara proaktif cuba menghalang kekerasan tersebut. Dia hanya dilihat mundar mandir sambil memerhatikan sahaja keadaan yang berlaku. Kehadiran IW37 dilihat seperti tidak memberi kesan kepada anggota penjara seolah-olah mereka tidak takut atau gerun terhadap IW37 sebagai pegawai atasan di Penjara Taiping.

²³⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 182-184.

²³⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 194-195.

²³⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 87.

²³⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 142, 170-174.

312. Justeru itu, Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa IW37 selaku ketua operasi telah memberi “lampu hijau” bagi kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara. Ia juga memberi gambaran bahawa kekerasan tersebut seolah-olah telah dirancang dengan lebih awal, terutamanya apabila senjata dan alatan keselamatan telah dibekalkan kepada anggota penjara.
313. Panel Inkuiri Awam juga berpandangan bahawa alasan rusuhan oleh TMT ini merupakan satu *afterthought* yang sengaja diwujudkan bagi mengalihkan kesalahan kepada TMT. Penemuan ini adalah berdasarkan tindakan pihak pengurusan Penjara Taiping yang hanya mematuhi tatacara bagi tindakan **selepas** insiden sebagaimana diperuntukkan dalam PTKJP Bil. E334 seperti berikut:
- (a) Menjalankan ujian air kencing kepada banduan yang terlibat;
 - (b) Mengasingkan banduan yang terlibat untuk siasatan;
 - (c) Menubuhkan Lembaga Siasatan di peringkat institusi; dan
 - (d) Membuat laporan polis.
314. Panel Inkuiri Awam berpendirian bahawa perkara ini merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia yang serius, di mana Penjara Taiping bukan sahaja gagal menjaga keselamatan TMT semasa operasi pemindahan, malah TMT turut dianiaya dengan dituduh sebagai penyebab insiden tersebut berlaku.

Kecuaian IW1 untuk memimpin dan menggalas tanggungjawab

315. Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa PKK Nazri bin Mohamad (“**IW1**”), selaku Pengarah Penjara Taiping telah menunjukkan kecuaiian dan kegagalan yang serius dalam memimpin serta menggalas tanggungjawabnya sebagai ketua institusi semasa insiden tersebut berlaku.
316. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa IW1 mempunyai pengetahuan awal mengenai latar belakang TMT serta risiko keselamatan yang wujud pada ketika itu berdasarkan keterangannya seperti berikut:

NAZRI: *Sebelum ni, kita direct terus masuk untuk makluman Yang Berbahagia Dato'. Tapi yang Batu Gajah ni, **memang kita tahu ada masalah**. Jadi,*

kita perlu tempatkan di Dewan B itu untuk kita agih-agihkan penempatan mereka pada keesokan hari di Blok E kerana kita dapat info mereka ini macam-macam hal. Maksud dia, ada yang cuba smuggle. Ada yang cuba buat kerenah. Jadi, kita terpaksa orang kata 100% you kena check betul-betul di situ. Kita takut kalau dah masuk ke dalam blok, kita dah susah nak kawal mereka.

317. IW1 memberi keterangan bahawa-

- (a) dia tidak dimaklumkan mengenai keengganan TMT untuk berpindah ke Blok E serta tidak tahu mengenai kegagalan rundingan antara TMT dan anggota penjara.²³⁹
- (b) semasa berada di pejabatnya, IW37 hanya memaklumkan akan membuat pemindahan TMT ke Blok E dan menganggap bahawa ia sekadar pemindahan biasa;²⁴⁰ dan
- (c) sepanjang insiden tersebut berlaku, IW1 hanya berada di pejabatnya, tidak mendengar sebarang kekecohan dan hanya memeriksa keadaan selepas kejadian tersebut pada sekitar jam 4.45 petang ketika ingin membuat rondaan di penjara sebelum menamatkan tugas.²⁴¹

318. Namun begitu, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa IW37 telah berjumpa dengan IW1 di pejabatnya pada sekitar jam 3.20 petang bagi memaklumkan mengenai keengganan TMT untuk berpindah ke Blok E serta empat sesi rundingan telah dijalankan antara TMT dengan anggota penjara, yang mana kesemua rundingan ini telah gagal mencapai kata sepakat.²⁴²

²³⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 56 dan 69.

²⁴⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 61.

²⁴¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 87.

²⁴² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 49 dan Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 118.

319. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa-
- (a) adalah tidak munasabah dan sukar dipercayai bahawa IW1 tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenai keengganan TMT untuk berpindah ke Blok E, memandangkan keadaan tersebut merupakan satu situasi luar biasa yang berpotensi menjejaskan keselamatan dan ketenteraman institusi;
 - (b) keadaan TMT yang enggan berpindah meskipun telah dirunding beberapa kali bukanlah sesuatu keadaan yang normal. Keadaan tersebut jelas menunjukkan penentangan yang tidak dijangka (*unwanted resistance*) dan secara munasabah memerlukan rujukan kepada ketua institusi untuk mendapatkan arahan lanjut.
320. Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa IW1 telah mengambil jalan mudah dan selamat dengan berselindung di sebalik alasan “tiada pengetahuan”. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa IW1 tidak wajar menyerahkan sepenuhnya beban pengurusan serta tanggungjawab operasi kepada IW37 serta menganggap pemindahan tersebut sebagai pemindahan biasa. Sebagai Pengarah Penjara Taiping, IW1 seharusnya sentiasa mengambil tanggungjawab terhadap keadaan semasa di dalam institusi yang ditadbirnya. Kegagalan ini mencerminkan kepimpinan yang lemah dan sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugasnya.

Ketidakcekapan anggota penjara dalam mengawal situasi

321. Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa kehadiran anggota penjara yang ramai di sekitar Dewan B hanyalah sebagai pemerhati (*bystander*) sahaja tanpa berbuat apa-apa. Sejumlah besar anggota penjara ini gagal membantu mententeramkan keadaan atau menghalang tindakan kekerasan yang dilakukan. Sebagai penjawat awam yang dipertanggungjawabkan menjaga keselamatan dan ketenteraman di dalam penjara, mereka sepatutnya bertindak secara proaktif bagi mencegah keganasan. Sikap pasif dan kegagalan untuk campur tangan ini telah menyumbang secara langsung kepada berlakunya insiden di Penjara Taiping.
322. Secara keseluruhannya, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kecuaiannya bukan sahaja berlaku di peringkat individu, malah mencerminkan kegagalan sistemik dalam

pengurusan Penjara Taiping. Setiap lapisan anggota penjara di Penjara Taiping telah gagal melaksanakan tanggungjawab mereka selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah **seksyen 20 Akta Penjara 1995** dan **Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP)**. Kegagalan tersebut secara khususnya melibatkan kemampuan institusi untuk memastikan penjagaan yang selamat terhadap TMT, sebagaimana diperuntukkan di bawah **peraturan 1 Nelson Mandela Rules**.

323. Panel Inkuiri Awam menegaskan bahawa TMT merupakan golongan rentan yang berada dalam tahanan yang sah di sisi undang-undang. Kedudukan TMT yang berada sepenuhnya di bawah kawalan dan jagaan pihak berkuasa mewujudkan tanggungjawab yang lebih tinggi (*heightened duty of care*) ke atas pihak Jabatan Penjara Malaysia untuk memastikan maruah, keselamatan dan kebajikan mereka terpelihara.

B. Punca Asas (Underlying Causes)

B1. Kesesakan di penjara

324. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa antara punca asas yang menyebabkan pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT adalah masalah kesesakan (*overcrowding*) yang serius di penjara.
325. Secara umumnya, terdapat lonjakan secara mendadak bagi jumlah populasi banduan di penjara berbanding dengan kapasiti sebenar serta kemampuan institusi penjara untuk menampung jumlah banduan yang ditahan sama ada secara sabitan ataupun reman.
326. Panel Inkuiri Awam dimaklumkan bahawa jumlah kapasiti penjara di seluruh Malaysia setakat 3 September 2025 adalah sebanyak 76,311. Namun Jabatan Penjara Malaysia terpaksa menampung jumlah populasi semasa yang mencecah

90,661 (termasuk jumlah 6,165 banduan yang menjalani hukuman dalam komuniti).²⁴³

327. Manakala jumlah banduan reman di seluruh Malaysia pula setakat 3 September 2025 adalah sebanyak 28,200 iaitu 33.4% daripada jumlah keseluruhan populasi penjara.²⁴⁴ Berdasarkan piawaian antarabangsa, jumlah banduan reman hanya merangkumi kira-kira 20% daripada jumlah keseluruhan banduan. Keadaan ini menunjukkan bahawa Jabatan Penjara Malaysia menghadapi masalah limpahan banduan reman dengan lebih sebanyak 13% berbanding piawaian antarabangsa tersebut.²⁴⁵
328. Panel Inkuiri Awam dimaklumkan bahawa salah satu kaedah bagi mengatasi masalah kesesakan di penjara adalah dengan melakukan pemindahan banduan dari satu penjara ke penjara lain walaupun kaedah ini hanya bersifat sementara dan tidak menyelesaikan punca utama kesesakan tersebut.²⁴⁶
329. Kesesakan ini telah memberi kesan yang kritikal terhadap institusi penjara termasuk Penjara Taiping yang terpaksa menerima sejumlah bilangan tahanan reman dari Pusat Koreksional Batu Gajah (“**PKBG**”) walaupun Penjara Taiping tidak mampu untuk menempatkan tahanan tersebut. Ini kerana, Penjara Taiping pada ketika itu sedang menghadapi masalah blok yang rosak dan tidak boleh dihuni serta blok reman yang sedang dalam proses baikpulih.
330. Akibatnya, TMT yang dipindahkan dari PKBG terpaksa ditempatkan di Blok E yang ditutup sejak tahun 2021 setelah Jabatan Kerja Raya (“**JKR**”) mengesahkan blok penempatan tersebut mengalami kerosakan serius dan memerlukan kerja-kerja pembaikpulihan sebelum menempatkan semula banduan.²⁴⁷

²⁴³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 104.

²⁴⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 105.

²⁴⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 4 September 2025 muka surat 55.

²⁴⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 4 September 2025 muka surat 108.

²⁴⁷ Rujuk kepada Ekshibit 54.

B2. Pemindahan dari PKBG ke Penjara Taiping tanpa perancangan yang jelas dan teliti

331. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kegagalan pihak pengurusan dalam menyediakan perancangan yang teliti dan jelas dalam melaksanakan pemindahan TMT dari Pusat Koreksional Batu Gajah (“**PKBG**”) ke Penjara Taiping merupakan punca asas kepada berlakunya pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT di Penjara Taiping.
332. Panel Inkuiri Awam dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia (“**IPPM**”) telah meluluskan pemindahan semula kira-kira 300 orang tahanan dari PKBG ke Penjara Taiping susulan limpahan kapasiti di PKBG yang menyukarkan pengurusan tahanan. Kelulusan tersebut diberikan setelah mengambil kira jumlah populasi semasa di Penjara Taiping pada ketika itu masih tidak melebihi kapasiti maksimum 1,500 tahanan.
333. Selepas kelulusan diperolehi, dua mesyuarat penyelarasan yang melibatkan wakil IPPM, Pengarah Penjara Negeri Perak, pegawai Penjara Taiping dan pegawai PKBG telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan pemindahan tahanan. Mesyuarat tersebut memutuskan bahawa pemindahan dilaksanakan secara berperingkat, dengan anggaran 100 tahanan dipindahkan setiap minggu bagi memudahkan pengurusan penerimaan tahanan sehingga keseluruhan proses selesai.²⁴⁸
334. Walaubagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa **kedua-dua institusi penjara gagal menyediakan perancangan yang teliti dan jelas berkaitan proses pemindahan TMT pada 16 Januari 2025**, meskipun mesyuarat penyelarasan telah diadakan lebih awal. Antara kegagalan dalam perancangan pemindahan tersebut adalah seperti berikut:
- (a) IW1 gagal menjelaskan situasi sebenar berhubung kapasiti yang bersesuaian di Penjara Taiping iaitu 800 hingga 900 tahanan, dengan

²⁴⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 32-34 dan Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 19, 20 dan 27.

mengambil kira faktor kerosakan beberapa dorm di Blok Reman dan keadaan infrastruktur di beberapa blok penempatan yang mengalami kerosakan serius serta memerlukan pembaikan yang menyeluruh;²⁴⁹

- (b) Pihak pengurusan PKBG telah melaksanakan pemindahan TMT secara tergesa-gesa dengan hanya memaklumkan Penjara Taiping mengenai pemindahan tersebut pada sebelah petang 15 Januari 2025. Tindakan tergesa-gesa ini juga telah melanggar arahan sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan Pengarah Penjara Negeri Perak seperti berikut:²⁵⁰
- (i) PKBG perlu berbincang dengan Penjara Taiping bagi menetapkan dan melaksanakan pemindahan tersebut dalam tempoh tujuh hari surat kelulusan dikeluarkan. Sekiranya Penjara Taiping ingin membatalkan mana-mana tahanan yang akan dipindahkan dari PKBG, Penjara Taiping perlu mengemukakan permohonan tersebut kepada Pengarah Penjara Negeri Perak; dan
 - (ii) PKBG perlu memaklumkan pemindahan tahanan kepada Penjara Taiping tiga hari sebelum pemindahan dilaksanakan bagi memudahkan urusan penyediaan makanan dan sebagainya.

335. Kegagalan dalam menyediakan perancangan yang teliti dan jelas menunjukkan kelemahan tadbir urus, sekali gus menyebabkan TMT terpaksa menanggung implikasi daripada ketidakcekapan tersebut.

²⁴⁹ Rujuk kepada Ekshibit 54 dan Nota Prosiding bertarikh 9 Jun 2025 muka surat 25.

²⁵⁰ Rujuk kepada Ekshibit 63.

B3. Kelemahan Pentadbiran

336. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa antara punca asas yang menyebabkan insiden pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT adalah kelemahan pentadbiran iaitu seperti berikut:
- (a) Kekurangan latihan kepada anggota penjara;
 - (b) Kurang pemahaman dan penguasaan terhadap peruntukan undang-undang dan peraturan;
 - (c) Kepimpinan yang tidak kompeten dari segi pengalaman dan kecekapan; serta
 - (d) Kelemahan dari aspek pemantauan, penyeliaan serta mekanisme semak dan imbang.

Latihan kepada anggota penjara

337. Keterangan saksi anggota penjara menunjukkan bahawa kebanyakan mereka hanya menerima latihan asas mengenai pengurusan banduan pada peringkat awal perkhidmatan. Tiada latihan lanjutan atau kursus penyegaran (*refresher course*) dijalankan secara konsisten dan berkala. Keadaan ini menyebabkan anggota penjara tidak dilengkapi dengan kemahiran pengurusan krisis, teknik kawalan keselamatan yang betul serta prinsip penggunaan kekerasan secara berkadar.
338. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa pihak pentadbiran Penjara Taiping telah **gagal untuk memastikan latihan yang berterusan dilaksanakan kepada setiap anggota penjara secara sistematik.**

Kurang pemahaman dan penguasaan terhadap peruntukan undang-undang dan peraturan

339. Panel Inkuiri Awam selanjutnya mendapati bahawa sebahagian besar anggota penjara tidak benar-benar menguasai peraturan dalaman berkaitan ketenteraman, kawalan dan penggunaan kekerasan. Ketidakupayaan mereka untuk menjelaskan

peruntukan yang berkaitan semasa prosiding menunjukkan bahawa peraturan tersebut tidak difahami dan tidak diamalkan secara konsisten dalam operasi harian.

340. Hal ini mencerminkan kegagalan pihak pengurusan dalam memastikan pematuhan terhadap SOP dan peraturan yang berkuat kuasa. Sebagai ketua institusi, IW1 bertanggungjawab memastikan budaya disiplin dan pematuhan terhadap peraturan dilaksanakan dengan berkesan dalam kalangan anggota penjara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **peraturan 198, 199 dan 206 Peraturan-Peraturan Penjara 2000**.

Kepimpinan yang tidak kompeten dari segi pengalaman dan kecekapan

341. Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa Timbalan Penguasa Penjara ("**TPP**") yang dilantik tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran yang mencukupi. Mereka hanya bergantung kepada pembelajaran secara "*on-the-job*" dan amalan anggota lama, tanpa latihan berstruktur atau pendedahan komprehensif kepada situasi kecemasan sebenar. Kekurangan ini menjejaskan keupayaan mereka untuk membuat keputusan secara bebas, tegas dan berlandaskan peraturan.
342. TPP seperti Mohd Hasbi Tarmizi ("**IW21**") dan Khairul Esmail Mohd Zawawi ("**IW23**") yang bertugas semasa kejadian didapati masih muda dan kurang berpengalaman. Peranan utama TPP adalah untuk memantau dan menyelaras operasi harian penjara secara keseluruhan mengikut syif yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan, ketenteraman dan kelancaran operasi. Namun, kekurangan pengalaman tersebut menjejaskan keupayaan mereka untuk mengawal keadaan terutamanya apabila berlaku insiden luar jangka.
343. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa tiada arahan yang jelas, tegas dan berkesan dikeluarkan oleh TPP bagi menghentikan tindakan kekerasan tersebut. Kegagalan menegur atau memberi amaran kepada anggota penjara menunjukkan kelemahan dalam aspek kepimpinan kawalan dan penyelarasan operasi.

Kelemahan dalam aspek pemantauan, penyeliaan serta mekanisme semak dan imbang

344. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat kelemahan yang ketara dalam aspek pemantauan dan penyeliaan di mana ianya tidak dilaksanakan secara konsisten dan berkesan. Penemuan ini adalah berdasarkan kegagalan anggota penjara untuk mengisi *pocket diary* sebagaimana yang dikehendaki di bawah **Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) Bil. E104- Buku Nota (*Pocket Diary*)²⁵¹**. Selain itu, pegawai atasan juga didapati gagal menyemak *pocket diary* anggota serta memastikan pematuhan terhadap kewajipan tersebut.
345. Keterangan saksi anggota penjara turut menunjukkan bahawa pihak pengurusan gagal mengambil tindakan atau campur tangan yang sewajarnya terhadap ketidakpatuhan tersebut. Keadaan ini menunjukkan kelemahan sistem penyeliaan dalaman yang sepatutnya berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang.
346. Lebih membimbangkan apabila kelemahan pentadbiran ini telah berlarutan sehingga menjejaskan integriti institusi secara keseluruhan. Panel Inkuiri Awam berpendirian bahawa kelemahan tersebut bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang membolehkan pelanggaran hak asasi manusia berlaku, malah turut menyumbang kepada usaha untuk memanipulasi fakta sebenar berhubung insiden pada 17 Januari 2025.
347. Secara keseluruhannya, insiden ini mencerminkan kegagalan pentadbiran yang bersifat sistemik. Ia merangkumi kelemahan dalam latihan, kepimpinan yang tidak kompeten, kegagalan penguatkuasaan disiplin serta ketidakmampuan pengurusan tertinggi dalam memastikan mekanisme kawalan serta semak dan imbang berfungsi dengan berkesan. Keadaan ini menunjukkan bahawa Penjara Taiping tidak ditadbir dengan cekap, berintegriti dan bertanggungjawab.

²⁵¹ Rujuk kepada Ekshibit 59.

B4. Kekurangan anggota penjara

348. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa Penjara Taiping juga menghadapi kekurangan kakitangan penjara. Perkara ini turut menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT di Penjara Taiping. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pengurusan Penjara Taiping mempunyai sejumlah besar kekosongan jawatan yang tidak diisi semula dalam tempoh yang lama. Kekosongan perjawatan yang dimaklumkan semasa prosiding Inkuiri Awam adalah seperti berikut:²⁵²

Perjawatan	Jumlah Kekosongan
Awam	1
Ketua Inspektor	1
Sub-Inspektor	2
Sarjan	11
Koperal	28
Wadar	11
Jumlah Kekosongan	54

349. Selain itu, sebahagian anggota penjara turut dipinjamkan untuk bertugas di penjara satelit bagi tempoh 3 bulan sebelum kembali bertugas semula di Penjara Taiping dan seterusnya digantikan dengan anggota penjara lain. Kekurangan anggota penjara ini menyebabkan nisbah antara tahanan dan anggota penjara menjadi tidak seimbang.
350. Situasi ini menyebabkan anggota penjara terpaksa bekerja di bawah tekanan yang tinggi, menanggung bebanan tugas yang lebih berat serta menghadapi kesukaran untuk mengambil cuti rehat. Keadaan ini bukan sahaja memberi tekanan fizikal dan mental kepada anggota penjara, malah meningkatkan risiko keselamatan dan kegagalan dalam pengurusan tahanan secara profesional.

²⁵² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 67-73.

351. Masalah ini turut dinyatakan oleh saksi anggota penjara iaitu Raja Masrul Azam Raja Mansor (“IW24”) yang menghadapi tekanan apabila kekurangan anggota penjara yang bertugas. IW24 menyatakan seperti berikut:

ASH: *Kebajikan semua dijaga oleh?*

MASRUL: *Kebajikan semua. **Cuma staf kami tak cukup.***

ASH: *Staf tidak mencukupi?*

MASRUL: ***Memang tak cukup.***

ASH: *Baik. Macam mana Tuan kata staf tak cukup tu?*

MASRUL: *Maksudnya dalam blok, macam blok saya. Lagipun kami punya anggota yang UKP ni lebih kurang 30 orang lah kan, tolak dua pegawai, tolak dua perempuan. Staff perempuan. Ada 26. Dan yang pencen ada, ada yang dah pindah. Lagi kecil, lagi kecil. Tapi kami punya jaga di blok. Banduan lebih kurang 80, 90 atau 100. **Itu yang betul-betulnya bermasalah di blok kami.** Maksudnya belum asingkan lah. Hanya dua staf, tiga staf sahaja.*

ASH: *Jadi rasa kekurangan tu membebankan tugas Tuan?*

MASRUL: ***Lagi menambahkan tanggungjawab.***

352. Kekurangan anggota penjara ini turut menjejaskan layanan terhadap TMT apabila mereka terpaksa menghadapi sekatan terhadap kemudahan asas seperti aktiviti riadah, waktu mandi yang singkat dan akses kepada wartel, yang merupakan hak asasi mereka sebagai tahanan. Sekatan ini secara tidak langsung menjejaskan kesejahteraan fizikal dan mental TMT serta meningkatkan potensi ketegangan antara tahanan dan pihak pengurusan penjara.

B5. Tempoh penahanan reman yang lama

353. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa tempoh penahanan reman yang lama terhadap TMT di Penjara Taiping merupakan punca asas yang menjurus kepada tekanan emosi TMT dan juga anggota penjara sekali gus menyumbang kepada berlakunya pelanggaran hak asasi manusia.

354. Saksi Pengarah Pejabat Pendakwaan Negeri Perak iaitu Muhammad Zaki bin Abdul Kudos (“IW49”) menyatakan tiada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) khusus yang

menetapkan tempoh penyelesaian sesuatu kes di mahkamah. Ini kerana tempoh perbicaraan adalah bergantung sepenuhnya kepada jadual dan pengurusan mahkamah. Walaupun terdapat inisiatif dengan menambah perjawatan Hakim, peningkatan jumlah kes yang banyak telah menyebabkan tarikh perbicaraan mahkamah dijadualkan dalam tempoh yang panjang, iaitu sehingga 6 hingga 7 bulan bagi tarikh seterusnya. Selain itu, kelewatan perbicaraan mahkamah turut disebabkan oleh permohonan penangguhan oleh pihak-pihak yang terlibat seperti peguam dan Timbalan Pendakwa Raya (“TPR”).²⁵³

355. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa tempoh penahanan reman yang lama telah menyumbang kepada tekanan emosi dalam kalangan TMT yang terpaksa menunggu kes perbicaraan mereka selesai. Tekanan ini berpunca daripada perasaan cemas yang berterusan, kebimbangan terhadap nasib diri, hilang harapan serta ketidakpastian masa depan. Ia bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan emosi tahanan, malah berpotensi memberi kesan serius terhadap kesihatan mental secara menyeluruh.
356. Pada masa yang sama, anggota penjara turut terkesan disebabkan penambahan bebanan tugas dalam menguruskan TMT dalam tempoh yang lama, sehingga menyebabkan hubungan mereka dengan TMT menjadi lebih tegang dan beremosi.
357. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa penahanan reman yang lama telah menyebabkan beberapa masalah atau perkara yang tidak diinginkan berlaku, antaranya seperti berikut:
- (a) penyeludupan artikel larangan ke dalam penjara yang sukar dibendung;²⁵⁴
 - (b) cabaran untuk mengawal kelakuan sesetengah tahanan reman yang lama yang sukar mengikut arahan anggota penjara; dan

²⁵³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 122-123.

²⁵⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 68-72.

- (c) cabaran untuk memenuhi kehendak tahanan reman yang pelbagai.

C. Punca Penyumbang (Contributing Causes)

C1. Penjara sebagai bangunan warisan

358. Panel Inkuiri Awam mengambil maklum bahawa Penjara Taiping telah diwartakan sebagai bangunan warisan pada tahun 2012. Perwartaan ini merangkumi keseluruhan bangunan di Penjara Taiping termasuk 200 meter kawasan sekitar luar Penjara Taiping.²⁵⁵ Antara faktor yang dipertimbangkan oleh pihak Jabatan Warisan Negara (“JWN”) dalam mewartakan Penjara Taiping sebagai bangunan warisan adalah seperti berikut:²⁵⁶

- (a) Bangunan yang mempunyai seni bina berunsurkan sejarah (kolonial); dan
- (b) Nilai sejarah yang signifikan kepada pembangunan dan identiti bangunan tersebut.

359. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa perwartaan ini telah mewujudkan beberapa kekangan yang turut dikenal pasti sebagai punca penyumbang kepada insiden pada 17 Januari 2025.

Keperluan kelulusan daripada Jabatan Warisan Negara untuk penyelenggaraan dan pengubahsuaian

360. Status perwartaan Penjara Taiping sebagai bangunan warisan menjadikan sebarang kerja penyelenggaraan atau pengubahsuaian terhadap bangunan tersebut tertakluk kepada kelulusan pihak Jabatan Warisan Negara melalui tatacara yang telah ditetapkan.²⁵⁷

²⁵⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 63.

²⁵⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 58.

²⁵⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 61.

361. Selaras dengan **seksyen 40 Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)**, sebarang kerja pengubahsuaian atau penyelenggaraan ke atas bangunan warisan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu dan kegagalan mematuhi peruntukan ini merupakan suatu kesalahan di bawah **seksyen 112 Akta Warisan Kebangsaan 2005**.
362. Berdasarkan **seksyen 41 Akta Warisan Kebangsaan 2005**, proses permohonan kelulusan daripada pihak Jabatan Warisan Negara melibatkan beberapa peringkat seperti berikut:
- (a) Penyediaan dokumen teknikal dan sokongan yang terperinci;
 - (b) Penilaian oleh pihak Jabatan Warisan Negara terhadap permohonan tersebut;
 - (c) Penelitian oleh jawatankuasa pakar seperti Jawatankuasa Seni Bina; dan
 - (d) Penglibatan agensi berkaitan yang lain seperti JKR.
363. Justeru itu, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa proses untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Penjara Taiping perlu melalui proses birokrasi yang rumit dan akan memakan masa yang lama.²⁵⁸

Kos penyelenggaraan bangunan warisan yang tinggi

364. Pewartaan Penjara Taiping sebagai bangunan warisan turut mengakibatkan kos penyelenggaraan yang jauh lebih tinggi berbanding bangunan biasa. Hal ini kerana, setiap kerja pembaikan atau pemuliharaan perlu mematuhi prinsip konservasi yang ketat, termasuk penggunaan bahan yang menepati spesifikasi asal, teknik pembinaan tradisional serta khidmat kepakaran khusus dalam bidang pemuliharaan warisan. Keperluan tersebut secara langsung meningkatkan kos pelaksanaan, lebih-

²⁵⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Ogos 2025 muka surat 89.

lebih lagi sekiranya kerosakan yang dialami adalah struktur utama bangunan yang telah berusia.²⁵⁹

365. Implikasi kewangan yang tinggi ini memberi tekanan tambahan kepada peruntukan dan perancangan kewangan pihak Jabatan Penjara Malaysia. Dalam keadaan kekangan peruntukan, kos pemuliharaan yang besar berpotensi menyebabkan kerja penyelenggaraan ditangguhkan atau dilaksanakan secara minimum, sekali gus menjejaskan tahap keselamatan, kebolegunaan dan keadaan fizikal bangunan yang diduduki.

Keperluan mengekalkan unsur sejarah Penjara Taiping sebagai bangunan warisan

366. Panel Inkuiri Awam mengambil maklum bahawa status Penjara Taiping sebagai bangunan warisan mewajibkan pemeliharaan dan pengekalan elemen sejarah serta ciri seni bina asal yang menjadi asas kepada pewartaan. Sebarang perubahan yang boleh menjejaskan keaslian struktur, reka bentuk atau karakter bangunan adalah tertakluk kepada kelulusan JWN.²⁶⁰
367. Keperluan tersebut telah mewujudkan kekangan yang signifikan terhadap usaha penambahbaikan kemudahan asas di Penjara Taiping. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa amalan penggunaan *bucket system* masih diteruskan kerana pengubahsuaian sistem sanitasi sedia ada memerlukan perubahan struktur yang boleh menjejaskan elemen warisan bangunan.²⁶¹
368. Keadaan ini menunjukkan bahawa keutamaan terhadap pemeliharaan unsur sejarah telah menghadkan pelaksanaan naik taraf infrastruktur yang lebih moden dan bersesuaian dengan standard semasa. Kekangan ini juga memberi implikasi langsung terhadap tahap kebersihan, keselesaan dan maruah tahanan.

²⁵⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 105.

²⁶⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 61 dan 66.

²⁶¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 21 Ogos 2025 muka surat 41.

Penempatan tahanan di bangunan warisan

369. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa perwartaan Penjara Taiping sebagai bangunan warisan masih boleh diterima kerana mengambil kira nilai sejarah yang signifikan pada bangunan tersebut. Walau bagaimanapun, setelah perwartaan dibuat, Penjara Taiping tidak sepatutnya terus beroperasi sebagai tempat tahanan terutama sekali apabila bangunan-bangunan yang terdapat di dalam Penjara Taiping tidak lagi diselenggara dengan baik kerana faktor birokrasi dan kekangan peruntukan.
370. Dalam keadaan kemudahan sanitasi yang masih menggunakan *bucket system*, persekitaran fizikal yang tidak kondusif serta tahap kerosakan bangunan yang serius, Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa **Penjara Taiping tidak lagi wajar digunakan sebagai penjara**. Memandangkan Penjara Taiping telah pun diisytiharkan sebagai bangunan warisan, kerajaan hendaklah membina sebuah penjara baharu di tapak yang lain dan memindahkan tahanan dari Penjara Taiping ke penjara baharu tersebut. Bagi memelihara nilai warisan pada Penjara Taiping, adalah wajar sekiranya Penjara Taiping ditukarkan kepada muzium atau tapak warisan serta tidak lagi digunakan untuk menempatkan mana-mana tahanan di dalamnya.

C2. Peruntukan yang tidak mencukupi dari Kerajaan

371. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kekangan peruntukan kewangan daripada Kerajaan merupakan salah satu punca yang menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT pada 17 Januari 2025. Kekangan peruntukan ini turut dimaklumkan oleh Pemerhati dari Jabatan Penjara Malaysia iaitu, TKP Zulkifli bin Abdul Manah di mana kertas kerja berkenaan penyelenggaraan institusi penjara termasuk kerja-kerja meroboh dan membina semula telah diusulkan kepada pihak KDN, namun sehingga kini tiada maklum balas diterima.²⁶²

²⁶² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 139-140.

372. Peruntukan yang terhad daripada Kerajaan menyebabkan IPPM terpaksa menyalurkan peruntukan yang tidak mencukupi untuk penyelenggaraan di Penjara Taiping. Perkara ini menyebabkan pihak Penjara Taiping perlu memilih keutamaan dalam penggunaan peruntukan tersebut. Namun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa Mohd Hairie Jumri (“**IW29**”) selaku Pegawai Pembangunan di Penjara Taiping telah mengutamakan kerja-kerja penyelenggaraan kuarters anggota penjara berbanding blok-blok penempatan tahanan.²⁶³
373. Berdasarkan Ekshibit 54, jelas menunjukkan bahawa kemerosotan keadaan fizikal blok penempatan tahanan adalah berpunca daripada usia bangunan yang lama, pendedahan terhadap cuaca dan kelembapan, mendapan tanah dan kelemahan kerja-kerja penyelenggaraan. Perkara ini memerlukan penyelenggaraan bangunan secara menyeluruh bagi memastikan integriti dan kefungsi bangunan sentiasa berada dalam keadaan yang baik di samping menjamin kelestarian bangunan dan keselamatan penghuni penjara dalam jangka masa yang panjang.
374. Walau bagaimanapun, peruntukan yang tidak mencukupi dari Kerajaan telah menyebabkan penyelenggaraan sebagaimana yang disyorkan oleh JKR tidak dapat dilakukan sehingga kini. Isu ini wajar diberi perhatian khusus oleh Bahagian Pengurusan, IPPM dan dipantau secara berterusan bagi memastikan permohonan peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan Penjara Taiping diperolehi daripada KDN mahupun Kementerian Kewangan. Hal ini kerana, Timbalan Komisioner Jeneral Penjara, Hafidz Othman (“**IW45**”) memaklumkan bahawa permohonan peruntukan yang dikemukakan oleh Jabatan Penjara Malaysia lazimnya akan diluluskan, walaupun proses penyalurannya mungkin mengambil masa.²⁶⁴
375. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa peruntukan yang tidak mencukupi daripada Kerajaan merupakan punca penyumbang kepada kemerosotan infrastruktur Penjara Taiping yang mana keadaan fizikal bangunan yang semakin

²⁶³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 127.

²⁶⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 3 September 2025 muka surat 139.

merosot sehingga menyebabkan TMT merasa terancam terhadap keselamatan diri apabila ditempatkan di blok yang tidak selamat.

PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA

SELEPAS INSIDEN

376. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa pelanggaran hak asasi manusia terhadap TMT turut berlaku selepas insiden iaitu selepas TMT telah ditempatkan di Blok C dan Blok E. Berikut adalah antara pelanggaran hak asasi manusia yang dikenal pasti:

A. Kecuaian dalam memberikan rawatan perubatan

377. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa susulan insiden kekerasan terhadap TMT, terdapat kecuaiian dan kegagalan dalam pemberian rawatan perubatan kepada TMT yang mengalami kecederaan. Kecuaian ini merangkumi-

- (a) kelewatan dalam memberikan rawatan;
- (b) kesilapan diagnosis; dan
- (c) penyalahgunaan peralatan bagi tujuan pemeriksaan perubatan.

Kelewatan dalam memberikan rawatan

378. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat kelewatan dalam memberikan rawatan terhadap TMT di dalam penjara serta merujuk TMT yang cedera bagi mendapatkan pemeriksaan dan rawatan lanjut di hospital.

379. Penolong Pegawai Perubatan, Muhamad Fadhil Mohamad Yusoff (“**IW38**”) dan Pegawai Perubatan di Penjara Taiping, Dr. Navin Esavik Vikrama (“**IW39**”) melalui keterangan mereka memaklumkan bahawa rawatan kepada TMT yang cedera telah diberikan semasa di dalam Blok C dan Blok E pada malam kejadian. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa rawatan tersebut hanya terhad kepada rawatan pembersihan luka dan pemeriksaan tanda vital semata-mata, tanpa rawatan lanjut seperti jahitan pada luka koyakan atau rujukan ke hospital,

walaupun terdapat simptom kecederaan yang serius seperti patah tulang atau sakit dada.²⁶⁵

380. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat TMT yang mengalami kecederaan luka koyakan di bahagian kepala iaitu-

(a) Aaron Armin Holden (“**IW8**”), yang telah menerima 3 jahitan pada keesokan harinya iaitu 18 Januari 2025;²⁶⁶ dan

(b) Jason Immanuel Puvanesvaran (“**IW14**”), yang telah menerima 4 jahitan di kepala dan 3 jahitan di dahi pada 20 Januari 2025 iaitu 3 hari selepas kejadian.²⁶⁷

381. Perkara ini turut diakui oleh IW38 yang memberikan keterangan seperti berikut:

FADHIL: Ya, betul. Sebab malam tu, kita tengok over 100 patient. So, untuk jahit plus minus one patient half hour. Half hour lah, jadi time too limited. So, pagi Sabtu tu, kita start jahit lah.

382. Selain itu, terdapat juga TMT yang mengadu sakit dada, tangan, kaki dan telinga tidak dirujuk dengan segera ke hospital untuk mendapatkan pemeriksaan lanjut. TMT ini hanya diperiksa semula di klinik penjara beberapa hari selepas insiden dan kebanyakan TMT hanya diberikan ubat tahan sakit sebagai rawatan kepada kecederaan mereka. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa TMT hanya dirujuk untuk mendapatkan rawatan luar apabila kesakitan mereka bertambah teruk atau tidak menunjukkan tanda-tanda pulih.²⁶⁸ Di samping itu, sebahagian TMT hanya dibawa mendapatkan rawatan lanjut di hospital selepas mereka mengadu di

²⁶⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Jun 2025 muka surat 282 dan Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 194.

²⁶⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 191.

²⁶⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 294-295.

²⁶⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 308.

Mahkamah semasa menghadiri prosiding, dan bukannya melalui inisiatif proaktif pihak penjara.²⁶⁹

383. Perkara ini boleh dilihat apabila keputusan x-ray yang dijalani oleh saksi TMT, Visvamurthy Apparasamy (“**IW10**”) seminggu selepas kejadian iaitu pada 23 Januari 2025, menunjukkan bahawa dia mengalami patah beberapa tulang rusuk kanan.²⁷⁰ Manakala, Sukheshwaran Thulathihangan (“**IW13**”) yang dirujuk ke Jabatan Telinga, Hidung dan Mulut (ENT) Hospital Taiping pada 31 Januari 2025 telah disahkan mengalami kecederaan pecah gendang telinga kanan.²⁷¹
384. Perkara ini amat membimbangkan terutama sekali apabila Panel Inkuiri Awam dimaklumkan bahawa sejurus selepas insiden tersebut berlaku, IW39 telah menghubungi Jabatan Kecemasan Hospital Taiping sebagai langkah kecemasan yang dikenali sebagai “*contingency plan*”. Langkah ini bertujuan untuk memaklumkan pihak Hospital Taiping bahawa telah berlaku suatu insiden di dalam Penjara Taiping serta bercadang untuk mendapatkan bantuan perubatan bagi merawat TMT yang mengalami kecederaan serius.²⁷² IW39 memberikan keterangan seperti berikut:

SA: *Doctor, can you explain why it is needed for you to contact the Hospital Taiping to inform them about this incident?*

NAVIN: ***Because I cannot manage all the inmates by myself. If there's too many inmates who are injured, then we have to proceed to the hospital. I can't manage two people manage 100 people if its severely injured. So I have to delegate and send the critical ones or the necessary ones to the hospital. So I need help.***

²⁶⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Jun 2025 muka surat 94 dan 95.

²⁷⁰ Rujuk kepada Ekshibit 18.

²⁷¹ Rujuk kepada Ekshibit 26(c).

²⁷² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 71 dan 72.

385. Namun begitu, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa semasa hari kejadian, hanya tiga orang TMT sahaja yang dirujuk ke hospital²⁷³ iaitu-
- (a) Santosh Raj Durairaju (“**IW7**”) kerana luka koyakan yang besar di kepala;
 - (b) Jeyenthiran Suppiah (“**IW9**”) kerana patah jari; dan
 - (c) Gan Chin Eng (“**Gan**”) yang kemudiannya telah disahkan meninggal dunia.
386. Terdapat percanggahan yang ketara dalam situasi sebenar apabila hanya tiga orang TMT sahaja dirujuk ke hospital, sedangkan masih ramai lagi TMT yang mengalami kecederaan serius dan sepatutnya diberikan rawatan kecemasan dengan segera. Sekiranya terdapat kekangan tenaga dan masa dalam merawat keseluruhan TMT pada ketika itu sebagaimana yang dimaklumkan oleh IW38 dan IW39, langkah seterusnya yang wajar diambil adalah merujuk semua TMT yang cedera ke hospital dengan segera atau mendapatkan bantuan daripada Pejabat Kesihatan Daerah (“**PKD**”) untuk hadir membantu memberikan rawatan. Namun begitu, perkara ini tidak dilakukan sama sekali.
387. Selain itu, Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa kakitangan perubatan juga telah gagal untuk memberikan rawatan kecemasan yang sewajarnya kepada TMT yang telah disembur dengan *pepper spray*. **Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) Bil. E.126- Tatacara Menggunakan Pepper Spray dan Cota Semasa Bertugas**²⁷⁴ telah memberikan garis panduan seperti berikut:
- 4.2.11 Apabila terdedah atau terkena semburan alat ini, langkah-langkah pertolongan cemas perlu diikuti dengan segera iaitu **dicuci dengan basuhan air bersih. Sekiranya masih gagal dipulihkan, hendaklah diberikan rawatan lanjut di klinik atau hospital.***
388. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa selepas TMT terkena semburan *pepper spray*, mereka terus ditempatkan di dalam blok masing-masing tanpa diberikan rawatan atau pertolongan cemas sepertimana yang dinyatakan di dalam PTKJP

²⁷³ Rujuk kepada Notis Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 59-60.

²⁷⁴ Rujuk kepada Ekshibit 58.

tersebut. Terdapat saksi TMT iaitu Leong Hoi Aw (“**IW11**”) yang mengalami kesan serius akibat semburan *pepper spray* sehingga perlu menjalani pembedahan kerana kerosakan kanta mata yang berpotensi menyebabkan kehilangan penglihatan pada sebelah mata.²⁷⁵ IW11 hanya dirujuk ke Hospital Taiping pada 28 Januari 2025 selepas mengalami sakit kepala yang teruk dan muntah.

389. Kegagalan memberikan rawatan serta-merta telah menyebabkan kecederaan IW11 tidak dapat dikenal pasti pada peringkat awal. Akibatnya, dia tidak menerima rawatan yang segera dan bersesuaian, sekali gus memburukkan lagi tahap kecederaan yang dialaminya.
390. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa kelewatan dalam memberikan rawatan perubatan kepada TMT semasa di dalam penjara merupakan **kecuaian dalam penjagaan kesihatan di dalam penjara**. Manakala, kelewatan untuk membuat rujukan ke hospital untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut merupakan satu **tindakan yang disengajakan oleh kakitangan perubatan untuk menghalang orang awam daripada mengetahui skala sebenar kecederaan TMT dan keseriusan insiden yang berlaku di dalam Penjara Taiping**.
391. Kelewatan ini bukan sahaja menjejaskan integriti dan profesionalisme kakitangan perubatan di Penjara Taiping, malah berpotensi menyebabkan kecederaan TMT yang sepatutnya boleh dirawat lebih awal menjadi lebih serius.

Kesilapan diagnosis

392. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa kakitangan perubatan di Penjara Taiping telah melakukan kesilapan diagnosis terhadap kecederaan yang dialami oleh TMT.
393. Panel Inkuiri Awam menerima keterangan IW11 yang memaklumkan bahawa setelah mengadu sakit di bahagian dada, IW38 hanya mengenal pasti kecederaan tersebut sebagai sakit otot (*muscle pain*) atau kecederaan tisu lembut (*soft tissue injury*)

²⁷⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 373 dan 376.

sahaja tanpa sebarang pemeriksaan lanjut.²⁷⁶ IW11 hanya diberikan ubat tahan sakit untuk merawat kecederaan tersebut. Perkara ini diakui oleh IW38 semasa memberi keterangan seperti berikut:²⁷⁷

*FADHIL: ...Tapi untuk keadaan dia, dia macam saya cakap tadi, dia tak ada bulges, deformities, cuma sakit sahaja, boleh dijadikan untuk **hanya sekadar soft tissue injury lah**. Sebab itu bila kita tengok, doktor tengok pada 22, mungkin doktor tengok dia punya vital signs, dia punya... dia punya pernafasan tak terganggu, mungkin **doktor pun suspek sebagai soft tissue injury saja la**. Tapi untuk macam kes-kes patah tulang rusuk, ataupun... patah tulang rusuk lah, ok, biasanya lepas x-ray, **ubat yang sama juga diberikan kita sama juga dengan klinik iaitu painkiller**, ubat tahan sakit dengan hanya ubat sapuan je. Dia tak ada, dia hanya, dia akan sembuh sendiri. **dia akan sembuh sendiri, dia tidak perlu rawatan selebihnya**. Jadi benda itu keadaan **Leong ini tidak dianggap begitu serius** mungkin disebabkan dia punya sakit dah berkurang, ok, dan kita telah menyediakan ubat-ubatan lah. Itu saja.*

SK: Jadi Tuan tahu hasil daripada x-ray yang dibuat sebenarnya Leong juga mengalami –

*FADHIL: **Ya, betul. Mengalami patah –***

394. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa IW11 sememangnya mengalami kecederaan patah tulang rusuk kiri yang hanya telah dikenal pasti melalui pemeriksaan perubatan di Klinik Kesihatan Taiping pada 10 Februari 2025, iaitu, hampir sebulan selepas kejadian.²⁷⁸ Sepanjang tempoh tersebut, IW11 hanya diberikan ubat tahan sakit sahaja berikutan kenyataan IW38 bahawa dia mengalami *soft tissue injury*. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa kesilapan diagnosis oleh kakitangan perubatan telah menyebabkan TMT ini tidak dapat mengenal pasti kecederaan sebenar yang dialaminya. Sekiranya TMT ini dibawa menjalani pemeriksaan x-ray dengan lebih awal, kesilapan diagnosis tersebut dapat dielakkan.

²⁷⁶ Rujuk kepada Ekshibit 17 dan Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 394.

²⁷⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 116.

²⁷⁸ Rujuk kepada Ekshibit 35.

395. Selain itu, Panel Inkuiri Awam juga telah membuat penelitian terhadap kesemua Kad Perubatan saksi TMT dan mendapati bahawa hampir kesemua TMT yang dirawat pada 17 Januari 2025 telah direkodkan kecederaan sebagai *soft tissue injury* dan hanya diberikan ubat tahan sakit sebagai rawatan.²⁷⁹ Keadaan ini jelas menunjukkan terdapat pola diagnosis yang sama oleh kakitangan perubatan walaupun kecederaan yang dialami oleh TMT tersebut adalah pelbagai.
396. Panel Inkuiri Awam menegaskan bahawa kakitangan perubatan sepatutnya lebih berhati-hati dalam membuat diagnosis kepada kecederaan yang dialami oleh TMT. Pemeriksaan secara menyeluruh perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang kesimpulan. Ketiadaan tanda kecederaan luaran tidak bermakna tiada kecederaan dalaman yang serius kerana kecederaan dalaman hanya dapat dikenal pasti melalui pemeriksaan lanjut yang sewajarnya di fasiliti kesihatan yang lengkap.
397. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa kakitangan perubatan di Penjara Taiping telah gagal untuk membuat penilaian klinikal secara menyeluruh dan bersikap sambil lewa dalam membuat kesimpulan diagnosis terhadap TMT yang cedera.

Penyalahgunaan peralatan bagi pemeriksaan perubatan

398. Selain daripada kecuaiian yang dinyatakan, Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa IW39 telah menggunakan mesin pengimbas badan untuk mengenal pasti kecederaan tulang yang dialami oleh saksi TMT iaitu Harjit Singh Terlok Singh (“IW16”).²⁸⁰ Mesin pengimbas badan tersebut sepatutnya digunakan bagi tujuan saringan keselamatan bagi mengesan penyeludupan artikel larangan. Namun begitu, IW39 telah menggunakannya untuk membuat “pemeriksaan awal” bagi memastikan TMT tersebut benar-benar mengalami kecederaan tulang sebelum

²⁷⁹ Rujuk kepada Ekshibit 5(a), Ekshibit 12, Ekshibit 17, Ekshibit 25(a), Ekshibit 29, Ekshibit 31, Ekshibit 32 dan Ekshibit 73.

²⁸⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 97.

memutuskan sama ada perlu dibawa menjalani pemeriksaan x-ray. IW39 memberi keterangan seperti berikut:²⁸¹

NAVIN: *Our scanner machine is we can modify it to... I modify it to see small fractures. But it's not so clear. We do it when we want to be sure there's a fracture there. So, I took him there with the permission of the in charge there. And we snapped the... we snapped the x-ray. Then, I mean and then I saw there was no fracture there lah. Yes.*

SA: *Is it common for this particular scan machine to be used for an x-ray?*

NAVIN: **Can be used with certain settings.**

SA: **So, you have used it the same like Harjit to other inmates too, right?**

NAVIN: **Yes, I have.**

399. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa tindakan IW39 ini berisiko menghasilkan dapatan yang tidak tepat dan boleh mengelirukan dalam mengenal pasti kecederaan sebenar yang dialami oleh TMT. Ini kerana, mesin pengimbas badan tersebut bukan direka bagi tujuan diagnostik perubatan. Tambahan pula, IW39 bukanlah seorang juru x-ray yang mempunyai kelayakan untuk menjalankan pemeriksaan x-ray terhadap TMT.
400. Meskipun tindakan ini dilihat sebagai satu tindakan inovatif, namun ia merupakan satu pelanggaran tugas dan etika perubatan yang serius oleh seorang Pegawai Perubatan. Perkara ini jelas menunjukkan ketidakseriusan IW39 dalam memberikan rawatan yang sewajarnya kepada TMT.
401. Kesimpulannya, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa kegagalan memberikan rawatan perubatan yang sewajarnya dan pada masa yang tepat adalah merupakan pelanggaran hak asasi TMT, iaitu, hak untuk hidup dan hak untuk mendapatkan rawatan kesihatan serta layanan berperikemanusiaan. Tindakan kecuaiannya dari kakitangan perubatan Penjara Taiping adalah bercanggah dengan peruntukan seperti berikut:

²⁸¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 97.

- (a) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan;
- (b) Peraturan 56 dan 244 Peraturan-Peraturan Penjara 2000;
- (c) Peraturan 27 *Nelson Mandela Rules*; dan
- (d) Prinsip 24 *Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment*.

B. Penipuan dalam dokumentasi rekod perubatan

402. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat unsur penipuan berkenaan dokumentasi rekod perubatan TMT, iaitu seperti berikut:

- (a) Kad Perubatan TMT mengandungi butiran tarikh pemberian rawatan yang tidak tepat;
- (b) Kad Perubatan TMT dan surat rujukan ke hospital mengandungi maklumat mengenai punca kecederaan yang tidak tepat, berat sebelah dan mengelirukan; dan
- (c) Amalan “*dual loyalty*” oleh kakitangan perubatan.

Kad Perubatan TMT mengandungi butiran tarikh pemberian rawatan yang tidak tepat

403. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa Kad Perubatan TMT mengandungi butiran tarikh rawatan yang tidak tepat dan berkemungkinan besar dilakukan untuk memberi gambaran bahawa rawatan yang segera telah diberikan kepada TMT.

404. Hasil penelitian Panel Inkuiri Awam terhadap Kad Perubatan TMT mendapati bahawa tarikh rawatan yang direkodkan tidak mencerminkan tarikh sebenar rawatan diberikan. Kad Perubatan TMT iaitu Aaron Armin Holden (“**IW8**”)²⁸² mencatatkan bahawa rawatan telah diberikan pada 17 Januari 2025, iaitu pada hari kejadian. Walau bagaimanapun, TMT tersebut menafikan perkara tersebut dan menyatakan

²⁸² Rujuk kepada Ekshibit 12.

bahawa rawatan hanya diberikan pada keesokan harinya.²⁸³ Percanggahan ini kemudiannya diakui sendiri oleh IW38 yang memberikan justifikasi seperti berikut:²⁸⁴

SK: *Betul ya. Tuan, di manakah jahitan ini dibuat?*
FADHIL: *Di klinik.*
SK: *Di klinik?*
FADHIL: *Ya.*
SK: *Pada 17hb?*
FADHIL: *Mengikut ini, 18 hari.*
SK: *Pada 18?*
FADHIL: **17 ni, kita tengok. 18, esok pagi kita jahit.**
SK: **Ok. Jadi, jahitan itu bukan pada 17.**
FADHIL: **Bukan.**
SK: *Seperti yang ditulis pada kad perubatan.*
FADHIL: *Ini macam continuous clerking, start daripada 17 malam tu.*
SK: *Ok. Tapi, jahitan tu sendiri?*
FADHIL: **Jahit 18.**
SK: **Di klinik pada 18. Bukan pada 17.**
FADHIL: **Ya, bukan.**

405. Selain itu, Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa wujud pindaan tarikh pada Kad Perubatan IW16, di mana catatan tarikh asal 22 Januari 2025 telah dipinda ke tarikh 17 Januari 2025.²⁸⁵ Keterangan IW39 mengesahkan bahawa dia telah memeriksa IW16 pada 22 Januari 2025 dan mengakui bahawa pindaan pada Kad Perubatan tersebut dibuat di luar pengetahuannya.²⁸⁶

Maklumat mengenai punca kecederaan yang tidak tepat, berat sebelah dan mengelirukan

406. Penemuan Panel Inkuiri Awam diperkukuhkan lagi melalui penelitian catatan mengenai punca kecederaan TMT yang ditulis oleh kakitangan perubatan di dalam Kad Perubatan TMT dan surat rujukan ke hospital, iaitu seperti berikut:

²⁸³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 190-191.

²⁸⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 149.

²⁸⁵ Rujuk kepada Ekshibit 32.

²⁸⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 90-94.

- (a) *“post provocation riot”*²⁸⁷
- (b) *“riot in prison”*²⁸⁸
- (c) *“hostile inmate started riot”*²⁸⁹
- (d) *“was involved in 17/1/2025 prison incident”*²⁹⁰
- (e) *“alleged involved in prison provocation on the 17/1/2025”*²⁹¹
- (f) *“refuse/uncooperative, was pulled to corner”*²⁹²
- (g) *“sustained injury after provocation”*²⁹³

407. Catatan-catatan ini dilihat seperti berat sebelah, seolah-olah TMT yang telah menyebabkan rusuhan dan provokasi pada 17 Januari 2025. Tambahan pula, tiada catatan mengenai kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara dan senjata yang digunakan sehingga menyebabkan kecederaan kepada TMT, meskipun IW38 dan IW39 berada di tempat kejadian.

408. Selain itu, IW39 juga mengakui telah sengaja memadam butiran mengenai anggota penjara yang mengheret saksi TMT iaitu Naveen Kumar Veerapan (“**IW12**”) sehingga menyebabkan luka geseran yang teruk di punggung IW12. IW39 memberikan keterangan seperti berikut:²⁹⁴

CHM: Did he say that he was pulled by warden? By officers? Did he say that to you? Because you wrote the word “by” then, then you decide to delete it?

NAVIN: Pulled to the corner by... is this the right thing Sir? I just pull–

²⁸⁷ Rujuk kepada Ekshibit 5(b).

²⁸⁸ Rujuk kepada Ekshibit 8 dan Ekshibit 73.

²⁸⁹ Rujuk kepada Ekshibit 9.

²⁹⁰ Rujuk kepada Ekshibit 23.

²⁹¹ Rujuk kepada Ekshibit 74.

²⁹² Rujuk kepada Ekshibit 25(b).

²⁹³ Rujuk kepada Ekshibit 29.

²⁹⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 82.

CHM: *Why you decide to delete the word "by"?*

NAVIN: *No, I didn't put... **I didn't want to mention**... it's not that by the warden, I just pulled to the corner, **maybe it's the word I didn't want to mention**. I mean, what I'm trying to say is that.*

CHM: *What is it that you don't want to mention?*

NAVIN: *No Sir, like what I'm saying is that inmate was pulled and dragged lah. That's what I'm saying.*

CHM: *To corner?*

NAVIN: *Around corner, yes. I didn't... I just.*

SA: ***Don't you think it is important for you to write down who pulled this inmate to the corner?***

NAVIN: ***Yes, yes. I should have.***

CHM: *You should have? Mentioned?*

NAVIN: *I should have.*

409. Selain daripada catatan-catatan yang berat sebelah, Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa terdapat catatan seperti "*inmate claims alleged fall*" yang ditulis di dalam surat rujukan IW9.²⁹⁵ Manakala, catatan yang hampir sama juga terdapat di dalam surat rujukan mendiang Gan²⁹⁶ iaitu "*alleged fall in the toilet today*". Kedua-dua TMT ini telah dirujuk ke hospital pada hari kejadian. Berikut adalah keterangan yang diberikan oleh IW9:

SK: *'Dear Doctor thank you for seeing 38 years old, Male, Indian with' something is written there, LOC. '**Inmate claims alleged fall**. Vomiting, head impact' and something. En Jeyenthiran, di sini dinyatakan bahawa tahanan mendakwa telah jatuh. Ok? **Kamu dapat kecederaan kerana jatuh. Jadi, tadi En Jeyenthiran kata itu adalah kata-kata daripada doktor.***

JEYEN: ***Ya.***

SK: *Bukan Jeyenthiran.*

JEYEN: *Bukan.*

SK: *Betul?*

JEYEN: ***Betul. Doktor yang berkata, saya pun takut saya berikut kerjasama sama doktor.***

SK: *Pada pandangan En Jeyenthiran, mengapa doktor cakap macam itu?*

²⁹⁵ Rujuk kepada Ekshibit 15.

²⁹⁶ Rujuk kepada Ekshibit 34(b).

JEYEN: *Tak tahu. Sebab ini benda memukul pun saya pun tak tahu pasal apa. Tiba-tiba benda berlaku, memukul. Lagi pergi pintu depan, doktor tegur saya macam itu. Saya pun ikut saja. Saya pun takut lagi kena pukul. Lepas itu saya pun ikut. Baru saya dapat rawatan pergi hospital. Sarjan ada sebelah.*

410. Dalam situasi tersebut, IW39 tidak memainkan peranannya sebagai Pegawai Perubatan yang bebas bagi memberikan ruang yang selamat untuk TMT menceritakan secara telus mengenai punca sebenar kecederaan berlaku. Sebaliknya, dia yang mencadangkan kecederaan tersebut adalah berpunca daripada TMT yang jatuh. Akibat bimbang tidak diberikan rawatan, IW9 terpaksa mempersetujui dengan cadangan IW39 tersebut.
411. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa pola catatan tersebut menunjukkan bahawa kakitangan perubatan juga memainkan peranan dalam membantu pihak Penjara Taiping untuk menutup insiden sebenar serta melindungi kesalahan anggota penjara dengan membentuk naratif bahawa TMT terjatuh sendiri dan kecederaan berlaku akibat rusuhan banduan. Keadaan ini secara langsung menjejaskan kebolehpercayaan rekod perubatan dan seterusnya menjejaskan integriti sebagai Pegawai Perubatan.

Amalan “dual loyalty” oleh kakitangan perubatan

412. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa tindakan memalsukan dan memanipulasi rekod perubatan TMT menunjukkan bahawa terdapat amalan “dual loyalty” oleh kakitangan perubatan di Penjara Taiping. Amalan ini merupakan percanggahan antara kewajipan profesional mereka sebagai pengamal perubatan dan dalam masa yang sama terikat dengan keperluan untuk mematuhi arahan kepimpinan institusi yang mengutamakan keselamatan institusi, imej dan reputasi Jabatan Penjara Malaysia.
413. Panel Inkuiri Awam menegaskan bahawa tanggungjawab untuk memberikan rawatan perubatan yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh tekanan atau mana-mana kepentingan institusi terletak sepenuhnya pada kakitangan perubatan. Pegawai Perubatan, khususnya, mempunyai kewajipan untuk mengutamakan kesihatan

pesakit dalam apa jua keadaan sekalipun. Kewajipan ini wujud tanpa mengira status TMT sebagai seorang tahanan dan tidak boleh diketepikan atas alasan menjaga imej institusi, kekangan sumber, mahupun kesibukan operasi. Sebarang kegagalan mematuhi prinsip ini merupakan pelanggaran serius terhadap etika perubatan dan hak asasi manusia.

414. Secara keseluruhannya, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa kecuaiian, kelewatan, dan kegagalan dalam memberikan rawatan serta penipuan rekod perubatan yang dikawal selia oleh IW39 selaku Pegawai Perubatan di Penjara Taiping adalah jelas bertentangan dengan *Hippocratic Oath*²⁹⁷ iaitu seperti berikut:

*THE HEALTH AND WELL-BEING OF MY PATIENT will be my **first consideration.***

...

*I WILL PRACTISE my profession with conscience and dignity and in accordance with **good medical practice;***

...

*I WILL NOT PERMIT considerations of age, disease or disability, creed, ethnic origin, gender, nationality, political affiliation, race, sexual orientation, social standing **or any other factor to intervene between my duty and my patient;***

C. Sekatan kepada kebersihan diri dan keperluan asas

415. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa telah berlaku layanan yang tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah terhadap TMT susulan insiden pada 17 Januari 2025.
416. Pihak pengurusan Penjara Taiping didapati telah menafikan kemudahan asas dan kebajikan terhadap TMT yang terlibat, antaranya seperti berikut:

²⁹⁷ Rujuk kepada Ekshibit 78.

- (a) TMT tidak dibekalkan dengan peralatan asas kebersihan diri selama beberapa hari menyebabkan TMT terpaksa membersihkan diri tanpa menggunakan sabun, berus gigi dan ubat gigi;²⁹⁸
- (b) TMT tidak diberikan keperluan asas seperti tilam dan selimut menyebabkan TMT terpaksa tidur di atas lantai simen tanpa sebarang alas selama beberapa hari. TMT juga tidak diberikan selipar dan kole air untuk minum;²⁹⁹
- (c) TMT terpaksa memakai pakaian yang sama yang digunakan semasa pemindahan dari Dewan B walaupun pakaian tersebut telah berlumuran darah akibat kecederaan. TMT hanya dibenarkan menukar pakaian yang bersih setelah menerima barangan peribadi masing-masing selepas tempoh 2 minggu;³⁰⁰
- (d) TMT di Blok E dipaksa mandi menggunakan air di kolam kecil yang kotor dan berlumut, yang mana kolam tersebut adalah dikhaskan untuk membasuh tong najis;³⁰¹ dan
- (e) Pihak pengurusan telah menyekat hubungan luar termasuk tidak dibenarkan menerima lawatan keluarga dan penggunaan wartel. Janji temu yang dibuat lebih awal untuk lawatan ahli keluarga juga telah dibatalkan.³⁰² Akibat sekatan tersebut, TMT tidak dapat memaklumkan kepada ahli keluarga mengenai insiden yang berlaku dengan lebih awal.

417. Keadaan ini bukan sahaja melanggar hak untuk hidup dan kesihatan, malah bertentangan dengan-

²⁹⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 327-328.

²⁹⁹ *Ibid.*

³⁰⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 326.

³⁰¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 98.

³⁰² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Jun 2025 muka surat 282 dan Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 199 dan 330.

- (a) Peraturan 168 dan 171 Peraturan-Peraturan Penjara 2000;
- (b) Peraturan 18, 26 dan 58 *Nelson Mandela Rules*;
- (c) Artikel 5 UDHR; dan
- (d) Artikel 16 UNCAT.

D. Konflik kepentingan dalam pelaksanaan ujian air kencing

418. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa selepas insiden pada 17 Januari 2025, terdapat ujian air kencing yang dilakukan terhadap semua TMT yang terlibat untuk mengesan sebarang penggunaan dadah. Ujian ini telah dikendalikan oleh Pegawai Pemulihan yang diketuai oleh Muhamad Mustakhim Abdul Rahim (“**IW25**”) yang seterusnya bertanggungjawab menyelia penyediaan laporan keputusan ujian tersebut.³⁰³
419. Panel Inkuiri Awam berpendirian bahawa IW25 tidak seharusnya mengetuai saringan ujian air kencing tersebut memandangkan IW25 merupakan anggota yang terlibat secara langsung dalam insiden pada 17 Januari 2025 yang mana dia didapati telah memulakan kekerasan terhadap TMT.
420. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa wujud konflik berkepentingan (*conflict of interest*) terhadap pelaksanaan ujian air kencing tersebut serta laporan yang disediakan di bawah seliaan IW25. Keadaan ini menimbulkan persoalan terhadap objektif ujian air kencing dan tujuan sebenar pelaksanaannya.
421. Selain itu, Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa pelaksanaan ujian air kencing tersebut tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan di dalam **Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) Bil.F3/002- Garis Panduan Melaksanakan Ujian Air Kencing**³⁰⁴ iaitu seperti berikut:

³⁰³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 7 dan 8.

³⁰⁴ Rujuk kepada Ekshibit 91.

- (a) Peraturan 3.5.5 menetapkan setiap banduan yang menjalani ujian air kencing perlu dibekalkan dengan dua botol air kencing. Namun, semasa ujian dilakukan, TMT hanya dibekalkan dengan satu botol sahaja;³⁰⁵ dan
- (b) Peraturan 3.10.1 menetapkan supaya setiap sampel botol air kencing yang diambil perlu dihantar ke makmal pada hari yang sama selepas pengumpulan sampel air kencing dilakukan atau selewat-lewatnya keesokan harinya. Namun, sampel ujian air kencing TMT yang diambil pada 19 Januari 2025 hanya dihantar dua hari selepas pelaksanaan prosedur tersebut iaitu pada 21 Januari 2025.³⁰⁶

422. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa kelemahan dalam mematuhi prosedur ini telah menjejaskan integriti dalam pelaksanaan ujian air kencing tersebut serta menimbulkan keraguan terhadap keputusan ujian air kencing yang dilaporkan dan seterusnya boleh dipertikaikan.

E. Laporan polis palsu oleh anggota penjara

423. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa selepas kejadian, terdapat beberapa laporan polis palsu yang dibuat terhadap TMT iaitu seperti berikut:

- (a) Laporan polis mengenai insiden pada 17 Januari 2025; dan
- (b) Laporan polis yang dibuat oleh IW27 mengenai insiden pada 16 Januari 2025.

³⁰⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 30.

³⁰⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 48.

Laporan polis palsu mengenai insiden 17 Januari 2025

424. Panel Inkuiri Awam mengambil maklum bahawa terdapat laporan polis rasmi yang dibuat oleh pihak pengurusan Penjara Taiping berhubung insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025 ("**Ekshibit 45**"). Laporan ini telah disediakan oleh Pegawai Yang Bertugas (PYB) iaitu Khairul Esmail Mohd Zawawi ("**IW23**") selepas diarahkan oleh Timbalan Pengarah, Shahrul Izzat Hamid ("**IW37**").³⁰⁷ Dalam menyediakan laporan tersebut, IW23 telah mendapatkan maklumat dan pengesahan daripada Pegawai Pendaftar, Ahmad Shaiful Rafie ("**IW19**"), Ketua UKP, Shafriil Azmir Mohd Shafie ("**IW20**"), Timbalan Penguasa Penjara, Teuku Mohd Hasbi Tarmizi ("**IW21**") dan IW37 terlebih dahulu.³⁰⁸

POLIS DIRAJA MALAYSIA
REPOT POLIS

Balai : TAIPING
Daerah : TAIPING
Kontinjen : PERAK
No. Repot : TAIPING/00049025
Tarikh : 17/01/2025
Waktu : 2:06 PM
Bahasa Diterima : B. Malaysia

Butir-butir Penerima Repot :
Nama : SITI ASMA BT ISHAK No. Badan : R204355 Pangkat : L/KPL

Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada) :
Nama : --- No. K/P (Baru) : --- No. Polis/Tentera : ---
No. Pasport : --- Bahasa Asal : ---
Alamat : ---

Butir-butir Pengadu :
Nama : KHAIRUL ESMAIL BIN MOHD ZAWAWI
No. K/P (Baru) : [REDACTED] No. Polis/Tentera : --- No. Pasport : ---
No. Sijil Beranak : --- Jantina : Lelaki Tarikh Lahir : 05/07/1994
Umur : 30 Tahun 6 Bulan Keturunan : Melayu Warganegara : Malaysia
Pekerjaan : TIMBALAN PENGUASA PENJARA
Alamat Tinggal : PENJARA TAIPING JALAN TAMING SARI 34000 TAIPING PERAK
Alamat IbuBapa : ---
Alamat Pejabat : ---
No. Tel (Rumah) : --- No. Tel (Pejabat) : --- No. Tel (Bimbit) : [REDACTED]
Emel : ---

Pengadu Menyatakan :
LAPORAN DISALIN DARI KERTAS PUTIH PENGADU:

Pada 17.01.2025, jam lebih kurang 0930 hrs, ketua Unit Kawalan dan Pencegahan (UKP) KIP Shafriil Azmir bin Mohd Shafie bersama beberapa anggota telah ke Dewan B dan Blok B untuk memaklumkan kepada banduan supaya membuat persediaan untuk proses perpindahan penempatan dari Bangunan B ke Bangunan E. Seramai 107 banduan reman (TMT) terlibat dalam perpindahan tersebut. Kesemua banduan tersebut didapati enggan mengikut arahan dari ketua Unit Kawalan dan Pencegahan (UKP). Perkara tersebut telah dimaklumkan kepada Pegawai yang bertugas TTP Teuku Mohd Hasbi bin Tarmizi telah mengambil tindakan dengan berjumpa dengan wakil (B) orang banduan reman (TMT) dari Dewan B. Hasil rundingan didapati tidak memberi kerjasama dan enggan mengikut arahan yang telah diberikan. Perkara tersebut dimaklumkan kepada Timbalan Pengarah Penjara PP Shahrul Izzat bin Hamid.

Suapan daripada kejadian itu, pada jam lebih kurang 1440 hrs, PP Shahrul Izzat bin Hamid mengarahkan Insp. Muhamad Mustakim bin Abdul Rahim sebagai pegawai perunding untuk berbincang dengan banduan reman (TMT) supaya akur dengan arahan pihak pengurusan untuk berpindah ke penempatan di Bangunan E seperti yang diarahkan tanpa menimbulkan sebarang masalah namun kesemua banduan tersebut enggan memberi kerjasama dan mula membuat provokasi.

Tindakan seterusnya PP Shahrul Izzat bin Hamid mengarahkan (2) anggota borbangsa India iaitu Sjn. 7967 P. Selvarajan af R. Ponniah dan Sjn. 16226 Karmagam af N Kamachi Pillay untuk membuat rundingan kali ke-2 namun kali ini kesemua banduan reman (TMT) menunjukkan sikap protes dengan membuat bising serta cubaan merosakan barang keperluan asas seperti kole dan gayung.

Pada jam lebih kurang 1530 hrs, sekumpulan anggota UKP dibantu oleh Pegawai dan anggota bertugas giliran awal dan akhir diarahkan untuk membantu membuat kawalan sepanjang proses pemindahan banduan reman (TMT) ke

Ekshibit 45 –

Laporan Polis Saksi IW23 (muka surat 1/2)

Bangunan E. Ketika itu banduan reman yang terlibat telah bertindak agresif serta menyerang anggota semasa proses pemindahan banduan dan telah berlaku pergolotan. Semasa situasi tersebut anggota yang terlibat juga cuba mempertahankan diri daripada pergolotan tersebut.

Pada jam lebih kurang 1630 hrs, keadaan dapat dikawal dan Setelah diperiksa didapati terdapat beberapa banduan reman (TMT) mengalami kecederaan semasa pergolotan tersebut dan telah diberikan rawatan lanjut oleh Doktor dan pembantu pegawai perubahan penjara. Terdapat beberapa banduan yang telah dirawat oleh doktor dan pegawai perubahan penjara diujuk ke Hospital Taiping. Akibat daripada pergolotan mengawal situasi tersebut beberapa pegawai dan anggota turut mengalami kecederaan dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Taiping.

Tujuan saya membuat laporan polis ini adalah untuk memaklumkan kejadian yang berlaku di dalam Penjara Taiping. Selain daripada itu juga dihvatir sekiranya ada pihak lain yang memanipulasikan kejadian sebenar dan mengelakkan daripada perkara berbangkit di kemudian hari. Soklan laporan saya.

Tandatangan Pengadu: _____ Tandatangan Jurubahasa (Jika ada): _____ Tandatangan Penerima Repot: _____

Salinan Repot Pertama

Ekshibit 45 –

Laporan Polis Saksi IW23 (muka surat 2/2)

³⁰⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Ogos 2025 muka surat 34-35 dan Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 85-89.

³⁰⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 78-79.

425. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa Ekshibit 45 mengandungi maklumat palsu, tidak tepat dan mengelirukan seperti berikut:
- (a) TMT tidak memberi kerjasama dan enggan mengikut arahan yang telah diberikan;
 - (b) TMT mula membuat provokasi;
 - (c) TMT menunjukkan sikap protes dengan membuat bising serta cubaan merosakkan barang keperluan asas seperti kole dan gayung;
 - (d) TMT telah bertindak agresif serta menyerang anggota semasa proses pemindahan dan telah berlaku pergelutan; serta
 - (e) Anggota yang terlibat cuba mempertahankan diri daripada pergelutan tersebut.
426. Panel Inkuiri Awam menerima pengakuan IW23 semasa memberi keterangan di Inkuiri Awam, bahawa Ekshibit 45 tersebut adalah palsu kerana mengandungi maklumat yang tidak benar dan tidak mencerminkan kejadian sebenar iaitu seperti berikut:³⁰⁹
- CHM: Tapi ini bukan provokasi, ini bertindak agresif serta menyerang. Kamu tak tulis ini provokasi. 'Reman yang terlibat telah bertindak agresif serta menyerang anggota semasa proses pemindahan banduan'. **Setuju kalau saya katakan laporan kamu ini adalah laporan palsu? Setuju? Setuju atau tidak setuju? Laporan kamu ini adalah satu laporan yang palsu?***
- KHAIRUL: **Setuju.***
427. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa dakwaan TMT yang memulakan provokasi, bertindak agresif dan menyerang anggota penjara adalah tidak berasas dan tidak dapat dibuktikan melalui keterangan serta bukti yang dikemukakan di hadapan Panel

³⁰⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 83.

Inkuiri Awam. Sebaliknya, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa insiden pada 17 Januari 2025 berpunca daripada tindakan anggota penjara sendiri.

428. Di samping itu, Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa Ekshibit 45 mengandungi kenyataan yang mencurigakan iaitu-

*Tujuan saya membuat laporan polis ini adalah untuk memaklumkan kejadian yang berlaku di dalam Penjara Taiping. Selain daripada itu juga **dikhuatiri sekiranya ada pihak lain yang memanipulasikan kejadian sebenar dan mengelakkan daripada perkara berbangkit di kemudian hari.***

429. Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa pihak pengurusan Penjara Taiping sendiri telah memanipulasi maklumat berhubung insiden tersebut dengan memasukkan fakta yang tidak benar di dalam Ekshibit 45. Laporan polis palsu ini sengaja dibuat bagi mewujudkan persepsi bahawa insiden yang berlaku adalah berpunca daripada TMT. Tindakan tersebut juga dilihat sebagai usaha untuk menutup kesalahan anggota penjara berhubung penggunaan kekerasan yang menyebabkan kecederaan TMT dan kematian Gan.

430. Selain Ekshibit 45, Panel Inkuiri Awam turut mengambil maklum bahawa IW27 juga telah membuat laporan polis berkenaan insiden pada 17 Januari 2025 ("**Ekshibit 51**"), yang dikatakan dibuat atas inisiatifnya sendiri. Kandungan Ekshibit 51 juga mengulangi naratif bahawa TMT bertindak agresif serta menyerang anggota penjara. Terdapat juga persamaan yang ketara di antara kedua-dua ekshibit ini iaitu kandungan seperti "**...dikhuatiri sekiranya ada pihak lain yang memanipulasikan kejadian sebenar dan mengelakkan daripada perkara berbangkit di kemudian hari.**" Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa Ekshibit 51 juga mengandungi maklumat yang tidak benar, bertujuan untuk memanipulasi maklumat serta merupakan satu laporan polis palsu.

431. Tindakan IW23 dan IW27 dalam membuat laporan polis palsu merupakan satu kesalahan jenayah di bawah **seksyen 182 Kanun Keseksaan**. Manakala, penglibatan IW19, IW20, IW21 dan IW37 dalam meluluskan kandungan laporan polis tersebut merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab serta bercanggah

dengan prinsip integriti dan etika sebagai penjawat awam. Mereka merupakan anggota penjara yang berada di lokasi kejadian dan mempunyai pengetahuan langsung mengenai fakta sebenar, namun tetap mengemukakan maklumat yang palsu kepada pihak polis.

Laporan polis mengenai insiden 16 Januari 2025 oleh IW27

432. Selain daripada laporan polis yang dibuat berhubung insiden 17 Januari 2025, IW27 juga telah membuat laporan polis mengenai insiden pertengkaran mulut semasa proses kemasukkan TMT pada 16 Januari 2025 di Dataran Kedamaian (“**Ekshibit 48**”). Dalam laporan tersebut, IW27 menyebut bahawa-

*Selepas itu berlaku pertengkaran di antara saya dengan (107) orang banduan. Mereka **beramai bangun dan menjerit mengeluarkan kata-kata kesat (pundek)** dan ada mengatakan saya bunuh U di luar Tuan. Saya dengan pantas berlari dari lokasi kerana **mereka bangun dan mahu menyerang saya.***

433. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa maklumat ini adalah **tidak benar dan sengaja direka oleh IW27**. Berdasarkan rakaman CCTV³¹⁰, tiada sebarang insiden serangan terhadap IW27 oleh mana-mana TMT. Sebaliknya, rakaman menunjukkan bahawa IW27 gagal mengawal emosi dan telah ditenteramkan oleh anggota penjara lain sebelum diarahkan beredar dari kawasan Dataran Kedamaian.
434. Panel Inkuiri Awam turut berpandangan bahawa sekiranya seorang anggota penjara benar-benar menerima ugutan jenayah yang mengancam keselamatannya, tindakan yang sepatutnya dilakukan adalah membuat laporan polis dengan segera serta melaporkan kepada pihak pengurusan dengan serta merta seperti mana yang diperuntukkan di bawah **peraturan 121 Peraturan-Peraturan Penjara 2000**. Namun demikian, IW27 tidak berbuat demikian pada hari kejadian 16 Januari 2025. Sebaliknya, Ekshibit 48 hanya dibuat pada keesokan harinya, iaitu selepas insiden di Dewan B berlaku.

³¹⁰ Rujuk kepada Ekshibit 24(a).

435. Di samping itu, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa IW27 merupakan antara anggota penjara yang terlibat dalam melakukan tindakan kekerasan terhadap TMT semasa insiden 17 Januari 2025. Antara tindakannya adalah seperti memukul TMT menggunakan cota di dalam Dewan B³¹¹ dan memijak sambil berjalan di atas bahagian belakang badan beberapa orang TMT di hadapan Blok B.³¹²
436. Berdasarkan keseluruhan keadaan ini, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa Ekshibit 48 yang dibuat oleh IW27 mengenai ugutan yang diterima pada 16 Januari 2025 adalah palsu dan bersifat *afterthought*. Laporan polis tersebut tidak dibuat dengan suci hati, sebaliknya merupakan satu percubaan untuk mewujudkan situasi ancaman oleh TMT bagi mengalihkan beban kesalahan kepada TMT berhubung insiden pada 17 Januari 2025.
437. Secara keseluruhannya, tindakan membuat laporan polis palsu bukan sahaja menjejaskan integriti pihak pengurusan Penjara Taiping, malah berpotensi mengganggu pentadbiran keadilan (*administration of justice*). Panel Inkuiri Awam berpendirian bahawa perbuatan sedemikian adalah serius kerana ia mencerminkan penyalahgunaan kuasa dan percubaan melindungi salah laku penjawat awam dengan memanipulasi dokumen rasmi.

F. Penghapusan bukti

Rakaman gambar/video menggunakan telefon bimbit

438. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat rakaman gambar dan/atau video yang telah diambil oleh anggota UKP iaitu Raja Masrul Azam Raja Mansor (“**IW24**”) semasa insiden pada 17 Januari 2025 dengan menggunakan sebuah telefon bimbit yang digazetkan untuk kegunaan Pegawai Yang Bertugas (“**PYB**”).

³¹¹ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

³¹² Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

439. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui rakaman CCTV³¹³, di mana IW24 kelihatan memegang sebuah telefon bimbit dan bergerak mengelilingi Dewan B serta di hadapan Blok B, seolah-olah sedang merakam kejadian yang berlaku semasa insiden tersebut.
440. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa rakaman gambar dan video tersebut telah dihapuskan. Perkara ini telah disahkan melalui keterangan IW37 seperti berikut:³¹⁴

SHAHRUL: Merakam sekejap dan ambil gambar itu yang dia beritahu.

*MFA: **Jadi, setuju dengan saya sebenarnya rakaman itu ada telah dihapuskan?***

*SHAHRUL: **Ya. Saya setuju.***

441. Selain itu, Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa rakaman gambar dan video tersebut tidak diserahkan kepada pihak PDRM sebagai bahan bukti bagi membantu siasatan. ASP Siti Nor Rasyidah M. Nadzri (“**IW42**”) yang merupakan pegawai penyiasat PDRM mengesahkan bahawa pihak PDRM telah meneliti rakaman CCTV secara menyeluruh dan menyedari tindakan IW24 tersebut.
442. Panel Inkuiri Awam tidak dapat memastikan rakaman tersebut telah dihapuskan sebelum atau selepas siasatan PDRM dimulakan. Namun, IW42 memaklumkan bahawa pihak PDRM mempunyai keupayaan teknikal untuk mendapatkan semula rakaman yang telah dipadam sekiranya ia berkaitan dengan insiden tersebut.³¹⁵ Walau bagaimanapun, sehingga keterangan diberikan di prosiding Inkuiri Awam, pihak PDRM tidak mengeluarkan sebarang arahan kepada pihak Penjara Taiping untuk menyerahkan telefon bimbit berkenaan bagi tujuan membantu siasatan.³¹⁶

³¹³ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

³¹⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 231.

³¹⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding 2 September 2025 muka surat 148.

³¹⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 110.

443. Panel Inkuiri Awam berpandangan bahawa penghapusan bahan bukti tersebut berpotensi menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang seperti berikut:

- (a) **Seksyen 204 Kanun Keseksaan** - sekiranya rakaman gambar dan video tersebut telah dipadam dengan tujuan menyembunyikan atau memusnahkan bukti yang berkaitan dengan insiden tersebut yang boleh menghalang proses keadilan; dan/atau
- (b) **Seksyen 201 Kanun Keseksaan** - sekiranya perbuatan menghapuskan rakaman gambar dan video berkenaan telah dilakukan dengan sengaja untuk melindungi mana-mana anggota Penjara Taiping yang melakukan kesalahan daripada dikenakan tindakan undang-undang.

Rakaman CCTV penuh yang lengkap dengan time stamp tidak disimpan

444. Selain isu penghapusan rakaman gambar dan video di telefon bimbit tersebut, Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa **pihak Penjara Taiping mahupun IPPM tidak mengambil serius terhadap penyimpanan bahan bukti yang penting**, iaitu, rakaman penuh CCTV yang lengkap dengan *time stamp* berhubung insiden tersebut.

445. Berdasarkan Ekshibit 94, rakaman CCTV yang lengkap dengan *time stamp* bagi tarikh 16 dan 17 Januari 2025 tidak dapat dikemukakan semasa Inkuiri Awam kerana telah melepasi tempoh simpanan maksima, iaitu, 90 hari. Selepas tempoh tersebut, sistem akan melaksanakan proses *overwrite* di mana rakaman lama akan terpadam.

446. Perkara ini turut disahkan melalui keterangan Pengarah Pejabat Pendakwaan Negeri Perak, Muhammad Zaki Abdul Kudus (“**IW49**”), di mana pada peringkat awal, IW42 tidak mendapat rakaman penuh CCTV yang lengkap dengan *time stamp* daripada pihak IPPM kerana rakaman tersebut tidak lagi berada dalam simpanan pihak Penjara Taiping. Sebaliknya, rakaman tersebut hanya boleh diperolehi semula melalui pihak pembekal perkhidmatan sistem CCTV berkenaan. Oleh itu, IW49 telah

mengarahkan IW42 untuk mendapatkan salinan rakaman tersebut daripada pihak pembekal.³¹⁷

447. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa rakaman CCTV yang lengkap dan disertakan dengan *time stamp* adalah amat penting bagi memastikan masa dan kronologi kejadian dapat dikenal pasti dengan tepat. Rakaman tersebut bukan sahaja membantu siasatan dalaman IPPM dan prosiding Inkuiri Awam, malah penting bagi siasatan PDRM untuk mengesahkan masa sebenar (*actual time*) mengenai kejadian yang berlaku dan menilai kesahihan fakta yang dilaporkan. Ketiadaan *time stamp* di dalam rakaman CCTV boleh menimbulkan keraguan terhadap ketulenan rakaman dan membuka ruang kepada inferens bahawa bukti tersebut telah diubah, dipadam atau dimanipulasi.

G. Kelemahan siasatan dalaman Jabatan Penjara Malaysia

448. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa IPPM telah menubuhkan satu Lembaga Siasatan yang dianggotai oleh pegawai dari Bahagian Keselamatan dan Inteligen, IPPM untuk menyiasat secara dalaman mengenai insiden yang berlaku pada 17 Januari 2025. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam berpandangan bahawa siasatan dalaman tersebut gagal dijalankan secara menyeluruh, telus dan penuh integriti. Usaha yang dilaksanakan oleh Lembaga Siasatan adalah seperti melepaskan batuk di tangga sahaja dan tidak bersungguh-sungguh.

Tiada sebarang tindakan tatatertib ke atas anggota penjara

449. Hasil siasatan Lembaga Siasatan mendapati bahawa telah berlakunya pelanggaran SOP oleh anggota di Penjara Taiping.³¹⁸ Namun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa Jabatan Penjara Malaysia telah gagal mengambil sebarang tindakan tatatertib terhadap anggota Penjara Taiping yang terlibat.

³¹⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 105.

³¹⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 22 September 2025 muka surat 38.

450. Alasan yang diberikan oleh Komisioner Jeneral Penjara, Dato' Abdul Aziz Abdul Razak ("IW50"), ialah bahawa jika tindakan tatatertib diambil, ia akan menyebabkan *double jeopardy* apabila anggota penjara yang terlibat didakwa di mahkamah dan disabitkan bagi kesalahan yang sama.³¹⁹
451. Panel Inkuiri Awam menegaskan bahawa alasan tersebut adalah tidak tepat dari sudut perundangan. Merujuk kepada **Perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan**, prinsip *double jeopardy* hanya terpakai dalam konteks prosiding jenayah di mahkamah, iaitu, apabila seseorang dihukum dua kali bagi kesalahan jenayah yang sama.³²⁰ Tindakan tatatertib dalam perkhidmatan awam pula adalah bersifat pentadbiran dan bertujuan untuk mengekalkan disiplin, integriti serta tatakelakuan, dan bukannya suatu prosiding jenayah.³²¹
452. Panel Inkuiri Awam berpendirian bahawa tindakan tatatertib wajar diambil selaras dengan penemuan Lembaga Siasatan, iaitu, telah berlaku pelanggaran SOP oleh anggota penjara. Langkah tersebut penting bagi memastikan pematuhan anggota penjara terhadap perintah Komisioner Jeneral Penjara sentiasa berada pada tahap tertinggi serta tidak dipandang ringan atau dilanggar sewenang-wenangnya. Berhubung tindakan kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara, sehingga kini tiada sebarang pertuduhan di mahkamah walaupun lebih setahun telah berlalu sejak insiden tersebut. Pihak PDRM juga mengesahkan bahawa siasatan yang dijalankan hanya tertumpu kepada kes kematian Gan semata-mata.
453. Dengan kewujudan bukti rakaman CCTV yang jelas menunjukkan salah laku anggota penjara, ketiadaan siasatan yang khusus oleh pihak PDRM mengenai tindakan kekerasan serta ketiadaan pertuduhan di mahkamah, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa tindakan tatatertib sepatutnya diambil terhadap anggota penjara yang terlibat dengan kekerasan tersebut. Kegagalan mengambil sebarang

³¹⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 22 September 2025 muka surat 54.

³²⁰ Rujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes Palautah Sinnappayan & Anor v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2010] 2 CLJ 133.

³²¹ Rujuk kepada keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes Mohamed Yusoff bin Samadi v. Attorney-General of Singapore [1974] CLJU 97.

tindakan terhadap anggota penjara yang terlibat, akan memberikan gambaran seolah-olah mereka mempunyai keistimewaan dan kebal dari undang-undang.

Siasatan dalaman yang tidak menyeluruh

454. Selain itu, Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa siasatan dalaman yang dijalankan oleh Lembaga Siasatan adalah tidak menyeluruh. Lembaga Siasatan hanya memanggil beberapa anggota penjara di peringkat pengurusan sahaja untuk memberikan penjelasan berhubung insiden tersebut. Walaupun rakaman CCTV secara jelas menunjukkan pelanggaran SOP seperti penggunaan kekerasan melampau oleh sejumlah besar anggota Penjara Taiping dan penggunaan telefon bimbit di blok penempatan oleh IW24, namun mereka langsung tidak dipanggil untuk memberi keterangan semasa siasatan Lembaga Siasatan tersebut.³²²
455. Lembaga Siasatan juga didapati tidak mengambil sebarang keterangan daripada TMT yang terlibat. Saksi TMT memberikan keterangan bahawa sehingga prosiding Inkuiri Awam dijalankan, TMT tidak pernah dipanggil atau berjumpa dengan mana-mana pegawai daripada IPPM untuk memberikan penjelasan berhubung insiden tersebut.³²³ Keadaan ini menunjukkan bahawa Lembaga Siasatan sama sekali tidak mendalami punca sebenar yang menyebabkan insiden tersebut berlaku serta tidak prihatin terhadap kecederaan yang dialami oleh TMT akibat daripada insiden tersebut.
456. Panel Inkuiri Awam berpandangan bahawa kegagalan menjalankan siasatan secara menyeluruh, telus dan bebas akan mengakibatkan dapatan yang berat sebelah. Keadaan ini jelas bertentangan dengan prinsip keadilan semula jadi (*natural justice*), iaitu, hak untuk didengari, di mana TMT sepatutnya diberikan ruang dan peluang untuk menyatakan pendirian serta menjawab sebarang dakwaan terhadap mereka. Manakala, sebarang tindakan yang diambil berdasarkan dapatan siasatan yang

³²² Rujuk kepada Ekshibit 24(b) dan 24(c), Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 167, Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 31 serta Nota Prosiding bertarikh 25 Julai 2025 muka surat 74 dan 200.

³²³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 262.

berat sebelah bukan sahaja boleh dipertikaikan, malah berkemungkinan gagal menangani punca sebenar yang menyebabkan insiden tersebut berlaku.

Ketiadaan arahan untuk membetulkan kenyataan di dalam laporan polis palsu

457. Panel Inkuiri Awam percaya bahawa laporan polis di Ekshibit 45 telah dikemukakan kepada pihak IPPM sebagai dokumen rujukan dalam siasatan dalaman. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa tiada arahan dikeluarkan oleh IPPM kepada pihak Penjara Taiping untuk membuat laporan polis baharu bagi membetulkan kenyataan di dalam Ekshibit 45 walaupun terdapat percanggahan fakta yang jelas.
458. Kegagalan untuk mengarahkan pembetulan terhadap laporan polis tersebut memberi implikasi negatif terhadap ketelusan dan kredibiliti siasatan dalaman. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kebolehpercayaan proses siasatan dalaman IPPM, malah menunjukkan sifat kompromi IPPM terhadap perbuatan memanipulasi fakta. Perkara ini seterusnya mewujudkan keraguan terhadap komitmen Jabatan Penjara Malaysia dalam menegakkan kebenaran dan memastikan akauntabiliti berhubung insiden yang berlaku.

H. Siasatan PDRM yang tidak menyeluruh

Kegagalan membuat siasatan berkenaan kekerasan terhadap TMT

459. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat banyak laporan polis yang dibuat oleh ahli keluarga TMT berhubung insiden kekerasan yang berlaku pada 17 Januari 2025.³²⁴ Laporan polis ini menuntut supaya pihak PDRM membuat siasatan lanjut berhubung insiden tersebut bagi melindungi hak TMT serta memastikan mereka dilayan secara adil mengikut undang-undang. Perkara ini turut disahkan oleh pihak IPD Taiping yang telah menerima 46 laporan polis termasuk dari ahli keluarga TMT berhubung insiden kekerasan tersebut.³²⁵

³²⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 84.

³²⁵ Rujuk kepada Ekshibit 85.

460. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kesemua laporan polis tersebut telah disiasat di bawah satu kertas siasatan yang sama dengan kes kematian Gan, di mana siasatan PDRM adalah lebih tertumpu kepada kesalahan membunuh di bawah **seksyen 302 Kanun Keseksaan**.
461. Adalah menjadi penemuan Panel Inkuiri Awam bahawa pihak PDRM gagal membuat siasatan yang berasingan dan khusus terhadap tindakan kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara ke atas TMT, walaupun rakaman CCTV secara terang-terangan menunjukkan bahawa terdapat unsur jenayah yang boleh disabitkan di bawah **seksyen 321, 322, 324 dan 326 Kanun Keseksaan**.
462. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa pendekatan ini menjadikan siasatan PDRM tidak menyeluruh serta menafikan hak TMT sebagai mangsa kekerasan untuk mendapatkan pembelaan dan keadilan yang sewajarnya. Ia juga menimbulkan persepsi bahawa wujud layanan berbeza terhadap anggota penjara selaku penjawat awam, seolah-olah mereka dibenarkan bertindak secara sewenang-wenangnya terhadap TMT dan kebal daripada tindakan undang-undang.
463. Panel Inkuiri Awam turut berpandangan bahawa keadaan ini memberi gambaran wujudnya keistimewaan sesama agensi, apabila pendekatan yang lebih longgar diambil terhadap anggota penjara. Perkara ini secara langsung menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap keupayaan PDRM untuk menyiasat insiden yang berlaku di tempat tahanan secara telus dan berintegriti.

Kelemahan siasatan PDRM

464. Panel Inkuiri Awam juga mendapati bahawa terdapat kelemahan dalam siasatan PDRM berhubung insiden yang berlaku di Penjara Taiping. Penemuan ini adalah berdasarkan fakta-fakta berikut:
- (a) Terdapat kelewatan dalam melaksanakan tindakan susulan untuk mendapatkan laporan bedah siasat daripada pihak Jabatan Forensik,

Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh³²⁶ dan laporan kecederaan TMT daripada pihak Hospital Taiping;

- (b) Terdapat kelewatan dalam mengemukakan rakaman CCTV yang lengkap kepada Pengarah Pejabat Pendakwaan Negeri Perak, Muhammad Zaki bin Abdul Kudus (“IW49”) selepas kesahihan rakaman tersebut dibuat di peringkat forensik PDRM;³²⁷
- (c) Ketiadaan pegawai penyiasat pengganti selepas ASP Siti Nor Rasyidah binti M. Nadzri (“IW42”) ditukarkan ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, IPK Perak pada 5 Mei 2025, menyebabkan tiada sebarang tindakan susulan diambil untuk melengkapkan kertas siasatan;³²⁸
- (d) TMT yang terlibat tidak dipindahkan ke PKBG sementara siasatan dijalankan, walaupun arahan jelas telah diberikan oleh IW49 kepada IW42. Keadaan ini boleh menimbulkan rasa tertekan atau intimidasi terhadap TMT oleh anggota penjara;³²⁹
- (e) Menyerahkan tanggungjawab kepada Penjara Taiping untuk membawa TMT ke hospital bagi pemeriksaan kesihatan dan rawatan susulan, walhal, kecederaan yang dialami oleh TMT adalah berpunca daripada kekerasan oleh anggota Penjara Taiping sendiri;³³⁰
- (f) IW42 tidak mempunyai pengalaman dalam mengendalikan kes kematian sebelum ini terutamanya melibatkan kes kematian dalam tahanan;³³¹ dan

³²⁶ Rujuk kepada Ekshibit 79.

³²⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 119.

³²⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 98 dan rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 117.

³²⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 118.

³³⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 116 dan 135.

³³¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 77.

- (g) Terdapat birokrasi di peringkat atasan sehingga menyebabkan kertas siasatan perlu dirujuk kepada Ibu Pejabat PDRM di Bukit Aman bagi mendapatkan arahan lanjut, sekali gus menyebabkan kelewatan dalam proses siasatan dan pelaksanaan tindakan susulan.

465. Justeru itu, Panel Inkuiri Awam menyimpulkan bahawa kelemahan siasatan oleh pihak PDRM menjejaskan kelancaran proses penyelesaian kes, termasuk pendakwaan dan pertuduhan. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa kelemahan siasatan PDRM ini telah melanggar hak asasi manusia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah-

- (a) **Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan** yang menjamin kesamarataan di sisi undang-undang;
- (b) **Seksyen 120(1) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)** yang menetapkan tanggungjawab pihak polis untuk menyelesaikan setiap kes yang ditugaskan tanpa kelengahan yang tidak munasabah;
- (c) **Artikel 12 UNCAT** yang menekankan bahawa siasatan segera dan tidak berat sebelah hendaklah dijalankan oleh pihak berkuasa; dan
- (d) **Artikel 8 dan Artikel 10 UDHR** yang memberikan hak percikaraan yang adil tanpa kelewatan tidak wajar.

I. **Kelewatan dalam tindakan Jabatan Peguam Negara dan pertuduhan di Mahkamah**

466. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat kelewatan yang signifikan oleh pihak Jabatan Peguam Negara dalam membuat penelitian terhadap kertas siasatan PDRM dan seterusnya menyebabkan kelewatan dalam membuat pertuduhan di Mahkamah. Insiden di Penjara Taiping telah berlaku pada 17 Januari 2025, namun, sehingga prosiding Inkuiri Awam berakhir pada 15 Disember 2025, tiada sebarang pertuduhan difailkan terhadap mana-mana individu yang disyaki terlibat.

467. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kelewatan ini berpunca daripada faktor-faktor, antara lainya seperti berikut:

- (a) Kelewatan yang tidak wajar oleh pihak Pejabat Pendakwaan Negeri Perak (“**PPN Perak**”) dalam meneliti kertas siasatan yang telah diserahkan oleh pihak PDRM; dan
- (b) Proses birokrasi yang melibatkan PPN Perak dan Jabatan Peguam Negara, khususnya bagi kes-kes yang diklasifikasikan sebagai “berkepentingan awam”.

Kelewatan tidak wajar oleh PPN Perak

468. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa pihak PPN Perak mengambil masa yang terlalu lama untuk meneliti kertas siasatan yang telah diserahkan oleh PDRM pada 18 Februari 2025. Kertas siasatan ini kemudiannya hanya diserahkan kepada pihak Jabatan Peguam Negara pada 6 Mei 2025, iaitu, hampir tiga bulan selepas pihak PPN menerima kertas siasatan tersebut.³³² Berikut adalah alasan yang diberikan oleh IW49 berkenaan kelewatan ini:³³³

CHM: *You said, akan segerakan ya.*

ZAKI: *Ya.*

CHM: *Ya. But incident happened in January this year.*

ZAKI: *Ya, Dato’.*

CHM: *Now it’s September and prosecution, charges belum dipreferkan lagi, kan?*

ZAKI: *Belum. Belum.*

CHM: *Do you think it’s taking a rather too long?*

ZAKI: *Pendapat, sebab saya, bila saya analisa kes ni pun Dato’, it takes time, Dato’. It takes time. Dia tak boleh sehari tu decide, bincang, tak boleh. **Dia kena, relax, lepas tu discuss balik, discuss balik, sebab bila tengok video, dia ada banyak ni, banyak, ya lah, melibatkan ramai, kan.** So kita kena identify seorang-seorang siapa yang pukul, siapa yang ni kan. **So, it takes time. On top pun kita ada kes lain lah, lepas***

³³² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 September 2025 muka surat 131-132.

³³³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 116-117.

tu ambil masa dekat dua minggu, tiga minggu juga lah berada untuk kajian, di peringkat state level.

CHM: *You don't see any slacking on the part of the police in their investigation? No?*

ZAKI: ***Tak ada. Polis cepat.***

469. Panel Inkuiri Awam mengambil maklum bahawa kes ini memerlukan penelitian yang rapi kerana melibatkan ramai individu dan bahan bukti seperti rakaman video. Walau bagaimanapun, Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa keperluan untuk penelitian yang rapi tidak boleh dijadikan alasan bagi kelewatan yang tidak munasabah.

Proses birokrasi antara PPN Perak dengan Jabatan Peguam Negara

470. Selain itu, Panel Inkuiri Awam juga berpendapat bahawa kelewatan ini juga adalah berpunca daripada proses birokrasi yang melibatkan PPN Perak dengan Jabatan Peguam Negara. Menurut IW49, kebiasaannya, pihak PPN Perak mempunyai kuasa untuk membuat pendakwaan tanpa rujukan dari pihak Jabatan Peguam Negara. Namun, disebabkan kejadian di Penjara Taiping ini melibatkan kes “berkepentingan awam”, ia perlu mendapat arahan daripada pihak Jabatan Peguam Negara di peringkat Persekutuan.³³⁴
471. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa walaupun pihak pendakwaan di peringkat negeri mempunyai cadangan untuk membuat pertuduhan, namun, mereka masih perlu menunggu arahan lanjut daripada pihak Jabatan Peguam Negara. IW49 memberikan keterangan seperti berikut:³³⁵

ZAKI: *Dia ada arahan peguam negara. Saya tak ingat bilangan berapa. Cuma, bila kes-kes yang kes-kes menyebabkan public interest, dapat ni, dapat ni lah liputan awam yang viral ni, yang apa, kita perlu hantar ke HQ dan untuk pertuduhan di HQ.*

CHM: *So, this case will come under a case of public interest?*

ZAKI: *Yes. Sebab dah sampai parlimen, Dato'.*

³³⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 September 2025 muka surat 114-115.

³³⁵ *Ibid.*

- SA: *Jadi, Tuan sendiri sudah berikan cadangan dan ulasan kepada pihak AGC untuk AGC mempertimbangkan dalam menentukan sebarang pendakwaan.*
- ZAKI: ***Ya, saya telah bagi pandangan saya dan cadangan saya untuk kes ni, untuk peringkat selanjutnya lah di peringkat HQ.***

472. Panel Inkuiri Awam turut mendapati bahawa proses birokrasi ini telah menyumbang kepada kelewatan kerana ia melibatkan banyak peringkat arahan dan kelulusan yang perlu dipatuhi. Proses birokrasi ini juga menyebabkan kertas siasatan PDRM perlu diteliti di banyak peringkat, iaitu, IPK Perak, Ibu Pejabat PDRM di Bukit Aman, PPN Perak dan Jabatan Peguam Negara sehingga mengambil tempoh masa yang panjang. Akibatnya, proses pendakwaan di Mahkamah menjadi terlampau lewat dan memakan masa.
473. Memandangkan kes ini melibatkan penjawat awam, mereka terikat dengan tanggungjawab yang lebih tinggi dari segi integriti, kebertanggungjawaban dan pematuhan kepada undang-undang. Oleh itu, tindakan pendakwaan hendaklah dilaksanakan dengan segera, melalui pendekatan yang tegas dan serius serta diberikan keutamaan. Kelewatan dalam proses keadilan bukan sahaja menjejaskan keyakinan awam terhadap sistem perundangan, malah menimbulkan persepsi bahawa penjawat awam mempunyai kekebalan atau imuniti daripada tindakan pendakwaan. Prinsip kesamarataan di sisi undang-undang sebagaimana diperuntukkan di bawah **Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan** hendaklah terpakai kepada semua pihak tanpa pengecualian.
474. Walaupun IW49 memberikan keterangan bahawa kes-kes berkepentingan awam akan disegerakan, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa prinsip tersebut tidak diamalkan bagi kes ini. Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa kelewatan Jabatan Peguam Negara bertindak untuk menjalankan pendakwaan telah memprejudiskan hak mangsa dan keluarga mangsa yang terlibat untuk mendapatkan keadilan dalam tempoh masa yang munasabah. Panel Inkuiri Awam menegaskan prinsip asas bahawa ***justice delayed is justice denied***.

J. Keterangan palsu kepada SUHAKAM

475. Sepanjang prosiding Inkuiri Awam berjalan, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa wujud keterangan yang bercanggah dan/atau palsu dalam keterangan saksi-saksi anggota penjara. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa percanggahan tersebut bukanlah perkara remeh atau kesilapan kecil mengenai ingatan memori, sebaliknya melibatkan fakta-fakta asas yang material, seperti penggunaan kekerasan, pengurusan insiden serta tindakan selepas kejadian.

Penafian kekerasan yang bercanggah dengan rakaman CCTV

476. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa beberapa saksi anggota penjara telah menafikan penggunaan kekerasan terhadap TMT, walaupun rakaman CCTV menunjukkan sebaliknya. Antara penafiannya adalah seperti berikut:

- (a) Ketua UKP, Shafril Azmir Mohd Shafie (“**IW20**”), mengaku mengangkat kaki ke arah TMT dengan tujuan untuk mengarah dan menolak keluar menggunakan kaki, namun menyifatkan tindakan tersebut bukanlah suatu tindakan menendang;³³⁶
- (b) Timbalan Penguasa Penjara, Teuku Mohd Hasbi Tarmizi (“**IW21**”) memberikan keterangan bahawa tiada tindakan kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara. Sebaliknya, IW21 hanya mendengar TMT yang mengeluarkan kata-kata kesat terhadap anggota penjara semasa proses pemindahan tersebut;³³⁷
- (c) Pegawai Yang Bertugas (PYB), Khairul Esmail Mohd Zawawi (“**IW23**”) mengakui menendang TMT, namun memberikan penjelasan bahawa perbuatan tersebut berlaku akibat dia terjatuh;³³⁸

³³⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 170-171.

³³⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 34.

³³⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Julai 2025 muka surat 40, 56, 57 dan 104.

- (d) Pegawai Pemulihan, Muhamad Mustakhim Abdul Rahim (“**IW25**”) menyifatkan tindakan menendang dan memukul bukanlah kekerasan, sebaliknya merupakan penggunaan “kekuatan fizikal”. Dia juga cuba mengaitkannya dengan emosi anggota penjara serta dakwaan tindakan “pasif-agresif” oleh TMT;³³⁹
- (e) Anggota Tugas Am, Zairulazly Mohd Napih (“**IW30**”) menjelaskan penggunaan *pepper spray* terhadap TMT adalah bertujuan untuk melemahkan TMT kerana mereka tidak memberikan kerjasama dan melakukan provokasi. Namun, pada ketika itu, situasi tersebut tidak berlaku, sebaliknya TMT dilihat sedang duduk, tunduk sambil tangan bergari di belakang.³⁴⁰

477. Panel Inkuiri Awam mendapati penjelasan-penjelasan tersebut tidak berasas dan bercanggah dengan rakaman CCTV yang jelas memperlihatkan tindakan kekerasan dilakukan terhadap TMT sehingga menyebabkan kecederaan.³⁴¹ Jelas anggota-anggota yang tersebut di atas telah berbohong kepada Panel Inkuiri Awam, sedangkan mereka semasa memberi keterangan di hadapan Panel ini masing-masing telah mengangkat sumpah untuk bercakap benar.

478. Panel Inkuiri Awam juga mendapati penggunaan istilah seperti “melemahkan”, “penggunaan kekuatan fizikal” dan “pasif-agresif” merupakan cubaan untuk mengaburkan maksud sebenar penggunaan kekerasan. Rakaman CCTV tidak menunjukkan sebarang ancaman, serangan atau tindak balas fizikal daripada TMT yang boleh mewajarkan penggunaan kekerasan sedemikian.

³³⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 77, 79, 104 dan 125.

³⁴⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 6 Ogos 2025 muka surat 19-32.

³⁴¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 9 Julai 2025 muka surat 34-37.

Penggunaan telefon bimbit pejabat

479. Selain itu, Panel Inkuiri Awam turut mendapati wujudnya percanggahan ketara dalam keterangan IW20 dan Raja Masrul Azam Raja Mansor (“IW24”) berhubung penggunaan telefon bimbit pejabat semasa insiden.
480. IW20 mengesahkan bahawa tiada anggota penjara dibenarkan menggunakan telefon bimbit semasa bertugas, kecuali telefon bimbit yang dibekalkan oleh pihak penjara. Dia turut memaklumkan bahawa telefon bimbit berkenaan hanya boleh digunakan oleh pegawai atasan seperti Pengarah, Timbalan Pengarah, PYB atau anggota penjara yang diarahkan oleh PYB bagi tujuan tertentu. Malah, IW20 turut menyatakan bahawa sebagai Ketua UKP, dia sendiri tidak dibenarkan untuk menggunakan telefon bimbit tersebut.³⁴²
481. Namun demikian, IW24 mengakui bahawa telefon bimbit pejabat milik PYB telah diserahkan kepadanya oleh IW20 bagi tujuan mengambil gambar semasa insiden. Berikut adalah keterangan dari IW24:³⁴³

ASH: *Ok, Tuan. Keterangan saksi sebelum ni, maklumkan bahawa Tuan telah membuat rakaman menggunakan telefon bimbit pada 17 Januari. Adakah tu benar, Tuan?*

MASRUL: *Saya bukan membuat rakaman. Saya hanya mengambil gambar.*

ASH: *Mengambil gambar?*

MASRUL: *Aah.*

ASH: *Jadi, Tuan memang memegang telefon bimbit, mengambil gambar.*

MASRUL: ***Memegang telefon. Yang diarahkan oleh KIP Shafril, OC.***

482. IW24 pada awalnya menafikan membuat rakaman video dan mendakwa hanya mengambil gambar menggunakan telefon bimbit tersebut. Namun, penafian tersebut bercanggah dengan rakaman CCTV serta keterangan IW37 yang menyatakan bahawa IW24 sendiri mengakui membuat rakaman video dan mengambil gambar

³⁴² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 8 Julai 2025 muka surat 215-217.

³⁴³ *Ibid.*

insiden tersebut selepas pihak SUHAKAM menghantar surat permohonan bagi mendapatkan salinan rakaman tersebut.³⁴⁴

483. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam mendapati keterangan IW20 dan IW24 adalah bercanggah, mengelirukan serta merupakan keterangan palsu yang diberikan semasa prosiding Inkuiri Awam.

Percanggahan tempoh masa pemindahan TMT ke Blok E

484. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa terdapat percanggahan ketara dalam keterangan IW25 berhubung tempoh masa yang diberikan kepada TMT untuk berpindah dari Dewan B ke Blok E.
485. IW25 memaklumkan semasa prosiding Inkuiri Awam bahawa dia memberikan tempoh masa lima minit untuk TMT mengemas barang dan berpindah ke Blok E secara sukarela.³⁴⁵ Namun demikian, Panel Inkuiri Awam mendapati keterangan saksi TMT secara konsisten menyatakan bahawa tempoh masa sebenar yang diberikan oleh IW25 hanyalah satu minit sahaja.³⁴⁶
486. Kenyataan ini disahkan melalui rakaman CCTV di mana IW25 dilihat telah membuat isyarat jari yang menunjukkan nombor satu sambil menunjuk ke arah jam tangannya.³⁴⁷
487. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa dalam tempoh masa kurang dari satu minit, anggota penjara telah menyerbu masuk ke dalam Dewan B menyebabkan keadaan menjadi huru-hara. Keadaan ini menyebabkan TMT tidak berpeluang untuk mengemas barangan peribadi mereka dan berpindah secara sukarela.

³⁴⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 11 Ogos 2025 muka surat 230-231.

³⁴⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 31 dan Nota Prosiding bertarikh 23 Julai 2025 muka surat 67-68.

³⁴⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 44, 205 dan 288, Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 77, 162 dan 302 serta Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 213.

³⁴⁷ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

488. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa keterangan IW25 berhubung tempoh masa pemindahan adalah tidak benar, bercanggah secara langsung dengan bukti rakaman CCTV dan merupakan keterangan palsu yang diberikan semasa prosiding Inkuiri Awam.

Perbincangan sesama saksi anggota penjara sebelum menghadiri prosiding Inkuiri Awam

489. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa saksi anggota penjara iaitu IW25, Saiful Azman Mohamad Ibrahim (“**IW26**”), Ahmad Rizal Razali (“**IW27**”), Dzulizwar Mohd Bakir (“**IW28**”) dan Muhd Hairie Jumri (“**IW29**”) telah membuat perbincangan dan menonton rakaman CCTV di Bilik Taklimat Penjara Taiping pada 21 Julai 2025, sebelum memberikan keterangan masing-masing semasa prosiding Inkuiri Awam.³⁴⁸

490. Panel Inkuiri Awam berpendirian bahawa tindakan ini adalah bertujuan sebagai persediaan awal dalam kalangan saksi-saksi berkenaan bagi memastikan keterangan yang diberikan semasa prosiding Inkuiri Awam adalah seragam, contohnya seperti menerima ugutan bunuh dari TMT dan juga penggunaan “kekerasan minimum” semasa insiden.³⁴⁹

491. Panel Inkuiri Awam seterusnya memutuskan bahawa naratif tersebut telah direka dan dirancang bagi menjustifikasikan tindakan kekerasan yang dilakukan terhadap TMT. Justeru itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa keadaan tersebut telah menjejaskan kesahihan keterangan saksi-saksi tersebut dan menunjukkan penipuan semasa memberikan keterangan semasa prosiding Inkuiri Awam.

492. Secara keseluruhannya, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa tindakan-tindakan tersebut jelas melanggar peruntukan **seksyen 15 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597)** yang menjejaskan pelaksanaan fungsi

³⁴⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 25-26 dan Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 174 hingga 175.

³⁴⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 49-50 dan Nota Prosiding bertarikh 24 Julai 2025 muka surat 83.

dan mandat SUHAKAM untuk menjalankan siasatan secara bebas dan telus. Selain itu, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa keterangan yang tidak benar, mengelirukan dan bercanggah dengan fakta merupakan suatu kesalahan jenayah yang boleh disabitkan di bawah **seksyen 181 Kanun Keseksaan**.

PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA

KEMATIAN GAN CHIN ENG

493. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa kematian mendiang Gan Chin Eng (“**Gan**”) merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia yang serius. Panel Inkuiri Awam telah mengenal pasti beberapa pelanggaran hak asasi manusia yang menyumbang kepada kematian Gan iaitu seperti berikut:

- (a) Kekerasan terhadap Gan;
- (b) Kelewatan dalam memberikan rawatan;
- (c) Kecuaian dalam memberikan rawatan; dan
- (d) Kekurangan kemudahan rawatan kecemasan.

A. Kekerasan Terhadap Gan

494. Panel Inkuiri Awam mendapati walaupun tiada saksi mata atau keterangan langsung berhubung kekerasan melampau terhadap Gan, namun dapat disimpulkan bahawa kecederaan yang dialami adalah berpunca daripada insiden pada 17 Januari 2025. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan fakta-fakta berikut:

- (a) Rakaman CCTV di Dewan B sebelum insiden pada 17 Januari 2025 menunjukkan Gan berada dalam keadaan yang normal serta menjalankan rutin harian seperti biasa.³⁵⁰ Kemudiannya, sejumlah besar TMT telah dipukul oleh anggota penjara secara melampau. Gan turut menjadi mangsa kekerasan tersebut apabila dia ditolak, dipukul dengan menggunakan cota dan ditendang ketika berjalan keluar dari Dewan B.³⁵¹ Tambahan pula, saksi TMT iaitu Adam Fong Abdullah (“**IW17**”) mengesahkan bahawa dia melihat

³⁵⁰ Rujuk kepada Ekshibit 24(b).

³⁵¹ Rujuk kepada Ekshibit 24(b) minit 3:24:11.

Gan terbaring di atas lantai berhampiran kawasan luar pintu Dewan B selepas dibawa keluar dari dewan.³⁵²

- (b) Rakaman CCTV di hadapan Blok B menunjukkan anggota penjara, iaitu, Muhamad Mustakhim Abdul Rahim (“**IW25**”), telah menendang bahagian belakang badan Gan dari arah belakang (*back-kick*).³⁵³ Anggota UKP juga menggunakan cota untuk memukul kepala para TMT, termasuk Gan yang ketika itu berada di tempat yang sama dan dalam posisi duduk sambil tunduk di hadapan Blok B.³⁵⁴
- (c) Gan didapati sudah menunjukkan tanda-tanda lemah ketika berjalan dari Blok B ke Blok E. Gan kelihatan semput dan mengalami kesukaran untuk berjalan.³⁵⁵ Rakaman CCTV di luar Blok E menunjukkan Gan duduk dalam keadaan tidak bermaya dan tersandar beberapa kali pada dinding.³⁵⁶ Malah, dia berjalan dengan amat perlahan sambil memegang dinding ketika memasuki Blok E.³⁵⁷ Gan juga tidak sempat memasuki sel yang telah ditetapkan untuknya dan telah terbaring semasa dalam perjalanan menuju ke selnya.³⁵⁸
- (d) Gan turut mengadu mengalami kesakitan pada bahagian tulang rusuk kanan kepada TMT lain iaitu IW17 dan Hew Wei Leong (“**IW18**”) semasa sedang terbaring kesakitan di dalam Blok E.³⁵⁹

³⁵² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 215.

³⁵³ Rujuk kepada Ekshibit 24(c) minit ke 2:43:13.

³⁵⁴ Rujuk kepada Ekshibit 24(c) minit ke 2:44:02.

³⁵⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 233.

³⁵⁶ Rujuk kepada Ekshibit 24(e) minit ke 1:54:13.

³⁵⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 236.

³⁵⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 239.

³⁵⁹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 337.

(e) Laporan bedah siasat serta keterangan oleh Pakar Perubatan Forensik iaitu Dr Tan Lii Jye (“IW41”) mengesahkan bahawa Gan mengalami pelbagai kecederaan pada tubuh badan, termasuk luka, lebam dan patah tulang rusuk sehingga ia menusuk ke organ hati. Kecederaan tersebut telah menyebabkan dia kehilangan darah sebanyak 1.4 liter. Laporan bedah siasat turut mengesahkan bahawa punca utama kematian Gan adalah akibat hentakan objek tumpul.³⁶⁰

495. Berdasarkan fakta-fakta di atas, dan bukti mengikut keadaan (*circumstantial evidence*), Panel Inkuiri Awam menyimpulkan bahawa kecederaan yang dialami oleh Gan adalah akibat tindakan kekerasan oleh anggota Penjara Taiping dan seterusnya telah menyebabkan kematian Gan.

496. Dengan ini, didapati bahawa tindakan kekerasan oleh anggota Penjara Taiping telah melanggar **Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan** dan merupakan suatu kesalahan jenayah.

B. Kelewatan dalam memberikan rawatan

497. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa telah berlaku kelewatan dalam pemberian rawatan kepada Gan. Kelewatan ini berlaku pada beberapa peringkat selepas insiden pada 17 Januari 2025 seperti berikut:

(a) Semasa menuju ke Blok E dari Dewan B, Gan jelas menunjukkan tanda-tanda kesakitan ketika berjalan. Namun, tiada sebarang perhatian sewajarnya diberikan oleh anggota yang bertugas;³⁶¹

(b) Semasa di dalam Blok E pula, Gan didapati berada dalam keadaan yang sakit dan semakin kritikal. Rakaman CCTV menunjukkan pada kebanyakan

³⁶⁰ Rujuk kepada Ekshibit 79 dan Nota Prosiding bertarikh 2 September 2025 muka surat 23.

³⁶¹ Rujuk kepada Ekshibit 24(d).

masalahnya Gan terbaring dalam keadaan lemah. Namun begitu, anggota UKP yang bertugas di Blok E tidak mengambil tindakan segera untuk membawa Gan mendapatkan rawatan. Mereka hanya fokus kepada tugas menempatkan TMT ke dalam sel masing-masing. Pada masa yang sama juga, anggota UKP tersebut dilihat duduk sambil berbual sesama mereka dan dengan beberapa orang TMT lain. Setelah didesak oleh IW17 dan IW18, barulah Zaiful Mashadi Zainal Abidin (“**IW33**”) yang merupakan Sarjan Penjara mengarahkan Gan untuk dibawa keluar ke Pintu Besar.³⁶²

- (c) Manakala di Pintu Besar pula, berlaku kelewatan dalam membawa Gan ke Hospital Taiping. Dr Navin Esavik Vikrama (“**IW39**”) menyatakan bahawa masa tindak balas (*response time*) bagi kes kecemasan adalah sekitar 5 minit, dan pada hari kejadian Gan dikatakan telah dihantar ke Hospital Taiping dalam tempoh antara 5 hingga 8 minit sahaja.³⁶³
- (d) Namun, *response time* yang didakwa oleh IW39 adalah bercanggah dengan beberapa keterangan dan bukti lain. Ini kerana menurut IW17, dia bersama IW18 terpaksa menunggu selama lebih kurang 40 minit hingga satu jam sebelum Gan dibawa ke hospital menggunakan van Penjara Taiping.³⁶⁴
- (e) Keterangan saksi TMT iaitu Jeyenthiran Suppiah (“**IW9**”) menunjukkan dia telah melihat Gan berada di Pintu Besar ketika dia tiba di sana.³⁶⁵ Berdasarkan rakaman CCTV berhampiran bilik *scanner*, Gan telah dibawa melalui kawasan tersebut menuju ke Pintu Besar pada minit ke 4:20.³⁶⁶ Manakala IW9 pula dilihat melalui kawasan yang sama pada minit ke 4:42.³⁶⁷ Ini menunjukkan IW9 telah dibawa ke Pintu Besar kira-kira 22 minit selepas

³⁶² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 7 Ogos 2025 muka surat 53.

³⁶³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 118 dan 122.

³⁶⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 293.

³⁶⁵ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 255.

³⁶⁶ Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

³⁶⁷ *Ibid.*

Gan dibawa melalui kawasan tersebut. Menurut IW9 lagi, dia melihat Gan masih berada di Pintu Besar semasa dia menaiki van Penjara Taiping untuk dihantar mendapatkan rawatan.³⁶⁸

- (f) Keterangan IW39 menyatakan bahawa dia telah pergi ke kantin untuk berjumpa dengan Pengarah Penjara Taiping iaitu Nazri Mohamad (“IW1”) selepas Gan dibawa ke Pintu Besar. Rakaman CCTV yang sama menunjukkan IW39 berjalan menuju ke arah kantin pada minit 4:55, iaitu kira-kira 35 minit selepas- Gan dilihat dibawa ke Pintu Besar.³⁶⁹

498. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa telah berlaku kelewatan dalam membawa Gan ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Berdasarkan keterangan serta bukti-bukti yang dikemukakan, adalah disimpulkan bahawa Gan telah berada di Pintu Besar sekurang-kurangnya 35 minit atau lebih lama daripada tempoh tersebut. Ini kerana, Gan hanya dibawa ke hospital selepas IW39 kembali ke Pintu Besar setelah berjumpa dengan IW1 di kantin. Tempoh masa ini jelas tidak selaras dengan tempoh 5 minit *response time* seperti yang didakwa oleh IW39.
499. Panel Inkuiri Awam juga ingin menegaskan bahawa jarak antara Penjara Taiping dan Hospital Taiping adalah sangat berhampiran, iaitu, kira-kira 2 kilometer dan hanya mengambil masa lebih kurang 5-10 minit perjalanan.³⁷⁰ Oleh itu, kelewatan dan tindakan sambil lewa untuk menghantar Gan untuk mendapatkan rawatan oleh anggota penjara dan kakitangan perubatan Penjara Taiping adalah sama sekali tidak boleh diterima dan tidak wajar.
500. Kelewatan dalam membawa Gan ke hospital untuk mendapatkan rawatan merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia serta suatu ketidakpatuhan terhadap beberapa peraturan penting, termasuk-

³⁶⁸ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 12 Jun 2025 muka surat 285.

³⁶⁹ Rujuk kepada Ekshibit 24(c).

³⁷⁰ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 149.

- (a) Peraturan 27 *Nelson Mandela Rules*; dan
- (b) Prinsip 24 *Body of Principles for the Protection of All Persons under Any Form of Detention or Imprisonment*.

C. Kecuaian dalam memberikan rawatan

501. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa telah berlaku kecuaiian apabila Gan tidak diberikan rawatan kecemasan sebelum dihantar ke hospital. Penemuan ini dibuat berdasarkan fakta-fakta berikut:

- (a) Tiada sebarang rawatan awal diberikan semasa Gan berada di dalam Blok E. Meskipun jelas Gan berada dalam keadaan lemah dan menunjukkan tanda-tanda kesakitan, anggota UKP yang bertugas di blok tersebut gagal mengambil sebarang langkah untuk memastikan Gan menerima rawatan kecemasan. Sebaliknya, tanggungjawab untuk menjaga Gan telah dialihkan kepada TMT lain, di mana Leong Wai Kong (“**IW4**”), IW17 dan IW18 telah diarahkan oleh Sarjan Penjara iaitu Azwan Mohammed (“**IW32**”) untuk mengipas Gan.³⁷¹
- (b) Penolong Pegawai Perubatan, Muhamad Fadhil bin Mohamad Yusoff (“**IW38**”) dan IW39 telah memeriksa tanda vital Gan semasa berada di Pintu Besar, namun mereka kemudiannya telah meninggalkan Gan yang dijaga oleh TMT iaitu IW17 dan IW18 tanpa pemantauan kakitangan perubatan. IW38 telah meninggalkan Gan untuk menunaikan solat, manakala IW39 pergi ke kantin untuk berjumpa dengan IW1. Semasa ketiadaan kakitangan perubatan, keadaan Gan menjadi semakin kritikal sehingga menyebabkan TMT terpaksa memberikan “bantuan pernafasan” walaupun mereka tidak mempunyai kemahiran tersebut.³⁷²

³⁷¹ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 10 Jun 2025 muka surat 303.

³⁷² Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2026 muka surat 300-303.

(c) IW39 menyatakan bahawa dia tidak memberikan bantuan oksigen kepada Gan di Pintu Besar kerana tangki oksigen disimpan di Klinik Penjara dan saiznya yang besar menyukarkannya untuk dibawa ke Pintu Besar.³⁷³ Dia turut menyatakan bahawa peralatan *ambu bag* tidak digunakan kerana peralatan tersebut juga disimpan di Klinik Penjara dan akan mengambil masa untuk dibawa ke Pintu Besar.³⁷⁴

502. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam memutuskan bahawa IW38 dan IW39 telah cuai dalam melaksanakan tugas mereka sebagai kakitangan perubatan. IW39 juga telah melanggar *Hippocratic Oath* yang menetapkan etika bagi pengamal perubatan untuk memberikan rawatan kesihatan yang sewajarnya serta menjalankan tugas secara profesional. Tindakan mereka juga merupakan pelanggaran tatatertib di bawah *Code of Professional Conduct 2019* yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.³⁷⁵

503. Selain itu, Penjara Taiping yang merupakan sebuah institusi untuk menjaga tahanan, mempunyai tanggungjawab berhati-hati (*duty of care*) terhadap setiap individu di bawah jagaannya. Panel Inkuiri Awam menyimpulkan bahawa terdapat pengabaian dan kecuaiian perubatan (*medical negligence*) iaitu pelanggaran terhadap tanggungjawab berhati-hati (*breach of duty of care*) oleh anggota penjara serta kakitangan perubatan Penjara Taiping, yang secara langsung menyumbang kepada kematian Gan.

D. Kekurangan kemudahan rawatan kecemasan

504. Panel Inkuiri Awam mendapati bahawa peralatan kesihatan dan kemudahan rawatan di Penjara Taiping adalah tidak mencukupi, khususnya dalam menangani situasi kecemasan. Penemuan ini dibuat berdasarkan fakta-fakta berikut:

³⁷³ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 19 Ogos 2025 muka surat 133.

³⁷⁴ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 20 Ogos 2025 muka surat 82.

³⁷⁵ Part II: Forms of Serious Professional Misconduct - Neglect or Disregard of Professional Responsibilities.

- (a) Ketiadaan pengusung di Blok E menyebabkan Gan terpaksa diangkat oleh IW17 dan IW18 untuk dibawa ke Pintu Besar tanpa menggunakan pengusung, iaitu, dengan seorang mengangkat tangan dan seorang lagi mengangkat kaki. Semasa dalam perjalanan menuju ke Pintu Besar, IW17, atas inisiatif sendiri telah mengambil pengusung dari Blok D;³⁷⁶ dan
- (b) Tiada kemudahan ambulans disediakan di Penjara Taiping. Malah, Jabatan Penjara Malaysia pada masa ini tidak mempunyai sebarang kemudahan ambulans di bawah pengurusannya. Van yang digunakan untuk membawa Gan ke Hospital Taiping tidak mempunyai sebarang kelengkapan perubatan, termasuk peralatan perubatan kecemasan.³⁷⁷

505. Oleh itu, Panel Inkuiri Awam mendapati kekurangan peralatan kesihatan serta kemudahan rawatan kecemasan ini adalah bercanggah dengan **peraturan 24 dan 25 Nelson Mandela Rules**. Keadaan tersebut juga tidak selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan standard penjagaan kesihatan di tempat tahanan adalah setara dengan standard kesihatan awam.

³⁷⁶ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 25 Jun 2025 muka surat 323 dan 339-340.

³⁷⁷ Rujuk kepada Nota Prosiding bertarikh 18 Ogos 2025 muka surat 231.

BAB 7

SYOR PANEL INKUIRI AWAM

506. Selaras dengan perkara yang dinyatakan di dalam Terma Rujukan Inkuiri Awam, iaitu *“memberikan syor yang berkaitan dengan isu-isu yang dikenalpasti agar pelanggaran tersebut tidak berulang”*, Panel Inkuiri Awam telah mengemukakan syor-syor seperti berikut:

A. Mempertingkatkan proses siasatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM)

507. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar pihak PDRM-

- (a) menjalankan siasatan secara berasingan berkenaan tindakan kekerasan oleh anggota penjara terhadap TMT memandangkan siasatan terdahulu hanya menjurus kepada kes kematian Gan sahaja. Pihak PDRM hendaklah memastikan siasatan dijalankan secara telus dan segera tanpa kerenah birokrasi ataupun sebarang keistimewaan memandangkan betapa seriusnya kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan. Lagi pula, anggota Penjara Taiping merupakan penjawat awam yang telah melanggar peraturan dan undang-undang serta hak asasi TMT; dan
- (b) menjalankan siasatan terhadap laporan polis palsu yang dibuat oleh pihak pengurusan dan anggota Penjara Taiping berkenaan insiden yang berlaku.

B. Tindakan undang-undang terhadap anggota Penjara Taiping yang melakukan kekerasan

508. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar tindakan undang-undang diambil terhadap anggota Penjara Taiping yang terlibat dalam perbuatan kekerasan terhadap TMT sehingga menyebabkan kecederaan dan kematian. Tindakan tersebut hendaklah

disiasat dan dipertuduh **dengan segera** tanpa sebarang layanan istimewa atau kekebalan kerana mereka merupakan penjawat awam.

509. Panel Inkuiri Awam berpendapat bahawa tindakan segera adalah amat wajar memandangkan insiden tersebut disokong oleh rakaman CCTV yang merupakan bukti langsung (*direct evidence*) yang jelas menunjukkan berlakunya unsur jenayah dan penggunaan kekerasan terhadap TMT. Selain itu, terdapat keterangan daripada ramai orang saksi yang menyaksikan kejadian tersebut secara langsung. Justeru, tindakan ini perlu diambil demi memastikan keadilan diberikan kepada mangsa dan keluarga mangsa serta menegaskan bahawa tiada mana-mana pihak yang terlepas daripada tanggungjawab undang-undang.

C. Penambahbaikan proses pendakwaan dan penelitian kertas siasatan oleh Jabatan Peguam Negara

510. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar Jabatan Peguam Negara mengambil langkah segera untuk menambah baik proses penelitian kertas siasatan dan membuat keputusan pendakwaan supaya dapat dilaksanakan secara lebih cekap, telus dan dalam tempoh masa yang munasabah.
511. Justeru, Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar satu garis panduan yang jelas diwujudkan berhubung tempoh masa penelitian kertas siasatan dan proses membuat keputusan pendakwaan bagi mengelakkan sebarang kelewatan yang tidak berasas.
512. Panel Inkuiri Awam turut mengesyorkan agar mekanisme penyelarasan antara pihak Pejabat Pendakwaan Negeri dan Jabatan Peguam Negara diperkukuhkan bagi mengurangkan kerenah birokrasi yang boleh melambatkan proses keadilan. Sebarang keperluan untuk mendapatkan arahan atau kelulusan di peringkat Jabatan Peguam Negara hendaklah dilaksanakan secara efisien tanpa menjejaskan hak mangsa dan keluarga mangsa untuk mendapatkan keadilan dalam tempoh yang sewajarnya.

513. Selain itu, kes yang melibatkan penjawat awam hendaklah diberikan perhatian dan keutamaan yang sewajarnya memandangkan ia mempunyai implikasi besar terhadap keyakinan orang awam kepada sistem keadilan negara. Kelewatan yang berpanjangan dalam tindakan pendakwaan berisiko menimbulkan persepsi bahawa wujud layanan berbeza atau kekebalan terhadap penjawat awam yang disiasat, sekali gus menjejaskan prinsip kebertanggungjawaban dan kesamarataan di sisi undang-undang.

D. Tindakan tatatertib terhadap pengurusan dan anggota Penjara Taiping

514. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan supaya tindakan tatatertib juga diambil terhadap-

(a) pihak pengurusan Penjara Taiping khususnya Pengarah Penjara, PKK Nazri bin Mohamad (“**IW1**”), Timbalan Pengarah, PP Shahrul Izzat bin Hamid (“**IW37**”), Timbalan Penguasa Penjara, TPP Khairul Esmail bin Mohd Zawawi (“**IW23**”) dan TPP Teuku Mohd Hasbi bin Tarmizi (“**IW21**”), dan Ketua UKP, KIP Shafzil Azmir bin Mohd Shafie (“**IW20**”) kerana telah gagal mengawal dan menghalang tindakan kekerasan yang dilakukan oleh anggota penjara terhadap TMT; dan

(b) semua anggota penjara yang melakukan kekerasan dan melanggar Akta Penjara 1995 (Akta 537), Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara (PTKJP) Jabatan Penjara Malaysia.

515. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan supaya Jabatan Penjara Malaysia melaksanakan proses tindakan tatatertib dengan segera bagi memastikan kejadian yang berlaku di Penjara Taiping atau mana-mana institusi penjara tidak berulang serta menjadi amaran keras kepada semua anggota agar mematuhi undang-undang dan etika semasa menjalankan tugas.

516. Panel Inkuiri Awam juga menekankan bahawa pemahaman dan pemakaian prinsip *double jeopardy* di bawah Perkara 7(2) Perlembagaan Persekutuan oleh Jabatan Penjara Malaysia, apabila enggan mengambil tindakan tatatertib ke atas anggota

Penjara Taiping yang terlibat, adalah terkhilaf dari segi undang-undang kerana prinsip *double jeopardy* di bawah Perkara 7(2) hanya terpakai kepada tindakan mahkamah sedangkan proses tindakan tatatertib adalah suatu proses pentadbiran untuk mengekalkan disiplin dan integriti perkhidmatan.

517. Panel Inkuiri Awam turut mengesyorkan agar Jabatan Penjara Malaysia memastikan siasatan dalaman berkaitan salah laku dan tindakan tatatertib anggota penjara dilaksanakan dengan segera dan secara adil serta telus tanpa melindungi mana-mana pihak.

E. Menangani masalah kesesakan penjara

518. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan beberapa pendekatan untuk mengatasi masalah kesesakan di penjara secara am yang masih berlarutan sehingga kini, antara lainnya, seperti berikut:

- (a) Menjalankan kajian lebih mendalam mengenai alternatif kepada reman dan pemenjaraan dengan melibatkan badan kehakiman dan agensi kerajaan yang berkenaan;
- (b) Memperkasakan badan kehakiman melalui penambahbaikan sistem pengurusan kes, peningkatan sumber tenaga kerja serta penggunaan teknologi supaya langkah-langkah yang praktikal dan efektif dapat dilaksanakan bagi mengatasi masalah kelewatan dalam perbicaraan; dan
- (c) Mewujudkan satu kementerian yang baharu yang dinamakan Kementerian Keadilan yang berperanan untuk menyelaraskan dan menilai semula keseluruhan rangkaian sistem keadilan jenayah, daripada proses pendakwaan, kehakiman, sehingga pelaksanaan hukuman. Selain itu, Panel Inkuiri Awam juga mengesyorkan supaya penstrukturan Jabatan Penjara Malaysia diletakkan di bawah Kementerian ini, agar pendekatan yang diambil lebih adil, berkesan dan mampan dalam menangani isu kesesakan tahanan di penjara.

F. Penambahbaikan infrastruktur Penjara Taiping

519. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan tindakan yang perlu diambil bagi menangani masalah infrastruktur di Penjara Taiping, adalah seperti berikut:

- (a) Menghapuskan amalan *bucket system* di Penjara Taiping memandangkan ia bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia, menjejaskan kesihatan dan maruah tahanan serta anggota penjara. Amalan ini juga perlu dimansuhkan sepenuhnya di semua institusi penjara;
- (b) Menyalurkan peruntukkan yang mencukupi bagi membaikpulih blok penempatan tahanan yang usang, rosak dan tidak selamat sepertimana yang disyorkan oleh JKR, menjalankan pembaikan dan penyelenggaraan sistem CCTV secara berkala serta mewujudkan pelan yang komprehensif bagi menghadapi bencana alam atau situasi kecemasan;
- (c) Memandangkan status Penjara Taiping sebagai bangunan warisan, dan tidak lagi selamat untuk penempatan banduan, adalah dicadangkan agar pihak Kerajaan membina semula bangunan penjara baharu di tapak yang lain kerana pembaikpulihan bangunan memerlukan kos yang tinggi, tidak praktikal dan tidak ekonomik; dan
- (d) Mewujudkan jawatankuasa pemandu (*steering committee*) yang melibatkan agensi kerajaan dan pihak berkepentingan untuk meneliti dan mengesyorkan penyelesaian terbaik mengenai penambahbaikan infrastruktur dan peruntukan kepada Penjara Taiping serta institusi penjara lain yang mempunyai masalah yang sama. Seterusnya, bagi memastikan pelaksanaan penambahbaikan yang berkesan, jawatankuasa pemandu tersebut hendaklah dipantau secara berterusan oleh satu jawatankuasa bebas seperti Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi.

G. Penambahbaikan pengurusan Penjara Taiping

520. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar pengurusan Penjara Taiping menjalankan pentadbiran dengan lebih efisien dan profesional dalam melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Memberikan latihan secara berkala kepada semua anggota penjara bagi meningkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap SOP dan peraturan Jabatan Penjara Malaysia;
- (b) Memastikan latihan yang disediakan merangkumi pengurusan kesihatan tahanan semasa kecemasan, kawalan emosi, penggunaan senjata dan peraturan-peraturan sedia ada dalam mengawal selia tahanan;
- (c) Memberikan latihan secara berkala kepada semua anggota penjara mengenai prinsip hak asasi manusia bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang piawaian hak asasi manusia; dan
- (d) Memastikan anggota penjara sentiasa mematuhi peraturan dalam melaksanakan tugas kawal selia dan pengurusan tahanan. Ini termasuk menghentikan segala bentuk perbuatan membuli dan layanan yang menjatuhkan maruah seperti 'berjalan itik' dan penggunaan kata-kata kesat.

H. Pengukuhan tadbir urus Jabatan Penjara Malaysia

521. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan supaya Jabatan Penjara Malaysia mengambil langkah-langkah penambahbaikan dalam aspek tadbir urus dan tatakelola seperti berikut:

- (a) Memberi perhatian serta peka terhadap kekangan dan permasalahan yang dihadapi oleh setiap institusi penjara dengan memperkukuh mekanisme pemantauan dan penyelarasan di antara Ibu Pejabat Penjara Malaysia

(“IPPM”) dengan Pejabat Pengarah Penjara Negeri bagi memastikan kekangan tersebut dapat dikenal pasti dan ditangani secara berkesan;

- (b) Memastikan peraturan dan dasar-dasar dapat difahami secara jelas dan dilaksanakan secara konsisten dalam pengoperasian harian di semua peringkat kakitangan di institusi penjara;
- (c) Memastikan setiap anggota yang dilantik untuk jawatan pengurusan dan pentadbiran institusi penjara, memiliki kualiti kepimpinan, pengetahuan yang mendalam dan pengalaman yang luas bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan berintegriti; serta
- (d) Memastikan setiap kekosongan jawatan diisi dengan segera bagi memastikan nisbah anggota penjara yang menjaga tahanan adalah seimbang. Perkara ini dapat melicinkan pengoperasian institusi penjara, mengelakkan bebanan kerja yang berlebihan dan mengurangkan tekanan kepada anggota penjara dalam melaksanakan tugas.

I. Layanan dan hak asasi tahanan

522. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar keperluan asas tahanan perlu dipenuhi secara konsisten, termasuk aspek kebersihan diri dan persekitaran penjara, penyediaan ruang yang mencukupi, serta akses kepada kemudahan asas seperti penggunaan wartel, aktiviti riadah dan keagamaan. Penyediaan kemudahan tersebut hendaklah dilaksanakan secara adil dan tanpa diskriminasi.

J. Penjagaan kesihatan di institusi penjara

Penambahbaikan kemudahan dan peruntukan penjagaan kesihatan

523. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan beberapa penambahbaikan menyeluruh bagi memastikan semua tahanan menerima rawatan perubatan yang sewajarnya seperti berikut:

- (a) Jabatan Penjara Malaysia hendaklah menyediakan peralatan perubatan yang mencukupi termasuk peti pertolongan cemas (*First Aid Kit*), pengusung (*stretcher*) serta kerusi roda (*wheelchair*) di setiap blok penempatan tahanan;
- (b) Klinik penjara hendaklah dilengkapi dengan *Automated External Defibrillator (AED)* dan tong oksigen mudah alih bagi memastikan tindak balas awal terhadap kecemasan perubatan dapat dilaksanakan dengan segera, cekap dan berkesan; dan
- (c) Kementerian Kesihatan Malaysia (“**KKM**”) hendaklah memastikan bahawa kualiti peralatan dan kemudahan yang disediakan adalah mematuhi garis panduan serta piawaian yang ditetapkan setara dengan standard kesihatan awam, sekali gus dapat menjamin kualiti rawatan yang diberikan kepada tahanan.

Keutamaan tanggungjawab profesion perubatan

524. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar Pegawai Perubatan di institusi penjara melaksanakan tanggungjawab dan tugas secara bebas serta menghentikan amalan “*dual loyalty*” yang menjejaskan kebebasan profesionalisme dalam menjaga kesihatan tahanan sebagai pesakit. Pegawai Perubatan juga hendaklah membuat pelaporan kepada KKM secara berkala bagi memastikan pemantauan, pengurusan dan keputusan berkaitan kesihatan tahanan dilaksanakan secara telus dan berkesan.

525. Sehubungan itu, Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar **seksyen 15 Akta Penjara 1995 (Akta 537)** dan **Peraturan 244 Peraturan-Peraturan Penjara 2000** diteliti semula dan dipinda bagi memastikan Pegawai Perubatan yang ditugaskan di institusi

penjara dikawal selia sepenuhnya oleh KKM dan bersifat bebas. Selain itu, KKM juga hendaklah melaksanakan pemantauan berkala terhadap Pegawai Perubatan yang ditempatkan di institusi penjara bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian perkhidmatan kesihatan yang ditetapkan.

Latihan berkala dan pematuhan SOP

526. Panel Inkuiri Awam juga mengesyorkan agar latihan berkala dilaksanakan kepada kakitangan perubatan. Selain itu, SOP bagi rawatan kecemasan hendaklah diwujudkan di setiap institusi penjara dengan penglibatan Pejabat Kesihatan Daerah (“PKD”) dan dipantau oleh KKM. Ini bagi memastikan kecekapan dalam pengendalian penjagaan kesihatan di institusi penjara sentiasa berada pada tahap yang optimum.

Tindakan tatatertib kepada Pegawai Perubatan

527. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar KKM dan Majlis Perubatan Malaysia menjalankan siasatan yang menyeluruh serta mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya terhadap Pegawai Perubatan, Dr. Navin Esavik A/L Vikrama (“IW39”) dan Penolong Pegawai Perubatan, Muhamad Fadhil bin Mohamad Yusof (“IW38”) berhubung kecuaiian serta pelanggaran etika dan tanggungjawab profesional sebagai petugas kesihatan.

K. Pewartaan Penjara Taiping sebagai Bangunan Warisan

528. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar penggunaan Penjara Taiping di tapak sedia ada dikaji semula dengan mengambil kira pewartaan **Penjara Taiping sebagai Bangunan Warisan** dan keadaan infrastruktur semasa, aspek keselamatan bangunan, serta kebajikan tahanan dan anggota penjara yang bertugas.
529. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan bahawa sudah tiba masanya Penjara Taiping yang dibina dalam tahun 1879 dan yang telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan, dihentikan penggunaannya sebagai tempat tahanan dan ditukar kepada muzium atau tapak warisan. Oleh itu, adalah disyorkan agar sebuah penjara baharu dibina di tapak lain bagi menempatkan tahanan dari Penjara Taiping.

L. Meratifikasi UNCAT dan Penggubalan Undang-Undang Anti Penyeksaan

530. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar Kerajaan Malaysia meratifikasikan UNCAT dan menggubal undang-undang yang memperuntukkan secara jelas bahawa sebarang bentuk penyeksaan, termasuk layanan atau hukuman yang tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah sebagai suatu kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau undang-undang khusus yang berasingan.

M. Memperkasakan peranan SUHAKAM

531. Panel Inkuiri Awam mengesyorkan agar pihak Kerajaan memperkasakan SUHAKAM dengan memperkukuhkan kuasa statutori bagi memastikan fungsi pemantauan dan penyiasatan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan. Bagi tujuan tersebut, SUHAKAM hendaklah diberikan kuasa untuk menjalankan pemantauan dan penyiasatan tanpa sekatan, ***pada bila-bila masa serta tanpa keperluan notis awal.*** Ini termasuk akses penuh untuk mendapatkan dokumen dan maklumat yang diperlukan.

PENGHARGAAN

Panel Inkuiri Awam mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan serta komitmen dalam menjayakan Inkuiri Awam ini. Penghargaan khas turut dirakamkan kepada para pemerhati yang telah membantu Panel Inkuiri Awam, iaitu-

- Pemerhati bagi pihak Keluarga Tahanan
- Pemerhati daripada Majlis Peguam Malaysia
- Pemerhati daripada Jabatan Penjara Malaysia

Panel Inkuiri Awam juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua saksi yang telah hadir dan memberikan keterangan kepada Panel Inkuiri Awam sepanjang prosiding pendengaran, serta kepada semua pihak yang telah membantu siasatan awal bagi tujuan Inkuiri Awam ini.

Seterusnya, penghargaan turut diberikan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang pelaksanaan Inkuiri Awam ini, khususnya-

- Kementerian Dalam Negeri
- Jabatan Penjara Malaysia
- Pusat Koreksional Kamunting
- Polis Diraja Malaysia
- Jabatan Kerja Raya Malaysia
- Jabatan Warisan Negara
- Pejabat Pendakwaan Negeri Perak
- Badan Bukan Kerajaan
- Media
- Sekretariat SUHAKAM

Panel Inkuiri Awam merakamkan penghargaan yang tidak terhingga atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan Inkuiri Awam ini.

LAMPIRAN I: SENARAI SAKSI PENDENGARAN

BIL.	NAMA SAKSI	NO. SAKSI	SESI PENDENGARAAN
1.	Penolong Kanan Komisioner (PKK) Nazri bin Mohamad Pengarah Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW1	9 & 11/6/2025
2.	Muhammad Farris bin Zahari Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW2	10/6/2025
3.	Arumugam A/L Kandasamy Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW3	10/6/2025
4.	Leong Wai Kong Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW4	10/6/2025
5.	Inspektor Penjara (IP) Ahmad Kamal bin Abdul Rahman Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW5	11/6/2025
6.	Kumaran A/L Shamugam Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW6	11/6/2025
7.	Santosh Raj A/L Durairaju Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW7	12/6/2025
8.	Aaron Armin Holden Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW8	12/6/2025
9.	Jeyenthiran A/L Suppiah Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW9	12/6/2025
10.	Visvamurthy A/L Apparasamy Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW10	12/6/2025
11.	Leong Hoi Aw Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW11	12 & 26/6/2025
12.	Naveen Kumar A/L Veerapan Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW12	24/6/2025

BIL.	NAMA SAKSI	NO. SAKSI	SESI PENDENGARAAN
13.	Sukheshwaran A/L Thulathihangan Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW13	24/6/2025
14.	Jason Immanuel A/L Puvanesvaran Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW14	24/6/2025
15.	Mohammad Shukrye Zulkifli Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW15	25/6/2025
16.	Harjit Singh A/L Terlok Singh Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW16	25/6/2025
17.	Adam Fong Abdullah Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW17	25/6/2025
18.	Hew Wei Leong Tahanan Mahkamah Tinggi (TMT)	IW18	25/6/2025
19.	Ketua Inspektor Penjara (KIP) Ahmad Shaiful bin Rafie Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW19	8/7/2025
20.	Ketua Inspektor Penjara (KIP) Shafril Azmir bin Mohd Shafie Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW20	8/7/2025
21.	Timbalan Penguasa Penjara (TPP) Teuku Mohd Hasbi bin Tarmizi Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW21	9/7/2025
22.	Sarjan Penjara (SP) Karmegam a/l Kamachi Pillay Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW22	9/7/2025
23.	Timbalan Penguasa Penjara (TPP) Khairul Esmail bin Mohd Zawawi Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW23	10/7/2025

BIL.	NAMA SAKSI	NO. SAKSI	SESI PENDENGARAAN
24.	Wadar Raja Masrul Azam bin Raja Mansor Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW24	10/7/2025
25.	Inspektor Penjara (IP) Muhamad Mustakhim bin Abdul Rahim Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW25	23/7/2025 & 10/9/2025
26.	Sarjan Penjara (SP) Saiful Azman bin Mohamad Ibrahim Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW26	24/7/2025
27.	Inspektor Penjara (IP) Ahmad Rizal bin Razali Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW27	24/7/2025
28.	Sarjan Penjara (SP) Dzulizwar bin Mohd Bakir Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW28	25/7/2025
29.	Ketua Inspektor Penjara (KIP) Ahmad Mohd Hairie Jumri Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW29	25/7/2025
30.	Koperal Penjara (KPL) Zairulazly bin Mohd Napiah Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW30	6/8/2025
31.	Wadar Fazdrul Rosaiman bin Dalves Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW31	6/8/2025
32.	Sarjan Penjara (SP) Azwan bin Mohammed Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW32	6/8/2025

BIL.	NAMA SAKSI	NO. SAKSI	SESI PENDENGARAAN
33.	Sarjan Penjara (SP) Zaiful Mashadi bin Zainal Abidin Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW33	7/8/2025
34.	Sarjan Penjara (SP) Mohd Azahari bin Edris Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW34	7/8/2025
35.	Sarjan Penjara (SP) Khairul Azmeer bin Ibrahim Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW35	7/8/2025
36.	Sarjan Penjara (SP) Mohd Anuar bin Othman Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW36	7/8/2025
37.	Penguasa Penjara (PP) Shahrul Izzat bin Hamid Timbalan Pengarah Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW37	11,12 & 21/8/2025
38.	Muhamad Fadhil bin Mohamad Yusoff Penolong Pegawai Perubatan Penjara Taiping	IW38	18/8/2025
39.	Dr. Navin Esavik A/L Vikrama Pegawai Perubatan Penjara Taiping	IW39	19 & 20/8/2025
40.	Penolong Penguasa Penjara (PPP) Mat Nasir bin Ramli Anggota Penjara Taiping, Jabatan Penjara Malaysia	IW40	21/8/2025
41.	Dr. Tan Lii Jye Pakar Perubatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh, Perak	IW41	2/9/2025
42.	Asistan Superintendan Polis (ASP) Siti Nor Rasyidah binti M. Nadzri Pegawai Penyiasat PDRM, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Taiping, Perak	IW42	2/9/2025

BIL.	NAMA SAKSI	NO. SAKSI	SESI PENDENGARAAN
43.	Surveyor (Sr.) Azlan bin Abdul Azizi Juruukur Bangunan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak	IW43	3/9/2025
44.	Ruzairy bin Arby Pengarah Bahagian Daftar Warisan, Jabatan Warisan Negara (JWN)	IW44	3/9/2025
45.	Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (TKJP) Hafidz bin Othman Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Pengurusan), Jabatan Penjara Malaysia	IW45	3/9/2025
46.	Timbalan Komisioner Penjara (TKP) Fayrouz bin Ahmad Zawawi Pengarah Penjara Negeri Perak, Jabatan Penjara Malaysia	IW46	4/9/2025
47.	Senior Asisten Komisioner Polis (SAC) Luqman bin Abdul Rahman Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (KJSJ) Perak Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak	IW47	10/9/2025
48.	Nor Shah bin Mohamed Setiausaha Bahagian Kepingjaraan, Antidadah dan RELA, Kementerian Dalam Negeri (KDN)	IW48	12/9/2025
49.	Muhammad Zaki bin Abdul Kudus Pengarah Pendakwaan Negeri Perak, Jabatan Peguam Negara	IW49	12/9/2025
50.	Komisioner Jeneral Penjara (KJP) Dato' Abdul Aziz bin Abdul Razak Komisioner Jeneral Penjara, Jabatan Penjara Malaysia	IW50	22/9/2025

LAMPIRAN II: SENARAI EKSHIBIT

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
1.	Ekshibit 1	Pelan Lakar Tempat Kejadian di Penjara Taiping	IW1	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	10/6/2025
2.	Ekshibit 2	Gambar Bangunan Dewan "B" di Penjara Taiping	IW1	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	10/6/2025
3.	Ekshibit 3	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Maheswary A/P Raman iaitu Isteri Saksi bernama Arumugam A/L Kandasamy (IW3) bertarikh 25 Januari 2025	IW3	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	10/6/2025
4.	Ekshibit 4	Gambar Bangunan Blok "E" di Penjara Taiping	IW4	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	10/6/2025
5.	Ekshibit 5(a)	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Kumaran A/L Shamugam (IW6) bertarikh 17 Januari 2025	IW6	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	11/6/2025
6.	Ekshibit 5(b)	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Kumaran A/L Shamugam (IW6) bertarikh 21 Januari 2025	IW6	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	11/6/2025
7.	Ekshibit 6(a)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Thresa A/P Lourdesamy iaitu Isteri Saksi Bernama Kumaran A/L Shamugam (IW6) bertarikh 21 Januari 2025	IW6	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	11/6/2025
8.	Ekshibit 6(b)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Thresa A/P Lourdesamy iaitu Isteri Saksi Bernama Kumaran A/L	IW6	Pegawai Inkuiri SUHAKAM	11/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		Shamugam (IW6) bertarikh 5 Februari 2025		(Muhammad Faiz Abd Rahman)	
9.	Ekshibit 7(a)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7)	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
10.	Ekshibit 7(b)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7)	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
11.	Ekshibit 7(c)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7)	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
12.	Ekshibit 7(d)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7)	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
13.	Ekshibit 8	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7) bertarikh 17 Januari 2025	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
14.	Ekshibit 9	Surat Rujukan ke Klinik/Hospital (Hospital Taiping) bagi Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7) bertarikh 17 Januari 2025	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
15.	Ekshibit 10	Surat Pengesahan dari Hospital Taiping berhubung Senarai Nama yang Menerima Rawatan di Hospital Taiping termasuk Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7) bertarikh 17 Januari 2025	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
16.	Ekshibit 11(a)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Durairaju A/L Rathinam iaitu Bapa Saksi Bernama Santosh Raj	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		A/L Durairaju (IW7) bertarikh 25 Januari 2025			
17.	Ekshibit 11(b)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Durairaju A/L Rathinam iaitu Bapa Saksi Bernama Santosh Raj A/L Durairaju (IW7) bertarikh 5 Februari 2025	IW7	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
18.	Ekshibit 12	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Aaron Armin Holden (IW8) bertarikh 17 Januari 2025 - Melalui pendengaran inkuiri awam, saksi memaklumkan rawatan hanya diterima pada 18 Januari 2025 iaitu bercanggah dengan tarikh di dalam kad perubatan	IW8	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	12/6/2025
19.	Ekshibit 13(a)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Jeyenthiran A/L Suppiah (IW9) - Halaman 1	IW9	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	12/6/2025
20.	Ekshibit 13(b)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Jeyenthiran A/L Suppiah (IW9) - Halaman 2	IW9	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	12/6/2025
21.	Ekshibit 13(c)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Jeyenthiran A/L Suppiah (IW9) - Halaman 3	IW9	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	12/6/2025
22.	Ekshibit 13(d)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Jeyenthiran A/L Suppiah (IW9) - Halaman 4	IW9	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	12/6/2025
23.	Ekshibit 14	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi	IW9	Pegawai Inkuiri SUHAKAM	12/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		Saksi Bernama Jeyenthiran A/L Suppiah (IW9) bertarikh 17 Januari 2025		(Simon Karunagaram)	
24.	Ekshibit 15	Surat Rujukan ke Klinik/Hospital (Hospital Taiping) bagi Saksi Bernama Jeyenthiran A/L Suppiah (IW9) bertarikh 17 Januari 2025 - Melalui pendengaran inkuiri awam, keterangan 'sejarah' menyatakan tahanan cedera kerana jatuh tangga adalah catatan dari Doktor Navin dan saksi terpaksa bersetuju kerana takut akan dipukul lagi.	IW9	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	12/6/2025
25.	Ekshibit 16(a)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) - Halaman 1	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
26.	Ekshibit 16(b)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) - Halaman 2	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
27.	Ekshibit 16(c)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) - Halaman 3	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
28.	Ekshibit 17	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) bertarikh 17 Januari 2025	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
29.	Ekshibit 18	Laporan Pemeriksaan Radiologi di Klinik Kesihatan Taiping bagi Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10)	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
30.	Ekshibit 19	Surat Rujukan ke Hospital Taiping dari Klinik Kesihatan Taiping bagi Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) - Semasa pendengaran inkuiri awam, saksi memaklumkan tarikh janji temu bertindih dengan tarikh hadir ke mahkamah. Selepas menghadiri perbicaraan di Mahkamah Tinggi Ipoh, saksi telah dipindahkan ke Pusat Koreksional Batu Gajah	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
31.	Ekshibit 20	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) bertarikh 6 Februari 2025	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
32.	Ekshibit 21	Catatan Fisioterapi dari Unit Fisioterapi Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) bertarikh 6 Februari 2025	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
33.	Ekshibit 22	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Kanga A/P Apparasamy iaitu Kakak Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) bertarikh 5 Februari 2025	IW10	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	12/6/2025
34.	Ekshibit 23	Surat Rujukan ke Klinik/Hospital (Hospital Taiping) bagi Saksi Bernama Leong Hoi Aw (IW11) bertarikh 22 January 2025	IW11	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	12/6/2025
35.	Ekshibit 24(a)	Rakaman CCTV Inkuiri Awam Ke Atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden Pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping.	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		- Rakaman CCTV Insiden di Dewan Terbuka pada 16 Januari 2025			
36.	Ekshibit 24(b)	Rakaman CCTV Inkuiri Awam Ke Atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden Pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping. - Rakaman CCTV Dewan B pada 17 Januari 2025	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025
37.	Ekshibit 24(c)	Rakaman CCTV Inkuiri Awam Ke Atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden Pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping. - Rakaman CCTV Hadapan Blok B pada 17 Januari 2025	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025
38.	Ekshibit 24(d)	Rakaman CCTV Inkuiri Awam Ke Atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden Pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping. - Rakaman CCTV Laluan ke Blok E pada 17 Januari 2025 (Dari Arah Hadapan)	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025
39.	Ekshibit 24(e)	Rakaman CCTV Inkuiri Awam Ke Atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden Pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping. - Rakaman CCTV Laluan ke Blok E pada 17 Januari 2025 (Dari Arah Belakang)	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025
40.	Ekshibit 24(f)	Rakaman CCTV Inkuiri Awam Ke Atas Pelanggaran Hak Asasi Manusia Semasa dan Selepas Insiden Pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping.	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		- CCTV Blok E pada 17 Januari 2025			
41.	Ekshibit 25(a)	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Naveen Kumar A/L Veerapan (IW12) bertarikh 17 Januari 2025	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025
42.	Ekshibit 25(b)	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Naveen Kumar A/L Veerapan (IW12) tanpa tarikh	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025
43.	Ekshibit 25(c)	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Naveen Kumar A/L Veerapan (IW12) bertarikh 20 Januari 2025	IW12	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/6/2025
44.	Ekshibit 26(a)	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Sukheshwaran A/L Thulathihangan (IW13) bertarikh 22 dan 29 Januari 2025	IW13	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	24/6/2025
45.	Ekshibit 26(b)	Kad Perubatan dan Slip Dikehendaki Hadir untuk Rawatan Kesihatan di Hospital Taiping dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Sukheshwaran A/L Thulathihangan (IW13) bertarikh 31 Januari 2025	IW13	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	24/6/2025
46.	Ekshibit 26(c)	Laporan Perubatan dari Hospital Taiping bagi Saksi Bernama Sukheshwaran A/L Thulathihangan (IW13) bertarikh 31 Januari 2025	IW13	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	24/6/2025
47.	Ekshibit 27	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Thulathihangan A/L Ramasamy iaitu Bapa Saksi	IW13	Pegawai Inkuiri SUHAKAM	24/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		Bernama Sukheshwaran A/L Thulathihangan (IW13) bertarikh 5 Februari 2025		(Muhammad Faiz Abd Rahman)	
48.	Ekshibit 28(a)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Jason Immanuel A/L Puvanesvaran (IW14) - Halaman 1	IW14	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	24/6/2025
49.	Ekshibit 28(b)	Gambar Kecederaan Saksi Bernama Jason Immanuel A/L Puvanesvaran (IW14) - Halaman 2	IW14	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	24/6/2025
50.	Ekshibit 29	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Jason Immanuel A/L Puvanesvaran (IW14) bertarikh 17 dan 22 Januari 2025 serta 12 Februari 2025	IW14	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	24/6/2025
51.	Ekshibit 30(a)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Puvanesvaran A/L Sandaran iaitu Bapa Saksi Bernama Jason Immanuel A/L Puvanesvaran (IW14) bertarikh 21 Januari 2025	IW14	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	24/6/2025
52.	Ekshibit 30(b)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Puvanesvaran A/L Sandaran iaitu Bapa Saksi Bernama Jason Immanuel A/L Puvanesvaran (IW14) bertarikh 5 Februari 2025	IW14	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	24/6/2025
53.	Ekshibit 31	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Mohammad Shukrye Zulkifli (IW15) bertarikh 17 Januari 2025 - Melalui pendengaran inkuiri awam, saksi memaklumkan rawatan hanya diterima hanya pada 18 Januari 2025 iaitu bercanggah	IW15	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	25/6/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		dengan tarikh di dalam kad perubatan			
54.	Ekshibit 32	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Harjit Singh A/L Terlok Singh (IW16) bertarikh 17 dan 26 Januari 2025	IW16	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	25/6/2025
55.	Ekshibit 33(a)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Ravinjeet Kaur A/P Terlok Singh iaitu Kakak Saksi Bernama Harjit Singh A/L Terlok Singh (IW16) bertarikh 25 Januari 2025	IW16	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	25/6/2025
56.	Ekshibit 33(b)	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Kihssen Singh A/L Terlok Singh iaitu Abang Saksi Bernama Harjit Singh A/L Terlok Singh (IW16) bertarikh 5 Februari 2025	IW16	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	25/6/2025
57.	Ekshibit 34(a)	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi tahanan bernama Gan Chin Eng (telah meninggal dunia) bertarikh 17 Januari 2025	IW17	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	25/6/2025
58.	Ekshibit 34(b)	Surat Rujukan ke Hospital Taiping dari Klinik Kesihatan Taiping bagi tahanan bernama Gan Chin Eng (telah meninggal dunia) bertarikh 17 Januari 2025	IW17	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	25/6/2025
59.	Ekshibit 35	Laporan Perubatan dari Klinik Kesihatan Taiping bagi Saksi Bernama Leong Hoi Aw (IW11) bertarikh 10 Februari 2025	IW11	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	26/6/2025
60.	Ekshibit 36	Senarai Tahanan Yang Dipindahkan Dari Pusat Koreksional Batu Gajah ke	IW19	Pegawai Inkuiri SUHAKAM	8/7/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		Penjara Taiping pada 16 Januari 2025		(Simon Karunagaram)	
61.	Ekshibit 37	Senarai Tahanan Yang Dihantar Kembali ke Pusat Koreksional Batu Gajah	IW19	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	8/7/2025
62.	Ekshibit 38	Poket Diari Saksi Bernama Ahmad Shaiful bin Rafie (IW19) pada Tarikh 14 Januari 2025 hingga 19 Januari 2025 - Halaman 1 sehinga Halaman 5	IW19	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	8/7/2025
63.	Ekshibit 39	Slaid Pembentangan Lawatan Panel Inkuiri Awam dan Pemerhati ke Penjara Taiping pada 23 Jun 2025.	IW19	Pemerhati dari Peguam Keluarga (Shashi Devan Thalmalingam)	8/7/2025
64.	Ekshibit 40	Maklumat Peralatan yang digunakan semasa insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025
65.	Ekshibit 41(a)	Gambar Peralatan yang digunakan semasa insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak - <i>Pepper Spray</i>	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025
66.	Ekshibit 41(b)	Gambar Peralatan yang digunakan semasa insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak - Cota Kayu	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025
67.	Ekshibit 41(c)	Gambar Peralatan yang digunakan semasa insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak - Cota T	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
68.	Ekshibit 41(d)	Gambar Peralatan yang digunakan semasa insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak - Tongkat Pegawai	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025
69.	Ekshibit 41(e)	Gambar Peralatan yang digunakan semasa insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak - <i>Body Armor Set</i>	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025
70.	Exhibit 41(f)	Gambar Peralatan yang digunakan semasa insiden pada 17 Januari 2025 di Penjara Taiping, Perak - <i>Riot Shield</i>	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025
71.	Ekshibit 42	Poket Diari Saksi Bernama Shafril Azmir bin Mohd Shafie (IW20) pada Tarikh 17 Januari 2025 hingga 21 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 2	IW20	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	8/7/2025
72.	Ekshibit 43	Poket Diari Saksi Bernama Karmegam A/L Kamachi Pillay (IW22) pada Tarikh 10 Januari 2025 hingga 17 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 5	IW22	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	9/7/2025
73.	Ekshibit 44	Poket Diari Saksi Bernama Khairul Esmail bin Mohd Zawawi (IW23) pada Tarikh 15 Januari 2025 hingga 18 Januari 2025 - Halaman 1	IW23	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	10/7/2025
74.	Ekshibit 45	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Khairul Esmail bin Mohd Zawawi (IW23) bertarikh 17 Januari 2025	IW23	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	10/7/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
75.	Ekshibit 46	Poket Diari Saksi Bernama Raja Masrul Azam bin Raja Mansor (IW24) pada Tarikh 16 Januari 2025 hingga 18 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 4	IW24	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	10/7/2025
76.	Ekshibit 47	Poket Diari Saksi Bernama Saiful Azman bin Mohamad Ibrahim (IW26) pada Tarikh 16 Januari 2025 hingga 17 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 2	IW26	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	24/7/2025
77.	Ekshibit 48	Laporan Polis berkenaan insiden pada 16 Januari 2025 yang telah dibuat oleh Ahmad Rizal bin Razali (IW27) bertarikh 17 Januari 2025	IW27	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/7/2025
78.	Ekshibit 49	Surat Pengesahan Rawatan Psikiatri dari Hospital Taiping kepada Pengarah Pusat Koreksional Kamunting bagi Saksi Bernama Ahmad Rizal bin Razali (IW27) bertarikh 10 Jun 2025	IW27	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/7/2025
79.	Ekshibit 50	Surat Perakuan Pegawai Perubatan dari Klinik Kesihatan Taiping berkenaan Rawatan Psikiatri (Susulan) bagi Saksi Bernama Ahmad Rizal bin Razali (IW27) bertarikh 22 Julai 2025	IW27	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/7/2025
80.	Ekshibit 51	Laporan Polis berkenaan insiden pada 17 Januari 2025 yang telah dibuat oleh Ahmad Rizal bin Razali (IW27) bertarikh 17 Januari 2025	IW27	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	24/7/2025
81.	Ekshibit 52	Poket Diari Saksi Bernama Dzulizwar bin Mohd Bakir (IW28) pada Tarikh 15 Januari 2025 hingga 21 Januari 2025	IW28	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	25/7/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		- Halaman 1 hingga Halaman 3			
82.	Ekshibit 53	Kronologi Laporan Kerosakan Blok B dan Blok E oleh Saksi Bernama Mohd Hairie Jumri (IW29) - Halaman 1 hingga Halaman 8	IW29	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	25/7/2025
83.	Ekshibit 54	Laporan Pemeriksaan Kerosakan Bangunan Blok E Penjara Taiping, Taiping, Perak daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak oleh Saksi Bernama Mohd Hairie Jumri (IW29) bertarikh 21 Oktober 2024 - Halaman 1 hingga Halaman 58	IW29	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	25/7/2025
84.	Ekshibit 55	Poket Diari Saksi Bernama Mohd Hairie Jumri (IW29) pada Tarikh 15 Januari 2025 hingga 21 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 4	IW29	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	25/7/2025
85.	Ekshibit 56	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Saksi bernama Jeyenthiran a/l Suppiah (IW9) bertarikh 18 Jun 2025	-	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	6/8/2025
86.	Ekshibit 57	Surat Maklum Balas daripada IPPM berhubung maklumat Anggota Pengiring yang mengiringi Saksi IW9 ke Hospital Taiping pada 17 Januari 2025	IW30	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	6/8/2025
87.	Ekshibit 58	Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bil E 126 (Tatacara Menggunakan <i>Paper Spray</i> dan Cota Semasa Bertugas) - Halaman 1 hingga Halaman 9	-	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	7/8/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
88.	Ekshibit 59	Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bil E 104 (Peraturan berkaitan Penggunaan Buku Nota (<i>Pocket Diary</i>)) - Halaman 1 hingga Halaman 4	-	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	7/8/2025
89.	Ekshibit 60	Laporan Polis yang telah dibuat oleh Saksi bernama Khairol Azmeer bin Ibrahim (IW35) bertarikh 17 Januari 2025	IW35	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	7/8/2025
90.	Ekshibit 61	Poket Diari Saksi Bernama Mohd Anuar bin Othman (IW36) pada Tarikh 7 Januari 2025 hingga 17 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 3	IW36	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Aida Suraya Haron)	7/8/2025
91.	Ekshibit 62	Laporan Perubatan bagi tahanan bernama Gan Chin Eng (telah meninggal dunia) bertarikh 7 Februari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 2	IW35	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	7/8/2025
92.	Ekshibit 63	Surat Kelulusan Memindahkan 108 orang Banduan Reman TMT dari Pusat Koreksional Batu Gajah, Perak ke Penjara Taiping, Perak - Halaman 1 hingga Halaman 6	IW37	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	11 & 12/8/2025
93.	Ekshibit 64	Poket Diari Saksi Bernama Shahrul Izzat bin Hamid (IW37) pada Tarikh 4 Januari 2025 hingga 19 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 5	IW37	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	11 & 12/8/2025
94.	Ekshibit 65	Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bil E 334 (Tatacara Mencegah dan Bertindak Dalam	IW37	Pegawai Inkuiri SUHAKAM	11 & 12/8/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		Menghadapi Serangan Banduan ke atas Anggota Penjara) - Halaman 1 hingga Halaman 16		(Muhammad Faiz Abd Rahman)	
95.	Ekshibit 66	Surat Penjara Taiping ke JKR Perak berhubung Kecacatan Perkakasan serta laithan kepada pengurus serta operator sistem bagi projek SKEB Penjara Taiping bertarikh 18 November 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 5	IW37	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	11 & 12/8/2025
96.	Ekshibit 67	Surat Maklum Balas daripada IPPM berhubung Tindakan susulan selepas pendengaran inkuiri awam SUHAKAM pada 8 sehingga 10 Julai 2025 bertarikh 28 Julai 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 3	IW37	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	11 & 12/8/2025
97.	Ekshibit 68	Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bil E 406 (Pengurusan Laporan Kejadian Luar Biasa di Institusi Penjara Malaysia) - Halaman 1 hingga Halaman 13	IW37	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	11 & 12/8/2025
98.	Ekshibit 69	Surat Jabatan Warisan Negara (JWN) berhubung Permohonan Semakan Status Daftar Bangunan Warisan bagi Institusi di Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri - Halaman 1 hingga Halaman 4	IW37	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	11 & 12/8/2025
99.	Ekshibit 70	Garis Panduan Pengurusan Klinik Penjara (Lampiran GPPKP 2) berhubung Tugas dan Tanggungjawab Penolong Pegawai Perubatan	IW38	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	18/8/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		- Halaman 1 hingga Halaman 2			
100.	Ekshibit 71	Surat Penjara Taiping kepada Pengarah Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Penjara, IPPM berhubung Laporan Bulanan Ujian Air Kencing Banduan Tahanan / Penghuni Penjara Taiping - Halaman 1 hingga Halaman 11	IW38	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	18/8/2025
101.	Ekshibit 71 (NEW)	Surat Penjara Taiping kepada Pengarah Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Penjara, IPPM berhubung Laporan Bulanan Ujian Air Kencing Banduan Tahanan / Penghuni Penjara Taiping - Halaman 1 hingga Halaman 11 - Diganti dengan dokumen lengkap pada 22/9/2025)	IW50	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	22/9/2025
102.	Ekshibit 72	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Visvamurthy A/L Apparasamy (IW10) bertarikh 23 Januari 2025 dan 20 Februari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 6	IW38	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	18/8/2025
103.	Ekshibit 73	Kad Perubatan dan Rekod Perubatan dari Klinik Penjara bagi Saksi Bernama Leong Hoi Aw (IW11) bertarikh 17 & 22 Januari 2025 - Halaman 1 hingga Halaman 3	IW38	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	18/8/2025
104.	Ekshibit 74	Surat Rujukan ke Klinik/Hospital (Hospital Taiping) bagi Saksi Bernama Leong Hoi Aw (IW11) bertarikh 10 Februari 2025	IW38	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	18/8/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
105.	Ekshibit 75	Garis Panduan Pengurusan Klinik Penjara (Lampiran GPPKP 1) berhubung Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Perubatan - Halaman 1 hingga Halaman 3	IW39	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Sheril Aina Ahmad Salihin)	19/8/2025
106.	Ekshibit 76	Garis Panduan Pengurusan Klinik Penjara berhubung Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan Penghuni - Halaman 10	IW39	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Sheril Aina Ahmad Salihin)	19/8/2025
107.	Ekshibit 77	Garis Panduan <i>Managing Multiple Patient</i> – Kursus Perawatan Pra Hospital	IW39	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Sheril Aina Ahmad Salihin)	19/8/2025
108.	Ekshibit 78	<i>World Medical Association (WMA) Declaration of Geneva</i> - <i>Hippocratic Oath</i>	IW39	Pemerhati dari Bar Council (Kavitha Sitartha)	20/8/2025
109.	Ekshibit 79	Laporan Bedah Siasat Penama bernama Gan Chin Eng di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak - Halaman 1 hingga Halaman 6	IW41	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Abdul Rahman Abdullah)	2/9/2025
110.	Ekshibit 80	Gambar Bedah Siasat ke atas Gan Chin Eng beserta label - Halaman 1 hingga Halaman 7	IW41	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Abdul Rahman Abdullah)	2/9/2025
111.	Ekshibit 81	Gambar Bedah Siasat ke atas Gan Chin Eng keseluruhan - 112 gambar	IW41	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Abdul Rahman Abdullah)	2/9/2025
112.	Ekshibit 82	Laporan Kimia ke atas Gan Chin Eng dari Jabatan Kimia Malaysia - Halaman 1 hingga Halaman 2	IW41	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Abdul Rahman Abdullah)	2/9/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
113.	Ekshibit 83	Surat Memohon Bantuan Perkhidmantan Perubatan Forensik bagi mengendalikan Bedah Siasat di Hospital Raja Permaisuri Bainun bagi penama Bernama Gan Chin Eng - Halaman 1 hingga Halaman 7	IW41	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	2/9/2025
114.	Ekshibit 84(a)	<i>Act 593 - Criminal Procedure Code</i> - Halaman 1 hingga Halaman 8	IW41	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Sheril Aina Ahmad Salihin)	2/9/2025
115.	Ekshibit 84(b)	Arahan Amalan Bil 2 Tahun 2019 Pengendalian Laporan Mati Mengejut dan Siasatan Kematian oleh Mahkamah Sesyen Koroner - Halaman 1 hingga Halaman 16	IW41	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Sheril Aina Ahmad Salihin)	2/9/2025
116.	Ekshibit 85	Surat Maklum Balas daripada IPD Taiping berhubung Siasatan Aduan terhadap Laporan Polis - Halaman 1 hingga Halaman 2	IW42	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Abdul Rahman Abdullah)	2/9/2025
117.	Ekshibit 86	Garis Panduan Pemeriksaan dan Penilaian Keadaan Bangunan Sedia Ada Halaman 1 hingga Halaman 110	IW43	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	3/9/2025
118.	Ekshibit 87(a)	Gambar Tong 'Bucket Sytem' yang digunakan oleh tahanan di Penjara Taiping, Perak - <i>Portable Toilet</i>	IW43	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	3/9/2025
119.	Ekshibit 87(b)	Gambar Tangki Septik yang digunakan oleh tahanan di Penjara Taiping, Perak	IW43	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	3/9/2025
120.	Ekshibit 88	Warta Kerajaan Persekutuan berhubung Notis Penetapan	IW44	Pegawai Undang-Undang	3/9/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
		Tapak Sebagai Tapak Warisan bertarikh 21 September 2012		Jabatan Warisan Negara (Siti Ruvinna Mohd Rawi)	
121.	Ekshibit 89(a)	Surat Permohonan Status Penjara Taiping di bawah Akta Warisan Negara 2005 oleh Jabatan Penjara Malaysia kepada Jabatan Warisan Negara bertarikh 10 Januari 2019	IW44	Pegawai Undang-Undang Jabatan Warisan Negara (Siti Ruvinna Mohd Rawi)	3/9/2025
122.	Ekshibit 89(b)	Surat Maklum Balas berhubung Permohonan Status Penjara Taiping di bawah Akta Warisan Negara 2005 oleh Jabatan Warisan Negara kepada Jabatan Penjara Malaysia bertarikh 24 Januari 2019	IW44	Pegawai Undang-Undang Jabatan Warisan Negara (Siti Ruvinna Mohd Rawi)	3/9/2025
123.	Ekshibit 90	Pelan Lantai Tapak Penjara Taiping oleh Jabatan Warisan Negara - Halaman 1 hingga Halaman 2	IW44	Pegawai Undang-Undang Jabatan Warisan Negara (Siti Ruvinna Mohd Rawi)	3/9/2025
124.	Ekshibit 91	Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bil F3/002 (Garis Panduan Melaksanakan Ujian Air Kencing) - Halaman 1 hingga Halaman 14	IW25	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Muhammad Faiz Abd Rahman)	10/9/2025
125.	Ekshibit 92	Surat Permohonan Bagi Menyegerakan Bengkel Berkaitan Perancangan Mengekalkan Sebahagian Bangunan Warisan Dalam Pelaksanaan Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina Kompleks Penjara Pulau Pinang oleh Jabatan Penjara Malaysia kepada Pesuruhjaya Warisan Negeri Pulau Pinang Bertarikh 12 September 2025	IW50	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	22/9/2025

BIL.	NO. / EKSHIBIT / ID	PERKARA	SAKSI	DIKEMUKAKAN MELALUI	TARIKH PENYERAHAN
126.	Ekshibit 93	Kenyataan Media Jabatan Penjara Malaysia – Kes Kejadian Provokasi Prospek Di Penjara Taiping bertarikh 27 Januari 2025	IW50	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	22/9/2025
127.	Ekshibit 94	Surat Maklum Balas Tindakan Susulan Dari Jabatan Penjara Malaysia Selepas Pendengaran Inkuiri Awam SUHAKAM oleh Jabatan Penjara Malaysia kepada Setiausaha SUHAKAM bertarikh 17 September 2025	IW50	Pegawai Inkuiri SUHAKAM (Simon Karunagaram)	22/9/2025